

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 48	Isnin	15 Oktober 2012
----------------	--------------	------------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2013	(Halaman 28)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 25)
Usul Anggaran Pembangunan 2013	(Halaman 28)

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT**

Isnin, 15 Oktober 2012

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]** minta Menteri Pertahanan menyatakan:-
- (a) projek atau program yang dilaksanakan melalui pendekatan "*Blue Ocean Strategy*", dan
 - (b) kesan terhadap kewangan kementerian, rakyat dan apa perancangan seterusnya.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, projek yang dilaksanakan melalui pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan, *National Blue Ocean Strategy – NBOS* serta diterajui oleh Kementerian Pertahanan adalah Program Pemulihan Pemasarakatan – PPP, 3P. Di dalam program 3P ini, Kementerian Pertahanan bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri bagi membina lima buah penjara mini di dalam kem tentera darat bagi menempatkan sejumlah pesalah undang-undang bertujuan mengintegrasikan mereka kembali ke pangkuan masyarakat melalui program rehabilitasi yang dirangka oleh Jabatan Penjara Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan juga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Selain itu, PPP juga bertujuan untuk mengurangkan kadar *recidivist* iaitu kemasukan berulang dari kalangan banduan atau orang yang diselia ke dalam penjara dan ia juga selaras dengan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) untuk mengurangkan kadar jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pendekatan NBOS, Kementerian Pertahanan telah bekerjasama dengan kementerian-kementerian lain dan agensi kerajaan dalam melaksanakan serta menjayakan beberapa program seperti, sebagai contoh program latihan rekrut anggota Polis Diraja Malaysia menggunakan kemudahan ATM di PUSASDAR dan pusat latihan rekrut, program pengambilan bekas tentera berkhidmat semula ke dalam PDRM, program rondaan bersama ATM dan PDRM, program bantuan rumah, program bekalan air luar bandar dan lain-lain. Pelaksanaan NBOS antara Kementerian Pertahanan dengan kementerian dan agensi kerajaan yang lain banyak menguntungkan pihak kerajaan terutama dari aspek perbelanjaan kewangan. Program pengisian ini dirancang, dijangka dapat membina impak positif jangka panjang kepada rakyat dan perbelanjaan wang awam secara efisien dan bersifat kos efektif. Terima kasih.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya hendak ucapkan penghargaan, terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas pendekatan baru ini dan juga tahniah kepada kementerian kerana mewujudkan jalinan kerjasama antara kementerian. Akhirnya kita dapat lihat kesan penggunaan wang awam yang begitu efisien dan efektif.

Justeru itu, sebagai soalan tambahan saya, bolehkah pihak kementerian memaklumkan apakah program-program baru yang hendak dilakukan dalam perkara ini. Di bawah Strategi Laut Biru Kebangsaan ini yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan di bawah program pemulihan pemyarakatan ini, berapakah penjimatan kos yang dijamin oleh kerajaan dari segi aspek pembangunan prasarana dan juga pembinaan penjara baru. Kemudian, sebagai tanggungjawab besar Kementerian Pertahanan, apakah di bawah program-program ini, ia dapat membantu untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kementerian terutama sekali dalam aspek penjagaan keselamatan negara? Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Mengikut pakar kajian jenayah atau *criminology*, membina penjara ini ada paradoks Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita bina lagi banyak penjara, lebih ramai orang masuk penjara, itu paradoksnya. Berlainan dengan jika kita bina hospital, sebenarnya makin kurang orang masuk hospital. Jadi sebab itu bila kita dapati hospital-hospital baru yang dibina, biasanya ia mengambil masa untuk dapatkan BOR dengan izin, *bed occupancy rate* yang tinggi.

■ 1010

Program PPP ini adalah satu program yang berasaskan kepada *evidence* atau data di mana di negara-negara maju, statistik menunjukkan bahawa jika kita kumpulkan semua banduan yang membuat kesalahan berat umpamanya membunuh, merogol atau peliwat kita satukan dia dengan satu gerombolan banduan yang mempunyai kesalahan-kesalahan ringan umpamanya mencopet atau ragut. Jika kita satukan selepas mereka menjalani hukuman, peratusan untuk mereka melakukan jenayah yang lebih berat akan lebih tinggi. Jadi, atas dasar dan data tersebut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam merangka NKRA khusus mengurangkan jenayah khususnya jenayah jalan (*street crime*).

Kalau kita pisahkan ini dan didapati bahawa kadar pemulihan lebih cepat, kadar penerimaan keluarga dan masyarakat juga lebih baik dan dari sudut keuntungan kerajaan, kalau kita bina penjara satu katil kita akan belanja antara RM100,000 ke RM200,000 satu katil. Kalau hospital, RM1.2 juta ke RM1.4 juta satu katil. Akan tetapi bila kita bina penjara dalam kem tentera untuk tempatkan 200 banduan yang kesalahannya kesalahan-kesalahan ringan, kita hanya belanja RM3.5 juta, itu satu. Maknanya kita sudah jimatkan wang awam lebih daripada tidak sampai 5%. Kita boleh *save* 95%.

Kedua, kerja-kerja kem yang biasanya kita *outsource* atau *contract out* umpamanya memesin rumput yang kita belanja antara RM3 juta untuk tiga tahun umpamanya. Ini sudah tidak lagi dilakukan oleh kontraktor tetapi dilakukan oleh banduan. Dan yang paling penting sekali kita

sedang menunggu statistik *outcome*, berapa ramai sekarang ini yang kita sudah masukkan dan mereka sudah keluar daripada PPP ini sebanyak semua sekali melibatkan 3,000 banduan berbanding dengan banduan yang diurus oleh Jabatan Penjara. Kalau ikut statistik mutakhir, peluang untuk 10 orang keluar daripada penjara, dua orang akan balik semula masuk penjara kerana melakukan kesalahan. Akan tetapi dengan pendekatan ini, kita menjangkakan bahawa kita *follow up* mereka setakat ini ramai di antara mereka sudah kembali kepada masyarakat dan bekerja sendiri. Mereka membentuk satu peribadi yang tinggi dan mereka tidak lagi melakukan jenayah-jenayah ini. Terima kasih.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, adakah *Blue Ocean Strategy* ini sebahagian daripada dalam Dasar Pertahanan Negara dan kedua, adakah ini telah membebaskan Angkatan Tentera Malaysia dengan tugas-tugas yang sebenarnya tugas kepolisan? So, adakah kita campur kedua-dua isu ini dan bebaskan ATM? Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Tidak beban Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua dahulu bekas pegawai tinggi polis. Sebenarnya yang uruskan banduan ini bukan askar atau tentera. Yang uruskan semua pengurusan ini kita kena bagi pada ulama, orang yang berilmu. Orang yang berilmu menguruskan hal-hal banduan ini adalah Jabatan Penjara. Jadi penjaranya sahaja dalam kem, urusan semua adalah Jabatan Penjara urus. Dia tidak ganggu pun polisi serta dasar-dasar pertahanan negara. Kalau ada pun kita hanya tambah nilai sedikit. Umpamanya kita ada KAGAT kor agama untuk tambahkan nilai-nilai spiritual atau nilai-nilai spiritual daripada agama-agama lain kita juga benarkan mereka masuk untuk berinteraksi dengan banduan. Jadi sebenarnya ia tidak ganggu langsung strategi dan sebenarnya Malaysialah negara pertama dalam dunia yang ada penjara dalam kem. Terima kasih.

2. Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan:-

- (a) tarif terkini elektrik untuk semua kategori pengguna; dan
- (b) bila dan bagaimana pelarasan tarif dilakukan oleh TNB dan nyatakan tahun pelarasan dilakukan.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Noriah binti Kasnon]: *Walaikumussalam warahmatullaahi wabarakaatuh* Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Padang Terap. Tuan Yang di-Pertua, purata kadar tarif elektrik di Semenanjung Malaysia pada ketika ini ialah RM33.54 sekilowatt jam yang mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2011. Purata kadar tarif berdasarkan kategori pengguna pula adalah seperti berikut:-

- (i) 28.63 sen per kilowatt jam bagi pengguna domestik;
- (ii) 41.01 sen per kilowatt jam bagi pengguna komersial; dan

- (iii) 30.94 sen per kilowatt jam bagi pengguna industri.

Penetapan dan pelarasan tarif elektrik dilaksanakan dengan mengambil kira faktor-faktor seperti berikut:-

- (i) kos pembayaran kapasiti dan tenaga kepada penjana bebas;
- (ii) kos operasi dan penyelenggaraan;
- (iii) kos pembangunan infrastruktur penjanaaan, penghantaran dan pembahagian elektrik;
- (iv) kos bahan api, inflasi dan turut mengambil kira pencapaian TNB dalam meningkatkan kecekapan dan prestasi pembekalan elektrik sebagaimana yang terkandung dalam prestasi sasaran KPI nya seperti SAIDI, *unplanned outage rate* dengan izin dan lain-lain.

Pelarasan tarif elektrik yang telah dilakukan sejak tahun 2006 adalah seperti berikut:-

- (i) pada 1 Jun 2006, kadar purata tarif elektrik adalah 26.2 sen per kilowatt jam dan ini merupakan kenaikan sebanyak 12%;
- (ii) pada 1 Julai 2008, kadar purata tarif 32.50 sen per kilowatt jam yang melihat kenaikan sebanyak 24%;
- (iii) pada 1 Mac 2009 kadar purata tarif pada 31.31 sen dan membuktikan penurunan sebanyak 3.7%; dan
- (iv) pada 1 Jun 2011 kadar purata tarif pada 33.54 sen yang melihat kenaikan sebanyak 7.12% dan berkuat kuasa sehingga kini.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jawapan yang diberikan menunjukkan ada trend kenaikan tarif ini kecuali ada satu tahun tadi yang diberitahu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, di antara kos yang disebut tadi ialah kos untuk perundingan dengan IPP, kos yang berkaitan dengan penghantaran pembahagian elektrik. Jadi, adakah pihak kementerian bercadang untuk merungkaikan monopoli terhadap penghantaran dan juga pembahagian tenaga ini yang sekarang memang dipegang hanya oleh TNB sahaja.

Saya ingat kemungkinan dia akan menurunkan tarif pada masa akan datang kerana penghantaran dan pembahagian tenaga ini dimonopoli oleh TNB. Tidak dibuka kepada syarikat-syarikat yang lain sebagai tanda persaingan ataupun membuka kepada persaingan.

■1020

Saya ingin tanya juga yang berkaitan apa yang disebutkan sebagai JMB menjana tenaga ataupun IPP menjana tenaga adalah satu sumbernya adalah arang batu dan TNB ada satu syarikat TNB Fuel dan IPP atau mana-mana penjana tenaga mesti mengambil arang batu melalui

syarikat ini. Soalan saya kenapakah pihak TNB perlu menggunakan orang tengah untuk mendapatkan bekalan arang batu dan diambil ataupun dibeli oleh syarikat-syarikat yang menjana tenaga dan sudah tentu ini memberikan ataupun menyebabkan kita tidak boleh mengawal tarif ini daripada terus naik pada masa akan datang, terima kasih.

Dato' Noriah binti Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat Padang Terap. Yang Berhormat, walaupun sektor industri tenaga elektrik ini bolehlah dikatakan monopoli tetapi pihak kerajaan sudah pun membuka kepada penjana-penjana bebas sejak daripada 90-an kerana kekangan penjanaan tetapi Yang Berhormat, kerajaan mempunyai kaedah-kaedah dan juga alternatif untuk memastikan tarif ini kita kawal supaya tidak terlalu memberikan beban kepada pengguna. Saya kira tanpa kita mengikut kepada kos sebenar penjanaan bahan api, maka pihak pengguna pada hari ini dapat satu tarif elektrik pada kadar yang masih rendah, masih berupaya untuk dijelaskan, munasabah walaupun pada masa akan datang kita sentiasa akan membuat kajian dari semasa ke semasa bergantung kepada elemen-elemen yang saya sebutkan sebentar tadi Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Saya tanya bukan penjanaan, saya tanya pembahagian dan penghantaran, kenapa dimonopoli oleh TNB?

Dato' Noriah binti Kasnon: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kalau tadi ada mengatakan bahawa TNB memonopoli kesemuanya, sebenarnya Tuan Yang di-Pertua pihak kerajaan sudah pun mula membuka secara ICB ataupun *International Competitive Bidding* termasuklah yang terbaru ini pada Prai, misalnya dan lebih daripada 40 buah syarikat memasukkan tender dan pastinya kerajaan ataupun Suruhanjaya Tenaga akan memilih syarikat yang paling layak mengambil kira banyak faktor bagi memastikan sektor pembekalan tenaga elektrik itu stabil dan dapat menyediakan bekalan seperti yang dikehendaki oleh pengguna dan masih pada harga yang mampu ataupun boleh mendatangkan keuntungan juga kepada operator.

Yang Berhormat, tentang arang batu tadi, walaupun kita dengan kekangan kepada bekalan gas dan pihak TNB banyak beralih kepada arang batu, apa yang saya dimaklumkan Yang Berhormat bahawa bekalan-bekalan arang batu ini juga dibuka untuk tender oleh TNB dan akan mengambil bida yang paling layak dengan harga yang paling kompetitif, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, dari segi kadar tarif terutamanya bagi negeri Sabah. Kita tahu pada beberapa bulan yang lepas terutamanya seperti di kawasan saya sendiri ada bantahan daripada masyarakat setempat. Saya ingin tahu dari segi kadar tetap untuk kadar tarif di Sabah, di samping apakah usaha yang telah diambil oleh kerajaan terutamanya kementerian ini tentang gantian kepada jana kuasa arang batu yang telah pun kita batalkan untuk pembinaan bekalan elektrik di kawasan Pantai Timur Negeri Sabah terutamanya di kawasan Parlimen Silam yang terletak di Lahad Datu. Terima kasih dan mohon jawapan.

Dato' Noriah binti Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat Silam. Tuan Yang di-Pertua, kita memang sudah sedia maklum Tuan Yang di-Pertua pada setiap kali kerajaan melaksanakan kajian dan juga penyelarasan semula sama ada kenaikan ataupun penurunan tarif elektrik pastinya akan ada suara-suara bantahan, suara-suara tidak berpuas hati dan ia adalah lazim Yang Berhormat. Cuma apa yang kita laksanakan adalah memberikan penjelasan kepada rasional, ataupun penjelasan mengapa ia kadang-kadang perlu dinaikkan, perlu diturunkan dan sebagainya dengan mengambil kira juga elemen-elemen atau faktor-faktor yang telah saya sebutkan sebentar tadi.

Sebenarnya untuk pengguna-pengguna di Sabah Tuan Yang di-Pertua, kadar tarif berbeza daripada di Semenanjung dari segi pelarasan ataupun kenaikan harga itu lagi lambat maknanya di Semenanjung sudah naik beberapa kali tetapi di Sabah kita masih lagi mengambil kira banyak faktor. Seperti pada Jun 2011 apabila Semenanjung menaikkan harga kadar elektrik di sini, ia tidak naik di Sabah. Cuma pada tahun ini sahaja kita melaksanakan kenaikan yang juga masih lagi jauh lebih rendah daripada kos penjanaan, penghantaran dan pembahagian Tuan Yang di-Pertua.

Begitu juga dengan di kawasan Silam, sudah beberapa kali kita ingin melaksanakan ataupun membina *power plant* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua yang sesuai kepada rakyat khususnya di sekitar Silam, Tawau dan sebagainya, namun masih juga terdapat bantahan-bantahan walaupun kita menggunakan, kita bercadang menggunakan *clean coal* dengan izin, sebagaimana yang banyak *power plant* yang menggunakan teknologi *clean coal* di Semenanjung tetapi masih juga tidak diterima di Sabah. Itulah sebabnya saya kira sedikit sebanyak mengekang bekalan yang lebih stabil di Sabah khususnya di Pantai Barat. *Insya-Allah* kita di dalam proses memberikan perhatian-perhatian termasuklah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang kita akan laksanakan di sebelah Sabah Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, boleh pohon soalan tambahan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat.

3. Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan keberkesanan operasi yang dijalankan oleh kementerian bagi membendung lambakan GRO (*guest relations officer*) di Labuan dan usaha bersepadu bagi menurunkan kadar kemasukan pekerja GRO daripada membanjiri Pulau Labuan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Labuan yang mengemukakan pertanyaan. Untuk makluman Yang Berhormat, Wilayah Persekutuan Labuan adalah satu-satunya wilayah di Malaysia yang memberikan kemudahan pas lawatan kerja sementara atau PLKS kepada pelayan-pelayan wanita atau *guest relation officer* (GRO) di pusat-pusat hiburan selaras dengan Pekeliling Imigresen Malaysia Terhad Bilangan 2, Tahun 2005.

Pemberian kuota dan pengeluaran PLKS kepada GRO adalah terhad dan terkawal dan di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Pengambilan Pekerja Asing Wilayah Persekutuan Labuan. Statistik pada 11 September 2012 menunjukkan terdapat 250 GRO yang aktif memiliki PLKS yang sah. Dari segi penguatkuasaan Jabatan Imigresen Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan tidak menghadapi sebanyak masalah mengenai GRO yang memiliki pas yang sah, kehadiran mereka yang disyaki GRO *freelance* atau tiada PLKS merupakan cabaran terbaru. Jabatan Imigresen Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan memandang serius perkara ini, sentiasa peka dan tidak teragak-agak mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 atau Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2010 sehingga Ogos 2012, Jabatan Imigresen Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan sama ada secara sendirian atau dengan sokongan agensi-agensi lain berkaitan telah melancarkan sebanyak 34 operasi khusus menyasarkan pusat hiburan dan rumah urut yang lebih dikenali sebagai Ops Sayang.

■1030

Seramai 22 warga negara Filipina telah ditangkap atas pelbagai kesalahan imigresen, 16 daripada mereka telah diambil tindakan pendakwaan, dikompaun dan diusir ke negara asal sementara enam lagi dibebaskan kerana memiliki pas yang sah dan tiada kesalahan lain.

Pada 4 hingga 20 September 2012, Jabatan Imigresen Malaysia, Wilayah Persekutuan Labuan telah melancarkan operasi dan telah *round up* dengan izin secara keseluruhan seramai 74 wanita warga negara Filipina. Sebahagian besar daripadanya GRO dari beberapa premis pusat hiburan di Labuan. Sembilan kes telah dikenal pasti sebagai pemerdagangan di bawah ATIPSOM, 29 kes telah dibebaskan kerana memiliki PLKS yang sah dan tiada unsur-unsur pemerdagangan dikesan. Manakala, kes-kes lain telah dan sedang disiasat di bawah Akta Imigresen 1959/63. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Seperti mana yang disuarakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dan juga disuarakan oleh NGOs dan juga sebahagian daripada penduduk Labuan, terdapat GRO-GRO yang menggunakan pas lawatan biasa yang bekerja dan juga bertugas di pusat-pusat hiburan di Labuan. Benar, sebahagian daripadanya adalah menjalankan aktiviti-aktiviti *overnight entertainer* dan juga berapakah kuota yang sebenar yang diberikan?

Selebihnya yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi? Kalau kita lihat secara keseluruhan memang lebih daripada 200 yang aktif di Labuan. Seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri cuma dekat 200, 200 lebih. Kalau kita lihat di Labuan mempunyai *entertainment outlet* lebih daripada 30. Jadi apakah yang di *illegal*kan tadi sudah mencukupi ataupun ada kuota-kuota tambahan mahupun yang secara *illegal* berkhidmat di pusat-pusat hiburan di Labuan? Terima kasih.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan tentang kuota ataupun permit yang dikeluarkan, dari Januari hingga September 2012, sebanyak 461 pas lawatan kerja sementara (PLKS) telah dikeluarkan kepada GRO di Labuan. Walau bagaimanapun, jumlah ini adalah jumlah PLKS yang dikeluarkan dan bukan jumlah GRO yang aktif di Labuan buat masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, permit yang dikeluarkan untuk GRO di Labuan sah hanya untuk enam bulan sahaja. Selepas itu, dia dibenarkan lanjut enam bulan lagi, selepas itu dia kena balik ke negara asal. *Cooling period* dia kalau dia hendak masuk balik, *cooling period* enam bulan lagi. Terima kasih.

[Soalan No.4 – Yang Berhormat Tuan Muhammad bin Husain (Pasir Puteh) tidak hadir]

5. **Dato' Mohd. Jidin Shafee [Setiu]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan jumlah warga emas yang masih ditempatkan di Rumah Orang-orang Tua di seluruh negara, berapakah kos yang dikeluarkan kerajaan bagi setiap Rumah Orang-orang Tua berkenaan dan apakah usaha kerajaan bagi mendekatkan semula mereka ini dengan anak-anak mereka jika masih ada?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Cameron Highlands boleh jawab? Yang Berhormat.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya angka-angka yang diminta oleh Yang Berhormat daripada Setiu itu boleh diberi secara bertulis. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

[Dewan ketawa]

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, saya kira ini satu yang sangat tidak wajar dan tidak pernah berlaku dalam Parlimen.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa pula tidak wajar?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri ialah...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia kan jawab bahawa soalan ini akan dijawab secara bertulis..

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...Jawapan untuk melepas batuk di tangga...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Maknanya pihak kerajaan sedia menjawab.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...Selepas daripada kegagalan Yang Berhormat Menteri yang patut bertanggungjawab untuk datang menjawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan kerajaan tidak sedia menjawab, kerajaan sedia menjawab. Maknanya boleh dijawab dengan secara lisan...

[Dewan riuh]

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...Ini sepatutnya Yang Berhormat Menteri yang menjawab...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat. Baik Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ini Senator yang sepatutnya menjawab.

[Dewan riuh]

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Ada, ada.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah sampai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik. Duduk dahulu Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *You* jawablah, kita tidak pernah takut jawab lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Pokok Sena.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Timbalan Menteri jawablah, jawab, jawab.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tadi dia jawab, sekarang dia hendak jawab pula.

[Dewan riuh]

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Duduklah, sudah ada, sudah ada. Duduk. Sudah ada.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Mana dia pergi? Apa ini? *You* pun mahu jadi Menteri Wanita kah?

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pokok Sena duduk. Yang Berhormat Sri Gading duduk. Minta maaf Yang Berhormat. Yang Berhormat Setiu pun duduk dahulu Yang Berhormat. Yang Berhormat Setiu duduk, Yang Berhormat Menteri duduk dahulu.

[Disampuk] [Dewan riuh]

Yang Berhormat...

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Sudahlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, kita kena *maintain* juga keadaan dalam Dewan Yang Berhormat. Jadi, kelewatan Yang Berhormat Menteri itu mungkin ada sebab-sebab yang tertentu. Jadi, kita tidak boleh menuduh. Ini tugas Perdana Menteri menuduh Yang Berhormat, bukan kita lah ya? Kerja oleh Menteri itu, Perdana Menteri yang bertanggungjawab. Jadi, sila Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Heng Seai Kie]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin meminta maaf atas kelewatan ini kerana tadi saya pergi ke tandas.

[Dewan ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Jabatan Kebajikan Masyarakat, agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mempunyai 11 buah rumah orang tua yang memberi jagaan dan perlindungan kepada seramai 1,927 orang warga emas iaitu sembilan buah Rumah Sri Kenangan untuk warga emas yang berupaya menguruskan diri dan dua buah Rumah Ehsan untuk warga emas terlantar yang tidak berupaya menguruskan diri dan perlukan rawatan rapi.

Pada tahun 2011, peruntukan yang diberi kerajaan untuk menguruskan sembilan buah Rumah Sri Kenangan ini adalah RM26.79 juta dan RM5.82 juta untuk Rumah Ehsan. Selain itu, jumlah warga emas yang mendapat perlindungan di pusat jagaan warga emas yang dikendalikan oleh pertubuhan bukan kerajaan iaitu NGO dan sektor swasta yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah seramai 4,059 orang melibatkan 165 buah pusat jagaan dengan peruntukan sebanyak RM7.4 juta. Ini tidak termasuk 22 pusat aktiviti warga emas iaitu PAWE, Jabatan Kebajikan Masyarakat yang dikendalikan oleh NGO dengan jumlah peruntukan untuk pengurusan dan penyelenggaraan sebanyak RM733,260.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu kedua yang dibangkitkan, demi untuk mengeratkan hubungan antara warga emas yang berada di rumah warga emas dengan keluarga ataupun waris mereka, antara langkah-langkah yang telah dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah seperti berikut :

■1040

- (i) Menggalakkan lawatan yang kerap daripada pihak keluarga ke rumah warga emas terutama pada hari-hari perayaan seperti Hari Raya, Tahun Baru Cina dan Deepavali;
- (ii) Warga emas juga digalakkan bercuti bersama dengan keluarga atas permohonan keluarga mereka;
- (iii) Mengesan keluarga ataupun waris warga emas yang berada di institusi melalui Jabatan Pendaftaran Negara dan paparan di halaman sesawang JKM;
- (iv) Mengadakan persidangan kes yang merupakan sesi konsultasi yang melibatkan warga emas, ahli-ahli keluarga serta pegawai psikologi agar warga emas itu dapat diterima semula oleh ahli-ahli keluarganya dan dapat tinggal bersama dalam suasana kekeluargaan yang harmoni; dan
- (v) Menempatkan warga emas ke institusi yang berdekatan dengan negeri tempat asalnya demi memudahkan ahli keluarga mereka datang menziarahi mereka.

Sebagai kesimpulan Tuan Yang di-Pertua, pendekatan dan inisiatif yang telah dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah selari dengan prinsip dasar warga emas negara iaitu mengeratkan hubungan antara generasi dan mengukuhkan kerjasama dan perkongsian tanggungjawab ke arah kesejahteraan warga emas di negara ini. Sekian terima kasih.

Dato' Mohd. Jidin Shafee [Setiu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Walaupun lewat tetapi lewatnya kerana soalan nombor empat itu daripada PAS, tidak datang.

[Disampuk]

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada kerajaan kerana telah menyediakan pelbagai kemudahan untuk orang tua. Cuma saya hendak minta kerajaan menyatakan apakah yang sebenarnya boleh dibuat terhadap orang-orang gelandangan yang tidak mempunyai waris kerana mereka ini merupakan satu-satunya masalah kepada orang ramai dan juga kerajaan kerana mereka ini duduk merata-rata di dalam keadaan yang tidak terkawal?

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan adakah boleh kerajaan kepada penerima-penerima bantuan seperti nelayan, kebajikan mereka ini kita teruskan, waktu mereka sampailah mereka meninggal dunia. Ini kerana kalau kerajaan tidak berbuat demikian, masalah kemiskinan dan kesusahan yang ditanggung oleh masyarakat serta nama baik negara terhadap penjagaan rakyatnya mungkin juga akan menjadi masalah. Jadi dengan demikian adakah kerajaan akan terus membina satu pusat penjagaan orang-orang tua yang boleh dibayar bagi mereka yang mampu yang kemas dengan bekalan makanan, klinik, tempat riadah dan juga kemudahan-kemudahan keselamatan bagi menentukan bahawa rakyat di Malaysia di bawah Kerajaan Barisan Nasional terjaga dengan baik.

Datuk Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan yang telah dikemukakan. Berkaitan dengan orang gelandangan yang tidak berwaris, untuk makluman Dewan yang mulia ini, mereka yang umurnya lebih daripada 60 tahun bolehlah dimasukkan ke Rumah Sri Kenangan iaitu rumah kebajikan warga emas yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Seperti mana yang saya nyatakan tadi pada masa kini terdapat sembilan buah Rumah Sri Kenangan yang berkaitan. Bagi mereka yang umurnya kurang daripada 60 tahun Tuan Yang di-Pertua, mereka bolehlah diambil atau dimasukkan ke Rumah Desa Bina Diri dan di dalam situ oleh kerana umurnya yang masih muda, kurang daripada 60 tahun, mereka akan diberikan latihan dan kemahiran yang sewajarnya berdasarkan minat yang ada agar mereka dapat berdikari dan diserap iaitu diintegrasikan semula ke dalam masyarakat kita.

Untuk menjawab isu ketiga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat telah pun menyeru agar bantuan kepada warga emas miskin itu diteruskan, untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya walaupun Jabatan Kebajikan Masyarakat melakukan iaitu siasatan semula setiap enam bulan bagi penerima, bagi mengkaji semula keadaan sosioekonomi

penerima bantuan JKM. Akan tetapi sekiranya didapati bahawa penerima bantuan itu iaitu khususnya warga emas miskin masih memerlukan, maka bantuan orang tua (BOT) itu akan diteruskan sehinggalah warga emas itu meninggal dunia.

Keempat, setakat ini Jabatan Kebajikan Masyarakat, pusat jagaan untuk warga emas yang disediakan oleh kerajaan ini adalah secara percuma kerana ia untuk membela nasib bagi warga emas ataupun rakyat kita khususnya warga emas yang miskin yang tidak upaya. Bagi pusat warga emas yang berbayar, itu memang dikendalikan oleh pihak swasta. Sekian terima kasih.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan saya adalah baru-baru ini laporan akhbar telah melaporkan berkenaan orang tua yang ditinggalkan di hospital kerajaan di mana keluarganya enggan menerima mereka semula. Saya ingin menekankan sahaja bukan ia melibatkan orang tua sahaja atau warga emas tetapi juga melibatkan individu di mana mereka adalah di bawah 60 tahun. Saya bangkitkan perkara ini sebab saya ingin tahu sejauh mana pihak kementerian mempunyai kerjasama dengan Kementerian Kesihatan atau hospital-hospital untuk membantu kategori ini untuk ditempatkan di rumah-rumah yang dinyatakan tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat tahu di Hospital Batu Gajah ada kes di mana mereka yang telah dibiarkan di hospital tersebut walaupun mereka sudah sembuh kerana tiada tempat yang mereka boleh pergi, mereka telah berada di hospital berbulan-bulan Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya rasa pihak kementerian boleh melihat semula untuk membaiki koordinasi atau kerjasama dengan hospital agar pihak hospital tidak dibebankan dengan tanggungjawab untuk menyediakan dengan izin *shelter* dan juga makanan kepada mereka. Proses penempatan mereka harus dipercepatkan dan jangan mengambil masa berbulan-bulan. Permohonan bantuan kebajikan mengambil masa berbulan-bulan sebab saya dimaklumkan ada masalah peruntukan tidak sampai-sampai dari kementerian. Jadi mungkin pihak kementerian boleh melihat aspek ini. Terima kasih.

Datuk Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah di atas soalan tambahan yang telah dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah saya nyatakan tadi, bagi pesakit yang ditinggalkan oleh ahli-ahli keluarga dan enggan diterima balik oleh mereka walaupun setelah rawatan di hospital itu disempurnakan, ini memang merupakan satu isu yang semakin membimbangkan. Walau bagaimanapun mereka ini bolehlah melalui pegawai kebajikan yang ditempatkan di setiap hospital kerajaan untuk memohon memasuki pusat jagaan yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Jadi bagi mereka yang umurnya yang lebih daripada 60 tahun, mereka bolehlah memohon untuk memasuki Rumah Sri Kenangan atau pun Rumah Ehsan. Bagi mereka yang umurnya kurang daripada 60 tahun, mereka boleh memohon untuk memasuki iaitu Rumah Desa Bina Diri. Bagi isu kedua iaitu tentang peruntukan, sememangnya peruntukan untuk semua rumah kebajikan ini telah pun ditetapkan setiap tahun dan tiada isu tentang kelambatan ini. Sekian terima kasih.

■1050

6. **Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]** minta Perdana Menteri menyatakan tindakan kerajaan mengenai kekhuatiran Presiden Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) tentang kedudukan bekalan (*availability*) perumahan yang mampu milik (*affordable housing RM150,000-RM300,000*) khususnya di Lembah Klang, sementara menyaksikan penggunaan tanah-tanah milik kerajaan membangunkan projek-projek mewah bersifat '*high-end*' termasuk projek multi-bilion Tun Razak Exchange.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]:

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat dari Kuala Selangor. Bertembung kembali kita untuk perjuangan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun terdapat penggunaan tanah-tanah kerajaan yang digunakan untuk membangunkan projek-projek mewah seperti Tun Razak Exchange, semua pihak tidak perlu kluatir. Saya ulangi kepada Yang Berhormat Kuala Selangor, tidak perlu kluatir kerana kerajaan amat prihatin di atas keperluan perumahan mendesak yang dihadapi oleh rakyat yang bermastautin di kawasan bandar terutamanya bagi mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana. Bagi memenuhi keperluan berkenaan, kerajaan telah merancang untuk membina kira-kira 50,000 unit rumah mampu milik berharga kurang dari RM300,000 bermula tahun depan terutamanya di Lembah Klang.

Bagi merealisasikan sasaran ini, kerajaan sedang mengenal pasti tanah milik Kerajaan Pusat yang tidak dibangunkan atau dirancang untuk perkara lain dengan kerjasama Syarikat Perumahan Negara Berhad dan Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA). Kerajaan juga dalam proses mengenal pasti beberapa lokasi di sekitar kawasan Lembah Klang seperti Sungai Buloh, Kajang dan Semenyih untuk tujuan yang sama. Yang Berhormat, Sungai Buloh, Kajang dan Semenyih di Selangor. Kerajaan merancang untuk kawasan yang ditadbir oleh Pakatan. Kerajaan yakin dengan pembinaan lebih banyak rumah mampu milik di Lembah Klang, kesejahteraan rakyat akan lebih terjaga. Pembangunan di Lembah Klang juga akan diseimbangkan dengan pembangunan projek perumahan mampu milik di tanah-tanah yang strategik dengan sistem pengangkutan awam supaya golongan berpendapatan sederhana berpeluang untuk memiliki rumah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri yang menjawab dengan cukup baik. Meskipun saya mahu lanjutkan persoalan ini untuk peringatan juga Timbalan Menteri bahawa Kerajaan Negeri Selangor sendiri dalam memajukan ataupun mengisi keperluan ini, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor untuk peringatan Timbalan Menteri, di Bangi, di Sungai Long, di Gombak dan di Shah Alam, kita telah membina hampir 26,000 seluruhnya dan mengambil alih pangsapuri dan juga projek-projek terbengkalai sebanyak 9,736 unit. Jadi, kita bekerjasama untuk mengisi keperluan ini.

Cumanya kalau saya masih boleh bertanya, apakah masih lagi berkuat kuasa beberapa polisi seperti polisi satu masa dahulu dikehendaki 30% projek-projek perumahan mesti membina unit-unit *low cost* kerana kita tahu pemaju mengeluh atas perkara tersebut dan perkara ini, apakah

ada kelonggaran di situ atau pada akhirnya pembinaan itu akan menjadi pembinaan *ghettos* dan *silos* untuk projek-projek khususnya bukan sahaja *affordable* tetapi *low cost housing*.

Bersabit dengan perkara yang disebutkan oleh Timbalan Menteri sebentar tadi, pembinaan TRX dan sebagainya itu, itu pun perlu diperhatikan juga kerana kita sudah *over built* dengan metropolis *under NAZA TTDI*, Kuala Lumpur Eco City oleh SP Setia, Wawasan Merdeka dengan lima juta kaki persegi. Kesemuanya itu *that is a glut building up* tetapi tak apalah, jawab sahaja persoalan saya yang pertama tadi. Terima kasih.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, denyutan peratus itu dibuat kerana pengagihan kekayaan saksama. Kita tidak boleh membenarkan satu golongan yang berada yang memencilkan golongan yang tidak berada. So atas denyutan itu, dasar itu telah diamalkan dan sekiranya... *[Disampuk]* Nanti, saya habiskan.

Yang Berhormat Kuala Selangor selalu tak sabar-sabar. Saya sabar. *Why are you so anxious? Every time I want to answer, you interfere you know. Ya, please listen. Thank you.* Tuan Yang di-Pertua, tetapi pemaju itu ada *exit plan*. Kalau 30% tak terjual, dia ada *exit plan* untuk meminta supaya unit itu boleh jual balik selepas beberapa ketika *so let it be* supaya kita tidak mahu spekulasi dan penyalahgunaan dan *that's a fair policy*.

Baik, yang kedua, TRX. Saya tengok soalan Yang Berhormat mengatakan bahawa TRX adalah satu yang membawa *over built* dan membawa kepada kemewahan. *The country cannot be feudalized by the rich world.* Dalam *financial sector*, saya nak mengatakan kepada Yang Berhormat, dengar ya. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya. Dengan izin;

"Malaysia has evolved to become an international Islamic financial centre.

Malaysia ranks highly in a various global indices relating to Islamic finance, being the largest sukuk Islamic bond market in the world with 65% share (at USD96 billion in 2010) and among the top investment destinations for Islamic finance"

Kedua, takaful sektor;

"The global takaful sector, Malaysia is the second largest takaful sector. At the end of 2010, Malaysia's takaful market recorded total assets of RM14.7 billion".

So, we are going to take on the world in the financial Islamic sector. Maka TRX adalah satu yang begitu utama. Dulu kita buat Halal. Syarat-syarat dan juga kita punya *certification* Halal tetapi siapa yang berjaya? *Because we were slow. So jangan kita repeat.* Kita tak boleh jadi orang kedua kepada dunia lain. *We must be the leading. So jangan mematahkan hasrat yang mulia ini.*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih, terima kasih Timbalan Menteri. *What we fear is that ideological...*

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tak payah ceritalah. *[Dewan riuh].*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Timbalan Menteri, *well taken, well noted* cuma kita tidak mahu ia menjadi *real estate development* sahaja. Ia menjadi pembinaan hartanah dan bukan *knowledge-based*.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: *We bring the poor up to become rich. High income nation.*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *We want to see that it would not be a real estate investment sahaja.*

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: ...itu hasrat kita. Semua jadi kaya, semua jadi kaya.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Itu sahaja, terima kasih.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Semua jadi kaya, semua jadi kaya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, duduk dulu Yang Berhormat. Masalah kita Yang Berhormat, kita tak ikut peraturan. Bercakap kepada Speaker. Kalau kita tujukan, halakan kita punya percakapan kepada yang menjawab atau yang menyoal, akhirnya itulah berlaku. Kalau dituju kepada Speaker, *it recall share back* kepada penanya ataupun kepada yang menjawab. Jadi, kita kena ikut sedikitlah peraturan dia. Sila Yang Berhormat Johor Bahru.

Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak tanya kepada Timbalan Menteri sama ada daripada segi pembinaan rumah yang mampu milik ini, boleh tak Timbalan Menteri mengesyorkan menerima satu syor daripada saya bahawa sebenarnya satu fakta yang boleh dilakukan untuk menjadikan rumah mampu milik dibina dengan lebih meluas ialah dengan pihak kerajaan negeri mengenakan satu sistem di mana tidak mengenakan premium kepada keseluruhan tanah yang digunakan bagi projek perumahan yang berkenaan.

Akan tetapi menggunakan konsep di mana premium, *the converting premium* itu atau pertukaran guna tanah itu dikenakan hanya kepada *net building area* iaitu umpamanya kalau pemaju, dia membina jalan dan membuatkan kawasan lapang. Semua tanah itu akan dikenakan premium tetapi kalau sebaliknya kerajaan negeri umpamanya mengambil tindakan, mengambil sikap mengenakan premium hanya kepada kawasan yang digunakan bagi tapak rumah yang berkenaan, maka kos kepada pemaju akan dapat dikurangkan. Jadi boleh tak cadangan ini boleh dilaksanakan?

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya terima penuh cadangan yang diberi oleh Yang Berhormat dari Johor Bahru. Satu yang baik. *Build up area* sahaja, *non build up area* kita, semua minta kerjasama, kenapa nak gaduh? *This is for the poor*, ini untuk rakyat jelata yang miskin dan dalam denyutan ini kita harus bersatu. Balik *touch point* Bajet 2013, segala-galanya dah ada. Bekerjasamalah. *Thank you.*

7. **Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan bilakah kementerian dapat menyediakan bekalan air di bawah program pembangunan luar bandar kepada penduduk-penduduk seramai 34 keluarga di Kampung Sungai Penderam yang sudah memohon dan menunggu sejak tahun 2002 dan seramai 28 buah keluarga. 126 orang penduduk orang asli di Kampung Pasir Salam di kawasan Parlimen Tebrau.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Terima kasih Yang Berhormat dari Tebrau. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sentiasa berusaha daripada semasa ke semasa untuk memastikan setiap kampung di negara kita mendapat bekalan air yang sempurna termasuk Kampung Pasir Salam dan Kampung Penderam di dalam Parlimen Tebrau.

■1100

Untuk maklumat Yang Berhormat juga, penyediaan infrastruktur bekalan air ke Kampung Penderam dan Kampung Pasir Salam sedang dalam proses pelaksanaan. Akan tetapi terpaksa melalui beberapa ladang persendirian yang mengambil masa agak lama. Selain itu ia juga melibatkan pengambilan balik tanah bagi tujuan pembinaan tangki bagi mengatasi masalah tekanan air yang rendah. Buat masa ini kementerian masih di dalam proses untuk mendapatkan izin lalu daripada pemilik-pemilik ladang yang berkenaan, agak ramai. Walau bagaimanapun, kementerian dalam masa yang sama, dalam peringkat penyediaan alternatif terbaik bagi mengatasi masalah agar masyarakat di kampung itu tidak akan ketandusan bekalan air. Terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih bagi pihak rakyat di Kampung Penderam dan juga Kampung Pasir Salam, Orang Asli di Pasir Salam di kawasan Tebrau. Apabila saya mendengar berita yang baik dari Yang Berhormat Menteri yang datang sendiri untuk menjawab soalan ini.

Saya harap apa yang dirancang memang yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri itu benar. Pelbagai kesulitan kerana tanah persendirian di kawasan tersebut. Saya harap semua ini dapat diatasi dan rakyat sedang menunggu apa yang dirancang itu akan menjelma menjadi kenyataan. Saya juga memberitahu kepada Yang Berhormat Menteri di kawasan itu iaitu Kampung Pasir Salam belum lagi ada jalan untuk menghubungi Kampung Pasir Salam dengan bandar Ulu Tiram di luar. Di sana ada sebahagian jalan sudah dibuat tetapi hanya dari Bukit Dagang ke Pasir Salam, masih ada lebih kurang tujuh kilometer jalan yang belum ditarkan. Itu adalah sebab-sebabnya dahulu apabila ada kekurangan air, kereta untuk membawa air ke Kampung Pasir Salam itu menghadapi masalah. Sekiranya kita mempunyai peruntukan yang mencukupi, boleh juga menimbangkan permintaan rakyat, jalan yang sepanjang tujuh kilometer itu boleh ditarkan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Masalah naik taraf jalan menerusi pekan ke kampung ini kalau sekiranya ia membabitkan pembekalan air untuk memastikan penduduk kampung itu akan mendapat bekalan air yang sempurna. *Insyah-Allah* saya akan melihat supaya bagaimana kita boleh naik taraf. Akan tetapi saya

yakin sudah ada laluan cuma *gravel road*, dengan izin, kita perlu naiktarafkan supaya kelancaran bekalan air ini akan dapat kita sampaikan ke Kampung Pasir Salam. Apa yang penting juga seperti yang saya sebutkan, *alternative source* yang ada. Saya pun sudah melihat Tuan Yang di-Pertua, bahawa kita mempunyai teknologi baru iaitu *life saver* iaitu satu teknologi nano yang diperbuat daripada United Kingdom. Juga kita pun sudah mengenal pasti untuk kita mengagih-agihkan bukan setakat di Sabah dan di Sarawak, bahkan di kawasan-kawasan perkampungan masyarakat Orang Asli yang agak jauh bagi kita untuk menyambung paip. Hendak buat retikulasi, jarak jauhnya agak panjang dan di samping itu ia akan menelan belanja yang begitu besar dan penduduknya tidak begitu padat.

Maka, kos efektif bagi kita ialah melihat dari segi *alternative source*, yang penting masyarakat kampung ini akan mendapat bekalan air terawat yang boleh diminum. Ini merupakan salah satu teknologi yang baru yang kita pun guna pakai di beberapa perkampungan di negeri Sarawak yang menggunakan teknologi Jerrycan tetapi ini jauh lebih besar. Takungan air yang boleh menampung sebanyak dua juta gellen liter air yang boleh menampung hampir beberapa buah kampung yang berhampiran. *Insyah-Allah* ini merupakan salah satu alternatif tetapi di samping itu jalan yang ditekankan, *insyah-Allah* saya akan lihat Yang Berhormat.

8. Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau] minta Menteri Pelancongan menyatakan dengan terperinci mengenai projek Homestay di Parlimen Balik Pulau terutama kos, tempat, bilangan, penganjur, pengunjung dan pencapaian daripada segi pendapatan ekonomi kepada penduduk tempatan semenjak ianya dimulakan sehingga sekarang.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Balik Pulau, sehingga Julai 2012 terdapat dua buah *cluster homestay* di Balik Pulau yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan iaitu Homestay Jalan Baru yang mempunyai seramai 23 pengusaha dan 23 buah bilik serta Homestay Pulau Betong yang mempunyai seramai 13 pengusaha dan 14 buah bilik. Penyertaan sesebuah premis *homestay* ke Program Homestay Malaysia adalah secara sukarela dan tiada sebarang bantuan modal diberikan. Akan tetapi selepas menyertai Program Homestay Malaysia tersebut, *cluster homestay* tersebut boleh memohon peruntukan di bawah Projek Peningkatan Kemudahan Homestay yang disediakan oleh Kementerian Pelancongan.

Peruntukan ini menjurus kepada pembinaan atau penambahbaikan kemudahan yang dikongsi bersama di *homestay* tersebut seperti dewan orang ramai, papan tanda, pentas kebudayaan dan sebagainya. Untuk itu, dari segi peruntukan pada Rancangan Malaysia Ke-9 tahun 2006 hingga tahun 2010, Kementerian Pelancongan telah memperuntukkan sebanyak RM680,000 untuk menaiktarafkan landskap dan infrastruktur asas di Homestay Jalan Baru. Sebanyak RM6,500 untuk menaiktarafkan pondok wakaf dan papan tanda informasi pada tahun

2011. Dari segi prestasi, sejak tahun 2009 sehingga Julai 2012, Homestay Jalan Baru telah mencatatkan ketibaan seramai 1,784 pelancong dengan jumlah pendapatan sebanyak RM149,656. Manakala Homestay Pulau Betong pula telah mencatatkan ketibaan seramai 133 pelancong dengan pendapatan sebanyak RM13,670 bagi tempoh masa yang sama. Sekian.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sebenarnya penting kerana ia bakal memberi satu jawapan kepada kebergantungan penduduk Balik Pulau terhadap Zon Bebas Bayan Lepas yang mana sekarang ini membebankan akibat pekerja asing dan sebagainya.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya pertama sekali mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana usaha ini diusahakan oleh Yang Berhormat terdahulu sebelum saya. Akan tetapi yang ingin memohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah aspek Yang Berhormat Timbalan Menteri tekankan tadi, saya mahu dijelaskan lagi iaitu aspek penilaian atau, dengan izin, *impact assessment*. Ini kerana pada pandangan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini ialah satu program yang amat baik terutama sekali di dalam membentuk, dengan izin, *social impact* kepada masyarakat di desa. Persoalannya di sini, apakah strategi baru kementerian di dalam memastikan apa yang dikatakan program *homestay* ini akan dijadikan sebagai program keusahawanan, pelancongan? Ini kerana saya difahamkan di dalam bajet terdahulu ada dana khusus dipanggil pelancongan *ecotourism* yang ada kaitan di sini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan di sini saya mahu Kementerian Pelancongan melibatkan seramai mungkin penduduk-penduduk Parlimen Balik Pulau kerana ia mampu membuat mereka ini menyertai arus pembangunan ekonomi di Pulau Pinang iaitu pelancongan yang mana keuntungannya ialah pada mereka di desa iaitu di kampung-kampung. Kebetulan Kampung Jalan Baru itulah kampung saya tetapi saya di sini bukan mahu menceritakan perkara-perkara yang negatif walaupun saya tahu ada tetapi saya mahu keluar dari mulut Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri, apa sebenarnya cabarannya dan bagaimana kita mahu meningkatkan perkara ini. Kalau modal, banyakkkan lagi modal kepada mereka. Mohon penjelasan.

■ 1110

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat daripada Balik Pulau. Saya rasa soalan tersebut adalah soalan yang baik juga kerana kita seharusnya meningkatkan pendapatan rakyat desa. Untuk ini kementerian memperkenalkan program *homestay* sejak daripada tahun 1995.

Strategi baru, kita sentiasa membuat strategi, pelbagai. Sama ada ia baru ataupun lama tetapi kita naik taraf strategi. Seperti mana yang saya telah buat penganalisan dan kertas kerja pun telah dibentangkan di Sydney pada tahun lepas.

Saya menggabungkan *homestay* dengan ekopelancongan. Kalau dibandingkan pendapatan peserta-peserta *homestay* ataupun pengusaha-pengusaha *homestay* yang hanya mempromosi *homestay* sahaja dengan pengusaha-pengusaha *homesay* yang mempromosi *homestay* dan ekopelancongan, sememangnya pendapatan daripada program *homestay* yang

menggabungkan ekopelancongan lebih tinggi lagi. Sejumlah 70% lebih tinggi daripada hanya mempromosikan *homestay*. Seperti di Kinabatangan, di Kinabatangan ia mempromosi *homestay* dan 'ramsa...' bersama. Itu adalah untuk ekopelancongan.

Oleh itu, *homestay* di Kinabatangan setiap bulan selalunya tidak mencukupi bilik-bilik untuk pelancong daripada luar negara. Kita membuat strategi sama ada ia strategi baru ataupun lama adalah menggabungkan. Bukan hanya gabung *homestay* dengan ekopelancongan tetapi menggabungkan *homestay* dengan biopelancongan juga. Kita menggabungkan *homestay* dengan kebudayaan. Kita menggabungkan *homestay* dengan pelancongan berasaskan pertanian juga kerana kalau kita lihat pelancong-pelancong yang datang ke Balik Pulau ini lebih ramai lagi pelancong dari luar negara ataupun pelancong asing. Pada tahun 2009, tidak ada pelancong domestik datang ke *homestay* di Balik Pulau, hanya pelancong asing sahaja.

Oleh itu, inilah promosi yang kita selalu buat dan kita membuat strategi ini dan kita mengharapkan bahawa pengusaha-pengusaha *homestay* akan mengguna pakai strategi yang sedia ada yang memang saya tahu bahawa gabungan '*adjectival*' *tourism* yang lain untuk bersama-sama dengan *homestay* supaya pelancong lebih ramai akan berminat dengan apa sahaja aktiviti yang boleh diteruskan oleh pengusaha-pengusaha. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, persoalan di sini ialah Parlimen Balik Pulau Yang Berhormat. *Homestay* di Parlimen Balik Pulau. Sila Yang Berhormat Jempol.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang bagaimana kementerian boleh mengawal kualiti *homestay* di seluruh negara termasuk Balik Pulau kerana kita perlu menjaga kualiti ini bagi memastikan pelancong-pelancong akan terus tertarik hati untuk datang ke *homestay* negara kita.

Bagaimana kementerian boleh mengawal *homestay* yang tidak berdaftar dan pertembungan di antara pembangunan yang cepat di mana kampung-kampung selalunya dibangunkan menjadi bandar. Bagaimana bidang kuasa kementerian bagi memastikan kampung-kampung yang cantik, yang istimewa ini akan terus kekal sebagai *homestay* pada masa yang akan datang?

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Jempol. Yang Berhormat Jempol pun ada *homestay* di kawasan dia dan *homestay* di Jempol adalah satu daripadanya adalah satu yang selalu dilawatilah. Kalau ada pengusaha-pengusaha baru yang ingin mengusahakan *homestay* dan yang ingin belajar macam manakah hendak mengurus *homestay*, kita cadangkan untuk pergi ke Jempol dahulu untuk melihat apa yang berlaku di Jempol.

Untuk kualiti, Kementerian Pelancongan sentiasa monitor *performance homestay*, bagaimanakah ia boleh menambah baik lagi kualiti. Ini kementerian sememangnya berterusan buat. Kalau kualiti *homestay* itu tidak berapa bagus ataupun tidak berapa menarik, kita buat

cadangan. Kita buat cadangan kepada mereka supaya mereka boleh menambahbaikkan kualiti *homestay-homestay* mereka.

Untuk *homestay* yang tidak berdaftar, ini bukan di bawah tanggungjawab kementerian kerana kalau mereka tidak berdaftar, kita tidak boleh ambil tindakan kerana tidak ada peruntukan perundangan untuk kita mengambil tindakan. Ini di bawah kerajaan tempatanlah. Oleh itu kita tidak dapat ambil tindakan kepada mereka. Hanya mereka mengguna sahaja penjenamaan *homestay* tetapi yang sebenarnya itu tidak benar kerana mereka tidak berdaftar dengan kementerian kita. Terima kasih.

9. **Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan jumlah dan statistik para pelajar yang terlibat dengan pusat kecemerlangan khusus untuk pengajian dalam bidang industri minyak dan gas di Institut Kemahiran Belia Negara, Bandar Penawar serta jumlah anak tempatan yang telah berdaftar serta pendekatan yang diambil oleh pihak kementerian dalam memastikan semua pelajar yang telah tamat kursus pengajian diserapkan untuk bekerja di projek pembangunan RAPID, Pengerang.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan I [Dato' Razali bin Haji Ibrahim]: Assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Pengerang, selaras dengan Perjanjian Persefahaman di antara KBS dan Petronas Malaysia yang telah diadakan pada bulan Ogos 2012 yang lalu, pengambilan pertama bagi kursus dalam bidang industri minyak dan gas hanya akan bermula pada tahun 2013.

Justeru itu, pihak kementerian belum boleh memberikan kepada Yang Berhormat jumlah dan statistik para pelajar yang terlibat. Buat masa ini satu program telah dikenal pasti iaitu *Health and Safety Environment* dengan izin untuk diperkenalkan. Sebagai langkah persediaan bagi memastikan kejayaan inisiatif ini, seramai 15 orang pengajar IKBN sedia ada akan menjalani Training of Trainers (ToT) selama tiga bulan di Institut Teknologi Petroleum Petronas (INSTEP) Batu Rakit di Terengganu yang kebetulan akan bermula pada hari ini.

Untuk faedah Dewan ini, pengambilan pertama yang akan dibuat seperti yang saya nyatakan tadi iaitu pada tahun hadapan akan melibatkan seramai 100 orang pelajar-pelajar perintis dan keutamaan seboleh mungkin akan diberikan kepada anak-anak tempatan dengan syarat mereka yang ingin memohon hendaklah mempunyai kelayakan dalam Sijil Kemahiran Malaysia Teknikal. Oleh itu Yang Berhormat, pada saya sudah boleh untuk mencari anak-anak tempatan yang layak dan kemukakan kepada kementerian bila tawaran dibuka nanti.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu bahawa di Institut Kemahiran Belia Negara Bandar Penawar sekarang dipenuhi dengan kursus-kursus dalam bidang hospitaliti.

Jadi soalan saya, dengan adanya pendekatan baru dalam bidang minyak dan gas, apakah pendekatan ataupun prosedur kompromi yang akan dilakukan oleh pihak kementerian untuk menentukan bahawa kursus industri minyak dan gas itu akan menjadi kursus utama dan kursus hospitaliti ini akan menjadi kursus yang mungkin dipindahkan ataupun akan ditangguhkan. Terima kasih.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerang. Saya setuju dan saya juga mengetahui bahawa buat masa ini kursus-kursus kemahiran yang ditawarkan di IKBN Bandar Penawar, selain daripada perhotelan, multimedia, marin dan juga hospitaliti diadakan. Memang perancangan awal adalah untuk menyediakan kursus-kursus seperti ini dengan kapasiti yang ada di situ, asrama boleh memuatkan hampir 352 orang.

■1120

Namun begitu, selepas kita menandatangani dan mengambil kira pembangunan RAPID di Pengerang, Petronas sudah pun bersetuju secara sefahamannya untuk menyediakan 300 tempat. Namun begitu pengambilan pertama hanya kita beri tumpuan kepada 100 orang kerana mengambil kira ada pelajar sedia ada. Namun begitu, saya tidak menolak kemungkinan bahawa dalam tempoh masa beberapa tahun akan datang, beberapa pendekatan kesesuaian akan dilakukan dengan mengambil kira *size*, ruang, pelajar yang boleh masuk serta kursus yang dapat memberi manfaat kerana pelajar IKBN kebiasaannya cukup mudah kebolehpasaran kerana kemahiran yang mereka miliki dapat menepati cita rasa syarikat-syarikat industri. Terima kasih Yang Berhormat.

10. Dato' Haji Taib Azamuddin Md. Taib [Baling] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:-

- (i) Pencapaian yang telah diperolehi SME Corp Malaysia, SME Bank dan MARA dalam perkembangan IKS di Baling; dan
- (ii) Senaraikan program-program usahawan dan kerjasama strategik jabatan-jabatan kerajaan berkaitan bagi menjayakan pencapaian ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II [Dato' Jacob Dungau Sagan]: Selamat pagi, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Baling di atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyedari kepentingan pembangunan luar bandar terhadap pertumbuhan yang *inclusive* dan seimbang seperti yang ditetapkan dalam Model Baru Ekonomi. Dalam hal ini, penekanan dan penumpuan turut diberikan dalam usaha-usaha membangunkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang beroperasi di kawasan luar bandar termasuk di Baling, Kedah. Agensi-agensi kerajaan antaranya seperti SME Corp Malaysia, SME Bank, Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Jabatan Pertanian telah menyediakan berbagai-bagai jenis bantuan sama ada berbentuk pembiayaan kewangan, khidmat

nasihat teknikal dan bukan teknikal serta pembangunan kapasiti untuk memastikan PKS di luar bandar berdaya saing dan sama-sama memperoleh manfaat daripada arus kepesatan pembangunan ekonomi nasional kita.

Sebagai contoh, SME Bank dan MARA menyediakan pinjaman untuk pembelian peralatan, premis dan pusingan modal kerja dengan had pinjaman dari RM50,000 hingga RM3 juta. Di samping bantuan kewangan dan khidmat nasihat, kemudahan fizikal juga disediakan bagi membantu usahawan mengukuhkan aktiviti perniagaan mereka di Baling. Antaranya seperti Arked Baling, Bengkel Kuala Ketil, Medan Niaga Kuala Ketil, Program Usahawan Teknikal Baling (PUTEK) dan Rumah Kedai Kota Baling Jaya. Penubuhan pejabat-pejabat cawangan ataupun negeri oleh pelbagai agensi Kerajaan Persekutuan di seluruh negara termasuk SME Corp yang mempunyai pejabat cawangan di negeri Kedah telah memudahkan dan mempercepatkan penyaluran maklumat pelbagai jenis bantuan dan khidmat nasihat yang disediakan oleh kerajaan untuk kebaikan PKS ataupun IKS.

MITI dan agensi-agensinya seperti SME Corp turut menganjurkan program-program capaian kepada PKS tentang program-program pembangunan PKS. Di antara program yang telah dan akan dilaksanakan dari tahun 2009 hingga 2012 di Baling dan kawasan sekitarnya adalah seperti berikut.

- (i) bengkel khidmat nasihat perniagaan bersama usahawan Daerah Baling;
- (ii) taklimat usahawan di Kuala Nerang;
- (iii) Karnival Kerjaya Ekonomi Usahawan di Padang Terap, Kedah;
- (iv) bengkel pembungkusan dan penjenamaan;
- (v) program Bicara Petang di Baling;
- (vi) program-program usahawan di Kuala Ketil, Kupang, Parit Panjang dan Teloi di Daerah Baling;
- (vii) Sembang Usahawan iaitu pengurusan syarikat dan kewangan Sik;
- (viii) Program Himpunan Usahawan Mikro Kecil dan Sederhana; dan
- (ix) Seminar Teknologi *Roadmap for Food Industry*.

Di samping itu, lawatan ke kilang-kilang PKS di Baling juga telah diadakan bagi mengenal pasti bantuan yang diperlukan bagi meningkatkan perniagaan mereka. Pada masa ini, terdapat sejumlah 11 syarikat daripada sektor makanan dan perkhidmatan yang telah dilawati. Mereka telah dibimbing dan diberikan khidmat nasihat berkaitan pengurusan akaun, pengeluaran dan pemasaran bagi meningkatkan aktiviti perniagaan yang dilaksanakan. Pemantauan dan penilaian akan dibuat secara berkala untuk memastikan pertumbuhan syarikat yang mampan dan berdaya saing.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyedari kepentingan PKS sebagai sumber pertumbuhan ekonomi yang seimbang dan menyeluruh sekali gus ia membuktikan bahawa PKS di luar bandar sentiasa diberikan perhatian dan sokongan yang sewajarnya. Pelaksanaan pelbagai program pembangunan PKS bukan hanya akan dipikul oleh SME Corp selaku agensi penyelaras pusat

pembangunan PKS, sebaliknya, ia akan dibuat secara kerjasama yang strategik di antara kementerian dan agensi Kerajaan Persekutuan yang berkaitan termasuk dengan Kerajaan Negeri Kedah. Ini penting dalam memastikan hasil dan sasaran yang memberangsangkan.

Di samping pelbagai bantuan yang diberi oleh SME Corp, kementerian-kementerian lain secara khususnya juga mempunyai program memperkasakan ekonomi masyarakat di luar bandar seperti Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) melalui Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) yang menyediakan kemudahan kewangan tanpa cagaran dan kadar kaedah yang rendah. SPED akan berperanan sebagai platform utama yang akan membantu usahawan luar bandar untuk terlibat dalam pelbagai program lain seperti program pertanian dan pelancongan desa. Kerajaan akan sentiasa meneruskan usahawan-usahawan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, panjang lagi jawapan itu?

Dato' Jacob Dungau Sagan: Sudah mahu habis. Sedikit sahaja. PKS termasuk yang berada di kawasan perbatasan untuk memastikan pendapatan dan taraf sosioekonomi masyarakat luar bandar sentiasa berada di setiap yang baik. Ini adalah selari dengan konsep 1Malaysia iaitu '*Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*' yang diamalkan oleh Kerajaan Persekutuan. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Taib Azamudden Md. Taib [Baling]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan. Saya selaku Ahli Parlimen Baling amat mengalu-alukan usaha kerajaan untuk mempertingkatkan perusahaan kecil dan sederhana terutama di daerah-daerah yang serupa dengan Baling ini.

Soalan tambahan saya ialah apa yang didedahkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam jawapan tadi di mana pihak agensi-agensi penyelaras dan juga termasuklah SME Bank, MARA dan sebagainya. Kita ada menerima rungutan iaitu pihak pengusaha-pengusaha kecil ini agak sulit untuk mendapat pinjaman dan sebagainya tidak sebagaimana yang telah didedahkan tadi. Keduanya, ringkasnya Tuan Yang di-Pertua iaitu apakah langkah-langkah yang akan dan sedang diambil oleh pihak kementerian khusus bagi kepesatan pembangunan bandar Kuala Ketil yang dirancang sebagai Bangi kedua selepas ini iaitu satu bandar yang mempertemukan pembangunan Sungai Petani, Kulim dan juga Butterworth. Terima kasih.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Terima kasih Yang Berhormat Baling atas soalan tersebut. Soalan yang pertama tadi ialah dari segi kesulitan peminjam-peminjam yang ingin memohon pinjaman dari beberapa agensi ini lebih-lebih lagi dari SME Bank. Kelulusan pinjaman yang diberi kepada pemohon-pemohon ini ialah terpulang kepada syarat-syarat tertentu lebih-lebih lagi dari kapasiti mereka untuk menjalankan usaha mereka. Begitu juga dari segi fizikal yang ada bagi mereka dan juga tempat-tempat mereka ingin berusaha untuk menjalankan tempat mereka berniaga. Jadi jikalau semua ini dapat mengikut syarat-syarat tertentu, mungkin pinjaman tersebut boleh diluluskan. Jadi ini terpulanglah kepada pemohon yang memohonnya.

Soalan yang kedua tadi mengenai langkah-langkah untuk kepesatan pembangunan bandar di Kuala Ketil ini, ini bukan hanya tertumpu kepada Kementerian MITI sahaja untuk membangunkan satu bandar yang progresif seperti ini. Jadi ini terlibat juga dengan semua kementerian-kementerian yang membantu cara mana kita boleh membangunkan satu bandar yang seperti disebutkan oleh Yang Berhormat Kuala Ketil tadi.

Bagi kita dalam MITI, memang kita sentiasa melihat dan menilai cara mana kita boleh membantu menyumbang kepada pembangunan bandar yang tersebut. Jadi oleh sebab itulah kita akan terus melihat dan juga menilai setakat mana kita boleh memberi bantuan dan juga nasihat kepada penduduk-penduduk kita dalam bandar yang ingin maju dan progresif seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Sekian, terima kasih.

[Soalan No. 11 – Y.B. Tuan William @ Nyallau anak Badak (Lubok Antu) tidak hadir]

[Soalan No. 12 – Y.B. Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) tidak hadir]

13. Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah kementerian berpuas hati dengan akses orang pekak kepada pendidikan mengikut Perkara 28 Akta Orang Kurang Upaya (Akta 685) dan pencapaian mereka semasa di bawah BKUN Meningkatkan Pencapaian Pelajar.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Mana Menteri? Mana Menteri?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Mana Menteri? Sudah lari?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Masa soal jawab sudah habis.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Sudah pukul 11.31.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: *Kantoi* lagi. Dua kali *kantoi*.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Masa sudah habis.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Masa sudah habis, bukan *kantoi*.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Cover uplah*. Jangan *cover uplah*, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Dua kali *kantoi*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Menteri jawab bertulislah. Menteri, ada jawapan?

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa berusaha untuk menyediakan ruang dan peluang bagi orang kurang upaya pendengaran akses kepada pendidikan formal. Buat masa ini, Kementerian Pelajaran telah menyediakan sebanyak 23 buah sekolah rendah, sebuah sekolah menengah bagi murid kurang upaya pendengaran (MKU pendengaran) dan dua buah sekolah menengah pendidikan khas vokasional yang menawarkan latihan kemahiran bagi MKU pendengaran.

Selain daripada sekolah pendidikan khas ini, Kementerian Pelajaran juga menggalakkan pembukaan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Sehingga bulan Jun 2012, bilangan PPKI pendengaran rendah ialah sebanyak 44 buah dan PPKI pendengaran menengah ialah sebanyak

45 buah di seluruh negara. KPM juga menggalakkan penggunaan bahasa isyarat Malaysia (BIM) sebagai salah satu mode komunikasi bagi MKU di sekolah. Walau bagaimanapun, bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar utama di sekolah, guru akan menggunakan bahasa Melayu kod tangan (BMKT) bagi melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran murid agar penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan MPU pendengaran dapat dipertingkatkan.

MKU pendengaran menampakkan potensi dalam bidang kemahiran. Dapatan kajian yang telah dijalankan oleh KPM pada awal tahun 2012 iaitu pada tahun 2010 seramai 105 orang MKU pendengaran telah mengikuti kursus latihan kemahiran dan daripada bilangan tersebut, 92% dalam kalangan mereka telah berjaya memperoleh Sijil Kemahiran Tahap 1. Oleh itu, di samping bidang akademik, Kementerian Pelajaran akan berusaha meningkatkan lagi peluang MKU pendengaran mengikut bidang kemahiran. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahaja sesi pertanyaan-pertanyaan jawab lisan untuk pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.35 pg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 9.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 16 Oktober 2012.”

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Puan Noriah Kasnon]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua, Batu Gajah di sini. Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 20. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meluahkan perasaan tidak puas hati berkenaan kelewatan pembentangan Laporan Ketua Audit Negara ini. Tidak pernah Laporan Ketua Audit Negara ini begitu lewat. Konvensi Parlimen adalah

laporan ini dibekalkan dan dibentangkan dalam Dewan adalah pada hari ucapan belanjawan, tetapi kali ini begitu lewat sekali dan ini satu *precedent* yang sangat tidak baik. Parlimen sepatutnya *hold the executive responsible* ke atas pengurusan kewangan rakyat.

Jadi saya rasa pihak Parlimen, pihak Tuan Yang di-Pertua boleh melakukan sesuatu untuk memastikan bahawa peranan Ahli Parlimen boleh dijalankan dengan sebaik-baiknya. Sekarang sudah habis bahas peringkat dasar Bajet 2013 dan sekarang baru dibekalkan Laporan Ketua Audit Negara. Saya rasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata transformasi...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dalam Jawatankuasa pun bolehlah, Yang Berhormat Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Akan tetapi langkah kelewatan pembentangan Laporan Ketua Audit Negara ini adalah langkah ke belakang. *This is not* transformasi. Masa bahas bajet sudah bermula, sudah habis peringkat dasar. Ini perkara pertama.

Kedua Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua, saya pohon salinan laporan audit ini yang telah ditunggu-tunggu ini dan telah lewat dibentangkan oleh eksekutif ini boleh dibekalkan sesalinan kepada semua wartawan agar mereka boleh memainkan peranan mereka dengan lebih mudah. Tuan Yang di-Pertua boleh kata boleh dapatkan dari, seperti dahulu, dari laman web Jabatan Audit Negara tetapi saya telah meneliti masih belum dimuatkan dalam web Jabatan Audit Negara.

Saya haraplah peranan Tuan Yang di-Pertua boleh membantu memudahkan tugas wartawan, bekalkan sesalinan kepada mereka dan *precedent* ini harus dihentikan. *This is very bad precedent*, Tuan Yang di-Pertua. Saya pohon Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Ismail bin haji Abd. Muttalib [Maran]: Janji tidak tunaikan pun lagi *bad*.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, saya sependapat dengan Yang Berhormat Batu Gajah dan saya juga merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 77(1)(c) dan (d) berkaitan dengan *Auditor General Report*. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dikatakan, konvensi di mana-mana *British Parliamentary system*, selepas bajet dikemukakan, *Auditor General Report* dibentangkan, *ditablekan*. Akan tetapi atas arahan saya difahamkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Yang Berhormat Padang Rengas, di mana dia mengatakan "*It won't steal the limelight*", maka ia perlu dilambatkan. Adakah kerajaan, Tuan Yang di-Pertua setuju kepada pandangan tersebut maka tidak mengarahkan bahawa perlu *tablekan* ini seperti konvensi-konvensi yang sebelum ini?

Kedua, adalah baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua telah mengarahkan *Public Accounts Committee* untuk tidak memberi *press conference* sebelum satu-satu perkara dibincangkan. Ini menunjukkan bahawa ada sesuatu perkara, tindakan diambil atas arahan eksekutif atau terikat kepada pandangan kerajaan atau Tuan Yang di-Pertua terlupa pandangan kepada konvensi dan

juga kepada peraturan mesyuarat yang saya kemukakan. Adakah Tuan Yang di-Pertua dapat memberi penjelasan dan tegur Yang Berhormat Menteri dan kerajaan supaya jangan lagi membuat sesuatu yang tidak boleh diterima. Untuk 55 tahun lebih tidak pernah berlaku sedemikian. Artikel 107 *Federal Constitution*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat *refer* kepada Peraturan Mesyuarat 77 berhubung dengan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, soalan pembentangan kertas repot *Auditor General* dalam Dewan Parlimen. Jadi ia tidak begitu jelas Yang Berhormat. Itu yang pertama.

■ 1140

Kedua, soalan konvensyen. Konvensyen ini pertama kali saya diberitahu bahawa adalah satu konvensyen, satu-satu kertas yang dikatakan patut dibentang dalam Dewan itu dibentang pada satu ketika dan masa yang tertentu. Ini kerana apa dikatakan dibentang dalam Dewan Parlimen itu semasa Parlimen bersidang bila-bila masa. Jadi tidak ada penentuan masa dia asalkan dibentang. Jadi, saya faham Yang Berhormat membangkit oleh kerana perkara ini boleh dibangkit dalam persoalan bahasan Yang Berhormat. Akan tetapi kita masih mempunyai jawatankuasa, peringkat jawatankuasa. Kalau kita sebut jawatankuasa maknanya peringkat jawatankuasa itu masih boleh dibahaskan. Itu yang ketiga jawapan saya.

Keempat ialah bahawa CD-CD ini akan diserahkan oleh pihak *Auditor General* kepada semua pihak termasuk media keseluruhannya. Jadi saya cukup yakin ini akan dibuat. Saya berharaplah pada tahun akan datang kita melihat ada perubahan sedikit. Kalau ada konvensyen, saya akan buat penyelidikan dan saya akan berbincang dengan Tuan Yang di-Pertua macam mana, ada konvensyen ini benar berlaku ataupun tidak berlaku. Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Sedikit Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, *the first opportunity* untuk membuat teguran atau pandangan sebelum kita Ahli Parlimen membuat cadangan sebenarnya. *The Speaker should have taken it upon himself because as usual it's said the Speaker's speech, not. Kita tidak perlu memberi so it doesn't, rather than be a best opportunity time when* semasa bajet. Selepas Menteri sendiri mengatakan *has used the most loosely define* apa hendak kata *word against Parliament in the House and the Speaker, be still the limelight. Who is he or whose Minister said that?* Adakah Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya tidak akan membuat satu keputusan yang saya sendiri tidak jelas Yang Berhormat. Saya biasanya *meticulous* dalam soalan peraturan. Walaupun dalam Dewan kita ini payah betul hendak jadi *meticulous*. Speaker bercakap pun, Ahli Parlimen masih berdiri. Jadi berlaku perkara-perkara yang tidak betul. Jadi ini saya akan selidiki, saya akan bincang dengan Speaker Yang Berhormat. Selepas itu biarlah kita buat satu keputusan dan akan bincang dengan pihak kerajaan sebelum kita hendak marah sesiapa Yang Berhormat dan kita boleh tentukan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Baik terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi saya sangat risau ya Tuan Yang di-Pertua dengan ada '*precedent*' ini berturut-turut kelewatan pembentangan bajet ini. Saya rasa kita Ahli Parlimen dan Tuan Yang di-Pertua sebagai Pengerusi Dewan yang mulia ini mempunyai tanggungjawab bersama. Untuk memastikan fungsi dan peranan kita tidak terhakis oleh eksekutif. Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab *check and balance* dalam eksekutif pengurusan kewangannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya Yang Berhormat baiklah cukuplah Yang Berhormat, saya faham saya faham Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya pohon dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya faham Yang Berhormat apa tugas Ahli Parlimen dalam Parlimen. Kadang-kadang saya pun rasa tidak sedap hati juga lihat Ahli Parlimen hendak ajar Menteri macam mana jalan tugas. Itu pun tidak betul juga. Ini kerana soalan Ahli Parlimenlah menjawab dan mencadang tetapi tidak boleh mengatakan yang bahawa tindakan Menteri itu tidak betul, bodoh dan sebagainya. Jadi ini juga tidak bolehlah. Jadi Ahli Yang Berhormat kita buat *for the time being settle* perkara ini Yang Berhormat hingga kita dapat jawapan yang khusus. Sama ada siapa yang salah ataupun tidak memang payah hendak ditentukan untuk sekarang ini. Saya tidak mahu menyalah sesiapa. Yang Berhormat sekarang sudah tiba masanya saya hendak jemput Yang Berhormat.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2013

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2013

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang", dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis."

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari empat puluh sembilan bilion tujuh ratus empat puluh sembilan juta sembilan ratus sembilan puluh sembilan ribu ringgit (RM49,749,999,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2013, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2013, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 2012, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan

jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut. **[11 Oktober 2012]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya tiba masanya Yang Berhormat saya menjemput Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran untuk menjawab bagi pihak Kementerian Pelajaran.

11.44 pg.

Menteri Pelajaran [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah pun membentangkan belanjawan yang pada hemah saya merupakan penerusan tradisi terbaik Kerajaan Barisan Nasional. *[Tepuk]* Dalam hendak memenuhi keperluan rakyat dan menepati tema *“Memakmurkan Negara, Mensejahtera Rakyat: Sebuah Janji Ditepati.”*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas keprihatinan Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana telah pun memberikan perhatian khususnya terhadap perkembangan pendidikan negara dalam perbincangan Belanjawan 2013 kali ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, seramai 52 orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam membahaskan pelbagai isu yang menyentuh Kementerian Pelajaran. Maka saya akan memberikan fokus kepada isu-isu yang berkaitan dengan dasar kerana ini penting memandangkan Kementerian Pelajaran baru sahaja melancarkan hala tuju baru pendidikan negara, melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013/2025.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun memperuntukkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia sejumlah RM38.728 bilion pada Belanjawan 2013 yang merangkumi RM36.61 bilion bagi perbelanjaan Mengurus dan RM2.118 bilion bagi perbelanjaan Pembangunan. Di samping itu sebagai tambahan, sejumlah RM500 juta untuk pelaksanaan awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, RM900 juta diperuntukkan lagi untuk tabung khas pembinaan, penambahbaikan dan penyelenggaraan sekolah. Khususnya bagi keperluan mendesak untuk membaik pulih bangunan sekolah, penyenggaraan, pembelian peralatan dan pembinaan blok-blok tambahan.

Selain itu belanjawan kali ini telah menyediakan peruntukan tambahan yang lain seperti bantuan awal persekolahan dan baucar buku. Untuk makluman secara perbandingan, peruntukan yang diterima oleh Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa meningkat berbanding tahun-tahun sebelumnya iaitu RM32.683 bilion pada tahun 2010, RM36.79 bilion pada tahun 2011 dan

RM37.28 bilion untuk tahun 2012. Saya yakin dengan amalan perbelanjaan berhema seperti yang dilakukan sekarang serta kesungguhan dan kejujuran kita dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan, peruntukan yang disediakan ini mampu untuk merealisasikan agenda transformasi pendidikan negara.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013/2025, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah menyediakan peruntukan khusus sebanyak RM500 juta untuk memastikan PPPM ini dapat dilaksanakan dengan jayanya mulai tahun hadapan, tahun 2013. Semua pandangan dan cadangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Silam, Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat Ranau, Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Marang, Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Jempol, Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Lanang, Yang Berhormat Bayan Baru dan juga Yang Berhormat Rantau Panjang akan diberikan perhatian dalam penyediaan laporan akhir Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ini nanti.

Untuk makluman Yang Berhormat Lembah Pantai, amalan *public engagement* yang dilaksanakan oleh kerajaan termasuk dalam penyediaan pelan ini iaitu Pelan 2013 hingga 2025 telah pun menunjukkan pembentukan suatu dasar yang ingin diketengahkan oleh kerajaan bukan berdasarkan kepada kepentingan politik semata-mata. Bahkan di sepanjang siri dialog yang telah pun dilaksanakan, penerangan terhadap pencapaian dan prestasi sistem pendidikan negara telah dimaklumkan pada semua yang hadir secara terbuka dan telus. Sebagai bukti ketelusan kerajaan dalam melaksanakan transformasi ini, di sepanjang bulan ini, Kementerian Pelajaran Malaysia telah dan akan mengadakan program Hari Terbuka di enam zon di seluruh negara untuk mendapatkan maklum balas terakhir PPPM 2013/2025 sebelum ianya dibentangkan di Kabinet. Oleh itu saya mengambil kesempatan di sini untuk menyeru semua Ahli-Ahli Yang Berhormat agar dapat bersama-sama memainkan peranan untuk menjayakan program berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat boleh mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Pasir Mas

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran. Walaupun pihak kerajaan akan mengadakan rumah terbuka untuk mendapat maklumat akhir sebelum Pelan Strategi Pembangunan Pendidikan ini dibentangkan ke Kabinet.

■1150

Apakah pihak kementerian tidak bercadang untuk menganjurkan Kongres Pendidikan Nasional bagi memutuskan supaya ianya merupakan suatu mandat rakyat dalam menggubal sistem Dasar Pendidikan pada masa akan datang. Apabila ianya dilakukan demikian melalui kongres maka ianya menjadikan suatu dasar yang didukung oleh semua rakyat.

Walaupun sekarang ini ada dialog input dan sebagainya tetapi dalam bentuk satu kongres untuk diendorse sebagai satu dasar yang merupakan dasar yang diputus oleh rakyat negara kita

supaya akan datang ianya tidak akan dibangkit lagi oleh mana-mana pihak ataupun tuntutan-tuntutan yang tidak ada kaitan dengan dasar yang telah diputuskan. Sekian, terima kasih.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Mohon celahan Yang Amat Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, silakan Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hargai pengumuman Yang Berhormat bila menyatakan ketelusan itu akan menjadi isu utama yang dipraktikkan oleh kementerian. Saya dan beberapa Ahli Parlimen Pakatan Rakyat sebenarnya menghadiri semasa Pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan yang diadakan di Kuala Lumpur.

Yang saya pinta di sini Yang Berhormat secara khusus ya, bila bercakap tentang laporan yang dibentangkan, laporan awal Pelan Pembangunan Pendidikan ada juga dimuatkan statistik terkini yang menunjukkan banyak kelemahan ketara. Yang kami minta kerana kami juga memang secara ikhlas mahu memberikan maklum balas untuk memperkukuhkan pelan ini. Akan tetapi, keempat-empat laporan yang saya sebut dalam perbahasan saya adalah laporan *UNESCO Report 2012*, dengan izin, *World Bank Report, 1st Quarter 2010*, *Independent Malaysia Review Panel* dan *Independent International Review Panel*.

Laporan-laporan ini sebenarnya telah diangkat maklumat-maklumat dalam laporan awal Pelan Pembangunan Pendidikan saya pohon sesalinan kepada umum dan juga kepada Ahli-ahli Parlimen untuk membantu kami memberi maklum balas yang lebih baik. Mohon jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Terima kasih Yang Berhormat. Yang pertama Yang Berhormat Pasir Mas. Setakat ini kita tidak ada cadangan untuk mengadakan kongres ataupun konvensyen yang dicadangkan tadi. Memang Yang Berhormat telah bangkitkan dalam perbahasan kerana proses yang telah pun kita ambil untuk menyediakan laporan ini lebih meluas kalau dibandingkan dengan kongres atau konvensyen yang biasanya mengambil masa dua hari. Kita mengambil masa satu tahun dan kita sudah membuat *engagement* hampir macam satu referendum. Tidak pernah berlaku dalam sejarah waktu Ketua Pembangkang pun jadi Menteri Pelajaran pun tidak buat begitu.

Jadi kita sudah buat proses *engagement* yang agak meluas hampir 17,000 hadir. Kalau kita buat kongres entah mungkin 200 – 300 sahaja. Jadi proses ini sudah dibuat secara mendalam dan disebabkan itu telah pun kita bentangkan laporan awal pun telah kita jadikan *blueprint*. Akan tetapi walaupun begitu kalau PERKASA kah atau mana-mana badan berminat untuk menganjurkan konvensyen dan kongres, Kementerian Pelajaran bersedia untuk bekerjasama dalam soal itu memang kita boleh bantu tetapi Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk berbuat begitu.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Sedikit sahaja Yang Berhormat. Maksud saya memang sekarang ini maklum balas yang dibuat lebih meluas. Kalau diadakan kongres hanya dua hari tetapi kongres yang saya maksudkan ini hanya untuk *endorse* dokumen terakhir untuk dilihat kalau

ada sedikit sebanyak pindaan ataupun mengemas kini penambahbaikan dan *diendorse* dalam kongres supaya ianya dijadikan satu keputusan rakyat iaitu satu dasar yang didukung oleh rakyat. Itulah maksud saya, saya cadangkan. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Okey, sebagaimana yang saya sebut, kita tidak bercadang untuk membuat begitu. Saya harap semua Ahli-ahli Parlimen yang telah pun menerima salinan *blueprint* itu boleh melihat secara terperinci perakuan-perakuan yang telah dibuat yang agak saya fikir begitu mendalam, meluas dari segi skopnya agak mencakupi semua bidang.

Jadi, walaupun konvensyen ataupun kongres itu boleh membantu saya tidak fikir kita perlu menunggu untuk mendapat *endorsement* daripada proses *engagement* yang telah pun kita lakukan hampir semua yang datang ke hadapan telah memberikan pandangan dan hari ini kita bawa semula kepada mereka untuk meneliti balik semula menerusi sesi rumah terbuka. Jadi saya fikir di peringkat itu adalah amat mencukupi.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: [*Bangun*]

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Tentang soal pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat Lembah Pantai segala apa yang telah pun kita bentang itu memang pun benar berdasarkan kepada statistik. Sebagai contoh *World Bank* ini terbuka, kemudian UNESCO sebenarnya, ini adalah satu kajian khas bukan laporan UNESCO biasa. Jadi waktu saya berjumpa dengan Ketua Pengarah UNESCO yang lama, *Irina Bokova* namanya dan saya telah minta dia membantu Malaysia, jadi UNESCO telah mengambil satu inisiatif sendiri.

Jadi apa yang telah pun kita bentangkan ini memang sebenarnya mengambil kira apa data-data yang telah ada di situ. Saya akui dan ini pun telah saya sebutkan juga secara terbuka, ada kelemahan-kelemahan. Lebih baik kita akui kelemahan dan kekurangan kita dalam sistem yang sedia ada dan selepas itu mencari jalan mengatasi daripada kita *deny*, iaitu kita tidak dalam keadaan orang kata menolak kenyataan. Ini telah pun kita akui sebab itulah dalam kertas ataupun laporan *blueprint* yang telah pun kita bentang, kita mengambil kira semua perkara.

Jadi di situ kita ada menyentuh beberapa aspek, yang juga Ahli Parlimen daripada Lembah Pantai menyebutkan dalam perbahasan bagaimana kedudukan ranking kita menurun? Saya sebagai Menteri Pelajaran juga *concern*. Demikian juga soal laporan TIMSS di mana ranking kita juga menurun. Jadi ini tentu satu perkara yang besar. Jadi kita perlu teliti dan cari langkah bagaimana cara hendak menyelesaikan. Inilah cadangan yang telah kita kemukakan supaya dalam tempoh 13 tahun yang akan datang, anjakan baru dapat dilihat. Itu maksud yang telah pun kita kemukakan jadi saya tidak fikir perlu ada pembentangan laporan-laporan yang telah disebutkan tadi.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Yang Berhormat...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Arau.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Mana satu Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lembah Pantai atau...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Saya, kalau boleh saya hendak sambung sedikit Yang Berhormat, boleh? Sedikit sahaja hendak *follow up*, hendak minta laporan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sebenarnya memang hormat tetapi di sini bukan kita bercakap tentang hanya ambil sedikit perakuan yang dimuatkan dalam laporan awal tetapi *the 'devil'* ya, dengan izin *the 'devil' is in the details*. Jadi pada saya Yang Berhormat tidak ada salah kalau ada laporan khas daripada UNESCO. Kami alu-alukan, kami mahu sesalinan. Apa masalahnya kalau untuk kita dapatkan dan beri maklum balas kerana apa pun maklum balas di saat ini, di tahap ini tidak cukup dengan membaca perakuan-perakuan atau pun *Cherry picking details* yang dimuatkan dalam laporan awal. Namanya pun laporan awal.

Jadi pada saya Yang Berhormat saya minta, benar-benar minta, sebagai seorang ibu yang anak-anak pun akan disekolahkan di Sekolah Kebangsaan Bukit Damansara, *insya-Allah*. Jadi tentunya di sini tidak ada masalah bagi Kementerian Pelajaran memberikan sesalinan kesemua laporan-laporan tersebut untuk kami beri maklum balas. Saya tidak faham bila kita bercakap tentang ketelusan, *what is the issue?* Mengapa sukar sangat untuk berikan sesalinan kerana setakat ini untuk Pelan Pembangunan Pendidikan memang sejumlah besar dana dibelanjakan tentunya tidak ada salah untuk berkongsi maklumat, pandangan, *findings* semua yang tertera dalam keempat-empat yang saya sebutkan tadi.

Tambahan Yang Berhormat untuk tahun ini, peratusan daripada bajet untuk pendidikan itu jatuh 1% daripada 16% untuk bajet kepada 15%. Jadi dengan menyedari kelemahan-kelemahan ketara kita masih membelanjakan sebanyak 1% daripada bajet lebih kurang daripada tahun lepas. Jadi tentunya yang saya minta di sini adalah Yang Berhormat berilah sesalinan laporan itu tidak ada masalah. Bukan kami hendak menyerang, kami mahu membantu kerana pada saya kalaulah saya tidak punyai *personel sticks* tidak mengapa. Saya mahu sistem pendidikan, kualiti pendidikan khusus sekolah-sekolah kebangsaan itu baik dan diangkat darjatnya. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Saya tidak menyatakan tujuan atau pun sebab kita buat begitu kerana kita tidak *transparent* ataupun tidak yakin. Akan tetapi segala apa yang saya sebut tadi itu sebahagian daripada keseluruhan *exercise* yang telah kita buat sebelum kita merangka *blueprint* ini. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, kita ada konsultasi dengan 7 IPTA yang membuat kajian-kajian yang juga mengambil kira pelbagai fakta-fakta sebelum mereka merumuskan langkah-langkah dan tindakan itu. Jadi sebab itu bagi saya tidak perlu untuk kita menyerahkan mana-mana pihak untuk membaca kerana ini adalah hasil daripada apa yang telah diteliti oleh pihak kementerian.

Jadi yakinlah bahawa langkah-langkah yang telah pun dikemukakan ini hasil daripada perkara itu. Yang saya sebutkan tadi kita tidak nafi ada kelemahan, ada kekurangan baik dalam soal pembelajaran *maths* dan sains, baik dalam penguasaan bahasa Inggeris kita akui, data-data pun kita ada. Jadi saya fikir itu sudah pun diambil kira. Jadi yang penting apa langkah yang kita

hendak buat dan apa tindakan yang kita hendak lakukan. Jadi Tuan Yang di-Pertua itu yang boleh saya jelaskan setakat inilah.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: *[Bangun]*

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Yang Berhormat, celahan tambahan.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Cukup, beri Arau pula.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Takkan tidak boleh bagi langsung laporan itu, saya tidak dapat rasionalnya.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Sudah ada sudah. Kita semua sudah ada. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran. Kita menyedari bahawa perkembangan pendidikan di negara kita adalah berkait rapat dengan keperluan negara sama ada keperluan politik, ekonomi, sosial, persekitaran dan sebagainya.

▪ **1200**

Saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan terutama Yang Berhormat sendiri. Apabila Plan Pembangunan Pendidikan ini bermula *insya-Allah* pada tahun hadapan, 2013 dan 2015 ini disertai oleh pakar-pakar, sama ada dari dalam dan dari luar negara seperti mana pihak kementerian telah memenuhi cadangan-cadangan sama ada daripada pihak kerajaan ataupun pembangkang untuk kita mengambil ahli-ahli pendidikan sebenar, terutamanya daripada negara-negara yang telah mencapai tahap kemajuan yang luar biasa. Cuma saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat, apabila 3PM ini, PPPM ini, ianya tidak berkisar lagi kepada 3M iaitu membaca, menulis, mengira kerana ia lebih menumpu kepada *knowledge base* ataupun kepada kemahiran seseorang pelajar.

Jadi kita ingin bertanya kepada pihak kerajaan, terutama Yang Berhormat sendiri, adakah dasar-dasar yang kita sediakan ini merupakan satu transformasi dalam usaha kita merubah dasar pendidikan yang menjadi kunci utama dalam keperluan tuntutan perubahan ekonomi dalam abad ke-21 ini yang kita lihat, kita amat perlu melahirkan insan yang mempunyai *inner* potensi yang boleh kita perkuatkan sejak dari prapersekolahan iaitu peringkat tadika lagi supaya mereka dapat menghadapi, kita menjadikan satu modal insan yang sebenarnya bersedia untuk berhadapan dengan segala keperluan seperti mana yang menjadi tuntutan dan keperluan negara. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]: Yang Berhormat Sik, sikit Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Ya.

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]: Orang lama ini, orang tua, pendapat pun cara lama sikit. Saya sebenarnya mengkaji reformasi yang telah dibuat oleh kerajaan termasuk juga berbagai-bagai anjakan yang cuba dibuat. Cuma saya rasa, kementerian hari ini kurang mengambil pandangan daripada orang bawah, kita terlampau bergantung pada pakar-pakar asing dan juga pakar dalam dari universiti-universiti tetapi kita kurang atau tidak langsung mengambil pandangan daripada guru-guru di bilik darjah. Apa yang berlaku sebenarnya, pakar-pakar ini tidak melawat, dia tidak pergi ke sekolah-sekolah. Keadaan di sekolah sebenarnya berbeza sekali

dengan apa yang dibentangkan, apa yang disuarakan oleh pakar-pakar ini. Di sekolah-sekolah luar bandar terutamanya, keadaannya masih serba kekurangan.

Matlamat kita memang tinggi, matlamat kita memang baik, hendak capai pendidikan bertaraf tinggi, global tetapi hakikatnya, di sekolah-sekolah kita, terutamanya di sekolah-sekolah luar bandar, keadaannya berbeza sekali. Kita di taraf yang terlampau rendah. Kita masih, kalau di luar bandar yang sebenarnya macam di Sabah dan Sarawak, saya baca laporan yang dikeluarkan oleh Audit, saya pun tidak pernah peragi, nanti orang Sabah marah saya pula. Terdapat sekolah-sekolah yang belum pun mencapai bangunan sekolah sesetengahnya itu. Jadi bila kita bercakap soal pendidikan berteknologi tinggi, pemikiran tinggi dan lain-lain lagi, bagi guru-guru di sekolah ini, ia merupakan suatu yang amat menyedihkan. Program yang dibuat tertumpu pada sekolah-sekolah yang telah mencapai taraf yang tinggi tetapi tidak berdasarkan sekolah-sekolah yang saya sebutkan tadi.

Jadi akhirnya akan berlaku perbezaan taraf. Sekolah-sekolah yang tinggi betul-betul tinggi tetapi sekolah-sekolah yang miskin, di luar bandar yang masih bangunannya pun herot lagi, orang Kedah kata masih tidak sesuai, sekolah-sekolah ini terus ketinggalan. Inilah yang menyebabkan guru-guru marah kepada kementerian, bila marah dia sokong sayalah, maaflah... *[Ketawa]* Jadi itu sebabnya saya hendak jelaskan. Kementerian perlu ambil perhatian pandangan guru-guru ini. Jangan tengok pakar-pakar sahaja kerana guru-guru ini juga merupakan golongan yang mempunyai pandangan yang memberi faedah atau amat bermakna di dalam membangunkan sistem pendidikan kita. Terima kasih Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya juga mengikuti ucapan Yang Berhormat dalam peringkat awal perbahasan dalam sesi ini sebelum saya menjawab pada hari ini. Jadi soal itu telah pun ditimbulkan, terima kasihlah dan juga kepada Yang Berhormat Arau tadi. Memang tujuan kita ialah supaya dengan cadangan yang telah pun kita kemukakan ini dan juga akhir nanti akan dibentangkan dalam laporan akhir yang sekarang ini belum lagi laporan akhir, ini baru merupakan *blueprint*. Jadi ada tempoh lagi hampir tiga bulan, kita masih menunggu input, maknanya terlalu terbuka, ini tidak pernah berlaku dalam sejarah negara kita, tentang soal pendidikan.

Jadi bermakna apa yang disebutkan tadi kita akan ambil kira, memang tujuannya tidak lain, supaya dalam tempoh tidak terlalu lama, kita dapat menganjakkan kedudukan mutu pendidikan kita ke satu tahap yang lebih tinggi. Jadi sebab itu ia mengambil fasa-fasa kalau dilihat dalam *blueprint* itu, tiga peringkat ataupun gelombang yang tahun pertama, tahun depan, tiga tahun yang pertama, itu gelombang yang pertama. Selepas itu berikut lima tahun dan lima tahun yang akan datang. Jadi tujuannya tidak lain ialah supaya kita dapat mengeluarkan ataupun menghasilkan tenaga modal insan daripada anak-anak kita yang bukan sahaja terlatih dengan ilmu tetapi mempunyai daya pemikiran yang dikatakan kreatif dan inovatif. Ini disebutkan selalu dan ditekankan, cara bagaimana itu dapat dilakukan, penting ia dilihat dalam beberapa bidang. Jadi

sebab itu dalam perakuan itu pun, dikemukakan anjakan-anjakan besar dan bidang-bidang yang diberikan perhatian.

Antara lain ialah soal keguruan, biasa dibangkitkan dalam sesi yang kita telah buat ke seluruh negara. Perkara pokok yang dibangkitkan Tuan Yang di-Pertua, ialah soal kualiti guru. Saya akui kita ada hampir lebih 467,000 guru di seluruh negara. Ramai orang bertanya sama ada guru kita ini guru-guru yang betul-betul dedikasi, berkualiti. Jadi isu kualiti guru itu dibangkitkan, sebab itu tumpuan kita antara lain bagaimana hendak meningkatkan kualiti guru, bagaimana latihan yang akan datang hendak kita laksana, banyak mana tumpuan yang akan kita berikan kepada bidang-bidang seperti sains, teknologi, bahasa ataupun bidang-bidang pendidikan yang lain yang hendak kita tekankan...

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Yang Berhormat Silam, Yang Amat Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [Bangun]

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Jadi sebab itu Tuan Yang di-Pertua..., biar saya habis dulu, boleh? Ini peluang saya untuk saya jelaskan Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dah ada peluang masa perbahasan. Hendak minta jawapan daripada saya, jadi kalau tak bagi peluang kepada saya, maka tak dapat jawapan. Jadi biar saya jelaskan dulu.

Jadi sebab itu bagi saya itu penting. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Sik itu benar, saya tidak menolak kenyataan itu. Memang ada permasalahan, soal *disparity* antara sekolah bandar dan luar bandar, soal *disparity* antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung, ini saya akui. Saya turun ke Sabah dan Sarawak selalu, mungkin lebih kerap daripada Yang Berhormat Sik, mungkin Yang Berhormat Sik pun tidak pernah sampai ke sana, saya turun sampai ke bawah.

Yang baru ini saya pergi ke Sekolah Nanga Merit, kalau di sini siapa tahu, tak tahulah. Ini daripada Bahagian Limbang dan Lawas, dan juga kawasan Sibuti yang saya baru turun ke bawah, tengok sekolah betul-betul. Memang saya rasa sedih tetapi ini adalah hakikat, kenyataan yang telah pun kita akui dan langkah-langkah yang telah pun kita buat bukan baru ini untuk mengatasi masalah sebegini. Kita perlukan peruntukan yang besar, memang benar pada peringkat ini ada sedikit kekurangan, mungkin kerana ada keperluan untuk menyusun semula bajet kita dan sebagainya, tetapi pendidikan masih utama. Jadi sebab itu masalah yang disebutkan tadi, maka langkah-langkah dibuat. Saya sendiri kemukakan cadangan kepada Perdana Menteri supaya kajian menyeluruh dibuat termasuk soal bagaimana hendak merapatkan jurang, bagaimana infrastruktur sekolah hendak kita baiki dari apa yang telah sedia ada, apakah teknologi maklumat dapat membantu kita meningkatkan kualiti pembelajaran di sekolah.

Jadi banyak bidang dan apa yang disebutkan tadi benar, saya pun pergi ke kawasan-kawasan luar bandar, keadaannya agak naif, saya akui. Saya tidak boleh menolak hakikat itu kerana ini berlaku di banyak tempat kerana negara kita ini agak luas. Walaupun dikatakan bilangan penduduk tidak ramai, 28 juta orang tetapi tersebar daripada satu pelosok ke pelosok yang lain sampai ke pedalaman. Sekolah-sekolah yang telah terbina 30, 40 tahun dahulu yang

sebahagiannya sudah hampir runtuh masuk ke sungai, saya menyaksikan sendiri. Jadi soal-soal sebegini sudah ada dalam rekod kita, bila kita buat auditan, bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah sebegini.

Jadi kalau Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memahami bahawa proses untuk kita memperbaiki segala kelemahan dan kekurangan itu akan mengambil masa tetapi yang penting di sini, Kerajaan Barisan Nasional komited. Kita tidak mahu mempolitikkan hal ini, ini hakikat dan kenyataan. Saya sendiri tidak reda untuk melihat sistem pendidikan kita begitu rendah di bawah sehingga anak-anak kita menjadi mangsa. Saya tidak reda begitu, saya pun ada anak, ada cucu pun, mungkin Yang Berhormat Lembah Pantai belum ada cucu lagi. Saya ada anak dan ada cucu dan mereka juga adalah generasi masa depan yang penting bagi kita untuk bangunkan sebagai insan yang berkualiti.

Jadi sebab itu dalam soal ini, komitmen kita menyeluruh dan saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat akan memberikan sokongan supaya kita dapat laksanakan program yang telah pun kita sebutkan dalam *blueprint* peringkat awal...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: [*Bangun*]

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Boleh saya teruskan?

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Sikit sahaja Yang Berhormat, sikit sahaja. Terima kasih, saya hargai komitmen tersebut kerana itu saya sekali lagi hendak merekodkan bahawa permintaan ini harus dilunaskan. Yang Berhormat, saya pergi kepada sikit sahaja, *exhibit* 6 hingga 8, dalam Plan Pembangunan Pendidikan, laporan awal.

■1210

Apa dia katakan? Dia katakan bahawa perbelanjaan bagi Kementerian Pelajaran untuk OPEX (*Operational Expenditure*) untuk perbelanjaan operasi itu *over spending* 10%. Jadi semua ini diperlukan Yang Berhormat supaya kita dapat meneliti kelemahan-kelemahan dan mencari penyelesaian. Kalau saya tidak percaya sistem pendidikan dalam negara ini buat apa saya hendak hantar anak saya sendiri. Jadi saya pinta di sini *on record* ini bukan soal untuk menyerang. Saya minta Yang Berhormat berikan sesalinan laporan-laporan tersebut. Bukan mudah saya setuju. Tahniah kepada Yang Berhormat kerana mendapatkan UNESCO untuk membuat laporan khusus buat Malaysia. Ini satu kejayaan besar. Bukan mudah untuk mendapat institusi sedemikian.

Jadi sekali lagi *on record* saya minta Yang Berhormat berikan keempat-empat laporan tersebut. Kita tidak mahu anak-anak kita gunakan jalan pintas. *No shortcut in education*. Jadi kenapa kita tidak laksanakan apa yang kita sebut? Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini bila mohon itu kadang-kadang dapat, kadang-kadang tidak dapat. Jadi kalau kita buat keputusan tidak bagi itu tidak bagilah. Akan tetapi yang penting bukan soal laporan itu. Yang penting ialah apa yang terkandung dalam laporan ini. Kalau Yang Berhormat fikir dalam *blueprint* itu tidak cukup baik, ada kekurangan, bolehlah cadang dan saya tidak ada halangan untuk menerima sampai hari

ini pun. Itu yang lebih penting. Bukan soal laporan itu. Kalau Yang Berhormat kata ada kelemahan yang dikatakan tadi perbelanjaan lebihan, saya tidak pasti begitu. Setiap perbelanjaan kita buat ialah apa yang diluluskan di Parlimen. Mungkin kadang-kadang laporan itu...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: ...Menyatakan kita membelanja lebih untuk pengurusan. Memang di Kementerian Pelajaran ini kita belanja besar untuk pengurusan sebab ia melibatkan soal tenaga pengajar, elaun guru. Saya tidak payah sebutlah sebab itu kalau dilihat sebahagian besarnya peruntukan ialah untuk operasi. Akan tetapi yang penting sekarang ini ialah soal hendak menentukan setiap perbelanjaan itu *outcome*. Ini juga disebutkan anjakan yang kesebelas. *Every single* dolar setiap satu ringgit yang kita belanjakan mesti melahirkan satu keputusan ataupun hasil yang lebih baik daripada apa yang ada sekarang.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Bermakna *value for money*. Ini kita hendak tekankan. Cara bagaimana? Ini kita di peringkat kementerian akan meneliti.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Amat Berhormat, Ahli Yang Berhormat sedikit.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Boleh saya teruskan Yang Berhormat? Saya baru mula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri hendak teruskan Yang Berhormat Pasir Mas.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Boleh saya teruskan sedikit? Lepas itu bolehlah. Kalau tidak, tidak habis Tuan Yang di-Pertua. Fasal Yang Berhormat sudah ada peluang bahas. Jadi saya hendak jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, lapan hari berbahas.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, ini berhubung dengan pembangunan prasarana pendidikan seperti bangunan sekolah. Ini disebut juga tadi Institut Pendidikan Guru, rumah guru, makmal komputer. Ramai Ahli Yang Berhormat yang menyentuh soal seperti itu dewan, padang sekolah serta makmal bahasa seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Klang, Yang Berhormat Silam, Yang Berhormat Bukit Mertajam, Yang Berhormat Kuala Krau, Yang Berhormat Batu Sapi, Yang Berhormat Sibuti, Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Beaufort, Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Sabak Bernam, Yang Berhormat Tanjung Piai, Yang Berhormat Simpang Renggam, Yang Berhormat Tawau, Yang Berhormat Sri Aman, Yang Berhormat Lawas, Yang Berhormat Libaran, Yang Berhormat Gelang Patah, Yang Berhormat Bukit Katil, Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Kanowit, Yang Berhormat Mas Gading dan juga Yang Berhormat Padang Serai.

Ini saya sebutkan semua ini memang Ahli Yang Berhormat begitu prihatin tentang masalah itu telah membangkitkan. Saya tidak bercadang hendak mengulas satu persatu. Semuanya ada dalam rekod yang telah pun kita catatkan tentang perkara-perkara tertentu yang dibangkitkan. Namun saya hendak sebutkan secara umumnya kita sentiasa berusaha untuk hendak menambah baik dan juga meningkatkan kemudahan prasarana pendidikan dari semasa ke semasa dan bergantung kepada kemampuan dan keupayaan kewangan termasuklah meneruskan pelaksanaan penambahbaikan dan penyenggaraan sekolah-sekolah yang memerlukan berdasarkan laporan audit fizikal sekolah.

Ini laporan audit fizikal sekolah ini dibuat oleh kementerian sendiri. Setiap sekolah yang ada di negara kita sudah diaudit dan tahu kedudukannya dan saya hendak maklumkan hampir 600 buah sekolah, tadi yang disebutkan oleh Yang Berhormat Sik yang berada dalam keadaan yang cukup daif sudah bermula sejak 30 hingga 40 tahun dahulu. Jadi ini kita kena cari jalan mendapatkan peruntukan yang besar untuk menentukan sekolah-sekolah ini dapat diperbaiki.

Saya juga telah mengarahkan kementerian untuk menyediakan pelan induk perancangan pembangunan institusi pendidikan...

Tuan Mohsin Fadzil Samsuri [Bagan Serai]: *[Bangun]*

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: ...Dan pengurusan fasiliti. Yang ini yang meliputi perancangan jangka pendek dan jangka panjang untuk memastikan persekitaran pengajaran dan pembelajaran P&P yang lebih kondusif dapat diwujudkan dan memenuhi keperluan warga sekolah. Langkah ini wajar dilakukan seiring dengan transformasi pendidikan yang akan bermula pada tahun 2013.

Tuan Mohsin Fadzil Samsuri [Bagan Serai]: *[Bangun]*

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, isu yang menyatakan bahawa peruntukan yang diberi pada sekolah-sekolah dikatakan tidak adil adalah tidak tepat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Pada hemat saya sebenarnya isu ini telah tidak timbul ini kerana semua...

Tuan Mohsin Fadzil Samsuri [Bagan Serai]: Minta laluan.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: ...Peruntukan yang disediakan...

Tuan Mohsin Fadzil Samsuri [Bagan Serai]: Minta laluan dahulu.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: ...Oleh kerajaan telah diagihkan mengikut prosedur kewangan dan kelayakan yang telah pun ditetapkan. Untuk makluman Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Tenggara, Yang Berhormat Bukit Mertajam dan Yang Berhormat Klang semua sekolah di bawah bidang kuasa Kementerian Pelajaran telah diberikan peruntukan yang boleh dikatakan saksama merangkumi emolumen, utiliti, bantuan geran per kapita, bantuan kokurikulum, bantuan sukan dan lain-lain mengikut jumlah murid di setiap sekolah. Bagi tahun 2012 sahaja sejumlah RM937 juta disediakan untuk pengoperasian sekolah, yakni

belanja mengurus bagi 8,216 buah sekolah rendah dan menengah kebangsaan, RM87 juta untuk 1,294 buah SJK(C) dan RM19.2 juta untuk 523 buah SJK(T).

Di samping itu kerajaan juga menyediakan beberapa bentuk bantuan secara *one-off* pada sekolah-sekolah di luar kawalan Kementerian Pelajaran Malaysia seperti bantuan awal persekolahan, bantuan permulaan bagi menubuhkan prasekolah swasta dan sebagainya.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat, mengenai dengan prasarana. Saya hanya hendak menyampaikan penghargaan rakyat Kelantan terutamanya ibu bapa apabila Yang Amat Berhormat dengan pantas dan bertindak cepat memasang penapis air bersih di sekolah-sekolah di seluruh Kelantan. Ini sebahagian daripada prasarana oleh kerana Kerajaan Negeri Kelantan gagal mengurus masalah air sekolah-sekolah terjejas dan apabila Yang Amat Berhormat melawat Kelantan baru-baru ini Yang Amat Berhormat lulus peruntukan dengan begitu cepat. Saya hanya hendak menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan rakyat Kelantan kepada Yang Amat Berhormat dengan keputusan tersebut. Sekian, terima kasih. [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

Tuan Mohsin Fadzil Samsuri [Bagan Serai]: Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri. Mengenai dengan satu daripada masalah yang berlaku di kawasan saya iaitu dia dua buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Alor Pongsu dan Sekolah Menengah kebangsaan Alam Iskandar di mana strukturnya sudah pun teruk. Jadi sebenarnya keadaan telah pun ditender dan diawarkan tetapi masalahnya belum dilakukan kerjanya sebab wang tidak ada. Apa yang saya dapat laporan daripada pihak JKR mengatakan bahawa peruntukan tidak ada. Jadi saya rasa tidak akan kita hendak tunggu bangunan itu runtuh baru kita hendak buat atau macam mana. *Very seriously*. Minta tolong diambil perhatian dengan segera.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Mas kerana mengucapkan terima kasih kepada kementerian. Kita rasa sedih juga kerana pergi ke Kelantan masalah air tidak selesai. Jadi kerana sekolah ini dianggap penting, anak-anak kita belajar di sana kalau tidak ada bekalan air bersih penyakit yang berasaskan air ini akan merebak dan ini satu bahaya yang kita hendak elakkan. Jadi kita telah luluskan peruntukan itu. Saya harap ia telah mula dilaksanakan. Kalau ada kekurangan sedikit kita boleh tokok lagi untuk masa-masa hadapan.

Soal yang kedua ini sekolah di Bagan Serai mungkin telah dibangkitkan dalam perbahasan awal. Secara terperinci saya tidak boleh nyatakan statusnya tapi kalau dikatakan sudah tersenarai dalam *rolling plan* yang kita sediakan sekarang yang kedua, maka tentu dia akan ditawarkan untuk dibangunkan semula ataupun dibaiki. Saya kena semak apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Akan tetapi kalau ia tidak tersenarai maka terpaksa kita mendapatkan peruntukan dalam *rolling plan* yang ketiga. Jadi apa pun kita akan semak dan *insya-Allah* kita akan berikan perhatian kepada soal sekolah ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Jerai, Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Hulu Langat dan juga Yang Berhormat Kuala Kedah yang menyentuh mengenai

sekolah agama rakyat. Sebagaimana yang kita sedia maklum sekolah agama rakyat adalah sekolah di bawah kawalan Jabatan Agama Islam Negeri. Namun begitu, di atas keprihatinan Kerajaan Persekutuan sejumlah peruntukan per kapita telah pun disediakan bagi SAR yang menjalankan kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) di mana pada tahun ini sebanyak RM10.5 juta telah pun disediakan. Bagi SAR yang lain untuk tahun 2011 kerajaan telah pun melalui Kementerian Pelajaran Malaysia menyalurkan peruntukan sebanyak RM95 juta secara *one-off* sebagai bantuan ihsan kepada 247 buah sekolah SAR di seluruh negara.

■ **1220**

Di samping itu bantuan awal persekolahan juga dipanjangkan kepada semua murid SAR di seluruh negara. Saya sedar bahawa sekolah-sekolah ini masih memerlukan bantuan, justeru dengan jumlah peruntukan yang kita ada mungkin bantuan ihsan ini boleh dipertimbangkan berdasarkan *case by case* ataupun merit melalui permohonan kalau ada daripada SAR yang benar-benar memerlukannya. Dalam masa yang sama, saya amat mengalu-alukan agar sekolah SAR ini mendaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan bagi memudahkan penyaluran pelbagai bantuan kepada sekolah-sekolah yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak boleh sewenang-wenangnya menukar status sekolah bantuan kerajaan kepada sekolah kerajaan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Hulu Selangor. Dalam konteks penukaran status sesebuah sekolah, beberapa perkara perlu diberikan perhatian seperti persetujuan semua ibu bapa, Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) dan PIBG. Proses pengambilalihan tanah, penyediaan tapak dan penyediaan lokasi yang sesuai serta kemampuan kewangan kerajaan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga kini terdapat 369 buah SJK(T) dan 886 buah SKJ(C) yang dikategorikan sebagai sekolah bantuan modal serta 154 buah SJK(T) dan 408 buah SKJ(C) adalah sekolah bantuan penuh kerajaan. Oleh yang demikian...

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri...

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: ...Perlu diteliti secara mendalam dengan mengadakan perbincangan dengan secara spesifik dengan pihak-pihak yang berkepentingan.

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran. Saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat berkaitan dengan isu sekolah agama rakyat. Jadi saya meminta apakah kerajaan akan mempertimbangkan dari sudut kadar per kapita yang akan diberikan kepada sekolah-sekolah agama rakyat? Begitu juga tentang bantuan kepada sekolah agama rakyat yang tidak disebutkan secara khusus bagaimana yang diberikan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil ataupun Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Apa yang berbangkit ialah terutamanya sekolah agama rakyat di peringkat rendah kerana sekolah menengah bantuan kerajaan adalah di peringkat menengah, sedangkan kita mempunyai lebih daripada 2,000 sekolah

di peringkat rendah yang sangat memerlukan bantuan kerajaan kerana ia merupakan pendidikan asas dalam keadaan kita membina kualiti modal insan sedangkan peranan yang dimainkan oleh sekolah agama rakyat cukup penting untuk kita melahirkan masyarakat yang berkualiti.

Jadi diminta supaya kerajaan memberikan perhatian yang khusus sebagaimana yang diberikan juga kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dalam berkaitan dengan bantuan sekolah agama rakyat. Minta penjelasan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, silakan Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Sedikit ya Tuan Yang di-Pertua. Mengenai 154 buah Sekolah Tamil dan 404 Sekolah Cina yang masih menjadi separuh bantuan oleh kerajaan. Saya hendak tanya, saya ada membangkitkan perkara ini, saya hendak tanya dengan spesifik, adakah dasar kerajaan untuk membuat semua sekolah ini menjadi satu sekolah seperti sekolah-sekolah lain bantuan penuh dan sebagainya?

Walaupun ada beberapa faktor yang menyusahkan, mendapatkan dasar ini diimplementasikan tetapi kebanyakan sekolah-sekolah Tamil ini adalah di tanah-tanah Sime Darby, GLC-GLC dan sebagainya. Ini tidak ada apa-apa halangan tetapi halangan adalah daripada kerajaan sendiri. Apakah cara kerajaan boleh membawa satu pembaharuan, *new thinking, transformation to help reality* untuk sekolah-sekolah ini.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya sekolah agama rakyat jawapannya paling mudah dan ini sewaktu saya turun ke negeri-negeri berjumpa dengan ramai daripada mereka pada tahun lalu apabila kita mendapat *special* peruntukan diberikan oleh Perdana Menteri dan kerana atas dasar ihsan. Saya melaporkan kepada beliau bahawa keadaan sekolah ini agak daif walaupun bukan sekolah kita, dibina sendiri oleh arwah bapa saya pun ada membina sekolah sebegitu dan dikelolakan oleh swasta dan tokoh-tokoh agama tempatan. Sebahagiannya mungkin didaftarkan di bawah jabatan negeri dan sebahagiannya lagi tidak didaftarkan langsung.

Status mereka ini tidak boleh ditentukan tetapi kerana ihsan kita bantu mereka dan di samping itu jika mereka menjalankan KAFAs, kita juga memberikan guru serta bantuan-bantuan yang lain, tetapi jalan mudahnya saya sebutkan tadi daftarkan dengan Kementerian Pelajaran. Saya telah membuka tawaran ini sejak dahulu di mana jika mendaftar dengan Kementerian Pelajaran maka lebih mudah untuk kita membantu bukan sahaja setakat infrastruktur umpama soal kualiti guru, kurikulum yang digunakan, lain-lain bentuk bantuan dan latihan guru.

Jadi jika itu boleh dipersetujui, mungkin dengan kerjasama wakil-wakil PAS dan sebagainya, kerana banyak ditaja oleh PAS untuk tujuan kebaikan mutu pendidikan dan pembelajaran, maka bersedialah mereka mendaftarkan dengan kita dan kita boleh membantu secara terancang dan jika itu boleh dibuat, saya fikir lebih mudah. Jadi sementara ini berlaku

seperti yang saya sebutkan, ada juga yang sudah bersetuju menjadikan ia sebagai sekolah agama bantuan kerajaan.

Soal yang mungkin timbul ialah soal kuasa, kalau katalah ini bukan menyerah kepada kementerian ia cuma berurusan dengan bentuk memorandum di mana status tanah itu masih dimiliki oleh pemilik tanah asal tetapi diserahkan kepada kita umpama dalam bentuk pajakan supaya dengan cara itu bentuk kerjasama itu boleh dikatakan lestari dan bukan waktu pendek sahaja. Jadi itu yang saya kemukakan cadangan itu supaya dapat diterima oleh mereka. Akan tetapi malangnya sebahagian besar beranggapan tidak boleh, tidak mahu hendak bersama dengan kementerian, dia fikir Kementerian Pelajaran ini Barisan Nasional yang punya. Ini bukan soal politik tetapi soal hendak membantu. Jadi kalau boleh berbuat begitu saya fikir dapat mengurangkan sedikit masalah.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: ...Tetapi sementara itu kita cuba membantu dan saya sebutkan pada awal tadi kalau *case to case basis* kerana ia sudah teruk sangat, yang kita fikir uzur dan sebab itu boleh menjejaskan keselamatan pelajar, saya fikir kita boleh mempertimbangkannya di atas dasar itu. Akan tetapi kalau hendak buat secara kekal eloklah mereka mendaftar di atas nama sekolah agama bantuan kerajaan.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Sedikit Yang Berhormat Menteri.

Tuan Che Uda bin Che Nik [Sik]: [Bangun]

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: ...Yang kedua itu kalau dapat saya jelaskan...

Tuan Che Uda bin Che Nik [Sik]: Sedikit sahaja Yang Berhormat

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: ...Tentang sekolah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat.

Tuan Che Uda bin Che Nik [Sik]: ...Berkaitan dengan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat...

Tuan Che Uda bin Che Nik [Sik]: ...Hendak membantu, hendak membantu ini. Kita memang hendak menyokong supaya sekolah rakyat ini didaftarkan. Cuma yang timbul masalah sekarang ini apabila hendak didaftarkan *syllabus*nya perlu diubah. Ini yang kita tidak bersetuju kerana apa, pusaka datuk nenek kita baca kitab-kitab lama itu adalah penting. Jadi jika kita mendaftar bermakna tradisi kita buang dan ini yang guru-guru, ustaz-ustaz tidak mahu terima. Adakah Yang Berhormat Menteri Pelajaran boleh memberikan jaminan bahawa jika didaftarkan kita masih mengekalkan *syllabus* itu. Soalnya *syllabus* bukan soal kita mengatakan kuasa, tanah lain-lain itu adalah soal yang kedua.

Akan tetapi soalnya *syllabus*, kerana apa anak-anak ini bukan pendidikan agama yang lebih. Jadi kalaulah menerima kita katakan berdaftar dengan Kementerian Pelajaran, dia terpaksa mengubah *syllabus*, hilang sistemnya dan itu yang tok guru tidak berapa setuju. Jika Yang Berhormat Menteri boleh memberikan jaminan bahawa jika kita mendaftar pun, *syllabus* sekolah-

sekolah agama ini boleh dikekalkan, kitab-kitab kuning boleh terus dibaca sebagaimana sekolah yang dibina oleh bapa dan datuk Yang Amat Berhormat dahulu buatkan, saya rasa kita akan menyokong pendaftaran ini dibuat. Terima kasih.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Sedikit Yang Berhormat Menteri, menambah sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran. Soalannya ialah sebelum daripada ini, sekolah-sekolah agama rakyat ini mendapat bantuan per kapita. Selepas kenyataan daripada bekas Perdana Menteri yang mengatakan sekolah agama rakyat sarang pengganas, mengeluarkan *terrorist* dan sebagainya barulah ditarik balik semua bantuan per kapita ini yang menyebabkan banyak sekolah agama rakyat, berbelas-belas sekolah agama rakyat di Kedah itu menjadi mati dan ada yang diserapkan menjadi mahu tidak mahu dan ada yang menerima tawaran daripada kementerian untuk masuk SABK dan sebagainya.

Jadi saya kira, apakah salahnya sekiranya dikembalikan semula status bantuan per kapita yang pernah diberikan, dinikmati oleh sekolah-sekolah agama ini suatu ketika dahulu sebelum daripada kenyataan yang dibuat oleh bekas Perdana Menteri. Kembalikan semula bantuan per kapita, bantuan pembangunan seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran tadi. Jadi saya rasa tidak ada masalah, sebab itulah masyarakat sekarang memandang serong kepada pihak Kementerian Pelajaran yang seolah-olah hendak menguasai sedangkan dahulu pernah menikmati bantuan per kapita tetapi *once* keluar kenyataan daripada Perdana Menteri pimpinan tertinggi negara pada ketika itu menyebabkan sekolah-sekolah ini mati dan banyak guru yang kehilangan pekerjaan dan pelajar-pelajar yang berada di sekolah-sekolah ini mendadak penurunan ataupun masuk di dalam sekolah agama rakyat. Saya pohon pihak Kementerian Pelajaran, Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran untuk mengembalikan semula.

■1230

Yang ini yang kita minta dan kita tidak pernah persoal, hendak bagi sekolah mubaligh, hendak bagi sekolah ini dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Saya pohon yang itu sahaja Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Yang ini boleh duduk runding lah. Berbincang dahulu. Akan tetapi, pokoknya tadi memang tujuan kita ialah supaya kita melihat kepada sekolah ini juga walaupun ia berfungsi sebagai sekolah swasta, ia membantu dari segi menyebarkan pendidikan Islam. Ini penting bagi kita. Saya akui banyak, ada peranan dan sumbangan mereka. Akan tetapi, dari segi pentadbiran dan dari segi soal hendak menentukan ia satu proses yang agak lestari, *sustainable*, ia tidak boleh buat secara *one-off*. Itu sebab saya cadangkan tadi duduk bincang supaya sekolah ini akan menjadi sebahagian daripada sistem pendidikan kita yang tersusun.

Minta maaflah, saya tahu saya pun banyak kenalan kawan-kawan saya yang memulakan sekolah ini. Memang tidak mampu mereka urus. Kalaupun ada yang bayar yuran, yuran kadang-kadang tidak dapat menampung bayar gaji guru – sampai RM400, RM500, saya tahu. Jadi, ini tidak boleh diteruskan begitu. Oleh sebab itu, mereka bina itu selepas arwahnya sudah meninggal, sudah tidak dapat *sustain* lagi. Tutup sekolah itu sebab tidak lagi orang kata ekonomik kerana pendapatannya agak begitu merosot sekali.

Jadi sebab itu, kementerian inisiatif Kerajaan Barisan Nasional tawarkan bagi bekerjasama dengan kita. Soal *syllabus* itu saya fikir tidak jadi satu isu besar. Yang penting *content* apa yang diajar pada anak-anak kita. Tahap mana hendak diajar, kitab mana hendak dipakai, *Muta'al Badrin* kah ataupun apa yang sesuai, itu boleh kita gunakan. Jadi, pokoknya duduk bincang. Kalau ada persetujuan begitu, saya fikir kita boleh *move forward* daripada kita berbincang lepas itu kata buat tuduhan, Kerajaan Barisan Nasional tidak mahu menegakkan syiar Islam, Kerajaan Barisan Nasional mengabaikan pendidikan Islam – tidak betul. Kita bantu banyak sudah.

Oleh sebab itu, mesti ada orang kata satu peringkat persefahaman yang kata hendak mohon – katalah bantuan per kapita. Apakah dasar itu boleh kita laksanakan? Kita kena kaji berapa kos yang akan terlibat, berapa ramai sekolah yang terlibat, berapa ramai pelajar yang ada? Jadi, ini menyebabkan kita membuat satu perancangan yang lebih mendalam. Jadi, kalau ada muafakat mengetepikan soal politik dan soal pelajaran agama ini, mengajak UMNO dan PAS duduk bersama-sama dengan PKR menyelesaikan soal ini, saya tidak menjadi masalah. Akan tetapi pokoknya, mesti sesuatu yang menambah baik. Soal *syllabus* itu tidak ada masalah, soal tapak tanah boleh bincang. Macam contoh kalau tapak tanah itu adalah milik oleh pengasas dia, dia kata tidak mahu serah kepada kementerian, saya pun tidak mahu ambil. Akan tetapi, mesti ada bentuk di mana ia boleh di *formalize* kan supaya pihak Jabatan Audit tidak *query* kita. Kenapa belanja untuk sekolah yang sebenarnya bukan sekolah kita? Itu soal peraturan Yang Berhormat, mereka akan *query* dalam audit, mereka akan *query*. Jadi, hendak *merationalize* kan, kita kena buat yang bersistematik. Itu yang saya sebutkan tadi, *insya-Allah*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri boleh sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Sri Gading.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Oh, saya minta maaf belum jawab Yang Berhormat daripada Ipoh Barat tadi tentang soal sekolah-sekolah bantuan hendak tukar kepada sekolah bantuan penuh. Yang saya sebutkan tadi memang bantuan modal. Saya di peringkat kementerian pun memikirkan sama ada terdapat cara bagaimana kedudukan ini dapat kita perbaiki. Saya belum hendak menyatakan di sini kita bersetuju tetapi kita kena buat kajian kerana yang paling pokok ialah :

- (i) persetujuan daripada ibu bapa;
- (ii) persetujuan daripada lembaga pengelola sekolah;
- (iii) status tanah yang disebutkan tadi.

Ada yang kata ini di bawah ladang ataupun dimiliki oleh persendirian. Jadi, hal-hal sebegini perlu ada satu penyelarasan. Jadi, kalau ada cara bagaimana, mungkin kalau dia mematuhi kehendak kita dan juga mematuhi kriteria yang ditetapkan, ada juga kes yang sebelum ini pun, di mana sekolah-sekolah yang dikatakan bantuan modal, ia bila berpindah kita jadikan ia sekolah bantuan penuh. Jadi, hal-hal sebegini perlu kita teliti dan saya tidak jadi masalah boleh melihat perkara ini dari segi jangka panjang.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Saya hendak tanya sedikit. Tadi soalan Yang Berhormat Ipoh Barat adalah tentang sekolah sedia ada...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Macam mana boleh Yang Berhormat Serdang pula masuk ini?

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: ...Hendak tukar ke sekolah sedia ada hendak tukar dari status sekolah bantuan kerajaan ke sekolah kerajaan. Akan tetapi, sekarang saya hendak sentuh tentang status sekolah yang baru punya. Ada tiga buah sekolah baru yang telah dijanjikan oleh Kerajaan Barisan Nasional iaitu SJK(C) Kajang Baru, SJK(C) Sungai Long dan SJK(C) Bukit Serdang. Ketiga-tiga buah sekolah ini, tanahnya adalah dibekalkan oleh kerajaan. Jadi, saya tidak faham kenapa ketiga-tiga buah sekolah ini mereka dikategorikan sebagai sekolah bantuan kerajaan dan bukan sekolah kerajaan? Saya rasa dahulunya kita memang ada sekolah yang ada isu tentang isu pemilik tapak – siapa merupakan pemiliknya? Ada yang tanah itu, tapak itu bukan dimiliki oleh kerajaan.

Oleh sebab itu, susah untuk kerajaan untuk mengkategorikan mereka sebagai sekolah kerajaan. Akan tetapi, sekarang kita ada sekolah baru, tanahnya memang dibekal oleh Kerajaan Pusat. Jadi, saya tidak faham kenapa ketiga-tiga buah sekolah baru yang saya sebut tadi menjadi sekolah bantuan dan bukan sekolah kerajaan? Minta penjelasan, terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang ada di kementerian saya ini, baru pun tiga tahun saya di bawah kementerian, saya pun mengkaji. Terdapat banyak bentuk sekolah, jenis kategori sekolah kerajaan, sekolah bantuan penuh, sekolah bantuan kerajaan, sekolah bantuan modal. Jadi, ia berbagai-bagai kategori yang disebutkan itu.

Oleh sebab itu, saya sudah bayangkan tadi bahawa kita hendak mengkaji semula kedudukan bagaimana sekolah-sekolah yang disebutkan tadi mungkin dikurangkan kategori. Kalau sekolah itu memenuhi kriteria yang saya sebutkan tadi, tapak milik kita dan sebagainya, mungkin status sekolah itu boleh berubah jadi sekolah bantuan penuh kerajaan.

Jadi, hal-hal sebegini ialah dalam peringkat perancangan. Di peringkat kementerian, saya tidak dapat hendak jelaskan di sini sehingga selesai kajian itu. Nanti Yang Berhormat akan dimaklumkanlah apa perkembangannya supaya kita tidak berbangkit soal ketidakseimbangan, layanan yang berbeza, ada yang kata mendiskriminasikan di peringkat kita dalam melaksanakan sekolah-sekolah sebegini.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, ini kajian ini adalah dalam *blueprint* itu?

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Tidak dalam *blueprint*. Ini di bawah kementerian, urusan pengurusan pihak kementerian.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Specific* yang lain, beza itu.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Tidak masuk dalam itu. Ini kajian dalam kementerian, mengkaji tentang kedudukan sekolah-sekolah ini. Jadi, kita belum selesai, nanti kita akan beritahu dalam peringkat tertentu bagaimana keadaan yang sebenarnya di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya sambung lagi tentang sekolah kurang murid. Saya ingin mengalu-alukan cadangan penggabungan sekolah kurang murid (SKM) seperti mana yang diutarakan oleh Yang Berhormat Bagan Serai dan juga Yang Berhormat Kanowit. Namun, kewujudan sekolah kurang murid ini adalah untuk memenuhi keperluan masyarakat setempat seperti di kawasan ladang, pedalaman dan pulau kecil. Walaupun memerlukan peruntukan pengoperasian yang tinggi, sehingga kini terdapat 2,071 buah sekolah kurang murid yang mempunyai murid kurang daripada 150 orang.

Usaha untuk menggabungkan SKM pernah dilakukan oleh kementerian tetapi tidak mendapat sambutan daripada penduduk setempat seperti SK Mata Parang di Sarawak dan SK Bum-Bum di Sabah. Namun demikian, kementerian akan meneliti secara terperinci sekolah-sekolah kecil khususnya untuk bilangan murid yang kurang daripada 30 orang yang kini berjumlah 305 buah kesemuanya. Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang waktu persekolahan di Sabah dan Sarawak seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kalabakan, kementerian saya sememangnya menyedari tentang perkara ini dan oleh kerana itu sesetengah sekolah, kemudahan prasarana sedia ada tidak dapat menampung jumlah pelajar yang ramai dan sekolah terpaksa menjalankan waktu persekolahan dua sesi.

Pada dasarnya, saya tidak ada halangan untuk membenarkan sekolah-sekolah beroperasi lebih awal kerana kalau di Sabah, Sarawak itu 6.30 itu sudah boleh bersekolah, kalau di Semenanjung 7.30. Jadi, ini jadual waktu yang saya setuju supaya kita kaji dan *insya-Allah* kita akan keluarkan pekeliling yang sesuai untuk membolehkan sekolah-sekolah ini memulakan persekolahan lebih awal dan dia pulang pun lebih awal supaya tidak sampai ke rumah waktu mana yang sudah gelap dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, isu berkaitan pelantikan dan penempatan graduan pendidikan seperti dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hulu Selangor, Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Silam, Yang Berhormat Jempol dan Yang Berhormat Kinabatangan, kementerian telah pun memperhalusi secara terperinci perkara ini dengan mengambil kira keperluan guru dalam jangka panjang seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Sehubungan dengan itu, kerajaan memutuskan supaya graduan pendidikan keluaran Institut Pendidikan Guru Malaysia dan institusi pengajian tinggi awam

yang menamatkan pengajian pada tahun 2012 dilantik ke jawatan pegawai perkhidmatan pendidikan siswazah. Mengikut rekod KPM, seramai 10,715 penuntut program pendidikan telah dan akan bergraduasi pada tahun 2012. Pelantikan adalah tertakluk pada mereka yang memenuhi syarat skim perkhidmatan PPPS, telah membuat permohonan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran dan berjaya dalam temu duga yang dikendalikan oleh SPP.

Sehubungan itu, seramai 2,960 orang yang dikenal pasti sudah pun berijazah sebelum 1 Julai 2012, dijadualkan untuk ditemu duga oleh SPP pada tahun 2012 seperti berikut iaitu 2,470 orang daripada program j-QAF, 368 orang daripada program TESL, 90 orang daripada program KPLI, IPGM dan IPTA termasuk mereka daripada program pelajar cemerlang, 14 orang daripada program bahasa Perancis, 10 orang calon mengulang temu duga berdasarkan keperluan opsyen.

■1240

Sementara SPP menyelesaikan urusan temu duga, Kementerian akan membuat penempatan secara interim bagi kumpulan ini mulai 16 Oktober 2012.

Bagi kumpulan graduan selepas Jun 2012 iaitu seramai 7,555 orang, mereka perlu mengemukakan permohonan untuk pelantikan ke jawatan PPPS gred DG41 kepada SPP supaya penjadualan temu duga dapat disegerakan. Penempatan mereka yang lulus temu duga SPP akan dibuat pada tahun 2013. Perlu ditegaskan bahawa penempatan guru di sekolah adalah berdasarkan keperluan opsyen dan perkhidmatan. Kriteria utama yang diambil kira dalam penentuan penempatan guru baru dan juga kelulusan pertukaran guru ialah keperluan perkhidmatan dan kekosongan opsyen yang terdapat di negeri. Bilangan guru di sesebuah sekolah tidak boleh melebihi bilangan yang diluluskan mengikut waran perjawatan negeri yang berkenaan.

Kementerian juga perlu memastikan keperluan opsyen yang kritikal diisi dengan guru opsyen berkenaan agar murid mendapat tenaga pengajar yang kompeten dan mencukupi. Berhubung dengan aduan Yang Berhormat Telok Intan dan Yang Berhormat Ketereh, mengenai disiplin guru, Kementerian akan menjalankan siasatan dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Tawau, Yang Berhormat Gelang Patah dan Yang Berhormat Sipitang, teknologi maklumat dan komunikasi ICT merupakan infrastruktur yang sangat penting dan boleh dimanfaatkan untuk kelangsungan sistem pendidikan negara. Justeru, selaras dengan kemajuan pembangunan dan kemajuan ICT pada masa kini, KPM melalui projek perkhidmatan 1BestariNet yang sedang dijalankan secara berperingkat-peringkat telah berjaya meningkatkan akses jalur lebar berkelajuan tinggi untuk kegunaan pengajaran dan pembelajaran di sekolah di seluruh negara.

Perkhidmatan ini juga telah menyediakan platform *virtual learning environment (VLE)* kepada pengguna secara percuma untuk berkongsi maklumat termasuk bahan pengajaran dan pembelajaran yang boleh diakses di mana-mana. Ini secara tidak langsung akan dapat mengatasi masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Bagan Serai, mengenai kesukaran guru mengakses sistem pengurusan penilaian berasaskan sekolah. Selain itu, untuk

memaksimumkan penggunaan ICT di sekolah, KPM akan melihat kembali fungsi penggunaan radio pendidikan yang pernah digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah pada tahun 1970-an.

Dalam konteks ini, melalui 1BestariNet radio pendidikan boleh diaktifkan semula terutamanya bagi kawasan pendalaman dengan hanya memerlukan peralatan (*device*) yang berupaya mengakses frekuensi radio atau internet. Mengenai masalah makmal komputer seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tawau, sehingga kini sebanyak 411 buah makmal komputer dan 411 buah akses sekolah yang telah digunakan sepenuhnya oleh sekolah di Sabah.

Di bawah dasar MBMMBI pula, kementerian merancang untuk melengkapkan semua sekolah dengan makmal bahasa dan akan dilaksanakan secara berfasa. Untuk makluman Yang Berhormat Sipitang, pada tahun 2011 sahaja sebanyak 1,548 makmal komputer termasuk pusat akses sekolah telah dinaiktarafkan kepada makmal bahasa. Daripada jumlah ini, 765 buah makmal komputer di sekolah rendah luar bandar dan 215 buah makmal komputer di sekolah menengah luar bandar yang akan mendapat manfaat daripada projek ini.

Tuan Che Uda bin Che Nik [Sik]: Yang Amat Berhormat Menteri.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Saya menghargai pandangan dan kebimbangan Yang Berhormat Kepong terhadap risiko kesalahan siber dalam kalangan murid. Kementerian dengan kerjasama Agensi Siber Sekuriti Malaysia di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta Digi Telekomunikasi Sdn. Bhd. telah pun menjalankan program kesedaran keselamatan siber, *cyber in school* mulai tahun 2011 yang melibatkan murid, guru dan ibu bapa.

Tuan Che Uda bin Che Nik [Sik]: Sedikit sahaja Yang Berhormat, soalan saya begini. Kita memperkenalkan SchoolNet dahulu dan sekarang BestariNet. Adakah kementerian atau Yang Amat Berhormat Menteri dapat memberi jaminan bahawa kita akan pastikan semua sekolah mendapat program ini sebelum kita berpindah ke program lain? Kalau tidak, kita akan tidak sudah-sudah dengan memperkenalkan program baru, yang sekolah yang saya sebut yang lemah-lemah tadi, yang luar bandar tadi, tidak dapat program itu. Jadi, saya hendak jaminan yang itu sahaja. Kalau Yang Berhormat Menteri boleh bagi jaminan bahawa 1BestariNet ini tidak akan diubah kepada sistem lain sehinggalah seluruh sekolah di negara kita ini, termasuk di luar bandar mendapat program ini, baru kita akan fikirkan yang lebih moden daripada ini. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Terima kasih Yang Berhormat, ini ada disebutkan dalam *blueprint*. Kalau Yang Berhormat baca, disebutkan bahawa pada akhir 2013, *insya-Allah* sebanyak 10 ribu buah sekolah kita semuanya akan dibekalkan dengan kemudahan internet menerusi 1BestariNet. Sekarang ini hanya dua ribu lebih dan kita harap ia akan diteruskan pada tahun hadapan. Bermakna, sekolah itu di mana sahaja dengan teknologi canggih dalam BestariNet yang kita gunakan, semua pelajar-pelajar boleh mendapat akses.

Di samping itu, mungkin pada masa hadapan kita tidak perlu membina apa yang disebutkan makmal-makmal secara fizikal. Ini kerana dengan teknologi baru, dengan bentuk

Google dan sebagainya kita dapat menggunakan *Cloud* dan sebagainya itu adalah satu daripada cara yang boleh kita elak daripada perbelanjaan yang besar. ni bermakna hampir semua sekolah akan mendapat akses kepada internet. Ini bagi kita adalah satu penentu bagi meningkatkan kualiti pembelajaran pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pelajaran yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Terdapat isu yang dibangkitkan telah dijawab secara jawapan lisan di Dewan yang mulia ini. Sehubungan itu saya tidak perlu hendak mengulas perkara ini secara panjang lebar. Namun, jika terdapat isu-isu yang tidak sempat dijawab, ia akan diambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya. Setakat ini sahaja, saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih di atas keprihatinan, perhatian, teguran dan juga sokongan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap usaha-usaha untuk meningkatkan lagi kecemerlangan pendidikan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Jemput Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tiga-tiga Menteri tidak ada lagi.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya ingat boleh bagi Yang Berhormat Pasir Salak tolong gulung. Sila Yang Berhormat Pasir Salak, mewakili Jabatan Perdana Menteri untuk gulung. Yang Berhormat Sri Gading boleh bangun?

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Setuju, setuju.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena, boleh duduk Yang Berhormat. Ya, sila Yang Berhormat.

12.48 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Minta maaf, ada dalam *toilet* tadi. [*Ketawa*]

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Hari ini semua Menteri masuk *toilet* Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Jangan masuk dengan saya sudahlah Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Perbahasan Bajet 2013 peringkat dasar yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri amat menghargai pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat Yang Berhormat Seputeh ada di sini, Yang Berhormat Batu Gajah pun ada. Saya terutama sekali ingin membangkit dengan perkara yang menyentuh mahkamah. Yang Berhormat Seputeh mencadangkan pindaan ke atas seksyen 294, Kanun Tatacara Jenayah untuk melindungi gadis di bawah umur. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

kerajaan mengambil maklum saranan agar seksyen 294, Kanun Tatacara Jenayah, Akta 593 dipinda bagi melindungi mangsa kanak-kanak.

■ 1250

Kerajaan turut mengambil maklum cadangan agar kanak-kanak lelaki juga dilindungi di bawah Undang-undang Jenayah Seksual. Seksyen 294 Kanun Tatacara Jenayah terpakai bagi semua jenis kesalahan jenayah dengan syarat kesalahan jenayah tersebut memenuhi syarat yang diperuntukkan di bawah seksyen tersebut. Dalam hal sedemikian, seksyen tersebut memberikan mahkamah budi bicara untuk mengeluarkan perintah bon berkelakuan baik sekiranya pesalah merupakan pesalah kali pertama atau sekiranya terdapat hal keadaan ringan dengan izin *extenuating circumstances* bagi kesalahan tersebut. Namun kerajaan mengambil maklum bahawa apabila seksyen 294 Kanun Tatacara Jenayah digunakan bagi menggantikan hukuman minimum pemenjaraan lima tahun ke atas pesalah dengan izin *statutory rape*, ia memberikan gambaran bahawa undang-undang yang telah ditetapkan tidak dipatuhi.

Sehubungan dengan itu, kajian secara menyeluruh dan terperinci mengenai pemakaian seksyen 294 Kanun Tatacara Jenayah bagi kesalahan seksual yang mengambil kira pandangan pelbagai pihak akan dijalankan. Ini termasuk mengkaji kewajaran penggunaan budi bicara mahkamah di bawah seksyen 294, Kanun Tatacara Jenayah bagi kesalahan di bawah seksyen 376 Kanun Keseksaan yang melibatkan pesalah kali pertama dan pesalah muda serta mangsa kanak-kanak.

Kajian ini turut akan mengkaji peruntukan undang-undang negara lain sebagai perbandingan. Sekiranya dapatan kajian menunjukkan terdapat keperluan untuk undang-undang dipinda atau penambahbaikan lain dibuat, cadangan pindaan dan penambahbaikan akan dipertimbangkan oleh kerajaan dan tindakan yang sewajarnya akan diambil. Yang Berhormat Batu Gajah mencadangkan ...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat Menteri, dalam ucapan saya, saya cadangkan adalah perlu bagi sama ada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ataupun Jabatan Peguam Negara untuk panggil beberapa mesyuarat meja bulat untuk membincangkan hal ini dan saya juga mendapati NGO-NGO wanita juga amat berminat untuk menyumbang fikiran dan juga pandangan mereka terhadap isu berkenaan dengan *statutory rape* ini. Jadi adakah Yang Berhormat akan panggil satu mesyuarat seperti ini dan juga kerana saya juga berpendapat, sebagai seorang bekas anggota *select committee* yang mengkaji *Penal Code* dan *Criminal Procedure Code*, saya rasa bila kita bertemu dengan rakyat, dengan wakil persatuan dan juga peguam daripada pelbagai pihak, kami mendapat banyak *feed back* yang berlainan daripada mereka dan ini memang boleh membantu kita menggubal undang-undang ataupun meminda undang-undang yang sedia ada. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya bersetuju dan kalau Yang Berhormat tunggu jawapan saya di bawah nanti, akan juga merangkumi apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

Yang Berhormat Batu Gajah mencadangkan agar kerajaan mengambil kira pandangan NGO-NGO wanita yang menyarankan agar perintah kelakuan baik di bawah seksyen 294 Kanun Tatacara Jenayah tidak terpakai kepada pesalah di bawah seksyen 376 Kanun Keseksaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan mengambil maklum saranan agar mengecuali pemakaian seksyen 294 Kanun Tatacara Jenayah iaitu Akta 593 bagi pesalah yang dipertuduhkan di bawah seksyen 376 Kanun Keseksaan, Akta 574 terutamanya bagi kesalahan yang melibatkan mangsa kanak-kanak.

Seperti yang saya maklumkan sebentar tadi, seksyen 294 Kanun Tatacara Jenayah memberikan mahkamah budi bicara untuk mengeluarkan perintah bon berkelakuan baik jika sekiranya pesalah merupakan pesalah kali pertama atau jika sekiranya terdapat hal keadaan peringan dengan izin, *extenuating circumstances* bagi kes tersebut.

Seksyen 294 Kanun Tatacara Jenayah terpakai bagi semua jenis kesalahan jenayah dengan syarat kesalahan jenayah tersebut memenuhi syarat yang diperuntukkan di bawah seksyen tersebut. Memandangkan hukuman bagi kesalahan seksual terutamanya kesalahan di bawah seksyen 376 Kanun Keseksaan melibatkan hukuman pemenjaraan mandatori, maka Jabatan Peguam Negara telah pun mengambil inisiatif untuk menjalankan kajian secara menyeluruh dan terperinci mengenai pemakaian seksyen 294 Kanun Tatacara Jenayah bagi kesalahan seksual. Ini termasuk mengkaji kewajaran penggunaan budi bicara mahkamah di bawah seksyen 294 Kanun Tatacara Jenayah bagi kesalahan di bawah seksyen 376 Kanun Keseksaan yang melibatkan pesalah kali pertama dan pesalah muda serta mangsa kanak-kanak.

Walau bagaimanapun, perkara ini adalah tertakluk kepada dasar dan keputusan kerajaan dan dalam hal ini, sukacita saya menyebutkan kerajaan telah memberi lampu hijau kepada pihak Jabatan Peguam Negara untuk mengambil tindakan segera bagi membuat pindaan secepat mungkin kepada seksyen 376 Kanun Keseksaan supaya seksyen 294 Kanun Tatacara Jenayah tidak diguna pakai bagi seksyen itu. Ini memandangkan kerana;

- (i) Kerajaan mengambil maklum iaitu seksyen 376 Kanun Keseksaan ialah untuk memberi perlindungan kepada wanita muda, gadis muda ataupun kanak-kanak di bawah 16 tahun daripada dieksploitasikan secara seksual dan tidak ada pertimbangan yang lain di bawah seksyen ini. Bermakna dengan izin, *the prime consideration for the existent of section 376 is to protect young women*. Jadi tak bangkit soal kata kita nak pertimbangkan bagaimana pula kalau pesalah itu juga orang muda, itu hal lain tapi memang tidak boleh dinafikan iaitu seksyen 376 ialah untuk melindungi gadis dan kanak-kanak di bawah 16 tahun daripada dieksploitasi secara seksual.
- (ii) Kita mengambil tindakan ini ialah dalam jawapan saya tadi menyebut tentang kajian menyeluruh. Jadi kajian menyeluruh tentang perkara ini akan memakan masa yang lama yang melibatkan kajian yang terperinci

dan juga yang disebut oleh Yang Berhormat tadi iaitu dengan izin, *engagement* dengan orang ramai. Memang kita berhajat untuk mengadakan meja bulat dan juga *engagement* dengan *members of the public* dan kita jangka ini akan memakan masa yang lama. Sebab itu tindakan segera ini kita minta supaya AG mengambil tindakan ini.

- (iii) Jumlah kes bersabit dengan kesalahan ini adalah terlalu tinggi yang berjumlah seperti jawapan yang telah saya berikan kepada Yang Berhormat dari Simpang Renggam iaitu dari 2007 hingga Ogos 2012, terdapat 5,976. Yang Berhormat Seputeh tulis ya? 5,976 kes yang telah dibawa ke mahkamah untuk dibicarakan di bawah kesalahan rogol yang melibatkan gadis di bawah umur 16 tahun atau rogol statutory iaitu dengan izin, *statutory rape* dan bagi tempoh yang sama iaitu sejak tahun 2007 hingga Ogos 2012, terdapat seramai 5,119 orang yang telah dipertuduh dengan kesalahan rogol yang melibatkan gadis di bawah umur 16 tahun. Walaupun kes ..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, boleh sambung petang nanti Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, saya berterima kasihlah. Perkara ini serius, jadi kita sambung selepas ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat Menteri.

2.32 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Alasan yang ketiga, mengapa kerajaan telah memberi lampu hijau kepada pihak Jabatan Peguam Negara untuk mengambil tindakan segera membuat pindaan terhadap seksyen 376 ialah sebagaimana telah disebut sebelum kita berhenti untuk makan tengah hari tadi. Jumlah kes bersabit dengan kesalahan ini adalah terlalu tinggi iaitu berjumlah, saya sebut tadi di antara tahun 2007 hingga tahun 2012 ada 5,976 kes yang telah dibawa ke mahkamah untuk dibicarakan di

bawah kesalahan rogol yang melibatkan gadis di bawah umur 16 tahun atau lebih dikenali sebagai dengan izin, *statutory rape*.

Bagi tempoh yang sama juga mereka yang dipertuduh jumlahnya ialah 5,115 yang dipertuduh dengan kesalahan rogol yang melibatkan gadis di bawah umur ini. Dari jumlah itu 1,631 orang telah disabitkan di atas kesalahan berkenaan, 327 orang telah dilepaskan dan dibebaskan selepas tamat percabangan. Itu yang terlepas. Yang dilepaskan tanpa dibebaskan daripada pertuduhan tersebut ialah 446 orang. Ini jumlah yang terlalu tinggi untuk kita tidak mengambil tindakan segera bagi melindungi wanita di bawah 16 tahun ini. Sudah tentu mereka akan terdedah dan terbuka kepada penjenayah ini tanpa ada apa-apa perlindungan. Sehingga kita hendak menunggu kita kaji mendalam, kemudian ada *public engagement*. Ini terlalu berbahaya untuk kita dedahkan mereka ini tanpa mendapat apa-apa perlindungan.

Kemudian juga sebab keempat, sudah wujud dari segi perbezaan interpretasi di antara Jabatan Peguam Negara dan mahkamah dalam soal *extenuating circumstances*, di mana dalam seksyen 294 Kanun Tatacara itu. Kita bimbang keputusan dua mahkamah ini kalau kita tidak dengan segera membuat pindaan, ianya akan menjadi ikutan kepada mahkamah-mahkamah lain. Alasan sebenarnya rayuan yang dibuat oleh pihak Peguam Negara dalam satu daripada dua kes yang melibatkan hubungan seks dengan wanita di bawah 16 tahun, alasan rayuan ialah Peguam Negara berpendapat bahawa tidak wujud *extenuating circumstances* seperti yang diputuskan oleh seorang hakim mahkamah itu. Jadi apabila kita ada perbezaan dari segi interpretasi Yang Berhormat, maka kita sebagai *law makers* harus memberikan satu jalan penjelasan yang muktamad supaya tidak lagi berbangkit soal perbezaan pendapat ini. *We are the law makers*.

Jadi kita perlu membuat pindaan untuk terang-terang mengatakan bahawa seksyen 294 tidak boleh diguna pakai dalam kesalahan seksyen 376 ini.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Itu alasan yang keempat dan saya kira walaupun saya baca dalam akhbar semalam ada pandangan-pandangan yang mengatakan bahawa kalau kita melakukan ini merupakan – sekejap ya, kita seolah-olah campur tangan dalam urusan kehakiman ataupun *judges*. Saya kira itu tidak berbangkit kerana di masa lepas pun apabila berlaku perbezaan interpretasi ini adalah menjadi hak Parlimen untuk menggubal undang-undang atau meminda undang-undang supaya seksyen tertentu itu akan lebih jelas dan tidak berbangkit soal perbezaan interpretasi. Itu yang akan kita lakukan. Sila Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri, jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri menunjukkan bahawa kerajaan mempunyai niat untuk memastikan bahawa seksyen 294 ini tidak terpakai kepada kes-kes rogol di mana mangsanya di bawah umur. Boleh Yang Berhormat Menteri memberitahu kepada kita kalau kita lihat kepada seksyen 376 sekarang seperti mana ianya digubal, ianya dengan cukup jelas menyatakan, "*Whoever commits rapes shall be punished with*

imprisonment for a term not less than five years and not more than twenty years and shall also be liable to whipping". Apa masalah dengan seksyen tersebut di mana seksyen tersebut cukup jelas menyatakan *whoever commits rapes shall be imprisoned not less than five years*. Jadi apa masalah dengan seksyen tersebut seperti mana ia digubal? Kalau kita sebagai Ahli Parlimen, kita dalam persidangan yang lalu dengan cukup jelas telah pun menyatakan bahawa kesalahan sebegini hukumannya perlu tegas. Itu pertama.

Keduanya Yang Berhormat Menteri, apabila perkara ini dibangkitkan dahulu kita lihat kenyataan dari Yang Berhormat Menteri di mana Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa tidak perlu dan kerajaan tidak berhasrat untuk membuat pindaan ini. Ini adalah pendirian yang diambil oleh Yang Berhormat Menteri. Ada laporan-laporan yang dikemukakan bersangkutan dengan hal itu. *Of course it's a different opinion between Parliament and AG Chambers*. Soal saya ingin kemukakan adalah adakah Yang Berhormat Menteri setuju di mana satu kes menunjukkan bahawa seseorang itu melakukan kesalahan ini orang tersebut juga muda umurnya.

■1440

So, memang perempuan tersebut umur dia di bawah 16 tahun tetapi lelaki ataupun *criminal*, penjenayah yang ditangkap itu mungkin berumur 17 atau 18 tahun dan beliau tidak tahu bahawa ini adalah kesalahan yang membawa hukuman seberat ini. Ada keterangan yang menunjukkan bahawa mereka ada hubungan pada masa itu, cinta ataupun tidak, itu lainlah.

Akan tetapi persoalannya adalah ini. Adakah kerajaan di dalam keadaan-keadaan tersebut juga berhasrat untuk membawa satu hukuman minimum lima tahun terhadap seorang budak tersebut selaras dengan cadangan kerajaan sekarang untuk menunjukkan bahawa kerajaan memang mengambil serius kejadian tersebut? Ini mengambil kira keadaan-keadaan tertentu, keadaan-keadaan yang memihak seseorang lelaki tersebut. Sila beri penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Pertamanya, tidak ada cacat celanya seksyen 376 ini. Sebab itu kalau Yang Berhormat datang sebelum kita berhenti untuk makan tadi, saya menjelaskan iaitu seksyen 376 ini kalau hendak dipinda, dimasukkan bahawa seksyen 294 tidak terpakai bagi seksyen ini. Itu sahaja. Walaupun kita boleh tukar seksyen 274 mengatakan seksyen 274 ini tidak terpakai kepada seksyen 376, *either way*. Jadi tidak ada cacat celanya seksyen 376, cuma pindaan ialah untuk memastikan supaya seksyen 294 tidak terpakai bagi seksyen 376.

Kemudian saya tidak menafikan iaitu bahawa apabila mula-mula perkara ini berbangkit, saya menyatakan bahawa pada ketika itu kita tidak berhasrat untuk – kerana kebimbangan saya pada ketika itu belum ada lagi apa-apa keputusan dan mungkin kenyataan saya itu boleh diibaratkan sebagai mencampuri urusan *because I am commenting on decision of the judges*. Jadi saya tidak boleh komen. Sebab itu saya punya pandangan yang pertama sekali iaitu bahawa kita tidak berhasrat. Akan tetapi apabila perkara ini berbangkit, memorandum diberi, sebab itu saya hendak sebutkan di sini dan kemudian ada pula perbezaan interpretasi berkenaan dengan

extenuating circumstances tadi di antara peguam negara dan mahkamah, dan alasan yang kelima yang saya hendak beri di sini ialah kerajaan mengambil maklum bantahan dan kemarahan orang ramai yang begitu banyak marah sebagai reaksi terhadap kedua-dua keputusan yang telah dibuat di mahkamah itu.

Jadi kita menganggap bahawa laporan ini tidak melampau tetapi sebenarnya mencerminkan pemikiran dan perasaan rakyat di peringkat akar umbi dan dilaporkan sebenarnya di semua, bukan sahaja *printed press* tetapi juga media elektronik dan kita ambil kira ini. *Concern parents, concern of the public*, kita tidak boleh menidakkannya. Maka kerana itulah kita berpendapat bahawa tindakan segera perlu diambil. Juga kerana dengan statistik yang telah saya sebut sebentar tadi 5,976 kes, tinggi. Bukan 20, 30, tetapi 5,976 kes. Sesuatu mesti dilakukan dengan segera.

Apa Yang Berhormat sebut sebentar tadi iaitu berkenaan dengan pelaku kesalahan itu terdiri juga daripada mereka yang dianggap sebagai *child*, ini saya telah sebut sebentar tadi iaitu bahawa perlu ada *public engagement*, perlu ada *round table*, kajian yang mendalam untuk melihat secara total, keseluruhan, apa yang perlu dilakukan dalam isu ini. Ini tidak boleh dibincangkan dalam masa satu dua hari tetapi perlu mendapat pandangan daripada pihak-pihak *stakeholders*. Itulah, soalan yang Yang Berhormat bangkit tadi berkenaan dengan mereka ini bagaimana kalau yang pelaku kesalahan itu juga merupakan kanak-kanak, macam mana? Ini kita harapkan supaya akan satu keputusan diambil apabila kajian yang mendalam dan *public engagement* dilakukan.

Walau bagaimanapun, *ignorance of the law* dalam undang-undang *is no defense*. Kita tidak boleh melindungi seseorang itu, disabitkan oleh kerana Yang Berhormat kata dia tidak tahu tentang undang-undang itu. Jadi, saya rasa yang saya sebut peringkat awal tadi, kita yang peting di sini, seksyen 376 diwujudkan kerana hendak melindungi kanak-kanak, gadis muda di bawah 16 tahun, *full stop*. Itu kesimpulan.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Boleh minta penjelasan?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Bolehkah Yang Berhormat Menteri, hanya satu tambahan daripada itu?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ya.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Menteri, terima kasih kerana menyatakan bahawa kajian mendalam akan dijalankan. Akan tetapi di sini boleh saya juga cadangkan Yang Berhormat Menteri, sekiranya pandangan juga didapati daripada hakim-hakim berkenaan dengan isu pindaan ini. Seksyen 376 ini di mana ada minimum, Yang Berhormat Menteri. *I think the problem is* apabila ada satu minimum di situ dan minimum itu menjadi adalah sebanyak lima tahun, itu menjadi satu perkara yang memang menyusahkan hakim-hakim.

So jadi kalau boleh saya minta agar juga pendapat diambil daripada mereka, juga dengan *Bar Council* dan kalau boleh juga daripada pihak pembangkang di mana kita juga dihadapi oleh ramai orang yang mempunyai pendapat-pendapat mereka masing-masing juga untuk diambil kira. Terima kasih Yang Berhormat Menteri...

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat...

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat Menteri, sedikit.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Kemudian, saya jawab, saya jawab dahulu. Dalam hal ini saya telah pun daripada awal tadi telah mengatakan iaitu bahawa kita akan mengadakan *public engagement* dengan semua pihak. Jadi semua itu merangkumi apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat. Cuma lain kali datang awal sikitlah ya, sebab saya sudah jawab perkara ini. Ya, Yang Berhormat Taiping.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri telah sebut terdapat lebih 5,000 kes. Pihak sebelah sana dan pihak sebelah sini, kedua-dua pihak memandang serius tentang *statutory rape* dalam aspek ini. Akan tetapi bagaimanapun, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, yang saya perhatikan selain daripada *judicial discretion* yang telah pun mungkin akan dipinda tetapi adakah kerajaan bercadang untuk mengambil langkah proaktif menangani *judicial discrepancies in sentencing*? Memandangkan ada kes mengikut statistik kajian yang dibuat oleh Universiti Malaya, ada *judge* ataupun hakim pada kesalahan yang sama tetapi hukuman amat berbeza sekali. Maka ia tidak dapat mencerminkan keadilan kepada pihak pesalah dan juga pihak yang telah pun dipersalahkan. Saya pohon supaya Yang Berhormat Menteri dapat menjelaskan *what is the government's plan to take care of the judicial discrepancies in sentencing*? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya pada 25 September berkenaan dengan isu *statutory rape* ini, soalan tambahan daripada Yang Berhormat Lembah Pantai, saya telah menyatakan iaitu bahawa saya telah pun bertemu dengan Ketua Hakim Malaysia iaitu Tun Arifin Zakaria dan dalam perjumpaan saya dengan beliau seperti mana Yang Berhormat sebut itu, kita sedang berbincang. Keputusan ini sudah tentu mesti datangnya dari pihak mahkamah kerana kita tidak mahu mencampuri urusan mereka, *separation of powers*.

Jadi dalam peringkat awal, Ketua Hakim telah memberikan pandangan iaitu kemungkinan jawatankuasa seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Lembah Pantai iaitu boleh ditubuhkan kalau sekiranya pihak eksekutif, Kerajaan bersetuju tetapi ia cuma boleh menyelaraskan *sentencing*. So apabila kita berbincang dengan Ketua Hakim, dia bersetuju untuk diadakan apa yang dikatakan Jawatankuasa *Sentencing* bagi menyelaras hukuman yang diturunkan oleh hakim-hakim di mahkamah, itu kita bersetuju.

Jadi, saya pergi...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [Bangun]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bagilah.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya sama ada Yang Berhormat ada maklumat tambahan daripada statistik 5,000 kes yang

dituduh yang melibatkan mangsa adalah di bawah 16 tahun itu, ada berapa pesalahnya atau tertuduh tersebut adalah di bawah 18 tahun? Mungkin dari aspek itu dengan maklumat tambahan boleh meneliti semula seksyen hukuman berkenaan. Terima kasih.

■1450

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya tidak ada statistik itu. Pelaku yang di bawah umur 18 tahun, saya tidak ada. Nanti saya akan minta. Akan tetapi mungkinlah saya ingat yang 400. Mungkin, saya tidak tentu. Saya kata sejumlah 446 orang telah dilepaskan tanpa dibebaskan daripada pertuduhan tersebut. Mungkin dalam 446 orang itu ada mereka yang mungkin ada. Itu saya tidak tahu. Akan tetapi sekurang-kurangnya Yang Berhormat boleh agak maksimumnya 446 orang yang mungkin merupakan mereka yang di bawah umur pesalah laku tadi...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak habis-habis.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, *must be on record*. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua juga tahu dalam *select committee* yang kita adakan pada tahun 2006, di mana kami telah menjelajah di banyak bandar dan membuat pendengaran daripada NGO, individu dan juga peguam berkenaan dengan kes rogol. Ramai peguam datang kepada kita pada waktu itu yang mengadu tentang mandatori *five years sentence* dalam kes rogol pada waktu itu. Itu sebabnya selepas itu pindaan yang kami bantangkan di Parlimen adalah kita telah batalkan yang mandatori minimum lima tahun hukuman kepada gadis di antara di bawah 16 tahun dengan 12 tahun, supaya kita bagi *discretion* bagi hakim untuk membuat keputusan. Walau bagaimanapun, saya rasa apa yang berlaku dalam dua kes yang dilaporkan itu adalah masalah tentang keputusan hakim di mana tiada apa-apa hukuman yang dikenakan dan ini membangkitkan kemarahan orang ramai.

Jadi Yang Berhormat Menteri yang mencadangkan untuk – Peguam Negara telah pun diarahkan untuk mengkaji semula dan membentangkan di Dewan yang mulia ini tentang pindaan kepada CPC dan juga *Penal Code*. Saya masih rasa kita juga harus mengambil kira keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang mengkaji *Penal Code* dan *Criminal Procedure Code* itu dan juga pandangan daripada ibu bapa juga dan termasuk peguam yang menangani masalah ini. Saya faham apa Yang Berhormat kata ialah ada banyak isu yang terlibat itu kita perlu kaji dengan lebih teliti. *That is for long term*. Akan tetapi mungkin dalam sidang ini satu rang undang-undang baru – pindaan akan diadakan.

Akan tetapi saya rasa ini terlalu terburu-buru. *Why don't you take some times, listen first, feedback* daripada para peguam malah daripada hakim pula kerana mereka yang mendengar kes. Saya juga rasa kita haruslah juga menghormati kebijaksanaan hakim yang mendengar banyak kes yang melibatkan rogol dan jenayah ini. Jadi *feedback* atau maklum balas daripada pelbagai pihak ini baru kita bantangkan rang undang-undang tersebut. Saya cadangkan kita tidak harus terburu-buru tetapi kita buat lagi pendengaran seperti apa yang pernah dilakukan. Mungkin tidak perlu tubuhkan *select committee* tetapi bila kita buat pindaan dalam rang undang-undang yang begitu

serius ini, haruslah mendapat pungutan suara dan juga pandangan daripada lebih banyak pihak supaya kita tidak perlu selalu datang balik Parlimen, pinda *Penal Code* lagi, pinda *Criminal Procedure Code* lagi.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puchong, kalau masalah lima tahun itu, tanya dia. Dia yang buat dulu. Dia lebih tahu. Dia yang pinda dahulu CPC. Ini berkenaan dengan – saya sebut tadi tindakan segera untuk melindungi wanita. Mungkin Yang Berhormat belum berumah tangga tidak ada anak perempuan. Tidak ada anak perempuan tidak tahulah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *Ini personal.*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Kalau kita hendak tunggu, buat kajian. *No, no, not personal. Not personal. I try to explain. She didn't understand. You see, you don't understand because* – saya bagi lima sebab mengapa perlu dipinda sekarang. Ini kerana kajian mendalam dan juga *engagement*, dia akan memakan masa. Saya tidak boleh berjanji. Mungkin satu tahun. Dalam masa satu tahun ini, dengan jumlah yang berlaku ini, jumlahnya 5,000 lebih, apakah kita hendak mendedahkan anak-anak gadis bawah umur 16 tahun ini terbuka kepada kemungkinan akan berlaku lagi rogol.

Cuba Yang Berhormat tengok kalau 2007 hingga 2012, 5,900 lebih, makna setiap hari seorang budak kena rogol. Satu hari sekurang-kurangnya seorang kena rogol. Jadi kalau kena tunggu setahun lagi, mungkin 300 orang lagi yang akan terdedah kepada jenayah ini.

Saya tidak menafikan itu bahawa kita mesti ada holistik punya penyelesaian kepada isu ini. Akan tetapi dalam keadaan sekarang ini, jumlah 5,900 berlaku jenayah ini, kita mesti mengambil tindakan segera untuk melindungi gadis di bawah 16 tahun ini daripada diperkosa dan mengadakan hubungan seksual dengan mereka. Sebab itu – saya tidak mengatakan Yang Berhormat tidak betul, betul! Akan tetapi kita hendak kena *protect* yang bawah – saya percaya Akta 376 ini ialah untuk melindungi gadis di bawah 16 tahun..., *full stop!* Jadi itu mesti kita lakukan dulu dan tidak salah kalau disegerakan apa yang telah diminta oleh kerajaan kepada pihak Jabatan Peguam Negara. Kita boleh beralih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Akan tetapi Yang Berhormat Menteri, waktu itu *select committee* kita buat keputusan, kita menganggap yang kita harus juga melihat kes-kes tertentu di mana ada kes di antara remaja suka sama suka dan juga kita bagi hakim untuk membuat keputusan bagi budak perempuan di bawah 16 tahun dan di atas 12 tahun itu dengan persetujuan. Jadi dalam kes dengan persetujuan di antara *range* ini, hakim boleh buat keputusan. Walaupun kami tidak setuju yang hakim bagi mereka bebas begitu sahaja seperti apa yang kita lihat dalam dua laporan kes itu, tetapi saya juga rasa ini melibatkan banyak itu lagi yang mana tidak perlu bagi Peguam Negara untuk membentangkan rang undang-undang dengan secepat mungkin kerana banyak pihak belum dilindungi lagi. Isu tentang rogol dan *statutory rape* memang adalah diberi perhatian oleh pihak saya dan ramai wakil rakyat dan juga NGO.

We should hear them out first before we quickly rush through a bill. Saya rasa ini adalah cara yang lebih demokratik dan kita juga boleh buat pindaan yang lebih menyeluruh. Walaupun dalam masa singkat pun, saya rasa lebih – kalau kita boleh ada beberapa pendengaran daripada pihak hakim, pihak NGO dan sebagainya, kita akan buat pindaan ini dengan lebih menyeluruh.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat berdiri dan bercakap itu anggapan. Saya menjawab kenyataan. Kenyataannya, 2007 sampai sekarang, hampir 6,000, 5,976. Hampir 6,000 kes yang telah dibawa ke mahkamah. Enam ribu dalam masa beberapa tahun sahaja. Maknanya setiap hari dua hingga tiga orang terdedah. Saya cakap kenyataan dan Yang Berhormat cakap tentang anggapan. Kemudian, Yang Berhormat, bila saya berjumpa dengan wanita-wanita yang berjumpa dengan saya, pandangan mereka berbeza dengan Yang Berhormat. Berbeza. Apa angguk-angguk kepala pula?

Wanita masyarakat Cina di negeri Selangor berjumpa dengan saya dengan penuh emosi dan perasaan. Meminta kerajaan buat sesuatu. Ini tidak betul! Keputusan dikeluarkan mereka tidak suka. Itu satu kumpulan berjumpa dengan saya. Ada kumpulan lain lagi. Jadi Yang Berhormat cakap mungkin Yang Berhormat punya pandangan tetapi yang perempuan jumpa dengan saya, berbeza...

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Walau bagaimanapun, saya Menteri, Yang Berhormat bukan. Ikut suka hati sayalah saya hendak buat sebab saya hendak menyelamatkan.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri, mohon mencelah.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Bukan kira macam itu. Bila kita beri penjelasan tetapi tidak faham-faham, akhirnya nanti keputusan yang akan dipakai ialah keputusan saya. Kita hendak selamatkan. Tidak akanlah buat benda baik, hendak selamatkan budak 16 tahun ini pun hendak jadi satu pertikaian.

■ 1500

Hendak kena tunggu sampai dua tahun sudah selesai semua secara holistik baru buat. Pada ketika itu dua tahun berlalu, berapa lagi budak-budak yang akan terdedah kepada perogol ini saya hendak beritahu...

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Jadi itu sahaja. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat, apa salahnya dengan mengambil tindakan untuk meminda satu seksyen sahaja dengan kita membuat holistik, kemudian dua tahun. *What's the* - dua-dua demokratik. Bukan saya hendak buat ini guna kuasa menteri yang ada. Saya tidak ada kuasa menteri untuk buat, saya kena bawa ke Dewan juga. *So please*lah.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Menteri, boleh saya bersuara di sini?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Sila.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya harap perkara ini tidak akan dipolitikkan atau dibelitkan. Mungkin kita berlainan pendapat sedikit dan pada perspektif bawah umur sekiranya pertuduh itu adalah seorang di bawah umur. Bagi kami yang beragama Islam, ini adalah sama ada dia suka sama suka sekalipun, ia adalah zina. Ia adalah salah di dalam pandangan Islam.

Kalau kes rogol di mana kita tadi tidak menjadi perbalahan di sini sekiranya perogol itu adalah seorang yang dewasa berumur atas daripada 18 tahun tetapi yang dipertikaikan sekarang ialah di bawah 18 tahun. Saya mungkin boleh bersetuju sangat dengan menteri buat kali ini dan mungkin tidak bersetuju dengan Yang Berhormat Kepong, maaf Yang Berhormat Seputeh tadi kerana bagi saya anak-anak lelaki apabila mereka baligh perlu diajar dan perlu dididik bahawa mereka tidak boleh berhubung jenis sebelum mereka berkahwin.

Ini adalah pendirian kita. Sekiranya *if we have to send*, dengan izin, *one or two people to prison to show that this is the serious offence* maka kita perlu melakukannya. Jadi di sini saya memberi pendapat mungkin dalam golongan yang sedikit yang disebut tadi kita boleh berbicara tentang keadilan kepada anak-anak yang di bawah 18 tahun ini mungkin ada cara lain. Akan tetapi apabila mereka sudah boleh melakukan persetubuhan, boleh berhubung jenis, mereka perlu tahu bahawa mereka tidak boleh melakukannya dengan sesiapa pun dan ia menjadi lebih serius sekiranya mereka melakukan dengan kanak-kanak yang berumur bawah daripada 16 tahun. Jadi, kita perlu mendidik orang-orang lelaki kita, anak-anak lelaki kita supaya lebih bertanggungjawab. *Sometimes you have to be saviour, we have to be cruel in order to save the society.* Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat. Yang pentingnya kita hendak, saya minta kefahaman daripada Yang Berhormat Seputeh, saya setuju iaitu secara holistiknya kita buat pindaan kepada perkara yang menjadi pertikaian ini. Akan tetapi kita mesti melindungi, kita kena faham *376 is to protect* wanita, gadis di bawah 16 tahun, *full stop*.

Jadi sebab itu kita kena ambil tindakan berdasarkan kepada saya punya statistik menunjukkan hampir 6000 kes ini. Bermakna lima tahun setiap hari mungkin dua, tiga berlaku. Kita kena ambil satu tindakan yang tegas. Jadi saya bukan tidak bersetuju dengan Yang Berhormat, saya setuju cuma yang ini perlu dipercepatkan lagi, okey?... Okey terima kasih Yang Berhormat Kota Raja.

Yang Berhormat Puchong ingin mengetahui pendirian kerajaan sama ada hukuman terhadap pesalah yang dijatuhkan hukuman mati yang kini jumlahnya seramai 860 orang akan dihentikan sementara menunggu kajian untuk memansuhkan hukuman mati. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan pada masa ini pada dasarnya tidak bercadang untuk memansuhkan hukuman mati sebagai suatu bentuk hukuman bagi kesalahan jenayah berat.

Sehubungan dengan itu, tiada moratorium sementara akan dibuat bagi menghalang mahkamah daripada menjatuhkan hukuman mati dan tidak timbul isu penggantungan sementara hukuman mati terhadap 860 orang pesalah yang telah dijatuhkan hukuman tersebut.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa pendirian yang diambil oleh Peguam Negara dalam satu laporan surat khabar *The Malay Mail* adalah berbeza di mana pendakwaraya Tan Sri Ghani Patail telah pun menyatakan dengan cukup jelas dua perkara. Satu, dia kata bahawa kamar beliau dalam proses menimbang cara dalam mana undang-undang ini dapat dipinda supaya ianya diselarikan, diselaraskan dengan apa yang berlaku di Singapura. Ini bermaksud bahawa *discretion was brought back* untuk kes-kes di bawah seksyen 39B misalnya, *instead of mandatory sentence* juga diberikan *discretion for life imprisonment*. Itu satu, okey.

Keduanya Tan Sri Ghani juga menyatakan dalam temu ramah tersebut bahawa kamar beliau juga sekarang dalam proses menimbang sekiranya terdapat pindaan di mana *discretion is written*. Maka apa yang berlaku adalah kes-kes dalam mana orang-orang tersebut telah pun didapati bersalah akan dikembalikan ke mahkamah untuk mahkamah menilaikan, menimbang semula hukuman tersebut dan di mana kes-kes tertentu, kes-kes yang *which are deserving* hukuman tersebut akan ditukarkan, dipindah dari hukuman mati kepada hukuman *life imprisonment*.

Contoh yang diberikan adalah *drug victims* di mana seseorang tersebut itu bukan pengedar sebenar tetapi beliau itu diperalatkan untuk membawa dadah tersebut. Jadi apakah yang berlaku di sini di mana kita lihat kerajaan menyatakan sesuatu tetapi pihak Peguam Negara secara terbuka menyatakan sesuatu yang lain jauh berbeza kepada pihak *press*. Adakah Yang Berhormat Menteri boleh memberikan satu penjelasan berkenaan dengan perkara itu? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada percanggahan di sini. Dalam makluman kita bahawa Jabatan Peguam Negara telah memulakan penyelidikan mengenai pelaksanaan hukuman mati di negara ini dan penyelidikan ini masih dalam tindakan jabatan ini, Jabatan Peguam Negara dan beliau sebagai penasihat undang-undang sudah tentu selepas ini akan menyediakan kertas untuk Jemaah Menteri mengambil keputusan untuk bincang tentang perkara ini. Sehingga perkara itu berlaku, maka pada hari ini dasarnya masih lagi seperti mana yang telah saya sebutkan.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Menteri, sekiranya ada percubaan ataupun *there is an attempt* untuk mengkaji untuk pinda dan kajian tersebut akan dibawa kepada Kabinet, kepada kerajaan untuk dipertimbangkan Bukankah lagi baik untuk kita menantikan, minta kepada pihak Peguam Negara supaya buat kajian tersebut dan kemukakan satu laporan. Sekiranya akan berlaku pindaan tersebut maka saya rasa semua orang sekarang yang sudah pun dihukum mati, seharusnya ditangguh hukuman mereka sehingga satu keputusan muktamad dibuat.

Tidak masuk akal kita semua di sini kata okey tidak mengapa kita dalam proses sekarang, kita kaji kalau boleh kita akan pinda dan selepas itu kita akan kaji semula tetapi dalam masa yang sama kita melaksanakan hukuman gantung sehingga mati. Dua perkara, satu dari segi undang-undang kita kena tahu. Saya rasa semua kena tahu *those that involve*, apakah pendirian kerajaan

secara mutlak? *Let make up our mind once and for all*. Sekiranya ada dalam pertimbangan sekarang *what is a difficulty of say okay*. Kita bagi arahan kepada Jabatan Peguam Negara *to speed up the studies*, kita bagi dia satu tempoh masa di mana satu keputusan muktamad boleh dibuat.

Kalau keputusan tersebut memihak kepada pindaan, maka banyak nyawa akan diselamatkan. *We cannot go and hang them and later on said it in the process now but we just wait and see what will happen and later on* kalau dibenarkan, kalau dipersetujui maka *okay, those had been hang* tidak mengapa, kita minta maaf kita sudah gantung. Ini soal nyawa, apa yang kita perlukan adalah kepastian daripada kerajaan. Kalau kerajaan sudah membuat satu keputusan di mana okey kita tidak akan menimbang *fine*, saya setuju. Akan tetapi di mana terdapat keadaan sedemikian di mana okey kajian sedang dibuat dan kita ini tahu kajian itu ada dan kita menantikan laporan.

Bukankah lebih selamat untuk kita kata *lets fix a time*, bagi pihak Peguam Negara peluang tersebut untuk memberi *what ever the recommendations are*, tetapi dalam masa tersebut, *we hold on*. Moratorium supaya kes-kes yang ada hukuman gantung dapat ditunda sehingga satu keputusan dapat dibuat Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak *privy* kepada apa yang disebutkan di antara Peguam Negara dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

■ 1510

Saya akan, moratorium ini bukan satu perkara lagi yang sedang dibincang tetapi saya boleh berkata di sini oleh kerana Yang Berhormat bangkit. Saya pun tidak *privy* yang berlaku di antara *Attorney General* dengan Perdana Menteri. Saya percaya *Attorney General* telah memaklumkan kepada Perdana Menteri bahawa penyelidikan kajian sedang dibuat seperti mana dalam kes Yang Berhormat sebut. Mungkin dalam percakapan mereka, AG mungkin *intimate*. Saya tidak tahu bahawa tidak ada pergantungan akan dilakukan sehingga kita selesai masalah ini.

Akan tetapi selepas ini saya akan bawa perkara ini kerana dibangkit dalam Dewan oleh Yang Berhormat Puchong. Saya akan bangkit dalam Jemaah Menteri untuk membincangkan tentang moratorium, saya tidak ada masalah. Saya rasa apa yang dibangkit oleh Yang Berhormat itu adalah betul. Nyawa kalau kita sedang berbincang satu perkara untuk menghapuskannya dan dalam menunggu keputusan kita gantung orang, akhirnya kita buat keputusan bahawa kita tidak mahu gantung orang, maka kita tidak boleh mengembalikan balik nyawa itu. Saya bersetuju dan saya akan bangkit perkara ini dalam Jemaah Menteri.

Yang Berhormat Bukit Gelugor mencadangkan pindaan pada seksyen 430 Kanun Tatacara Jenayah iaitu mengenai dengan izin, "*Reward for unusual exertion*" dan seksyen 438 Kanun Tatacara Jenayah iaitu mengenai dengan izin, "*Compensation for giving in charge groundlessly*" kerana amaun bayaran yang diperuntukkan adalah amat kecil. Ahli Yang Berhormat juga menyarankan pindaan kerana hukuman denda di bawah peruntukan di perenggan (e) fasal (1)

Perkara 48, Perlembagaan Persekutuan adalah terlalu rendah dan mencadangkan ia dinaikkan kepada RM20,000. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ketiga-tiga cadangan yang dibangkit oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor amatlah dihargai kerajaan. Kerajaan mengambil maklum bahawa amaun yang disebut dalam Akta 593 adalah terlalu sedikit jika dilihat dari sudut semasa dan perkara ini akan diteliti. Begitu juga kerajaan akan mengkaji cadangan supaya amaun denda yang diperuntukkan di bawah perenggan (e) fasal (1), Perkara 48, Perlembagaan Persekutuan dinaikkan.

Dalam konteks ini suatu kajian yang menyeluruh yang mengambil kira pandangan pelbagai pihak wajar dilakukan terlebih dahulu untuk mengenal pasti sama ada undang-undang tersebut perlu disemak terutama sekali bagi cadangan yang melibatkan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini sekiranya hasil kajian yang dilaksanakan menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk undang-undang tersebut disemak, maka kerajaan akan mempertimbangkan pindaan itu dan tindakan yang sewajarnya akan diambil.

Yang Berhormat Puchong membangkit isu berkaitan seorang hakim di Mahkamah Sesyen Jenayah di Johor Bahru yang menyalahgunakan *key performance indicator* (KPI) dalam menyelesaikan kes-kes. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seseorang hakim ketika menjalankan tanggungjawab kehakimannya boleh memberi apa-apa arahan yang dirasakan perlu dan munasabah bagi mengawal selia dan memastikan kelancaran perjalanan sesuatu kes selagi arahan tersebut tidak bertentangan dengan mana-mana peruntukan undang-undang. *Key performance indicator* (KPI) bukanlah menjadi agenda utama badan kehakiman dalam menyelesaikan kes-kes.

Yang Berhormat Bukit Gelugor mencadangkan agar tindakan diambil terhadap seorang perayu yang menggunakan kata-kata kesat di Mahkamah Persekutuan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mahkamah mengambil maklum akan cadangan Yang Berhormat dan tindakan lanjut akan diambil terhadap perayu. Yang Berhormat Taiping menyarankan agar kerajaan mengkaji semula penutupan Mahkamah Tinggi Taiping. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada cadangan untuk menutup Mahkamah Tinggi Taiping. Pada masa ini Mahkamah Tinggi Taiping beroperasi seperti biasa.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Boleh saya hanya minta satu penjelasan? Terima kasih Yang Berhormat Menteri hanya singkat. Berkaitan dengan KPI tersebut Yang Berhormat Menteri, saya di sini pohon kalau boleh, hakim-hakim yang buat keputusan di atas dasar KPI tersebut. Yang Berhormat Menteri *this is a very serious issue especially in that court in Johor Bahru*. Hakim tersebut kata, *"I don't care. You come to court, this is my date, you take the date. I don't care whether your lawyer is ready, I don't care whether you lawyer represented."* Ini tidak memberikan gambaran yang tepat kepada rakyat berkaitan dengan KPI. So, adalah perlu wujudnya satu sistem di mana kita dapat memastikan bahawa hakim-hakim tersebut tidak mengguna ataupun menyalahgunakan sistem KPI tersebut untuk menunjukkan ataupun telah

menunjukkan bahawa beliau ini tekun dan hendak meneruskan dengan kes ya? *This judge case, I have no work to do.* Saya tidak ada kes lain.

Yang Berhormat Menteri kalau hakim itu tidak ada kerja lain untuk hendak buat kita *transfer* dialah pada negeri-negeri di mana ada kerja untuk beliau buat. Akan tetapi di mana beliau menggunakan. *This is bad for the government* di mana beliau menyalahgunakan sistem KPI *or I have to perform, I have no choice, it reflects very badly.* Ramai daripada peguam bukan sahaja peguam tetapi juga tertuduh di dalam mahkamah itu membuat aduan kepada saya. Jadi, saya hendak minta kepada Yang Berhormat kalau kita di sini dalam Dewan kita boleh sebut tidak ada masalah. *I understand you understand.* Akan tetapi bagaimanakah kita akan mendapat mesej ini kembali kepada hakim-hakim tersebut, *so it will stop. They would be not know anymore abuse of process in those courts.*

Saya tidak mempertikaikan kalau undang-undang membenarkan kita terima. Akan tetapi perkataan yang penting seperti mana Yang Berhormat sebut tadi, munasabahlah. *We have to be reasonable.* Persoalannya saya adalah ini, bagaimanakah kita di sini dalam Dewan ini akan menghantar mesej itu kepada hakim-hakim yang sebegini? Itu soalan saya. Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Duduk dahulu. Yang Berhormat Beruas sudah kasi izinkah belum? Tuan Yang di-Pertua, segala kenyataan Yang Berhormat dalam *Hansard* ini saya akan sampaikan kepada Ketua Hakim. Supaya dia dalam makluman beliau dan suatu keputusan akan dibuat berkenaan dengan hakim di Johor Bahru.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri KPI ini. Saya rasa ini bukan perkara yang baru. Kerap kali digunakan di Mahkamah Sesyen terutamanya di mana mereka memberi perhatian yang lebih, hakim-hakim memberi perhatian yang lebih. Macam terangkum dengan bahawa perlu ada *the surrounding factor* adalah statistik bahawa sesuatu, beberapa kes perlu diselesaikan. *Whatever come it doesn't matter.* Itu adalah kriteria yang digunakan. Jadi saya rasa itu telah melebihi, melampau di mana seorang hakim patut mengambil kira *merit of the case*, mendengar faktor-faktor dan juga alasan-alasan yang tertentu untuk menjalankan kes tersebut.

Akan tetapi saya rasa pada selepas arahan *Chief Justice* tiga empat tahun dahulu, mereka memberi lebih perhatian kepada perkara ini dan *has become* di mana *brains doesn't matter, statistic matters.* Saya ada bagi tahu kepada Yang Berhormat sebelum ini tetapi Yang Berhormat telah memberitahu bahawa ini adalah keadaan yang susah hendak mengatasi. Akan tetapi kita perlu. Saya setuju pada dasarnya mempercepatkan penyelesaian kes di mahkamah, mana-mana mahkamah di negara ini, patut digalakkan. Akan tetapi jangan kita terlampau hingga statistik *is the governing factor* dalam perkara ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ucapan Yang Berhormat dalam *Hansard* hari ini pun saya akan sampaikan kepada Ketua Hakim... *[Disampuk]* Tidak boleh ini urusan mahkamah

dan saya tidak boleh mengarahkan dia. Nanti kalau saya kata, saya arahkan nanti sudah kata saya *control* mahkamah pula. Tuan Yang di-Pertua, ya *seriously I will inform the CJ*.

Yang Berhormat Tanah Merah ingin mengetahui status kes Mahkamah UMNO Tanah Merah yang didakwa tidak berdaftar dengan pendaftar Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu kes Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur iaitu permohonan semakan kehakiman No. R1-25-140-2011 yang melibatkan Amran bin Abdul Rahman sebagai pemohon dan Pendaftar Pertubuhan Malaysia sebagai responden telah difailkan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur melalui satu permohonan semakan kehakiman.

Isu yang dibawa ke hadapan mahkamah dalam semakan kehakiman tersebut adalah berkenaan dengan penolakan permohonan pemohon dalam kes itu untuk mendapatkan salinan dokumen tertentu di bawah seksyen 10(1), Akta Pertubuhan 1966 [*Akta 335*].

■1520

Berhubung dengan status kes semakan kehakiman tersebut, dimaklumkan bahawa pada 24 April 2012, setelah mendengar hujahan kedua-dua belah pihak, maka Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menolak permohonan pemohon terhadap responden dengan kos. Seterusnya pemohon telah memfailkan Notis Rayuan di Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 3 Mei 2012. Sehingga kini, tarikh perbicaraan bagi rayuan tersebut belum ditetapkan oleh Mahkamah Rayuan. Ada Yang Berhormat Tanah Merah?

Dato' Seri Anwar Ibrahim: Boleh?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha, baru sampai.

Dato' Seri Anwar Ibrahim: Merujuk kepada kes yang sama.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey, okey.

Dato' Seri Anwar Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma untuk makluman Yang Berhormat Menteri, apakah keputusan yang hakim itu, untuk mengelak daripada dokumen berkaitan itu diberikan. Hakim itu patut membantu mencari keadilan bukan untuk melindungi pesalah. Saya rujuk kepada surat Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, Perintah Pembatalan. Surat Perintah Pembatalan telah dikeluarkan dan ditandatangani oleh Marzuki bin Zainuddin, Timbalan Pendaftar Pertubuhan Malaysia. Apa kewajaran seorang hakim mengelak daripada keterangan dikemukakan?

Hakim itu sepatutnya wajib mencari, membantu untuk mendapat keterangan. Peguam merayu kerana dokumen ini akan memperkukuh hujah. Hakim berusaha melindungi pihak, dalam kes ini, tertuduh itu UMNO, dan enggan memberikan dokumen yang berkenaan. Sebab itu saya rujuk kepada dokumen yang berkenaan yang bagi saya sangat kritikal dalam menentukan kesahihan kes dan tuntutan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat saya cukup terujalah. Sayang lagi dengan UMNO ya Yang Berhormat, dalam kes ini. Terima kasihlah.

Jadi saya tidak boleh jawab lebih daripada apa yang telah diberi jawapan tadi. Jadi saya tidak tahu tentang *detail* kes itu, cuma apa yang telah saya sebut bahawa Notis Rayuan di

Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 3 Mei 2012 telah pun difailkan, dan kita menunggu tarikh perbicaraan bagi rayuan tersebut.

Apa pun segala perkara ini hanya boleh diselesaikan di dalam Mahkamah Rayuan dan apa juga yang diperkatakan oleh kita di Dewan ini tidak langsung mempunyai apa-apa *bearing* dan sebab itu saya rasa kita tunggulah pada tarikh perbicaraan. Saya akan maklum juga *Hansard* ini saya bagi kepada Ketua Hakim kalau boleh percepatkan kes ini, sebab menjadi minat kepada Ketua Pembangkang yang masih sayang dengan UMNO... [*Dewan ketawa*]

Yang Berhormat Pasir Mas juga ingin mengetahui, selepas ini kita minum kopi ya, Yang Berhormat... [*Berkata kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang*] Yang Berhormat Pasir Mas juga ingin mengetahui kenapa tiada pendakwaan dibuat mengenai kes penerimaan dana asing oleh badan bukan kerajaan, NGO. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Pertubuhan Bukan Kerajaan boleh ditubuhkan sebagai syarikat atau pertubuhan dengan izin, *society*. Sekiranya NGO itu syarikat, Akta Syarikat 1965 iaitu Akta 125 akan terpakai kepada NGO tersebut. Manakala kalau ia pertubuhan, maka Akta Pertubuhan 1966, [*Akta 335*] akan terpakai.

Di bawah Akta 125, syarikat dikehendaki untuk mengemukakan dokumen seperti akaun untung dan rugi, kunci kira-kira dan laporan pengarah untuk diaudit sebelum dikemukakan kepada Pendaftar Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Manakala di bawah Akta 335, pertubuhan hendaklah mengemukakan prestasi tahunan yang mengandungi laporan aktiviti pertubuhan, laporan kewangan, minit mesyuarat agung dan senarai ahli jawatankuasa yang dipilih bagi tahun semasa kepada pendaftar Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS).

Akta 335 ini juga mengehendaki sesuatu pertubuhan berdaftar supaya mengemukakan kepada ROS selepas Mesyuarat Agung Tahunan, atau selepas berakhirnya setiap tahun kalendar yang berikut iaitu 14(1)(d), perihalan apa-apa wang atau harta atau apa-apa faedah atau keuntungan *pecuniary* yang diterima oleh pertubuhan itu daripada mana-mana orang yang lazimnya bermastautin di luar Malaysia, atau suatu organisasi pihak berkuasa, kerajaan atau agensi mana-mana kerajaan di luar Malaysia.

Walau bagaimanapun, ketidakpatuhan kepada perenggan 1(d)(b) ini, tidak menjadi suatu kesalahan sebaliknya Pendaftar akan mengeluarkan perintah di bawah seksyen 14(ii) kepada pertubuhan yang tidak mematuhi perenggan 14(i)(d)(b) bagi maksud mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Jika pertubuhan tidak mematuhi perintah Pendaftar, Pendaftar boleh membubarkan pertubuhan itu.

Pengemukakan dokumen di bawah Akta 125, dan Akta 335 hendaklah dibuat oleh syarikat dan pertubuhan kepada SSM dan ROS bagi membolehkan SSM dan ROS memantau dan melihat pergerakan aktiviti tahunan dan sekali gus jika terdapatnya pengeluaran dana asing kepada syarikat dan pertubuhan yang berkenaan, maklumat tersebut akan diketahui oleh SSM dan ROS. Walau bagaimanapun, dalam kedua-dua akta ini tiada peruntukan yang menghalang syarikat dan pertubuhan menerima dana asing tersebut. Sehubungan dengan itu tiada pendakwaan boleh dibuat terhadap mana-mana syarikat atau pertubuhan yang menerima dana asing itu...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Namun begitu, pendakwaan boleh dibuat terhadap pertubuhan haram iaitu pertubuhan yang beroperasi tanpa pendaftaran di bawah Akta 335 yang merupakan satu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada RM5,000 di bawah subseksyen 6(iii), *Akta 335*.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat. Walaupun ada peruntukan dalam akta yang sedia ada, jika didapati pada penyaluran dana kewangan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, tetapi nampaknya ianya tidak mencukupi. Saya ada sebut dalam perbahasan sebelum ini, mencadangkan supaya satu akta baru diwujudkan iaitu mana-mana NGO yang menerima dana asing, sebelum menerima dana asing ataupun akan menerima dana asing, mereka mesti, wajib melaporkan kepada pihak ROS ataupun mana-mana agensi ataupun Kementerian Dalam Negeri bagi memastikan wang tersebut tidak disalahgunakan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang boleh memudaratkan keselamatan negara.

Sebab perkara ini sudah terdedah iaitu Suara Inisiatif yang menerima dana disalurkan kepada SUARAM, dan kita tahu mereka ini yang terlibat dengan SUARAM sudah berada dalam Dewan Rakyat yang kita tahu aktiviti-aktivitinya daripada Soros baik daripada NGO daripada Amerika, NED dan sebagainya. Jadi saya hendak tanya, apakah kerajaan bersedia untuk menggubal undang-undang baru? Kedua, Menteri Perdagangan Dalam Negeri sudah pun membuat kenyataan semalam saya baca bahawa penyiasatan mengenai dengan Suara Inisiatif dan SUARAM sudah pun selesai dan kertas siasatan telah pun dikemukakan kepada pihak Peguam Negara. Jadi berapa lamakah masa untuk Peguam Negara mengambil keputusan sama ada untuk mendakwa berasaskan kepada akta yang sedia ada, jika didapati mereka melanggar undang-undang? Sekian, terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: RM40 juta..

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Melaporkan penerimaan wang daripada luar. Sememangnya di bawah Akta 335. dikehendaki supaya di bawah 14(i)(d)(b), apa-apa wang atau harta, apa-apa faedah atau keuntungan *pecuniary* yang diterima itu, daripada mana-mana orang yang lazimnya bermastautin di luar Malaysia, pihak berkuasa kerajaan..., ini semua memang perlu dilaporkan. Jadi kalau tidak dilapor, hanya kesalahan tidak melapor sahajalah.

■1530

Jadi, Yang Berhormat bangkit berkenaan kalau sekiranya ianya digunakan kepada perkara-perkara yang boleh memudaratkan negara itu semua, saya kira ini boleh kita pertimbangkan. Kita buat perbandingan sekiranya ada undang-undang tersebut di negara-negara lain.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya tidak bawa notanya Yang Berhormat. Saya ada sebut baru-baru ini. Di Amerika Syarikat, mereka ada undang-undang khusus mengenai dengan perkara ini kerana di Amerika sendiri, mana-mana NGO di Amerika menerima dana, mereka

terpaksa melaporkan kepada pihak berkuasa. Jadi, apakah sukar untuk kerajaan memberi jawapan bahawa kerajaan bersedia melihat perkara ini dan kemungkinan suatu akta khusus mengenai perkara ini akan dikemukakan demi keselamatan negara pada masa akan datang. Sekian.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Telah sebutkan sebentar tadi bahawa kita sedia pertimbangkan cadangan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat itu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri. Saya dalam perkara yang berkaitan iaitu kalau pertubuhan-pertubuhan NGO dianggap sebagai harus dipantau dalam penerimaan dana asing ini. Saya juga ingin tahu mengikut jawapan Menteri kepada saya bahawa dana yang sebanyak RM40 juta telah dibawa masuk dari Hong Kong yang menurut jawapan Menteri adalah dituju untuk UMNO Sabah. Saya ingin tahu dalam pendaftaran, adakah UMNO Sabah wajib memberi *accounting* kepada ROS dan juga sama ada ini telah dilakukan atau tidak. Pada masa yang sama, kalau SUARAM atau mana-mana NGO yang dianggap mengancam keselamatan negara telah disiasat tetapi banyak lagi NGO-NGO yang juga terima dana asing mungkin termasuk Bulan Sabit, termasuk *Girl Guide*, *AIDS Council*, *WWF*, *Malaysian Nature Society*. Semua ini, adakah kita mula satu proses yang ketara di mana semua pertubuhan-pertubuhan dalam *civil society* di negara ini juga disyaki dan disiasat.

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri, boleh mencelah?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sekejap ya, yang ini.

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Sama. Berkaitan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya telah sebut iaitu bahawa dalam kedua-dua akta ini tiada peruntukan yang menghalang syarikat dan pertubuhan menerima dana asing tersebut. Sehubungan dengan itu, tiada pendakwaan boleh dibuat terhadap mana-mana syarikat atau pertubuhan yang menerima dana asing itu, tidak berbangkitlah. Maknanya, *Girl Guide* kah, apa kah, itu tidak berbangkitlah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Betul. Saya tidak kata tetapi sungguhpun Menteri jawab begitu tetapi ada Menteri yang masih kata perlu siasat, ada pula yang kata siasatan sudah selesai. *So*, saya kata kalau *to be fair*, semualah siasat dan saya tidak cadangkan untuk pendakwaan. Kemudian saya tanya ialah sekurang-kurangnya semua penerimaan dana ini wajib untuk lapor di mana adakah UMNO Sabah laporkan penerimaan dana RM40 juta ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat hendak tahu Menteri mana yang hendak bercakap, saya Menteri Undang-undang, kena dengar cakap sayalah. Kalau saya kata sehubungan dengan itu tiada pendakwaan boleh dibuat terhadap mana-mana syarikat atau pertubuhan yang menerima dana asing itu. Jadi, sudah tentulah saya selaku Menteri yang bertanggungjawab kepada Peguam Negara, dah tabiklah, tak apalah, okey.

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri, mencelah sedikit. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya bangkit di sini sebab saya rasa kerajaan perlu

erti membeza antara dana asing yang datang ke negara ini untuk program-program pembangunan, bantu insan dan sebagainya dan dana asing yang masuk untuk tujuan menggulingkan kerajaan, ini ada perbezaan. Oleh sebab itu kita bimbang, ada Ahli-ahli Parlimen yang duduk di sini yang tidak faham yang boleh terima wang asing untuk buat kerja-kerja yang jahat. Dia anggap itu demokrasi, itu hak mereka tetapi sebenarnya kalau kita lihat dengan terperinci, tujuan mereka untuk menjejaskan keselamatan negara. Guna dana asing untuk menggulingkan kerajaan adalah penderhakaan, Yang Berhormat Menteri.

Oleh sebab itu saya bersetuju dengan Yang Berhormat Pasir Mas dan saya bawa dalam perbahasan bahawa satu undang-undang patut dibentuk untuk memperjelaskan apa sebenarnya dana asing itu, datang dari mana dan untuk apa. Kalau SUARAM ini boleh diguna untuk tujuan aktiviti menggulingkan kerajaan, secara tidak sah saya rasa kerajaan tidak bolehlah, kena bertindaklah. Jadi, terpulang kepada Menteri untuk membezakan antara dana asing ini untuk apa. Kalau untuk *Red Cross*, *Girl Guide*, untuk membangunkan insan dan sebagainya tidak apa tetapi kalau untuk menggulingkan kerajaan, ini bahaya dan kita bimbang. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada masalah langsung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bayan Baru tadi. Jadi, bagi menjawab Yang Berhormat Bayan Baru...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Boleh Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: ...iaitu Yang Berhormat Bayan Baru mencadangkan supaya undang-undang baru diwujudkan sebagaimana yang terdapat di Amerika iaitu *Foreign Agents Registration Act* bagi tujuan memelihara keselamatan negara dan bagi tujuan mengambil tindakan ke atas pengkhianat-pengkhianat negara. Ini adalah lanjutan daripada isu SUARAM yang ditaja oleh George Soros. Jadi, merujuk kepada *Foreign Agents Registration Act* atau singkatannya FARA iaitu rujukan 22, *United States Code, section 611, ETSQ*, yang disebut oleh Yang Berhormat Bayan Baru dan Ahli Yang Berhormat yang lain dalam perbahasan atas isu ini dimaklumkan bahawa dasar dan tujuan akta tersebut ialah seperti yang berikut, dengan izin, "*It is hereby declared to be the policy and purpose of this Act, enacting this subchapter, to protect the National Defense, internal security and the foreign relations of the United States by requiring public disclosure by persons, engaging in propaganda activities and other activities for or on behalf of foreign governments, foreign political parties and other foreign principles, so that the government and the people of the United States may be inform of the identity of such persons and may appraise their statements and actions in the light of the associations and activities*".

Akta FARA tersebut tidak membenarkan mana-mana orang bertindak sebagai agen sesuatu *principal* asing, dengan izin, *agent of a foreign principal*, melainkan orang itu didaftarkan dengan pihak berkuasa yang ditetapkan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia sememangnya sudah mempunyai pelbagai undang-undang yang bertujuan khusus untuk memelihara kepentingan, keselamatan dan kesejahteraan negara. Antara peruntukan undang-

undang sedia ada yang berkenaan ialah Bab 6 dan Bab 6A, Kanun Keseksaan, [Akta 574]; Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012, [Akta 747]; dan Akta Rahsia Rasmi 1972, [Akta 88].

Merujuk kepada Bab 6, Kanun Keseksaan, perbuatan seperti *waging or attempting to wage war*, dengan izin, terhadap Yang Dipertuan Agong atau Raja atau Yang Dipertua Negeri atau membunuh atau mencederakan mereka, merupakan kesalahan berat yang boleh dihukum dengan hukuman mati. Pada tahun ini melalui pindaan kepada Kanun Keseksaan, [Akta A1430], antara lain, seksyen baru 124B, mengenai aktiviti yang menjejaskan demokrasi berparlimen. Seksyen baru 124K, mengenai sabotaj dan seksyen baru 124M, mengenai espionaj telah dimasukkan ke dalam Bab 6, seksyen 124B, menjadikan aktiviti yang menjejaskan demokrasi berparlimen, kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan sehingga 20 tahun. Sementara seksyen 124K dan 124M, masing-masing menjadikan perbuatan sabotaj dan espionaj kesalahan khusus yang boleh dihukum dengan pemenjaraan seumur hidup.

■ 1540

Bab 6A Kanun Keseksaan pula memperuntukkan kesalahan mengenai keganasan dan kesalahan yang berkaitan dengan keganasan iaitu *terrorism and terrorism related offences*, dengan izin. Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012, [Akta 747] selanjutnya membuat peruntukan bagi langkah-langkah khas yang berhubungan dengan kesalahan keselamatan. Bagi maksud mengekalkan ketenteraman awam dan keselamatan, akta tersebut terpakai bagi kesalahan keselamatan yang pada masa ini ditakrifkan sebagai kesalahan di bawah Bab 6 dan 6A Kanun Keseksaan dengan merujuk kepada Jadual Pertama kepada akta itu. Senarai kesalahan dalam Jadual Pertama itu boleh ditambahkan sekiranya perlu.

Selain itu ingin dimaklumkan bahawa di bawah perenggan 13(1)(b), Akta Pertubuhan 1966, Pendaftar Pertubuhan diberi kuasa untuk melarang mana-mana pertubuhan berdaftar daripada mempunyai secara langsung atau tidak langsung apa-apa kaitan hubungan komunikasi atau apa jua urusan lain dengan mana-mana pertubuhan organisasi atau badan lain di luar Malaysia atau dengan mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau pihak berkuasa lain di mana-mana negara, wilayah atau tempat di luar Malaysia sekiranya pendaftar berpuas hati bahawa adalah perlu untuk berbuat demikian demi kepentingan mana-mana pertubuhan berdaftar atau demi kepentingan ketenteraman awam, keselamatan awam atau selainnya demi kepentingan awam.

Menurut seksyen 13(a)(vii) mana-mana pertubuhan yang melanggar peruntukan tersebut boleh dikenakan hukuman pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau denda tidak melebihi RM15,000 atau kedua-duanya. Dalam hal ini ingin dimaklumkan bahawa walaupun Akta Pertubuhan 1966 dan Akta Syarikat 1965 pada asasnya bukan bertujuan untuk mengawal selia aktiviti *agent principal* asing seperti yang dikawal selia oleh pihak Amerika Syarikat, pemantauan mengenai sumber dana asing masih dapat dilaksanakan di bawah akta-akta tersebut dengan menggunakan peruntukan sedia ada.

Di bawah Akta 125, syarikat dikehendaki untuk mengemukakan dokumen seperti akaun untung dan rugi, kunci kira-kira dan laporan pengarah untuk diaudit sebelum dokumen berikut dikemukakan kepada pendaftar Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Manakala Akta 335 pula menghendaki sesuatu pertubuhan berdaftar mengemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan ROS selepas mesyuarat agung tahunan atau selepas berakhirnya setiap tahun kalendar makluman yang berikut.

Seksyen 14(1)(db) perihalan apa-apa wang atau harta, apa-apa faedah atau keuntungan *pecuniary* yang diterima oleh pertubuhan itu daripada mana-mana orang yang lazimnya bermastautin di luar Malaysia atau suatu organisasi, pihak berkuasa kerajaan atau agensi mana-mana kerajaan di luar Malaysia. Pengemukakan dokumen dan maklumat yang ditetapkan hendaklah dibuat oleh syarikat dan pertubuhan kepada SSM dan ROS bagi membolehkan SSM dan ROS memantau dan melihat pergerakan aktiviti tahunan dan sekali gus jika terdapat penyaluran dana asing kepada syarikat dan pertubuhan yang berkenaan, maklumat tersebut akan diketahui oleh SSM dan ROS. Jadi kita mempunyai cukup undang-undang untuk menangani perkara yang telah dibangkit oleh Yang Berhormat daripada Bayan Baru...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat...

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Saya dengar banyak apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tetapi banyak itu dari segi hukuman. Saya hendak tahu dengan ringkas mereka yang terima dana asing ini untuk tujuan menggulingkan kerajaan, adakah itu diklasifikasikan penderhakaan? Sebab saya dengar tadi apa hukuman derhaka. Jadi saya hendak tanya sebab itu yang tidak berapa jelas. Kelakuan apabila terima wang untuk memporak-perandakan negara. Itu yang saya hendak dengar. Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Sambung sedikit Yang Berhormat. Sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bayan Baru tadi. Memang undang-undang banyak ikut Yang Berhormat baca tadi dan apa Yang Berhormat sebut undang-undang daripada Amerika Syarikat saya sudah bangkitkan di dalam perbahasan. Tinggal lagi seolah-olah tidak ada apa tindakan yang dibuat, diambil sehingga apabila ada pihak-pihak tertentu riuh-rendah membangkitkan perkara ini, sampai sekarang ini pun belum ada lagi apa-apa tindakan. Kita tahulah kemungkinan ambil masa untuk menyasat. Akan tetapi saya hendak tanya Yang Berhormat macam yang disebut oleh Yang Berhormat Bayan Baru tadi, dana asing. Kalau ada undang-undang yang disebut tadi, tetapi kalau pergi mahkamah belum tentu boleh disabitkan kesalahan kalau tidak ada solid *prove* kerana di mahkamah disebut *beyond reasonable doubt* dan orang yang buat jahat ini dia pandai Yang Berhormat. Dia pandai, dia pandai. Orang yang buat jahat ini dia boleh mengelak macam-macam. Bawa masuk duit dengan *traveller cheques*...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Pengkhianat sahaja pandai.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Ini makan cili rasa pedaskah?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sebelum itu ada ISA tidak mahu pakai.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Ini kita tahu ini di antara penyangak SUARAM ini yang berdiri ini, yang tidak reti hormat orang dok bercakap ini, gigit orang. Kalau sudah rasa tersalah belajarlah daripada kesalahan. Kita bukan tidak boleh tolak ansur.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Pasir Mas, yang mereka hendak pertahankan pengkhianat ini fasal apa?

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Sebab mereka pun pengkhianat! Saya hendak tanya soalan ini supaya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri kerana kita sekarang ini, dunia sekarang ini kena begitu kompleks. Orang yang buat macam-macam kesalahan boleh elak. Jadi sebab itu kita kena khusus supaya senang tindakan-tindakan diambil seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bayan Baru tadi. Dana asing ini untuk tujuan baikkah atau tujuan perkara-perkara yang boleh memudaratkan negara? Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ya, ya. Boleh saya jawab dahulu? Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pertanyaan Yang Berhormat Pasir Mas itu Yang Berhormat sendiri jawab iaitu kita perlu *solid proves*. Kalau kita menerima wang daripada luar negara, berapa sekali pun jumlahnya kalau ianya tidak boleh dikaitkan dengan usaha untuk aktiviti yang dianggap merupakan kesalahan di bawah Akta Langkah-langkah Khas tadi kesalahan keselamatan.

Maka kita tidak boleh kaitkan dia dengan isu penderhakaan sebab kita kena ada penerimaan wang satu hal tetapi kalau apabila kalau kita hendak kenakan dia bawah Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas), maka dia mesti melakukan tindakan-tindakan yang boleh dianggap sebagai kesalahan di bawah akta berkenaan. Baru boleh ambil tindakan. Jadi kalau setakat hanya menerima, saya percaya iaitu saya baca daripada...

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Sebelum itu Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Sekejap ya, sekejap. Saya baca daripada *Foreign Agent Registration Act (FARA)* dia cuma menyebut iaitu untuk, *so that the government and the people in the States maybe informed of that identity of such persons and may appraise their statement and action in the life of their association and activities*. Jadi dia pun tidak ada kesalahan disebut di sini. Dia cuma kata benda ini perlu dilaporkan untuk pengetahuan dia. Jadi itu bermakna bahawa akta ini, FARA ini pun bukan merupakan akta yang boleh kita ikuti semata-mata untuk hendak menghukum seseorang, persatuan ataupun syarikat yang menerima wang daripada luar. Jadi itu yang sebenarnya FARA ini. Yang 'fara' lagi satu saya tidak taulah.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya Yang Berhormat Menteri pun sudah jelaskan. Nampak gaya yang di belakang itu tidak faham-faham. Tidak ada kesalahan terima duit daripada luar. Yang kesalahannya ialah buat apa dengan duit itu dan saya pun cukup hairan dengan kemarahan yang disasarkan terhadap

SUARAM kerana apa yang mereka hendak lakukan ialah hendak dedahkan rasuah sekiranya ada. Lalu apa masalahnya? Adakah mendedahkan rasuah yang berlaku satu pengkhianatan? Adakah sebenarnya yang melindungi amalan rasuah inilah yang kalau kita hendak kata pengkhianat.

■1550

Orang yang melakukan rasuah dan orang yang melindungi rasuah, lalu kalau sekadar apa yang dilakukan oleh SUARAM mengikut lunas undang-undang dan dia pun bertindak dengan cara yang menghormati undang-undang dan dibawa kepada mahkamah untuk diadili, maka apa masalahnya? Itu yang pertama.

Yang kedua, saya pun terkejutlah dengar ada Ahli Parlimen yang mengesyorkan bahawa oleh sebab susah hendak membuktikan kesalahan maka tidak payahlah kita hendak membuktikan kesalahan. Kita terus menganggap mereka ini sebagai pengkhianat atas sebab mereka menggunakan dan mendapatkan duit daripada luar negara, sedangkan kita pun sudah tahu RM40 juta yang datang daripada Hong Kong itu pun ataupun Hong Kong ini sebahagian daripada Malaysia, saya tak tahulah kan... *[Ketawa]* Dia ini pun sudah seludup lagi dan untuk UMNO ya.

Lalu saya bersetujulah dengan jawapan yang telah diberikan, hari ini ramai pula wakil PAS yang bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri tadi tentang kes *statutory rape*, sekarang ini tentang soal undang-undang, kita bersetuju dengan jawapan yang telah disebutkan tadi. Nombor satu, tidak ada salah dalam soal menerima duit daripada luar, itu bukan satu kesalahan. Nombor dua, apa yang hendak diambil tindakan ikut undang-undang, kalau pihak yang menerima duit itu sama ada duit luar ataupun duit dalam, kalau dia membuat benda yang salah dia dikenakan tindakan mengikut mahkamah dan undang-undang. Mesti ada bukti dan kita tidak boleh sewenang-wenangnya hendak menjatuhkan hukuman dengan mengatakan pengkhianat semata-mata kerana mendapat duit daripada luar sedangkan, ketiga apa yang dilakukan oleh SUARAM satu benda yang terpuji dan boleh dipuji dan perlu disokong kerana ia berusaha untuk hendak mendedahkan rasuah dan orang yang mengamalkan rasuah dan melindungi rasuah itulah pengkhianat. Terima kasih.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya Yang Berhormat Menteri.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: ...Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya hendak tanya satu soalan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: ...Berceramah pula... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Satu soalan Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak sesuai dengan yang belakang tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Tidak, tidak.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya hendak teruskan.

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru]: *[Menyampuk]* Yang Berhormat...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat Ipoh Barat ingin penjelasan mengenai Pengerusi bagi Mahkamah Perusahaan, betul? Yang masih belum dilantik dan alasan kebanyakan Pengerusi Mahkamah Perusahaan dilantik daripada kalangan pegawai Jabatan Peguam Negara sahaja. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan Pengerusi Mahkamah Perusahaan Malaysia dibuat melalui perakuan Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia untuk perkenan Yang di-Pertuan Agong menurut seksyen 21, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 *[Akta 177]*.

Kesemua perjawatan Pengerusi Mahkamah Perusahaan Malaysia sama ada yang bersifat tetap ataupun sementara telah diwujudkan dan diuruskan oleh pihak Kementerian Sumber Manusia. Pada masa kini terdapat 20 jawatan tetap Pengerusi Mahkamah Perusahaan termasuk satu jawatan Yang di-Pertua, 17 perjawatan tersebut merupakan jawatan kader, perkhidmatan, pegawai undang-undang, manakala tiga jawatan lagi merupakan jawatan terbuka yang dikhaskan untuk diisi untuk pengamal perundangan swasta.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kesemua jawatan kader bagi Pengerusi Mahkamah Perusahaan telah pun diisi. Jawatan Pengerusi Mahkamah Perusahaan kebanyakannya diisi oleh pegawai undang-undang kerana pengisian jawatan tersebut telah dilaksanakan berdasarkan prinsip perjawatan yang menetapkan bahawa jawatan kader hendaklah diisi oleh pegawai undang-undang tetap di bawah seliaan Jabatan Peguam Negara setelah menerima permohonan pengisian daripada pihak Kementerian Sumber Manusia. Tambahan lagi pengerusi mahkamah perusahaan yang dilantik daripada kalangan pegawai undang-undang merupakan pegawai kanan yang amat berpengalaman dalam bidang perundangan dan kehakiman. Hendak tanya lagi?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri terima kasih di atas jawapan

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Akan tetapi saya hairan, Yang Berhormat mengambil alih jawatan Menteri Sumber Manusia kerana sebelum ini di dalam pengetahuan saya sudah lebih 10 tahun ini mengenai pelantikan dan *qualification* untuk Mahkamah Perusahaan semua itu jawapan dibuat oleh Menteri Sumber Manusia. Mungkin Yang Berhormat lebih arif di dalam perkara ini maka sebab itulah memberikan jawapan hari ini. Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya. Saya difahamkan ada ramai di antara pengerusi yang telah dilantik hanya sekadar kontrak iaitu dua tahun dan kurang. Sebenarnya sebelum ini, tiga empat tahun yang lepas adalah *renewable contract of two years* dan semasa itu juga ada pandangan-pandangan daripada

beberapa sektor memberitahu bahawa Mahkamah Perusahaan memainkan peranan yang sangat luar biasa dan hanya berkaitan dengan pekerja-pekerja di mana mereka telah disingkirkan dan sebagainya untuk mendapatkan semula kerja tersebut dan asasnya adalah *security of tenure*.

Walaupun mereka membuat satu keputusan mengenai *security of tenure* mereka sendiri iaitu Pengerusi Mahkamah Perusahaan sendiri tidak ada *security of tenure* di mana sekarang saya difahamkan bukan kontrak setakat dua tahun, kerap kali kontrak adalah satu tahun, *renewable* selepas satu tahun dan tidak ada asas diberikan bila dilucutkan selepas satu atau dua tahun. Bolehkah ia diambil kira bahawa *there must be permanency* dalam perkara ini. Ada ramai hakim-hakim yang telah berkhidmat bukan sahaja dua tahun malah *four years*, lapan tahun tetapi masih di dalam sistem kontrak dan ini sangat memalukan kerana peranan yang dimainkan oleh Pengerusi Mahkamah Perusahaan yang dikhaskan untuk membuat keputusan *security of tenure*. *They don't have security of tenure, they decide for the whole world on the security of tenure.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri, panjang lagi Yang Berhormat?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Panjang lagi Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya habis jawab yang ini dan yang lain itu saya jawab secara bertulislah ya.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Jadi Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Menteri, sebentar. Hendak meminta...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ini Yang Berhormat Ipoh Barat, tadi bangun kata saya tidak berhak untuk menjawab selepas itu tanya saya pula, apa hal ini?... [*Dewan riuh*]

Tuan N. Gobalkrishnan [Padang Serai]: [*Bangun*]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Apabila sudah mengatakan saya tidak berhak untuk menjawab, jangan tanya saya lagi dan memang betul saya tidak berhak untuk menjawab sebenarnya. Akan tetapi saya menjawab ini kerana Yang Berhormat bangkitkan berkenaan dengan kebanyakan Pengerusi Mahkamah Perusahaan dilantik daripada kalangan pegawai jabatan peguam, itu sebab saya menjawab. Jadi soalan yang kedua itu saya tidak boleh jawab, kena rujuk balik kepada Kementerian Sumber Manusia.

Tuan N. Gobalkrishnan [Padang Serai]: [*Menyampuk*] Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja yang...

Tuan N. Gobalkrishnan [Padang Serai]: [*Menyampuk*] Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: ...Boleh saya jawab sekarang kerana...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Sebenarnya saya ada 60 lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Jadi...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: ...Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya akan memberikan jawapan bertulis kepada mereka yang telah...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: ...Membangkitkan perkara-perkara...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Sinilah, bagilah *chance* sedikit.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Menteri, minta satu soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Alamak, takut pula Menteri kita ini, kenapa begini?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri letih kah? Malam tadi tidur lewat kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Menteri sudah menjawab satu jam 50 minit Yang Berhormat, silakan Yang Berhormat Senator.

3.58 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon]: Terima kasih, saya mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu, saya cuma bercadang untuk menjawab tiga perkara yang penting. Pertama, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Raja yang membangkitkan isu pelantikan Orang Kurang Upaya atau OKU ke dalam perkhidmatan awam. Ini memang mencerminkan kesedaran Yang Berhormat Kota Raja untuk turut menyokong konsep, 'Masyarakat Penyayang' yang telah begitu lama dianjurkan dan dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Memang angka atau bilangan OKU yang telah dilantik ke dalam perkhidmatan awam pada tahun 2010 ialah 132 dan ini memang satu angka tidak sampai ke tahap sasaran 1% daripada kekosongan jawatan yang disasarkan oleh kerajaan menurut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2008.

Walau bagaimanapun, dasar kerajaan memang tetap untuk bertungkus-lumus untuk melantik lebih ramai lagi OKU ke dalam perkhidmatan awam. Calon-calon OKU yang memenuhi syarat minimum bagi skim perkhidmatan yang berkenaan akan terus dipanggil untuk temuduga. Mereka ini memang kita tidak mengenakan syarat yang ketat sangat.

■1600

Akan tetapi apa yang penting yang saya ingin tegaskan di sini ialah bilangan pemohon dari OKU memang tidak begitu ramai. Sebagai contoh, hanya 7,114 orang OKU yang memohon dari jumlah 1.66 juta orang yang memohon pada tahun 2010. Ianya turun kepada 4,253 orang berbanding dengan 1.12 juta pemohon pada keseluruhannya.

Walau bagaimanapun...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dasar kerajaan kita sangat baik dan dasar serta pelan kita untuk satu peratus jawatan dalam perkhidmatan kerajaan ini kepada OKU itu sudah lama kita uar-uarkan, kita terapkan. Akan tetapi, sampai sekarang masih belum dapat dipenuhi macam Yang Berhormat Menteri jawab tadi. Dasar kerajaan baik, tetapi hendak memenuhi itu payah. Apakah JPA kita atau SPA kita ada semacam tidak mengiktiraf atau tidak yakin dengan kebolehan masyarakat kita daripada kalangan OKU? Atau apa lagi agaknya galangan-galangan yang menyebabkan begitu lama dasar ini telah kita laksanakan sampai hari ini Yang Berhormat Menteri, dasar kerajaan baik tetapi tidak juga dapat penuhi. Jadi, saya minta sedikit pandangan Yang Berhormat Menteri, macam mana?

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Ya, terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Sri Gading yang cukup peka. Sememangnya kerajaan memang sangat mengambil berat terhadap kebajikan OKU. Kalau kita mengkaji, begitu banyak program di bawah Jabatan Kebajikan dan juga di bawah Kementerian Pelajaran yang memberi tumpuan untuk membangunkan kemahiran bagi OKU.

Walau bagaimanapun, saya ingin menyentuh di sini bahawa walaupun pada amnya sasaran satu peratus masih belum dicapai, tetapi dalam skim-skim perkhidmatan yang tertentu, kadar pelantikan itu sudah melebihi dua peratus ataupun ada yang mencatat – saya memberi contoh ya. Misalnya untuk tahun 2012, setakat ini, untuk pembantu makmal dari 11 kekosongan, lima antaranya ialah OKU iaitu lebih daripada 45%. Untuk pembantu tadbir undang-undang, kita berjaya melantik dua daripada 41 kekosongan ataupun hampir lima peratus. Contoh lagi, untuk tahun lepas, pembantu tadbir perkeranian dan operasi, dari sejumlah 504 kekosongan, SPA telah melantik 23 OKU atau bersamaan dengan 4.5%.

Memang ada skim-skim perkhidmatan seperti perkhidmatan beruniform dan penguat kuasa yang sememangnya tidak sesuai untuk OKU berkhidmat kerana ada sekatan-sekatan tertentu. Walau bagaimanapun, dari banyak skim yang saya boleh memberi contoh, peratusan itu melebihi daripada satu peratus. Saya berharaplah bahawa kita akan dapat dalam jangka masa panjang melalui program pembangunan OKU melalui pendidikan, melalui pelbagai program latihan, melalui pelbagai program kebajikan dan juga meningkatkan kemudahan pada amnya, maka penglibatan OKU di dalam perkhidmatan awam dan juga sektor swasta dapat ditingkatkan. Ya, silakan.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita menghargai usaha kerajaan untuk membantu OKU. Cuma, begitu usaha kerajaan untuk

meningkatkan pembangunan OKU, tetapi keputusannya, hasilnya tidak begitu memberangsangkan.

Saya hendak tanya di sini, sejauh mana golongan OKU sendiri terlibat di dalam perancangan pembangunan mereka? Mereka mempunyai tanggapan bahawa betul kerajaan memikirkan daripada aspek kebajikan tetapi pembangunan menyeluruh OKU itu *from cradle to grave* itu tidak ada. Maknanya masih lagi bersifat ada lagi lompong-lompangnya. Kegagalan ini disebabkan oleh kerana kita yang upaya memikirkan tentang keperluan mereka sedangkan mereka sendiri tidak merasakan bahawa apa yang dirancang itu adalah sesuai untuk mereka. Sejauh mana kerajaan mengambil *engage* OKU terutama di kalangan mereka, aktivis dan juga yang berpendidikan untuk bersama-sama merancang pembangunan? Hatta, Ketua Jabatan OKU di dalam Jabatan Kebajikan Masyarakat itu sendiri pun bukan daripada kalangan OKU. Jadi kalau boleh peranan mereka perlu dilibatkan di dalam perancangan itu sendiri.

Kedua ialah memandangkan data kita ini Yang Berhormat, data OKU itu sendiri seperti yang saya sebut di dalam perbahasan saya, tidak lengkap. Ya, tidak lengkap kerana kalau mengikut unjuran, kita mempunyai jutaan OKU tetapi yang didaftarkan hanya 361,000. Ini menunjukkan bila data itu tidak lengkap, maka kita lemah di dalam perangkaan kita. OKU tadi Yang Berhormat Menteri telah membentangkan hanya mengisi tahap-tahap pekerjaan di dalam jabatan kerajaan peringkat bawahan sahaja. Maknanya kalau kita tengok di sini, pembantu makmal, pegawai tadbir undang-undang. Maknanya tidaklah begitu memberangsangkanlah bagi saya yang saya melihat dari situ, sedangkan OKU ini bukanlah satu masalah baru tetapi satu perkara yang sudah lama kita hadapi. Terima kasih.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri, sini Padang Serai. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya pun sama seperti Yang Berhormat Kota Raja tadi. Saya juga sarankan agar di JKM, kita perlu titik beratkan pelantikan pegawai yang menjaga OKU itu ataupun pegawai-pegawai yang mendaftar masalah-masalah OKU di JKM perlulah dari, kalau boleh, diisi dari kalangan OKU.

Ini kerana kita menghadapi pelbagai masalah apabila kita berurusan dengan jabatan-jabatan kerajaan ini sehinggakan kita daripada Pusat Khidmat Masyarakat pun, apabila OKU datang, kita terpaksa memberikan pelantikan dengan gaji yang paling minimum untuk mereka hanya untuk menunjukkan bahawa OKU-OKU itu ada satu kerja supaya bantuan JKM yang mereka terima itu akan lipat ganda kalau sekiranya mereka ini ada sesuatu kerja. Contohnya, saya sendiri di pejabat saya, kadang-kadang perlu melantik seorang OKU itu bekerja sebagai, datang ke pejabat hanya untuk cuci meja dengan bayaran RM50 gaji sebulan. Apabila kita bagi macam itu, JKM akan bagi tambah lagi RM150 hanya kerana OKU itu ada kerja, sebab kebanyakan OKU itu khususnya di kawasan Parlimen saya itu, mereka tidak dapat pergi mencari kerja-kerja lain kerana kerja-kerja yang mereka boleh buat semuanya diisi oleh mereka-mereka yang boleh membuat kerja-kerja lain.

Jadi saya harap, seperti kata Yang Berhormat Kota Raja itu, tolonglah beri perhatian yang lebih di JKM dan sebagainya di mana melibatkan OKU-OKU ini supaya pemerhatian yang lebih serius dan lebih teratur dijalankan di kalangan mereka sendiri. Ini orang-orang istimewa ini. Terima kasih.

■1610

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Ya terima kasih. Sebenarnya kerajaan sering mengadakan perundingan dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan atau NGO yang banyak berjasa kepada OKU dan mengambil pandangan mereka. Apa yang penting seperti yang telah saya sentuh tadi bukanlah sahaja dari segi kebajikan kepada OKU pada waktu ini tetapi untuk masa jangka panjang satu perancangan dan pembangunan jangka panjang. Maka dalam sistem pendidikan, latihan kita memang ada merangkumi konsep dan kesedaran terhadap OKU ini.

Saya percaya bahawa dengan adanya sokongan yang diberi dari semua pihak, kita akan dapat membangunkan OKU yang begitu berkebolehan. Memang kita ada beberapa contoh, Allahyarham Profesor Datuk Ismail Salleh memang seorang yang pakar dari segi ekonomi yang dikatakan berwawasan yang lebih jelas daripada orang yang tidak cacat penglihatan. Maka itu satu contoh dan ada satu contoh seorang lagi Profesor 'Uwee' lagi yang pun cacat penglihatan tetapi jadi profesor. Maka saya ingin menegaskan di sini bahawa di bawah konsep masyarakat penyayang dan juga di bawah dasar kerajaan untuk membangunkan sumber manusia, kita memang mahu supaya semua rakyat Malaysia khususnya OKU diberi peluang serta diberi berbagai-bagai jenis bantuan untuk membangunkan mereka.

Di sini saya ingin...

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri ada menyebut tadi tentang Allahyarham Profesor Ismail, itu jawatan Senator diberi kepada beliau untuk menduduki Dewan Negara tetapi semenjak pemergian dia, kerusi OKU masih lagi tidak diisi, adakah tidak ada orang yang layak di kalangan OKU layak untuk mengisi kerusi ini, mewakili suara OKU di dalam peringkat pembuatan polisi dan undang-undang?

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Ya. Tuan Yang di-Pertua sebenarnya kita memang berhasrat kalau ada orang yang secemerlang seperti Allahyarham Profesor Ismail tetapi kita mestilah mengambil kira beberapa aspek yang lain juga. Saya ingin menegaskan di sini bahawa cadangan untuk melantik pegawai OKU ke jabatan kebajikan dan juga ke dalam bahagian OKU dalam jabatan itu memang sesuatu yang memang diambil kira. Akan tetapi kita tidak mahu supaya OKU hanya terhad kepada jabatan kebajikan, kita mahu mereka supaya dapat berkhidmat di dalam seberapa banyak yang boleh agensi kerajaan, supaya penglibatan mereka ini adalah lebih menyeluruh dan dapat memberi sumbangan yang begitu besar kepada pembinaan negara...

Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]: Yang Berhormat Menteri...

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Terima kasih Yang Berhormat...

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri, lagi satu sikit sahaja. saya menyebut tentang kemudahan awam untuk OKU. Kita telah ada dalam Akta OKU

supaya kemudahan-kemudahan awam atau *accessibility* kepada OKU sangat mengecewakan sekarang ini. Bilakah kerajaan hendak mewajibkan semua premis bangunan dan sebagainya untuk mematuhi apa yang telah ditetapkan supaya ada akses, itu pertama.

Kedua ialah mengenai pendaftaran yang saya bangkitkan, pendaftaran OKU setakat ini hanya secara sukarela. Bilakah kerajaan hendak mewajibkan pendaftaran OKU terutamanya yang dilahirkan cacat? Maknanya pihak hospital ada di dalam pengetahuan mereka tetapi tidak didaftarkan, jadi memerlukan ibu bapa pula yang pergi membuat pendaftaran dan sebagainya, dan kadang-kadang ibu bapa tidak mengetahui tentang prosedur ini dan kanak-kanak ini tercicir.

Ketiga saya sebut mengenai Akta Orang Papa 1977, yang digunakan sewenang-wenangnya untuk menguatkuasakan menangkap orang buta yang dikatakan mengemis padahal mereka hanya tahu menjual serta menjaja barang-barang yang mungkin mereka mampu jual. Semua ini adalah di antara perkara yang menunjukkan kita kurang prihatin kepada mereka. Terima kasih.

Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]: Boleh sekali Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Bolehkah saya Tuan Yang di-Pertua sebab ini kita sebenarnya sudah masuk ke bidang lain. Walaupun saya memang amat prihatin dan juga mengambil berat misalnya sejak saya masuk di dalam ke dalam politik, ada di antara pembantu saya pun terdiri daripada OKU. Akan tetapi saya ingat ini lebih sesuai kalau dibangkitkan dalam apabila Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk menggulung dan juga di peringkat jawatankuasa...

Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]: Boleh ya Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Silakan kalau ia berkaitan dengan perkhidmatan awam.

Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]: Oh, bukan..., untuk sambung OKU?

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Bukan sebab OKU itu bukan dalam bidang kuasa saya. Walaupun saya cuba menjawab secara umum tetapi kalau bolehlah kita...

Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]: Maaf Yang Berhormat. Mungkin ini ada sedikit kaitan, boleh ya?

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Okey, boleh lah, silakan.

Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri serta Tuan Yang di-Pertua. Walaupun ada kaitan dengan OKU tetapi penyelesaiannya di perkhidmatan awam. Kita dengar tadi masalah-masalah OKU dan juga angka statistik yang ada sebanyak 361 ribu sudah mendaftar. Saya masih ingat bahawa dalam lingkungan 80 ribu Orang Asli dalam penduduk negara.

Namun Orang Asli, boleh pihak kerajaan menubuhkan Jabatan Kebajikan Hal Ehwal Orang Asli untuk memberi pengurusan pentadbiran yang tertumpu. Apakah Yang Berhormat rasa sampai masanya sekarang, pihak kementerian Yang Berhormat mencadangkan supaya pihak kerajaan juga menubuhkan jabatan khusus mengenai dengan OKU, supaya OKU ini boleh kita

dapat lebih lagi menumpu pentadbiran pengurusan mereka, supaya mereka juga dapat duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan orang lain?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya Yang Berhormat Menteri, kalau hendak jawab itu jawablah secara ringkas. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri sudah beritahu bahawa ini berhubung dengan kerajaan, apakah boleh diberi kepada OKU, bukan berhubung dengan OKU untuk apa yang boleh diberi. Ini OKU ini cerita lain sebenarnya. Sila Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: sememangnya memang OKU di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan juga di bawah jabatan atau Kementerian Pelajaran memang mengambil berat terhadap OKU, dan juga beberapa jabatan lain juga ada program untuk OKU. Oleh itu ia merupakan tanggungjawab bukan sahaja terhad kepada satu jawatan tetapi tanggungjawab bersama di antara banyak kementerian dan agensi. Sememangnya harus menjadi tanggungjawab pada kita semua.

Oleh itu saya cuba hendak menjawablah sedikit sebanyak dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini Tan Sri Menteri, mungkin saya hendak katakan sangkut paut dengan OKU tetapi ini perkhidmatan awam. Apabila, khususnya di selatan Kedah dan Kedah, saya pergi ke banyak jabatan dan saya tidak pernah jumpa OKU bekerja. Ini bermakna kurang perhatian yang diberi dan juga saya ingat, tidak ada galakan yang betul-betul serius daripada pihak yang seharusnya membuat itu. Seperti kata Tan Sri tadi iaitu pengambilan, tadi Yang Berhormat Tan Sri bagi angka 4% kepada 5%. Akan tetapi yang penting adalah angka peratus keseluruhan dalam perkhidmatan awam itu berapa peratus? Itu yang penting. Jadi ini menuju ke satu tahap di mana peningkatan peratus mereka yang bekerja itu. Itu yang kita mahu beri keutamaan dalam apa yang kita katakan tadi.

Oleh sebab itu, saya selalu menghadapi masalah apabila kita pergi ke jabatan-jabatan ini dan jabatan-jabatan ini tidak begitu arif tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh OKU ini. Ini adalah bersangkut paut dengan di kalangan mereka itu tidak diserapkan di perkhidmatan awam.

■1620

Ini yang tadi kita bawa dan kita harap ini dapat satu peningkatan. Lepas ini mungkin Tan Sri boleh bagi peningkatan mungkin sehingga 4% hingga 5% setiap kali diambil ke jawatan-jawatan, diambil OKU ini. Masalahnya mereka-mereka yang sihat seluruh tubuh badan, mereka senang untuk pergi mendapatkan kerja dan cari makan, tapi OKU, *they are not even 10% of what the fit person is*. Itulah, Tan Sri.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Saya ucapkan terima kasih lah kerana kesedaran Yang Berhormat dari Padang Serai ini. Memang saya telah mengatakan bahawa kerajaan memang adalah komited dan akan terus berusaha seberapa yang boleh untuk melantik lebih ramai lagi OKU ke dalam perkhidmatan awam. Itu memang satu janji yang akan terus kita usaha untuk ditepati.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Menteri, minta satu soalan mengenai dengan ini, *last*.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Ini kalau perkhidmatan awam, mesti bersangkut paut. OKU dalam perkhidmatan awam.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *No, no*. Perkhidmatan awam.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Bukan secara umum tetapi OKU.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tak, tak secara umum. Tingkah laku perkhidmatan awam ini. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri sedar atau tidak, tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan mengenai dengan kes OKU-OKU ini, perkhidmatan yang diberi kepada OKU tapi selain daripada itu, kita juga di dalam Dewan yang mulia ini sentiasa menghadapi masalah di mana ramai *little napoleon* dalam JPA ini tidak memberikan jawapan kepada Parlimen dalam masa yang telah ditetapkan untuk jawapan lisan seperti 10 pagi hingga 11.30 pagi. Kadang-kadang pukul 5 ke pukul 6 pun belum dapat lagi jawapan.

Kedua, jawapan yang diberi seperti kita tanya mengenai dengan satu perjanjian antara MAS dengan *Landor Associate* di United Kingdom untuk *rebranding* dan jawapan yang diberi yang saya baru dapat menyatakan bahawa mengenai dengan kos kontrak, satu kerahsiaan yang tak boleh didedahkan di Parlimen. Apa guna Parlimen ini kalau kita tak boleh tahu pun kos sahaja. Berapakah kos kontrak untuk *rebranding* MAS dan juga buat logo baru MAS. Satu kerahsiaan.

Parlimen ini tak gunalah, sebab Parlimen itu untuk mengawal perbelanjaan kerajaan supaya kita tahu berapakah kos itu tapi sekarang ini berselindung pula di belakang kerahsiaan. Inikah standard JPA sama ada Perdana Menteri sendiri Menteri Kewangan tahu atau tidak jawapan ini diberi kepada Parlimen. Jawapan yang sedemikian memalukan kepada kerajaan dan khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sila beri satu jawapan mengenai *little Napoleon* di dalam JPA ini.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tan Sri Menteri, tadi Yang Berhormat Wangsa Maju sebut *little Napoleon, I'll go one step further*, dengan izin. *The Anwarinas within the government*. Saya mahu tahu Tan Sri, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan kerana daripada dalam kerajaan, perkhidmatan awam ini, mereka melakukan sabotaj dan juga mereka ini menimbulkan kebencian di kalangan rakyat terhadap kerajaan yang sedia ada, di mana mereka ini sehingga hari ini di dalam kerajaan, pegawai-pegawai ini apabila seseorang khususnya seorang yang mereka mahu dia benci dengan kerajaan, mereka katakan borang sudah habis, mereka katakan kalau orang India tidak boleh, kalau orang Cina tidak boleh, kalau kamu ini macam ini macam itu tak boleh. Mereka mewujudkan satu kemarahan di kalangan masyarakat keseluruhannya di negara ini.

Sehingga hari ini saya tahu di dalam Dewan ini seorang pun tidak akan bangun dan mengatakan bahawa tidak ada kebencian yang diwujudkan oleh pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam ini. Jadi apakah yang akan dilakukan oleh kementerian dan juga oleh Tan Sri

Menteri terhadap masalah ini di antara masalah paling besar di negara hari ini. Tan Sri, tolong jawab ini Tan Sri...

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya agak terkeluar daripada...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Jawablah.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Nanti, nanti. Tunggu. Ini saya kata...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Nanti. Apa yang bertanggungjawab ialah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang menguruskan pelantikan dan bukanlah Jabatan Perkhidmatan Awam tetapi walau bagaimanapun saya bersedia untuk menjawab soalan dan perkara yang dibangkitkan mengenai apa yang disifatkan sebagai sikap penjawat-penjawat awam yang tertentu yang dipanggil atau digelar sebagai *little Napoleon* ataupun Anwarisna dan sebagainya. Sebenarnya kerajaan memang peka bahawa di dalam kalangan sejuta empat ratus lebih penjawat awam, walaupun kebanyakan mereka memang sangatlah komited dan sangatlah tekun menjalankan tugas dengan baiknya. Namun memang ada satu peratusan mereka yang menyeleweng. Oleh itu, setiap tahun memang ada tindakan disiplin yang telah diambil terhadap kes-kes yang dilaporkan dan ia dibuktikan, itu yang pertama.

Yang keduanya, tujuan Gagasan 1Malaysia untuk mendahulukan rakyat dan mengutamakan pencapaian adalah bertujuan dengan peringkat demi peringkat menyelesaikan dan mengurangkan penyelewengan seumpama ini. Maka itu kita berdasarkan satu konsep di mana kita *top-down* dan *bottom-up* satu pendekatan yang menyeluruh melalui tumpuan kepada NKRA apakah yang dikatakan sebagai bidang keberhasilan. Dengan adanya KPI, adanya sasaran dan adanya ukuran atau ujian dan sebagainya, ini akan mendatangkan hasil. Sebenarnya sudah bermula membawa satu perubahan walaupun belum lagi menyeluruh, masih ada.

Oleh itu, maka forum untuk Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini ialah untuk secara konkrit dan spesifik membangkitkan isu-isu seumpama ini dan memberi bukti supaya pihak kerajaan dapat menyiasat. Memang kita peka, ada. Kita tidak menafikan tetapi kita mesti juga adil kepada mereka yang dituduh itu...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: ...Supaya kena memberi bukti, kena memberi kes yang spesifik untuk kita menjalankan siasatan. Maka itulah secara ringkas saya menjawab.

Dato' Seri Zahrain bin Mohamad Hashim [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Menteri, sedikit ya. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Seperti tadi yang saya cakap, saya sudah buktikan perkara ini dalam Dewan yang mulia ini berapa kali dah. Sama ada kementerian ataupun jabatan Yang Berhormat Menteri adakah ambil tindakan ataupun gunakan NKRA terhadap *little Napoleon* untuk menjaga, memberi jawapan kepada Parlimen di mana mereka tidak memberi jawapan dalam masa yang telah dipastikan untuk mereka menjawab

iaitu 10 pagi sampai 11.30 pagi. Di mana mereka kena menganggap bahawa pada masa itulah menteri perlu memberi jawapan. Kadang-kadang sampai pukul 6 tak diberikan jawapan kepada Parlimen. Sampai esok kena kejar mereka baru dapat jawapan dan jawapan-jawapan yang kita dapat pun adalah jawapan yang di bawah sub standard.

Kita tanya harga kontrak untuk konsultan seperti *rebranding* MAS dan *redesigning* logo MAS. Itu pun jawapan yang diberikan ialah kos ini tak boleh diberikan kepada Parlimen kerana aku janji dalam surat perjanjian. Kerahsiaan. Apa rahsia, kos pun tak boleh tahu? Kalau begini, semua pertanyaan di dalam Parlimen ini kerajaan perlu kata adalah salah satu syarat kerahsiaan, tak boleh jawab walau Parlimen pun tak boleh. Parlimen ini adalah tempat yang terunggul dalam negara. Kita mesti tahu berapa kos ini. Kenapa kerajaan tak berani nak beritahu ini? Sama ada kerajaan telah dikawal atau dikontrol oleh *little Napoleon* di dalam Khazanah sebab nak tutupkan kelemahan mereka. Inilah NKRA yang kita perlu buat. Untuk dasar apa? Untuk dasar kerajaan, "Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan". Sekarang ini nampaknya rakyat dikebelakangkan dan pencapaian tidak akan disampaikan, sampai sekarang ini.

■ 1630

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Saya minta tambah sedikit.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ini amatlah jelas, satu bukti. Sila ambil tindakan untuk menyasat perkara ini. Bolehkah Yang Berhormat Menteri ambil perhatian akan perkara ini. Di Dewan yang mulia ini kita hendak mendapat jawapan pun susah!

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Saya tumpang sedikit.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Sampai pukul lima, pukul enam pun tidak boleh dan jawapan yang kita dapat itu jawapan yang substandard, yang memalukan kepada kerajaan khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri di mana hari ini jawapan daripada nama Kementerian Kewangan, Menteri Kewangan iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Tumpang sedikit.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Jangan memalukan Yang Berhormat Menteri! Ini saya tahu jawapan yang disediakan oleh *little Napoleon* yang perlu diambil tindakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri di bawah NKRA kerana mereka ini tiada standard. Memalukan kerajaan. Terima kasih. Sila beri jawapan.

Beberapa Ahli: Betul.

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Yang Berhormat sebelum itu saya hendak tumpang sedikit apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Wangsa Maju.

Kerajaan telah membayar bonus kepada pegawai kerajaan sebanyak sebulan setengah punya bonus dan baru tadi Yang Berhormat Menteri pun mengatakan bahawa telah pun kenal pasti ada mereka yang orang panggil *bad apple*, *little Napoleon*, kah ataupun Anwarinas dan sebagainya dalam JPA. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri dalam pemberian bonus sebanyak satu setengah bulan adakah ia menyeluruh termasuk *bad apple*, Anwarinas dan *little Napoleon* ini? Ini kerana ada pegawai-pegawai yang tidak bersama sejiwa sehati dengan kerajaan

yang ada sekarang, saya boleh bagi tahu. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Wangsa Maju jelas. Itu yang saya hendak dengar dari Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya seperti yang saya telah sebut memang kita kena spesifik seperti yang mungkin telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Wangsa Maju itu adalah spesifik. Oleh itu kalau ada apa-apa yang tidak puas hati..

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Menteri, saya sudah beri...

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Nanti, nanti.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Itu keadaan sudah pakai spesifik. Hendak spesifik macam mana lagi?

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Sabar. Bagi saya jawab okey. Tuan Yang di-Pertua, kalau sesuatu jawapan bertulis itu tidak memuaskan memang saluran yang biasa ialah untuk merujuk kepada Dewan, kepada speaker, kepada pihak pentadbiran dan kepada kementerian yang berkenaan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Menteri, yang spesifik itu adalah jawapan tidak diberi kepada Parlimen dalam masa yang ditetapkan. Pukul 10 pagi hingga pukul 11.30 pagi, sampai pukul 6 petang, sampai esok pun tidak dapat, kita kena kerja. Itu satu.

Keduanya, jawapan begini? Malulah kepada kerajaan. Yang Berhormat tidak malu mungkin tetapi bagi saya, saya malu sebagai Ahli Parlimen di mana Yang Berhormat Menteri Kewangan memberi jawapan bahawa itu satu kontrak kerahsiaan. Kos kontrak! Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Wangsa Maju sudahlah Yang Berhormat. Saya pun malu mendengar daripada dalam tadi diulang-ulang sampai empat, lima kali. Sudahlah.

Tuan Mohsin Fadzil Samsuri [Bagan Serai]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Itu memalukan!

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa kakitangan kerajaan ada yang sudah duduk di sini dan *talk the message* bahawa jawapan itu mesti jawapan yang memuaskan hati setiap Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohsin Fadzil Samsuri [Bagan Serai]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya harap Yang Berhormat Menteri sedar akan perkara ini.

Tuan Mohsin Fadzil Samuri [Bagan Serai]: Tuan Yang di-Pertua, ini mengenai benda yang sama juga.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Kalau boleh saya hendak beralih ke satu tajuk lain.

Tuan Mohsin Fadzil Samuri [Bagan Serai]: Sedikit sahaja mengenai dengan apa yang saya perhatikan bahawa jawapan yang dibahagikan ini adalah sebagai peruntukan kerahsiaan.

Apakah benda yang rahsiannya? Benda itu sudah didedahkan, jadi apakah rahsiannya? Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab secara umum iaitu tadi mengenai pemberian bonus iaitu memang ada pegawai yang tidak layak untuk menerima bonus iaitu mereka yang telah dikenakan tatatertib atau mereka yang cuti tanpa gaji.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Apa Yang Berhormat Menteri tidak jawab?

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Nanti saya jawab dahulu tentang bonus kita itu. Keduanya mengenai aduan yang secara spesifik. Saya baru sahaja diberitahu oleh Ahli Yang Berhormat memang saya minta supaya aduan ditujukan kepada Menteri yang berkenaan dan dengan saluran kepada Speaker Dewan supaya kalau soalan itu tidak tepat atau kalau soalan itu lewat dijawab, maka minta dibawa...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Menteri telah beberapa kali berucap di Parlimen dan pegawai-pegawai pun ramai di sini. Tidak mungkin Jabatan Perdana Menteri ataupun jabatan Yang Berhormat Menteri tidak tahu. Semua jadi bodoh. Tidak mendengar dan tidak ambil catatan. Malulah Yang Berhormat Menteri. Hendak apa?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Wangsa Maju. Yang Berhormat Menteri sudah jawab.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Dia kata kita tidak memberikan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri sudah jawab. Dia kata tulis kepada yang tertentu. Antaranya kepada saya. Jadi kalaulah itu jawapan Yang Berhormat Menteri, saya ingatkan pegawai-pegawai yang menjawab itu tolong bagi jawapan secara cepat. Ini banyak kali sudah dibangkitkan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih!

Tuan Yang di-Pertua: Puas hati? Terima kasih.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *You are the best! Thank you.*

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri. Sila.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Baik. Terima kasih. Saya beralih ke satu tajuk yang lain iaitu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur mengenai peruntukan kepada PEMANDU yang dikatakan telah berkurangan kalau kita membandingkan peruntukan di bawah Bajet 2013 berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya iaitu tahun 2010, tahun 2011 dan tahun 2012.

Maka saya ingin mengatakan di sini mengambil satu contoh di mana bajet yang agak besar diberi di bawah infrastruktur asas luar bandar atau *rural basic infrastructure* (RBI) sebagai salah satu daripada NKRA yang diberi tumpuan di bawah program Transformasi Kerajaan. Maka belanjawan atau peruntukan yang diminta daripada kelulusan Dewan ini adalah lebih kurang RM3.2 bilion untuk tahun 2013 berbanding dengan RM6.5 bilion bagi tahun 2011 dan RM5.3 bilion bagi tahun 2012. Memang ada pengurangan tetapi pengurangan ini disebabkan oleh sekurang-kurangnya tiga punca. Pertamanya, iaitu dari segi jalan yang akan dibina di luar bandar maka

sasaran untuk tahun depan ialah 852 kilometer berbanding dengan lebih daripada seribu kilometer untuk tahun 2011 dan tahun 2012. Ini kerana kebanyakan daripada projek pembinaan jalan bagi tahap pertama telah hampir siap di mana *coverage* kepada orang kampung adalah lebih daripada 98.5% sebagai sasaran untuk tahun ini bagi Semenanjung dan 87% dan 86% bagi Sabah dan Sarawak masing-masing.

Apa yang baki ialah tempat-tempat yang terlalu terpencil misalnya di pedalaman Sarawak dan Sabah di mana masih belum dapat membina jalan. Kalau hendak dibina pun kosnya terlalu tinggi. Oleh itu peruntukan untuk tahun 2013 hanya untuk 852 kilometer berbanding dengan 1,350 kilometer bagi tahun ini. Satu lagi ialah pembinaan dan pembaikan rumah dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini di bawah NKRA RBI ini kita telah berjaya membina, membaiki hampir 40,000 buah rumah. Mulai tahun depan kita telah beralih kepada satu strategi baru iaitu pembangunan perkampungan abad ke-21 (*21st century village*) yang sekarang diletakkan kebanyakannya di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

■1640

Oleh itu, bajet untuk projek baru ini tidak dimasukkan di bawah PEMANDU seperti untuk tiga tahun yang lepas. Maka, ini punca yang kedua. Punca yang ketiga ialah dari segi penyampaian bekalan elektrik kepada rumah-rumah di kawasan luar bandar. Memang kita telah mencapai satu tahap yang agak tinggi iaitu lebih daripada 99.8% untuk Semenanjung dan sasaran untuk tahun ini ialah 88.7% bagi Sabah dan 82.7% untuk Sarawak.

Maka, sasaran untuk tahun hadapan ialah 9,871 buah rumah berbanding dengan 39,442 buah rumah sebagai sasaran untuk tahun ini. Oleh sebab bilangannya sudah berkurangan, maka peruntukannya juga telah dikurangkan dalam Bajet 2013. Ini sebagai satu contoh yang agak jelas dan pengurangan itu adalah lebih daripada RM2 bilion. Maka, itulah sesuatu yang sebenarnya mencerminkan kemajuan yang begitu cemerlang dalam tiga tahun pertama pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan, khasnya untuk NKRA infrastruktur asas luar bandar. Maka itu, apa yang dituduh oleh Yang Berhormat Ipoh Timur itu bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak meninggalkan GTP, melepas tangan kerana hendak menyalurkan duit untuk gula-gula dalam bentuk tunai untuk membeli undi memang tidak betul, tidak betul sama sekali... [*Dewan riuh*]

Akan tetapi di sebaliknya, saya nampak ada kontradiksi di kalangan pembangkang. Apabila diberi peruntukan yang agak banyak di bawah PEMANDU untuk NKRA, maka di dalam dua, tiga tahun kebelakangan ini banyak juga aduan bahawa terlalu banyak peruntukan diberi. Sekarang peruntukan dikurangkan, maka mereka pun hendak menyokong supaya peruntukan ditingkatkan pula. Maka, saya berpendapat inilah cuma semua wayang politik sahaja dan bukannya secara konkrit... [*Dewan riuh*] Itulah jawapan ringkas saya sebagai contoh.

Yang akhir sekali ialah apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Kapit yang mewakili *Sarawak-Dayak National Unions*. Mencadangkan supaya kategori suku kaum minoriti selain daripada Melayu, Cina dan India, diperkenalkan dalam borang-borang rasmi kerajaan dan bukan di bawah ruang lain-lain. Ini adalah untuk memantau status kemajuan suku kaum tersebut

supaya dapat merancang strategi yang lebih berfokus dan berkesan mengikut kaum atau suku kaum. Saya memang memahami...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Nanti sekejap, biar saya habis satu tahap, baru saya jemput, okey? Mungkin saya akan jawab apa yang dibangkitkan nanti. Bagi peluang sikit ya, okey? Bagi peluang sikit. Ini saya memang sedar dan memahami akan pertimbangan Ahli Yang Berhormat.

Sememangnya dalam borang yang sedia ada iaitu sebanyak 346 borang, adalah hampir 42% yang tidak masuk ruang untuk kaum lagi sebab dianggap tidak perlu. Akan tetapi untuk borang-borang di mana kita memerlukan angka perangkaan iaitu statistik dan untuk tujuan penyelidikan dan penggubalan dasar ataupun pemantauan kemajuan seperti yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Kaput tadi, memang kita masih memerlukan maklumat mengenai kaum ataupun suku kaum.

Sebagai contoh, dalam dasar kerajaan untuk meningkatkan lagi penyertaan kaum Cina, India dan bumiputera Sabah dan Sarawak mahupun Orang Asli di dalam perkhidmatan awam, maka kita memerlukan angka-angka ini untuk kita memantau kemajuannya dan peningkatannya hasil daripada usaha kerajaan untuk mempromosikan penyertaan kaum-kaum lain di dalam perkhidmatan awam.

Oleh itu kita memerlukan kategori itu dalam borang supaya lebih mudah walaupun kita boleh dengan senangnya dapati daripada namanya. Akan tetapi di sini saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa di kalangan rakyat Malaysia memang ada orang yang bernama misalnya, Yang Berhormat Dato' Sri Idris Jala. Namanya macam nama Melayu dan agama Islam tetapi pada hakikatnya bukan. Beliau bumiputera Sarawak dan yang beragama Kristian.

Di sebaliknya ada juga orang yang namanya Harison tetapi sebenarnya adalah Melayu dan Islam. Maka, kita memerlukan maklumat seumpama ini untuk kita memantau, *to monitor*, untuk kita membantu ataupun *advocate* dan *facilitate*, iaitu untuk memudah cara dan bukan untuk mendiskriminasikan atau menghalang. *The purpose is not to discriminate or to frustrate. The purpose is to advocate and facilitate*, dengan izin. Maka, atas dasar itu memang kita memberi ruang khasnya kalau kita mendapatkan borang itu *online*.

Sekarang kalau kita klik dalam ruang untuk bangsa, maka kita akan dapat satu senarai yang agak panjang untuk dipilih, termasuk juga Kelabitlah dan sebagainya, banyak suku kaum yang telah disebut. Akan tetapi jikalau borang itu ialah borang bercetak, *the printed forms*, maka kita tidak dapat muat lebih daripada 80 kategori kaum dan suku kaum. Oleh itu kita letak satu ruang 'lain-lain' supaya dapat diisi dan apabila kita masukkan maklumat itu ke dalam komputer, maka kita akan dapat maklumat dan kategori yang sebenarnya...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: [Bangun]

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Yang Berhormat, minta sebelum itu Yang Berhormat Padang Serai dahulu.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Okey, selepas itu, terima kasih, baik.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Nanti saya hantarkan serai ke rumah Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri, amat pentinglah bila kita melihat kad pengenalan kita, tertulis di situ nama dan juga agama. Okey, jadi bila kita melihat agama yang ditulis situ, itu saya ingat amat perlu. Akan tetapi pada masa yang sama, apabila hari ini kerajaan dengan dasar 1Malaysia dan juga perpaduan dan semua ini, saya hendak tanya, kenapa harus ditulis dalam kad pengenalan. Contoh, agama mereka-mereka yang tidak ada larangan di negara ini. Contohnya, kad pengenalan kita ini menunjukkan agama dan bangsa kepada lain. Mereka-mereka yang seharusnya tidak ada kawalan, macam orang-orang Hindu ataupun orang-orang India. Kenapa perlu disebut di dalam kad pengenalan itu?

Saya ingat itu tidak perlu tetapi mungkin apa yang mewujudkan di negara ini, perpecahan di kalangan dan juga menentang dasar 1Malaysia itu. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri bawa ini kepada kerajaan supaya kad pengenalan rakyat Malaysia itu, kalau boleh taruh sana 1Malaysia pun tidak apa. Akan tetapi jangan mengikut pecahan bangsa dan sebagainya itulah.

■1650

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertariklah dengan jawapan Yang Berhormat Menteri yang panjang lebar ini terhadap NKRA dan Jabatan Perkhidmatan Awam. Yang saya dengar-dengar ini ada banyak masalah. Yang Berhormat sendiri mengatakan, memberikan bukti, memberikan bukti. Saya boleh memberikan bukti dalam Dewan ini secara rasmi dalam perbahasan dan juga memberitahu Menteri sendiri. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri masih hendak bukti, bukti, bukti.

Kalaulah apa yang dibangkitkan dalam Parlimen ini bukan satu bukti, susahlah, Yang Berhormat Menteri. Saya rasa Yang Berhormat Menteri perlu ada satu *department* NKRA juga untuk membuat NKRA terhadap jabatan Yang Berhormat Menteri sendiri kerana sampai hari ini kita tidak pernah nampak Menteri NKRA, Yang Berhormat Senator Dato' Sri Idris Jala yang katanya nama seperti orang Melayu tetapi orang Kristian. Itu saya terima. Akan tetapi tidak pernah nampak bayang pun. Bukankah kita perlu ada satu NKRA terhadap beliau dan juga terhadap Yang Berhormat Menteri sendiri kerana kalau di Parlimen pun tidak pernah nampak bayangnya, bukankah itu gaji buta? Perlu datang ke sini untuk menjawab soalan supaya kita boleh tanya. Kalaulah Menteri NKRA sendiri tidak bertanggungjawab, memanglah jabatan ini kemungkinan sudah bankraplah. Terima kasih.

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri, *sorry* lah. Saya lembut sedikitlah bukan seperti kawan saya Yang Berhormat Wangsa Maju itu... [Ketawa] Sebelum Yang Berhormat Menteri gulung, tadi saya dengar sudah akhir. Saya ada sebut dalam perbahasan isu tentang Rukun Negara sebab saya nampak Yang Berhormat Menteri tidak sentuh.

Saya ada sebut tentang Rukun Negara. Ini kerana kita bimbang hari ini apa yang disarankan kerajaan dahulu tentang Rukun Negara tidak dihayati oleh masyarakat umum. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Apa tindakan kementerian hari ini untuk menentukan bahawa rakyat menghayati Rukun Negara. Ini kerana Rukun Negara itu jelas tentang apa yang disentuh. Saya sebut tentang LGBT, saya sebut tentang dana asing, pengkhianatan dan sebagainya. Ini sebab Rukun Negara itu tidak dihayati oleh rakyat kita.

Apakah kementerian atau Menteri sedang lakukan untuk menentukan bahawa Rukun Negara ini diterima pakai balik oleh seluruh rakyat dan isu-isu perpaduan pun penting. Berikutan dengan itu, ada isu tentang wayang gambar *Tanda Putera* saya ketengahkan kerana ini berkait dengan perpaduan dan saya percaya Yang Berhormat Menteri terlibat ataupun menjaga tentang perpaduan. Jadi *Tanda Putera* pun saya nampak ditangguhkan beberapa kali sebab wayang gambar itu sebenarnya menunjukkan dan saya percaya boleh menggerakkan semangat perpaduan di kalangan rakyat kita. Saya minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh tentang Rukun Tetangga dan Gagasan 1Malaysia seperti yang dibangkitkan oleh... [*Disampuk*] Nanti, nanti! Seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bayan Baru dan Yang Berhormat Padang Serai tadi. Sememangnya komitmen terhadap Gagasan 1Malaysia adalah jelas iaitu kita menerima, menghormati kepelbagaian tetapi dalam proses membuat demikian, memupuk perpaduan dan keharmonian di kalangan rakyat yang berpaksikan kepada Perlembagaan Persekutuan dan juga Rukun Negara. Rukun Negara selain daripada dinyatakan, selalunya disebut dalam perhimpunan di sekolah, kita juga sudah dapat menubuhkan lebih daripada 4,000 Kelab Rukun Negara di kalangan sekolah. Kita juga menubuhkan Sekretariat Rukun Negara di institut pengajian tinggi awam dan swasta. Sudah melebihi 120. Ini memang sebagai satu usaha yang bukan sahaja mendedahkan kepada generasi muda kita tetapi untuk menggalakkan mereka menyertai dalam proses berbahas, berbincang dan juga untuk melaksanakan dan mempraktikkan rukun dalam Rukun Negara termasuk juga yang kelima iaitu kesopanan dan kesusilaan.

Itu memang sudah dapat sambutan yang baik di mana kemuncaknya ialah perbahasan perdana antara pelajar-pelajar IPTA dan IPTS mengenai tajuk-tajuk perpaduan dan kita memang begitu kagum dengan prestasi para pelajar generasi muda kita yang memang begitu peka terhadap Rukun Negara dan juga perlembagaan melalui proses penglibatan dalam Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara ini. Itu yang pertama.

Yang kedua, bersangkutan paut dengan apa yang terkandung di dalam kad pengenalan. Saya tengok saya punya kad tidak ada sebut agama, cuma warganegara dan lelaki sahaja. Akan tetapi saya ingat begitu. Memang ada sebabnya agama disebut sebab kalau berlakunya apa-apa yang tidak diinginkan, maka kita tahulah apa yang harus dibuat mengenai upacara keagamaan, juga dari segi perubahan dan sebagainya, memang ada gunanya juga kita mengetahui tentang kategori itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat kita mestilah menerima hakikat bahawa kita semua rakyat Malaysia. Itu yang penting. Akan tetapi di dalam kalangan rakyat Malaysia, memang kita mempunyai golongan-golongan mengikut etnik, budaya, mengikut agama yang harus juga diiktiraf dan dihormati. Perbezaan ini tidak bermakna bahawa kita akan berpecah belah. Ini sikap kita yang penting. Kalau kita semua menganggap kita rakyat Malaysia, kita bertanggungjawab mencintai negara kita dan berkhidmat untuk semua rakyat, maka perbezaan ini tidak akan menjadi punca perpecahan. Akan tetapi kita mesti menghormati perbezaan ini. Misalnya kita mesti menghormati agama-agama yang dianuti, pantang larangnya dan sebagainya. Ini sebagai sebahagian daripada kebudayaan Malaysia di mana kita bersopan santun, bertolak ansur dan kita bersatu hati dan bergading bahu. Ini semua kita harus jadikan komitmen kita bersama untuk memajukan khasnya di kalangan generasi muda.

Saya berbalik kepada Ahli Yang Berhormat dari Wangsa Maju. Memang kita tidak menafikan adanya masalah dalam mana juga pentadbiran, dalam mana juga organisasi termasuk juga pertubuhan politik, pertubuhan sosial, kebajikan yang begitu hendak berjasa baik pun ada masalah. Ada perbezaan pendapat, ada perbezaan tingkah laku yang menjadi punca pergaduhan atau perpecahan. Sebab itu apa yang penting ialah kita mesti bekerjasama dan memang saya tidak menafikan bahawa Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju sering mengkritik kerajaan dengan tujuan baik hendak membetulkan sesuatu. Akan tetapi apa yang penting ialah saya memang tidak dapat menjawab kesemuanya tetapi kalau adanya jawapan yang terlewat, itu memang kita harus membetulkan. Kalau adanya jawapan yang tidak lengkap, itu harus kita membetulkan. Sekiranya masih ada terdapat apa-apa lagi, saya percaya bahawa akan dibetulkan di bawah komitmen rakyat didahulukan.

■1700

Mengenai Yang Berhormat Senator Dato' Seri Idris Jala, saya telah menjawab perkara ini di Dewan yang mulia ini dan juga termasuk di Dewan Negara di mana beliau memang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang luar biasa yang dapat dihasilkan untuk membawa kepada transformasi kerajaan mahupun transformasi ekonomi dengan memberi pandangan-pandangan dan berkongsi pengalaman beliau. Itu nilai beliau yang sangat dihargai, tetapi kita ada satu bentuk PEMANDU.

PEMANDU mempunyai dua orang Menteri yang bertanggungjawab. Saya sebagai Pengerusi PEMANDU dan saya memang mengendalikan aspek-aspek secara umum dan juga berkaitan dengan unsur-unsur politik, pandangan politik, persepsi dan sebagainya. Akan tetapi tugas beliau ialah untuk berfokus kepada tugas-tugas secara terperinci untuk melaksanakan proses transformasi ini dan tanpa ada penglibatan politik langsung. Ini memang agak luar biasa tetapi ini atas budi bicara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya adakan seorang Menteri yang mempunyai pengalaman dan kepakaran tetapi tidak ada perkaitan politik supaya beliau akan memberi pandangan yang bernas secara berkecuali di dalam Kabinet dan juga melaksanakan proses transformasi ini tanpa memihak kepada mana-mana pihak politik. Akan tetapi apa yang

dilaksanakan oleh beliau memang dibincangkan dalam Kabinet dan keputusan dibuat secara kolektif dan banyak bengkel di antara Menteri yang diketuai sendiri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah diadakan supaya kita dapat menjalankan proses transformasi ini secara bersepadu, secara mengambil kira semua pandangan dan semua golongan yang terlibat. Maka itulah sebagai satu formula, walaupun bukan sempurna, *is never perfect* Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju, tetapi kita memang jujur dan komited ingin melaksanakan...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *The problem* Yang Berhormat Menteri *is* transformasinya *up to the* PMO sahaja, Pejabat Perdana Menteri. Turun ke bawah adalah 'transformati'. Tidak ada *transformation* langsung.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Saya ingat...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Di bawah daripada PMO adalah 'transformati' sahaja, tidak ada transformasi.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Saya, saya...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Sila ambil tindakan mengenai perkara ini kerana apa yang dibuat di bawah PMO adalah menunjukkan bahawa kerajaan tidak *sincere* sebab tidak ambil tindakan terhadap *little-little Napoleon* ini, di Khazanah dan sebagainya. Itu yang penting. Sampai Parlimen pun mereka tidak layan, tidak hormat. *So* kalau tidak hormat Parlimen, di mana lagi mereka akan hormat? Sampai Yang Berhormat Menteri pun dia tidak peduli. *So please, take note of that. Thank you very much.*

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Okey, kita memang *take note* apa yang telah dibangkitkan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *Take note and take action*lah.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: *You* kata *take note*, saya kata *take note*lah. *Take action, take action*lah tetapi saya ingat begini. Saya memang tidak setuju dengan Yang Berhormat Wangsa Maju bahawa transformasi itu hanya berlaku di peringkat Jabatan Perdana Menteri atau Pejabat Perdana Menteri atau hanya di kalangan Menteri atau KSU. Sebenarnya dalam tempoh...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *Only* PMO, kepada PMO sahaja.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Dalam *Prime Minister Office*, Pejabat Perdana Menteri, sebenarnya – saya memberi satu contoh. Saya boleh beri beberapa contoh lagi dalam bidang pendidikan di mana kita amat komited kepada beberapa sasaran untuk mempromosikan prasekolah supaya meningkatkan generasi muda kita, kanak-kanak kita dalam umur lima, enam tahun di mana dahulunya peratusan yang terlibat dalam prasekolah hanya kurang daripada 60%. Kita menetapkan sasarannya 90% dan kita sudah mencapai kemajuan yang agak cemerlang dan ini melibatkan berpuluh-puluh ribu guru tadika, Tabika KEMAS dan Tabika Perpaduan dan juga tadika swasta. Itu sudah ada transformasi.

Keduanya, dalam bidang pendidikan juga di mana kita berhasrat untuk meningkatkan lagi tahap kemahiran literasi dan numerasi iaitu membaca, menulis dan mengira. Ianya melibatkan lebih daripada 450,000 orang guru secara menyeluruh dengan adanya sistem-sistem untuk memantau KPI dan sebagainya. Maka itu sudah berlangsung, tetapi memang ada, mungkin masih

ada lagi masalah tetapi kalau katakan tidak ada kemajuan langsung itu memang tidak adillah kepada para penjawat awam yang terlibat dalam proses ini yang begitu komited, begitu tekun. Maka itulah sebagai jawapan ringkas.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Nanti, nanti, saya bagi peluang kepada Yang Berhormat Pasir Mas.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih. Tadi Yang Berhormat ada menyebut pelantikan Yang Berhormat Senator Dato' Idris Jala diperlukan untuk memberi pandangan yang ketiga yang tidak memihak kepada mana-mana kepentingan politik dan sudah barang tentu pelantikan beliau diambil kira dari segi pengalaman, kebolehan dan sebagainya.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat, sebelum beliau dilantik, beliau dilantik sebagai Pengarah Urusan MAS dan sewaktu beliau memimpin MAS dan selepas meninggalkan MAS, saya dapati MAS mengalami kerugian, masalah dalam MAS tidak selesai dan apa yang berlaku ialah *asset stripping*. Jadi saya saja hendak tanya sebab banyak pihak-pihak usahawan, ahli-ahli perniagaan yang duduk komen yang saya dapat *feedback* daripada peringkat bawah, itu nombor satu.

Kedua, dalam apa jua bentuk penggubalan dasar dan peranan yang dimainkan oleh Pemandu, harus diingat yang penting ialah sentiasa berpandu kepada apa yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu asas perlembagaan negara dan perkara-perkara yang ada kaitan dengan asas-asas perkara yang seperti Perkara 153 seumpamanya. Maka sebarang transformasi, liberalisasi tidak harus dilupakan perkara-perkara asas ini sebab kadang-kadang saya lihat mungkin berlaku di mana perkara-perkara seumpama ini *dioverlook* atas dasar globalisasi, atas dasar liberalisasi dan seumpamanya. Jadi apakah perkara-perkara ini diberi perhatian? Sekian, terima kasih.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang saya amat tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Menteri mengenai program promosi, program pendidikan, tetapi itu adalah sebahagian sahaja. Yang pentingnya Yang Berhormat Menteri adalah penguatkuasaan dan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan.

Masalah sekarang ini, walaupun Yang Berhormat memberi satu keyakinan, saya pun hendak percaya tetapi yang saya dengar di luar, yang saya nampak sendiri, rakyat tidak percaya. Kepercayaan dan keyakinan daripada rakyat jelata tiada langsung terhadap transformasi ini kerana kita boleh nampak dengan jelas seperti di DBKL, pelaksanaan penguatkuasaan walaupun mereka memberi jawapan dalam Dewan yang mulia ini yang menyatakan bahawa mereka akan ambil tindakan terhadap *used car dealer* di Wangsa Maju, dari bulan Januari lagi berapa kali notis sudah dikeluarkan sampai Jun yang terakhir dikeluarkan.

Jawapan di dalam sini untuk bulan Ogos dan di Dewan yang mulia ini oleh Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan notis telah dikeluarkan dan tindakan akan diambil.

Sampai hari ini *used car dealer* di Wangsa Maju, sebelah Festival Mall tiada tindakan diambil di mana telah menjadikan satu *traffic jam* di Wangsa Maju kerana Festival Mall tidak boleh buat jalan masuk keluar...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: So bukannya ini satu masalah yang menjejaskan imej kerajaan? Kata ada transformasi, mana ada? Yang ada yang saya kata tadi, 'transformati'. So saya harap Yang Berhormat Menteri pekalah dalam perkara ini, buat *check*.

■1710

Pertama, buat satu NKRA terhadap bos Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Idris Jala. Pernah berapa kalikah beliau datang ke dalam Dewan yang mulia ini? Berapa kali? Saya rasa ada satu kali sahaja pun tidak pernah nampak. So tolong buat NKRA terhadap berapa kali ke Parlimen. Kalau beliau tidak berani ke Parlimen ataupun tidak ada masa ke Parlimen, letak jawatan sahaja. Masuk kepada Shell, Shell pun nanti hendak ambil dia. Tidak payah, sebab tugas beliau adalah datang ke Parlimen bukannya Parlimen ini setahun panjang ada mesyuarat, cuma satu bulan dua bulan dalam satu *quarter*. Datang sini beri jawapan, datang sini mendengar apa Ahli Parlimen bercakap di sini, berucap. Kalau dia ada di sini Yang Berhormat Menteri pun tidak akan dikelirukan mengatakan mana bukti, mana bukti? Tidak ada bukti. Sedangkan sudah diucap di sini berpuluh-puluh kali, itu bukan bukti? Apa lagi Yang Berhormat. So tolonglah jangan transformasi lagi. Kita perlu transformasi yang sebenar-benarnya yang tulen bukan yang *bullshit* ini. Terima kasih dengan izin.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Okey, silakan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Tan Sri Menteri. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Tan Sri. Transformasi ini definisinya apa? Definisinya, saya rasa transformasi ini definisinya perubahan. Perubahan dia satu proses bukan satu perkara yang berlaku mendadak. Saya minta maaf lah terpaksa berbeza sedikit dengan rakan daripada Yang Berhormat Wangsa Maju. Apa yang kita dengar bila Yang Berhormat Wangsa Maju mengatakan bahawa transformasi tidak berlaku. Seolah-olah apa yang Perdana Menteri buat dan kerajaan buat setakat ini tidak ada apa-apalah. *I think this is not true*. Rasa tidak adil kepada kerajaan dan kepada Perdana Menteri. Hendak buli Menteri bulilah tetapi jangan buli kerajaan.

Ini kerana kerajaan telah menunjukkan hasil daripada gerakan transformasi ini kepada...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tegur sahaja Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sekejaplah. Di Sarawak, di Sabah jalan sudah dibuat, bekalan air sudah diberi, bekalan elektrik. Mungkin belum lengkap, belum sepenuhnya masih lagi masih perlu diteruskan tetapi tidak boleh dinafikan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: So, apa penguatkuasaan?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Beratus. Ya, ya pelaksanaan dan penguatkuasaan. Pelaksanaannya kita telah melihat hasilnya dan laporan telah dibentangkan berapa kilometer jalan, berapa banyak rumah, berapa itu, berapa ini. *It's all there for you to see and to read* dengan izin. *How can you deny this?* Saya rasa tidak adil kerana Perdana Menteri bercakap hari-hari tentang transformasi dan melaksanakan dan menguatkuasakan. Akan tetapi kelemahan-kelemahan ada wujud.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Setakat Yang Berhormat Perdana Menteri sahajalah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, kelemahan wujud memang wujud dan belum *complete* belum selesai. Perjuangan belum selesai. Kalau sudah selesai kita tidak perlu hendak bahas di sini. Ini satu proses yang mengambil masa. Saya rasa tidak adil buat satu kesimpulan yang begitu keterlaluan mengatakan transformasi ini tidak ada apa-apa. *It's not fair.* Saya bukan hendak pertahankan Menteri tetapi saya hendak bercakap bahawa itu hakikat yang sebenar. Kalau Yang Berhormat Wangsa Maju mungkin ada masalah dengan satu dua kes tertentu, dengan izin *is not representative.* Tidak mewakili senario yang sebenarnya keseluruhannya. Itu satu.

Keduanya berhubung dengan Yang Berhormat Idris Jala. Saya setuju dia ada kebolehan dan kelebihan. *We respect that.* Kita akui kita hormati. Akan tetapi dalam pada itu kalau dia tidak terlibat dengan politik jangan beri pandangan berbaur politik. Ada kalanya Yang Berhormat itu Menteri itu memberi pandangan memperlekehkan orang politik. Ini sudah bercanggah. Dia patutnya tidak terlibat dengan politik tetapi ada kalanya saya dengar dan saya baca di dalam akhbar dia memperlekehkan orang politik. *This is contradictory* dengan izin.

So mungkin Tuan Yang di-Pertua, saya minta kalau boleh Yang Berhormat Tan Sri Menteri nasihatkanlah dia. *[Ketawa]* Nasihatkan dia supaya buat kerja berdasarkan objektif *you know, assessment, evaluation, professional.*

Soal datang Parlimen ini perkara kedualah. Kalau boleh datang *alhamdulillah* kalau tidak boleh datang dengan izin *as long as he can perform and deliver* okey tidak ada masalah. Kalau boleh. Jadi kita soal kehadiran di Parlimen, Menteri sibuk, Menteri mana semua hendak datang sini, dia ada mesyuarat sana, mesyuarat sini, melawat kawasan dan sebagainya. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, jadi itu sahaja saya hendak sebut. Terima kasih banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua saya ingat...

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Ya kita sebenarnya..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri nanti dahulu sekejap dahulu.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ini soal mentransformasi ini hampir lima tahun saya mahu mentransformasi Parlimen cuma untuk faham peraturan mesyuarat sahaja sampai sekarang ini saya gagal. *[Ketawa]* Orang yang menggagalkan saya adalah Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri yang semua mahu transformasi. Sila Menteri.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang begitu bernas dan padat jelas membantu saya menjawab apa yang telah berlaku dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Salak. Ini kerana saya beberapa kali menegaskan di sini bahawa proses ini transformasi ini merupakan proses, satu perjalanan, satu perjuangan. Akan tetapi memang ada kelemahan kecacatan yang masih wujud. Akan tetapi jangan kerana beberapa kes itu kita menafikan apa yang telah dicapai, itu yang penting.

Untuk kes tadi *used car dealer* dan sebagainya saya akan sampaikan kepada rakan saya Menteri Wilayah Persekutuan untuk menumpu perhatian untuk cuba menyelesaikan masalah ini. Sebab masalah di akar umbi ini kadang kala bukan begitu senang diselesaikan tetapi penguatkuasaan ini kadang kala selalunya berlaku. Apabila kita mengambil tindakan penguatkuasaan memang ada juga ahli-ahli politik yang membantu.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tindakan tidak diambil kerana...

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Nanti, nanti. Ada juga. Saya kalau boleh saya mungkin kalau hendak cari pun boleh cari kes di mana Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju juga membantu kes-kes tertentu yang diambil tindakan penguatkuasaan. Ini kerana kadang kala penguatkuasaan itu bukanlah begitu terus dan terang dan ada mungkin *grey area* dan kita cubalah berunding untuk menyelesaikan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Menteri itu kes itu mengenai *used car* itu adalah di atas tanah DBKL ialah *squatters*. So sudah setahun lebih sudah dan telah menimbulkan masalah kesesakan jalan di Danau Kota.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya minta supaya kes ini saya akan sampaikan kepada rakan saya untuk perhatian beliau.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: NKRAkan, NKRAkan itu Menteri.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Kita jangan bahaskan di sini atas cara inilah.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Bolehkah Yang Berhormat Menteri setuju NKRAkan ataupun KPIkan Menteri tersebut kerana tidak kerja dengan baik?

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Itu satu kes tetapi dia ada ribuan kes yang dia kerja baik. Okey.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ya, ya NKRA itu penting.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Itu kita akan ambil hitung panjang. Kalau sebenarnya ini tidak mungkin ada.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ambil tindakan.

■1720

Tan Sri Koh Tsu Koon: Kita semua manusia.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ambil tindakan disiplin.

Tan Sri Koh Tsu Koon: Kita semua manusia, Yang Berhormat. Kita semua manusia termasuk Yang Berhormat sendiri.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ya.

Tan Sri Koh Tsu Koon: Kita tidak sempurna, *we are not perfect, okay*.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tetapi terlampau banyak notis dan surat kita tulis dan jawapan di dalam Dewan yang mulia ini tetapi tidak ada tindakan.

Tan Sri Koh Tsu Koon: Okey, okey.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: So, kalau kita hendak adakan transformasi, ambil tindakan terhadap Menteri, NKRAkan terhadap Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju, terima kasih.

Tan Sri Koh Tsu Koon: Saya ingat sedikitlah...

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap, sekejap. Ini sewaktu dalam peringkat menjawab, saya rasa kita semua faham bahawa cuma yang kita boleh bangkitkan adalah isu-isu yang samar ataupun sebelum itu belum dibangkitkan. Kalau saya biarkan begini bermakna setiap Yang Berhormat, apabila rasa perlu berdiri, berdiri. Terus bercakap sahaja. Baru dua kementerian itu pun baru dua Menteri yang bercakap. Ada lagi tiga Menteri. Jadi saya rasa saya akan beritahu kepada timbalan-timbalan saya, saya tidak akan benarkan lagi ini. Ini kerana saya tidak mahu bersidang sampai jam 12 lagi. Sila, Menteri.

Tan Sri Koh Tsu Koon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kita memang penuh mengamalkan demokrasi. Kita benarkan semua ini tetapi janganlah demokrasi disampaikan "demomati". *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya ingat cukuplah saya telah menjawab dan saya memang mengalu-alukan kalau ada lagi kritikan, teguran boleh disampaikan bila-bila masa waktu Jawatankuasa, waktu mana dalam soal jawab tulis kepada Menteri, kita memang mengamalkan sikap terbuka dan mendahulukan rakyat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

5.22 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan Salam 1Malaysia. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet bagi 2013 di peringkat dasar dan menyentuh perkara-perkara berkaitan hal-ehwal Islam. Saya telah meneliti semua isu-isu yang telah dibangkitkan. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai pandangan, teguran dan cadangan serta saranan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua pertamanya saya ingin memberikan penjelasan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan Lembaga Tabung Haji yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Lembaga Tabung Haji yang telah ditubuhkan bagi membolehkan umat Islam di negara ini menyimpan wang secara halal yakni tiada unsur riba bahkan di waktu itu belum ada perbankan Islam dan beransur-ansur untuk perbelanjaan haji serta berperanan meningkatkan ekonomi umat Islam melalui pelaburan secara berkumpulan.

Justeru itu, Tabung Haji yang telah ditubuhkan sejak hampir 50 tahun lalu sentiasa berusaha memberikan manfaat yang terbaik kepada para pendepositnya. Manfaat kepada pendeposit Tabung Haji boleh diukur melalui prestasi tahunan syarikat dari segi kewangan dan juga operasi. Yang Berhormat Indera Mahkota, menyatakan kajiannya menunjukkan jumlah terkumpul caruman adalah RM275 bilion dan bertanya mengapa tiada laporan kedudukan akaun pencarum Tabung Haji dalam laporan Bajet 2013.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, laporan tahunan Tabung Haji 2011, peserta penyata kewangan yang telah diaudit dan mendapatkan sijil bersih daripada Ketua Audit Negara telah diedar dan dibentangkan pada awal persidangan ini iaitu pada 24 September 2012. Jumlah simpanan terkumpul pendeposit Tabung Haji pada akhir tahun 2011 adalah RM31.7 bilion bukan RM275 bilion. Jelas tertera pada muka surat 567 dan penyata kewangan laporan tahunan tersebut. Jumlah simpanan terkumpul terkini adalah di sekitar RM34 bilion

Yang Berhormat Indera Mahkota juga menyarankan supaya Tabung Haji melindungi dan memberikan kebajikan kepada orang Islam khususnya kepada penabung-penabung dengan mengurangkan kos haji bagi menjaga dan melindungi kebajikan orang Islam khususnya para pendeposit. Tabung Haji sentiasa memastikan hasil pulangan simpanan yang kompetitif kepada pendeposit. Keduanya pembayaran zakat ke atas wang simpanan, ketiganya jaminan wang simpanan 100% oleh kerajaan, keempatnya pengecualian cukai dan kelimanya simpanan dan pulangan yang mematuhi syariah.

Berhubung dengan kos haji dalam kesempatan ini saya ingin menjelaskan bahawa kos haji bergantung pada pelbagai kos yang terlibat terutamanya kos perumahan dan kos tambang kapal terbang adalah komponen utama dalam menentukan kos haji setiap tahun dan kos ini adalah kos di luar kawalan Tabung Haji. Kos perumahan di Tanah Suci ditetapkan oleh tuan punya bangunan dan Tabung Haji perlu bersaing dengan negara-negara lain untuk memastikan jemaah haji Malaysia mendapat penginapan yang sesuai dan selesa.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Kos perumahan telah meningkat daripada tahun ke tahun kerana kekurangan bangunan penginapan akibat pembangunan pesat sekitar Masjidil Haram. Kos tambang kapal terbang pula adalah bergantung pada harga pasaran minyak mentah dunia dan peningkatan harga minyak mentah juga telah mengakibatkan peningkatan harga tambang kapal terbang.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Penjelasan, sebelum berpindah kepada perkara lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Pertama, saya hendak menyebut semula apa yang dikatakan di dalam ucapan perbahasan oleh Yang Berhormat Menteri baru sebentar tadi. Apa yang saya maksudkan tentang laporan kedudukan kewangan terkumpul Tabung Haji adalah selaras dengan seksyen 24(1) Akta Tabung Haji 1995 di mana pada kebiasaannya setiap tahun akan dikemukakan jumlah terkumpul maksudnya *accumulative* jumlah *accumulative* yang pernah diuruskan oleh Tabung Haji.

Saya membangkitkan tentang jumlah itu kerana laporan sebagaimana biasa dalam Buku Anggaran Belanjawan dimasukkan tentang kedudukan semasa Lembaga Tabung Haji. Sebagai contoh Yang Berhormat Menteri pada tahun lepas dalam pembentangan tahun lepas di Bahagian G2a Penyata Akaun Memorandum Jaminan Dalam Negeri memang digariskan atau dipersembahkan di situ jumlah yang terkumpul yang diuruskan oleh Lembaga Tabung Haji.

Saya mempersoalkan dalam ucapan saya itu kerana penyata ini tidak dimasukkan. Tidak ada dalam anggaran belanjawan yang diberi kepada semua Ahli Parlimen, di dalam ini Yang Berhormat Menteri. *[Menunjukkan dokumen yang berkaitan]* Dalam ini tidak dinyatakan, tidak ada sebab itu saya minta khusus untuk isu Lembaga Tabung Haji ini supaya diberi penjelasan. Saya dapati betul apa Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi. Kalau mengikut tahun lepas Tuan Yang di-Pertua ada jumlah di sini yang disebut RM27 bilion. Betul, ada laporan tahun lepas memang ada, muka surat 653 ada disebut tetapi tahun ini tidak ada. Oleh sebab itu saya bangkitkan keadaan semasa berkenaan dengan tabung dan wang yang diuruskan oleh Lembaga Tabung Haji dan kumulatif jumlah RM275 bilion itu diambil kira jumlah terkumpul yang selama ini pernah diuruskan oleh Lembaga Tabung Haji.

Jadi satu saya hendak betulkan apa yang saya ucap dan difahami oleh Yang Berhormat Menteri. Kedua, lanjutan daripada itu ialah cadangan saya sekiranya Tabung Haji mempunyai keuntungan RM1 bilion setahun, sekurang-kurangnya seperti mana yang dilaporkan. Adalah munasabah sekiranya Tabung Haji mengkhususkan untuk mengagih dividen bagi tujuan merendahkan kos mengerjakan ibadah haji itu dari segi tambang kapal terbangkah, hotelkah, makanankah, itu terpulang kaedahnya. Asasnya ialah berlaku penurunan dari segi peratusan kos untuk mengerjakan haji oleh kerana Tabung Haji mendapat untung yang agak besar.

Kalau RM27 bilion yang terkumpul, RM1 bilion setiap tahun keuntungan bersih ini agak lumayan dari segi mata keuntungannya, buat masa ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri.

■1730

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjelaskan pandangan dan juga makluman yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Indera Mahkota sebentar tadi. Saya difahamkan untuk difahamkan begitu Yang Berhormat Indera Mahkota, bahawa Kementerian Kewangan akan menjelaskan nanti dalam penjelasan mereka. Walau bagaimanapun oleh kerana *figure* yang dibawa oleh Yang Berhormat

Indera Mahkota tadi melibatkan fakta-fakta yang memerlukan kepada jawapan bertulis untuk saya berikan kepada Yang Berhormat Indera Mahkota.

Keduanya, mengambil kira perkara baru yang disampaikan. Keduanya ialah berkenaan dengan cadangan yang suka saya hendak perelaskan bahawa pihak Tabung Haji sejak daripada tahun 2007, kita telah menjangkau keuntungan selepas daripada cukai dan juga selepas tolak zakat. Kita menjangkau keuntungan melebihi daripada RM1 bilion, *1 billion company* bahkan untuk tahun yang lalu, kita menjangkau sekitar RM1.6 bilion. Oleh kerana saya tidak sempat menghabiskan jawapan, sebenarnya jawapan saya ada di hadapan kepada apa Yang Berhormat sebutkan untuk kita memberikan dalam bentuk dividen, bonus ataupun kebajikan kepada pihak pendeposit ataupun penyimpan-penyimpan Tabung Haji.

Izinkan saya untuk membaca jawapan ini kerana ini nanti akan menjelaskan di mana kebajikan yang telah dilakukan oleh pihak Tabung Haji terutama kepada para jemaah haji, termasuk kepada penyimpan-penyimpan dalam bentuk dividen dan bonus. Yang Berhormat, walaupun kos-kos penginapan telah meningkat secara drastik sejak enam tahun yang lepas, bayaran haji yang dikenakan kepada jemaah haji tetap kekal pada kadar RM9,980. Sejak daripada lama dahulu, kita kekal pada harga RM9,980. Sedangkan bayaran kos ataupun kos bayaran haji sebenar bagi tahun 2012 adalah sebanyak RM15,150.

Maka, lebih kos yang membawa jumlah RM5,170 merupakan subsidi yang ditanggung oleh Tabung Haji sebagai tanggungjawab sosial korporatnya (CSR), dengan izin, telah menanggung subsidi lebih daripada RM100 juta bagi tahun 2011 dan pada musim 2012, 1433 Hijrah pula yakni jemaah haji yang bertolak sekarang, jumlah keseluruhan akan dijangka meningkat melebihi RM120 juta. Jadi sebab itu, untuk makluman Yang Berhormat, kepada jemaah-jemaah haji yang pergi menunaikan haji secara muassasah pada tahun ini, mereka akan dapati di dalam slip ataupun di dalam penyata kewangan Tabung Haji mereka, ditambah sebanyak RM5,170 bagi melengkapkan kepada jumlah tujuan mereka melaksanakan ibadat haji.

Saya merasakan Tuan Yang di-Pertua, ini adalah merupakan jumlah yang paling tinggi dalam sejarah di Tabung Haji untuk kita memberikan subsidi bantuan kepada jemaah haji yang menunaikan ibadat haji secara muassasah. Mengenai harapan Ahli Yang Berhormat agar tidak berlaku ketirisan ataupun aktiviti ke'ali baba'an dalam Tabung Haji. Dijelaskan bahawa Tabung Haji adalah sebuah badan berkanun yang ditadbir dan diurus mengikut peruntukan Akta Lembaga Tabung Haji 1995 berpandukan prinsip tadbir urus korporat Malaysia. Pengurusan Tabung Haji terdiri daripada golongan profesional bumiputera yang mentadbir dan mengurus secara telus dan profesional serta sentiasa memastikan segala piawaian operasi dan kewangan dipatuhi.

Yang Berhormat Pokok Sena pula telah meminta penjelasan, apakah penilaian rapi dibuat bagi kenaikan gaji Ketua Pegawai Eksekutif (COO) Tabung Haji...

Dato' Haji Taib Azamuddin Md. Taib [Baling]: Yang Berhormat Menteri, sebelum berpindah.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Tidak pindah, masih lagi Tabung Haji.

Dato' Haji Taib Azamudden Md. Taib [Baling]: Betul, pindah topik yang lain. Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Hendak minta pengesahan Menteri, apakah yang difahamkan bahawa pihak Tabung Haji kurang berminat untuk memiliki bangunan sendiri di kedua-dua Tanah Suci Mekah dan Madinah walaupun pihak Kerajaan Saudi memberi kemudahan andainya Tabung Haji membina bangunan sendiri. Akan tetapi difahamkan bahawa Tabung Haji lebih berminat untuk memajak atau menyewa sebagaimana yang ada pada hari ini. Kalau ini benar, maka bagi saya adalah sesuatu yang agak tidak sepatutnya sebab kalau kita mempunyai kewangan yang kukuh sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Indera Mahkota tadi, kalau kita dapat buat bangunan Tabung Haji sendiri untuk disewakan sebagai hotel atau sebagai tempat penginapan jemaah haji kita terutama sekali dan Umrah, mungkin dengan ini kita dapat membantu para jemaah untuk *reduce* atau untuk kurangkan dari segi kos perbelanjaan mereka untuk ke Tanah Suci. Minta penjelasan.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Baling. Ini merupakan satu saranan, cadangan yang pada saya adalah amat baik. Akan tetapi Yang Berhormat Baling, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia pada petang ini, sebenarnya untuk makluman, pemilikan dan juga pembelian tanah sama ada di Mekah dan Madinah, kedua-dua Tanah Suci ini tidak dibenarkan kepada mana-mana pihak melainkan hanyalah warga Arab Saudi dan lebih ditekankan kepada warga yang berada di Mekah dan Madinah khususnya. Memang sejak daripada dahulu, Tabung Haji berusaha untuk membeli tanah seperti ini tetapi untuk Yang Berhormat, beberapa agensi, pelbagai kelompok masyarakat dan juga termasuk individu korporat, perniagaan khususnya, mereka selalu membawa ahli-ahli perniagaan besar terutamanya daripada Arab, dari Jeddah, Riyadh dan sebagainya dengan memberikan pandangan bahawa boleh untuk kita membeli.

Akan tetapi bila kita teliti balik, memang peraturan kerajaan tempatan sendiri dan juga Kerajaan Arab Saudi tidak membenarkan. Jadi, selalunya bila kita tanya, saya selalunya Yang Berhormat Baling, bila dibawa untuk hendak beli, hendak jual hotel di Mekah ataupun hendak jual hotel di Madinah, memang amat-amat kita nantikan dan kita mengharapkan begitu tetapi tidak dibenarkan. Bahkan, saya hendak mengambil contoh terbaik Yang Berhormat Baling, dulu bukan setakat Tabung Haji, dulu ada rumah Kupang di Mekah, saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Baling kerana orang Baling, Kupang ada rumah di atas milik tanah tersebut. Apabila tanah itu telah diambil kembali, saya diminta oleh pihak berkuasa tempatan Mekah untuk menghubungi, untuk keluarga yang ada di sini bagi mendapatkan kembali peruntukan wang tersebut.

Apabila kita bincang balik, saya dimaklumkan oleh waris-warisan di Kupang dan di Baling yang berada di Malaysia, mereka maklumkan tanah ini dibeli atas konsep wakaf tetapi oleh kerana tidak dibenarkan dinamakan kepada orang lain, maka ia hanya dinamakan kepada orang Baling yang berada di Mekah, yang menjadi anak tempatan, yang mempunyai kewarganegaraan di Mekah. Maka, sebab yang demikian Yang Berhormat, itu sejarah lama dulu pun mesti diberikan

kepada penduduk tempatan yang merupakan rakyat yang menjadi warganegara Arab Saudi. Maka, sebab yang demikian kita tidak mampu, bukan tidak mampu, kita mampu untuk membeli tetapi usaha untuk membeli tanah tersebut tidak dapat dilakukan.

Bahkan, kita amat terbuka kalau sekiranya ada tanah yang boleh dibeli atas nama kita. Apa yang kita lakukan Yang Berhormat Baling, untuk mengurangkan kos ataupun siap-siap kita *lock* kan, kita kunci harga pasaran untuk penginapan hotel, ada yang kita menjangka panjangkan penyewaan. Jadi, sebab itu ada bangunan-bangunan yang kita sewa 3 hingga 25 tahun berdasarkan tetapi ia berdasarkan kepada perjanjian sewaan dan bukan pemilikan oleh Tabung Haji dan ini maklumat yang saya ada.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih, tentunya Menteri lebih faham daripada saya tentang perkara ini. Cuma di hujung-hujung tadi apabila Menteri memberikan penjelasan, memang tidak ada, tidak dibenarkan pemilikan sama juga seperti di sesetengah negeri kita, contohnya di Kelantan juga begitu. Akan tetapi ada kaedah dan ada cara susunan yang lain seperti *long leasehold*. Ketika saya ingat pembinaan Abraj oleh Bin Laden Group itu, saya juga difahamkan, saya terlibat dalam projek itu.

■1740

Saya difahamkan bahawa kerajaan Malaysia ditawarkan dalam bentuknya sama dari *long leasehold* dan juga *on the time sharing basis*. Jadi kesemua itu ada penyelesaiannya tetapi saya masih juga sepertimana Yang Berhormat Baling, merasakan agak sangsi mengapa kita mengambil jalan seperti ini yang pada hemat saya kosnya adalah tinggi dan berlaku ketidaktentuan dalam pajakan yang barangkali tidak mendapat penempatan termasuklah tahun ini yang saya difahamkan juga menghadapi masalah itu.

Jadi di sini perlu dilihat kembali *investment committee* Tabung Haji tentunya lebih faham bahawa perkara ini perlu dan wajar diatasi kerana kita merupakan satu *client* yang punya *long term relationship* dengan Kerajaan Saudi. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Selangor sebentar tadi dan saya nampak Yang Berhormat Kuala Selangor juga dapat memahami cumanya saya hendak *share* sedikit lagi. Tadi saya menyebut bahawa kita membuat pajakan dan sewaan jangka panjang termasuk *sharing*. Cuma Yang Berhormat sebutkan tadi *long lease hold* itu saya rasa kalau dalam bahasa Melayu itu hampir sama dengan pajakan masa panjang, sewaan panjang. Lebih kurang begitulah Tuan Yang di-Pertua.

Jadi maknanya kalau itu maksudnya memang kita sudah buat yang itu. Cuma kita mungkin tidak uar-uarkan kepada orang ramai. Sebagai contoh bangunan '*Mobern Peak*' itu adalah merupakan kalau saya hendak sebutkan kata pemiliknya Tabung Haji mungkin begitu tetapi oleh kerana dalam bentuk kita sewa jangka panjang dan ada juga bangunan yang kita *share* dalam bentuk yang sebagaimana Yang Berhormat sebutkan dan inilah konsep yang telah pun kita lakukan. Sebab kita memahami bahawa kita amat memerlukan sebab selagi mana ada bumi dan

langit, ada matahari dan bulan, ada Mekah dan Madinah tentunya haji akan berterusan dan kita juga melihat jangka panjang seperti itu.

Namun sebagaimana yang saya katakan tadi, kita tidak mampu lebih daripada itu apatah lagi bangunan itu kita terpaksa mengadakan ketekunan wajar yang begitu tinggi. *Due diligence* dengan izin Tuan Yang di-Pertua kerana bangunan-bangunan di sana mempunyai risiko-risiko untuk dirobohkan dengan begitu mudah. Memang dibayar balik dalam bentuk pulangan pampasan dan sebagainya tetapi ada bangunan yang kita *invest*. Katakan kita telah turunkan RM2 bilion untuk beli bangunan tersebut untuk tempoh panjang tiba-tiba tahun siap sahaja diruntuhkan sebab ada contoh-contoh bangunan yang tersebut. Jadi ini hal-hal yang kita ambil kira berdasarkan pengalaman pengurusan Tabung Haji di Mekah dan Madinah.

Yang Berhormat Pokok Sena meminta penjelasan apakah penilaian rapi dibuat bagi kenaikan gaji Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Tabung Haji. Saya telah membuat penjelasan di Dewan ini pada 10 Oktober baru-baru ini semasa menjawab pertanyaan tambahan bagi pertanyaan lisan daripada Yang Berhormat Kubang Kerian mengenai isu ini. Namun begitu dalam kesempatan ini saya ingin membuat penjelasan lanjut mengenainya sebagai sebuah badan berkanun yang aktivitiya melibatkan tiga bidang yang berbeza iaitu operasi haji, simpanan, dan pelaburan.

Tabung Haji semestinya memerlukan pucuk pimpinan yang berkaliber dan berpengalaman untuk menerajui ketiga-tiga bidang ini dengan sebaik-baiknya. Jadi, sebab itu jawatan yang sebenarnya bukan jawatan CEO Tabung Haji tetapi jawatannya ialah Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji. Kalau dapat saya perjelaskan sedikit lagi untuk dapat mudah kita fahami bahawa pihak Tabung Haji ataupun Pengarah Urusan kumpulan dan juga Ketua Pegawai Eksekutif ini, dia menguruskan 84 syarikat-syarikat yang di bawah tabung Haji iaitu sektor-sektor yang besar di mana kalau dapat saya sebutkan bahawa sektor-sektor itu ialah sektor perladangan ada 31 syarikat, sektor minyak dan gas kita ada 18 syarikat, hartanah dan juga pembangunan ada 11 syarikat dimiliki Tabung Haji, IT iaitu teknologi maklumat dan sebagainya kita miliki 13 syarikat, usaha sama kita miliki empat syarikat dan perbadanan di luar negara sebanyak 70 yang membawa jumlah 84 syarikat. Jadi dalam erti kata mudah kalau satu syarikat itu dibayar RM1,000 pun sudah RM84,000 di situ. Ini tanggungjawab sebagai seorang daripada...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat. Boleh?

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Sekejap saya habiskan sedikit lagi. Sebab ini takut dia minat banyak Yang Berhormat Pasir Mas. Sekejap lagi kita buka. Bagi saya baca habis dahulu. Dan sebagai sebuah badan yang sentiasa menjaga kepentingan semua, prestasi tahunan Tabung Haji telah menunjukkan peningkatan yang cemerlang sejak lima tahun ini iaitu daripada 2007 di mana CEO yang baru menerajui pada 2006 dan pada 2007 sehingga 2011 dari segi pendapatan keuntungan bersih jumlah dana simpanan dan jumlah bayaran bonus dan bilangan pendeposit dibandingkan dengan 10 tahun iaitu tahun 1997 dan 2006 yang lalu. Lonjakan prestasi yang diperbandingkannya menunjukkan hampir kesemuanya mencecah dua kali ganda.

Membuktikan keberkesanan pucuk pimpinan Tabung Haji sekarang. Ini dapat dilihat seperti mana berikut iaitu pendapatan meningkat daripada RM2.8 bilion 2007 kepada RM5.5 bilion 2011 iaitu hampir dua kali ganda.

Keuntungan bersih melebihi RM1.0 bilion lima tahun berturut-turut. Maknanya kita menganggap Tabung Haji telah mencapai keuntungan *one billion company* sejak daripada 2007 sampailah sekarang. Kita rasa bangga inilah merupakan satu institusi bagi umat Islam dalam pelaburan dan juga penyimpanan mereka termasuk menunaikan ibadat haji.

Seterusnya yang ketiga, dana pendeposit telah meningkat daripada RM14.7 bilion kepada RM31.7 bilion. Lebih daripada dua kali ganda dan bilangan pendeposit meningkat sebanyak 57% dan tahun 2007 sehinggalah 2011 dan seterusnya bayaran bonus pendeposit meningkat kepada RM1.7 bilion berbanding RM634,000 pada tahun 2006. Kadar bonus melebihi kadar pulangan simpanan di institusi kewangan. Sebagai contoh pada tahun yang lalu kita membayar sebanyak 6% dan dicampur dengan 2.5% daripada wang zakat yang telah pun dibayar oleh pihak Tabung Haji. Dalam erti kata mudah ia membawa kepada pulangan bonus dan dividen sebanyak 8.5% setelah ditolak zakat membawa kepada 6%. Maknanya ini satu jumlah pemberian bonus dan dividen yang kalau hendak dibandingkan dengan mana-mana institusi kewangan, kita mampu untuk lebih berdaya saing dan lebih berada di hadapan.

Oleh yang demikian, Tabung Haji telah menggunakan faktor-faktor KPI tersebut sebagai penilaian keberkesanan dan ganjaran kontrak Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya. Perbandingan ganjaran tersebut adalah setanding syarikat yang berlingkungan aset bersih yang setara. Malah ia lebih rendah daripada Bank Islam dan syarikat takaful. Sila.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama saya ucapkan tahniah di atas kejayaan Tabung Haji tetapi saya hendak dapat penjelasan. Yang Berhormat menyebut tadi keuntungannya dua kali ganda daripada RM2.8 bilion kepada RM5.5 bilion. Saya hendak tanya Yang Berhormat adakah Yang Berhormat mempunyai *detail* maklumat tentang keuntungan ini, sumbernya daripada mana. Sebab dana pendeposit pun meningkat dua kali ganda.

Apakah keuntungan ini daripada dana pendeposit yang untung apabila diletakkan di dalam *fixed deposit* ataupun kerana kenaikan harga kelapa sawit? Sebab ukuran kejayaan seseorang ketua ataupun peneraju kepada mana-mana kumpulan, kita hendak lihat dari segi pencapaian keuntungan itu daripada usaha, kita hendak tengok sumber daripada mana kalau ada *detail* lah. Saya hendak tahu kerana Yang Berhormat sebut tadi jawatannya besar. Di bawahnya sejumlah besar anak-anak syarikat. Sebulan ada 30 hari. Ini lebih daripada jumlah hari sebulan anak-anak syarikat ini. Saya hendak tanya, adakah Yang Berhormat mempunyai maklumat berapa bayaran elaun yang sebenar secara spesifik yang diterima oleh Pengarah Urusan Kumpulan Tabung Haji sebab kalau hendak sebut dia bertanggungjawab semua, itu dari segi pengawasan.

Saya percaya anak-anak syarikat ini semuanya ada pengurus besar sendiri. Dia hanya mengawasi dari segi mengendalikan syarikat-syarikat ini. Anak-anak syarikat itu ada pengurus-pengurus. Jadi anak-anak syarikat mana yang mendapat keuntungan besar. Pengurus syarikat berkenaanlah yang patut diberikan pujian. Saya bimbang nanti, takut lembu punya susu sapi dapat nama. Sekian, terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Mas. Kalau ditanyakan kepada saya tentang detil maklumat yang saya miliki, pertamanya, detil maklumat yang saya miliki ini termasuk juga detil maklumat yang dimiliki oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada laporan yang telah dibawa ke Parlimen pada setiap saban tahun yang sebagaimana kita bentangkan dan juga suka saya hendak tambah sedikit lagi bahawa walaupun Tabung Haji tidak mendapat suntikan dana untuk kerajaan, namun kita memberikan laporan atas tanggungjawab yang telah termaktub dan juga walaupun tidak mendapat suntikan dana bantuan daripada pihak kerajaan, walaupun ia dibahaskan dalam belanjawan, walaupun sebenarnya dalam konteks Belanjawan 2013, 2012, 2011 ia tidak mendapat suntikan dana daripada pihak kerajaan, semuanya dana daripada pihak Tabung Haji.

Walau bagaimanapun, saya memahami bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat mewakili daripada pendeposit-pendeposit Tabung Haji yang berada di seluruh Malaysia. Maka sebab itu keprihatinan ini tidak hanya terhenti kepada soal jawab pada waktu pagi atau sebelah pagi tetapi dibawa dalam perbahasan walaupun perbahasan ini lebih menjurus kepada perbahasan Belanjawan 2013.

Akan tetapi saya suka hendak memaklumkan kepada Yang Berhormat Pasir Mas bahawa detil yang saya miliki pada masa ini selain daripada laporan yang telah saya berikan, saya suka hendak menyebutkan bahawa sejak daripada pelantikan CEO pada tahun 2006 sehingga sekarang, kita melihat secara maklumat yang dapat saya berikan, pada tahun 2006, kita telah menguruskan pertumbuhan dana daripada tahun 1998 hingga 2011 iaitu pada tahun 2006 dananya yang terkumpul ialah sebanyak RM14 bilion dan pada tahun 2007 meningkat kepada RM17 bilion dan tahun 2008 sebanyak RM20 bilion, tahun 2009 sebanyak RM23 bilion, tahun 2010 sebanyak RM27 bilion dan pada tahun 2011 adalah sebanyak RM31 bilion. Ini merupakan pertumbuhan dana terkumpul secara tahunan.

Kemudian pertumbuhan keuntungan, tadi dana terkumpul, ini pula pertumbuhan keuntungan. Sehingga tahun 2011 di mana untuk tahun 2006 jika dapat saya sebutkan bahawa pada tahun 2006 ialah dengan jumlah RM641.217 juta, tetapi bermula daripada tahun 2007 iaitu RM1.071 bilion; tahun 2008, RM1.001 bilion; tahun 2009, RM1.119 bilion; tahun 2010, RM1.497 bilion; dan tahun 2011 adalah sebanyak RM1.688 bilion. Jadi ini adalah merupakan salah satu daripada contoh pertumbuhan keuntungan yang berlaku di dalam Tabung Haji.

Kalau berbalik kepada apa Yang Berhormat sebutkan tadi adakah disebabkan kerana pendepositnya meningkat? Saya memperakui bahawa sejak beberapa tahun kebelakangan ini jumlah pendeposit Tabung Haji telah melonjak peningkatannya begitu banyak...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Nanti dahulu, saya belum habis lagi. Kalau kita tengok pendeposit berdasarkan baki semasa, yang mudah saya hendak buat satu maklumat untuk dapat disimpan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian di mana pendeposit kita pada hari ini, ia berbeza ya. Penyimpan Tabung Haji untuk maklumat terkini kita sudah menjangkau, minggu lepas saya jawab kurang 930 membawa satu juta tetapi hari ini sudah menjangkau satu juta lebih sedikit. Ini maklumat yang terbaru di mana pendeposit kita hari ini telah pun menjangkau kepada satu jumlah yang kalau dapat saya sebutkan lebih tepat ialah 1,019,598 orang. Ini pendeposit untuk pergi menunaikan ibadah haji.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Sedikit sahaja. Maknanya Yang Berhormat Menteri, keuntungan ini hasil daripada peningkatan pendeposit.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Tak, tak...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Jadi makna orang...

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Saya tidak habis lagi.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Oh ya.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Saya tidak habis lagi, bagi saya habiskan dahulu. Dan untuk menjelaskan bahawa pendeposit yang ada hari ini, betul saya bersetuju bahawa pendeposit yang menyimpan tetapi saya hendak menyebutkan juga bahawa untuk maklumat semua, pendeposit untuk menunaikan ibadah haji ialah sebanyak – untuk ibadah haji ini maknanya RM9,980 itu, lebih kurang dalam jumlah RM10,000. Yang RM10,000 ke bawah iaitu bilangan pendepositnya ialah '7.359' '.166' iaitu 92% daripada jumlah semua penyimpan. Akan tetapi, peratusan jumlah tersebut hanyalah RM6.7 bilion iaitu 19% daripada jumlah penyimpan yang lain yang bukan bertujuan untuk pergi haji tetapi bertujuan kerana melihat bahawa Tabung Haji sebagai salah satu daripada pusat pelaburan dan juga pusat pulangan dalam bentuk dividen dan bonus yang boleh meyakinkan mereka. Jumlah ini adalah 81% yang mempunyai dana yang melebihi daripada RM10,000 ke RM20,000, RM20,000 ke RM50,000 dan sehinggalah RM1 juta ke atas, di mana RM1 juta ke atas kita memiliki lebih kurang RM4.88 bilion. Jadi ini membawa jumlah kepada dana terkumpul seperti Yang Berhormat tanyakan tadi tetapi dana terkumpul ini tidak akan mungkin hanya boleh diberikan pulangan kalau sekiranya kita tidak melaksanakan aktiviti-aktiviti perniagaan dan juga pelaburan kita dengan sebaik mungkin. Jadi kalau tidak, bagaimana kita akan bakal mendapat pulangan yang tinggi?

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Sedikit.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Sila.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Maknanya, keuntungan yang dimaksudkan ini daripada pendeposit. Selain daripada mereka yang hendak menunaikan haji, betullah sebab masyarakat percaya kepada Tabung Haji, nama lagi Tabung Haji tentulah simpan duit selamat. Maknanya saya hendak tanya tadi keuntungan, saya tanya tadi kalaulah pengarah urusan ini dapat mencari keuntungan daripada program-program dan aktiviti-aktiviti khusus akibat daripada kehebatan

pemikirannya. Kalau sekadar dari segi pelaburan di sana sini sebagaimana PNB, itu perkara biasa, bukan sesuatu yang menakjubkan. Ini kerana apabila sudah kukuh, Tabung Haji sudah ada nama, letak siapa jadi pengarah urusan pun orang tetap menyimpan juga. Itu maksud saya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri, kawan baik saya orang Kedah. Baik, saya melihat bahawa Yang Berhormat Menteri memberikan penghujahan-penghujahan yang saya sifatkan bahawa untuk menunjukkan bahawa layaklah untuk dia mendapat gaji sebanyak itu sebagai CEO dan juga ketua ataupun Pengarah Urusan Kumpulan Tabung Haji. Akan tetapi saya hendak melihat begini, bahawa kita juga harus mengukur bahawa dengan kumpulan-kumpulan amanah yang lain, saya tidak mahu mengukur semua GLC, sebab GLC-GLC itu kadang-kadang dia punya *business* lain, bank mempunyai pendekatan lain dan sebagainya. Akan tetapi saya melihat bahawa Tabung Haji ini adalah sebagai satu dana amanah, dana yang bersifat dana amanah seperti mana KWSP, LGAT dan sebagainya dan begitu juga dengan macam Bank Rakyat dan sebagainya.

Akan tetapi kalau kita lihat perbandingan antara dana yang diuruskan oleh Tabung Haji, yang kalau tidak silap saya disebutkan tadi RM34 bilion lebih kurang begitulah, RM34 bilion dana yang diuruskan oleh Tabung Haji dengan pulangan keuntungan disebut tadi selepas zakat lebih kurang RM1 bilion, lalu kita hendak mengatakan bahawa layak diberikan gaji, saya bukan hendak menimbulkan masalah dengan Datuk Isme ini tetapi saya hendak melihat bahawa bagaimana kerajaan boleh membuat keputusan khususnya Yang Berhormat yang membuat keputusan untuk menaikkan gaji tersebut tanpa melihat dan merujuk kepada dana-dana amanah yang lain.

Saya bagi contoh kepada Yang Berhormat Menteri. KWSP menguruskan dana dia RM480 bilion, KWSP. Keuntungan tahun 2011 selepas cukai ialah lebih kurang RM24 bilion. Gaji CEO nya saya difahamkan RM50,000. Jadi kalau hendak dikatakan bahawa dari segi besar dana tersebut, sudah tentu lebih besar dana yang ada pada KWSP.

■1800

Oleh sebab itu saya minta kalau boleh Yang Berhormat dapat senaraikan supaya kita dapat membuat perbandingan dana-dana amanah ini yang ada pada kerajaan ini. Macam mana gaji yang kita bayar kepada pihak di sana? Ini kerana saya lihat bahawa tidak ada satu pengawalan, badan mengawal dari segi hendak menentukan gaji dalam Tabung Haji. Hanya hendak diharapkan kepada seorang Menteri, seorang Perdana Menteri ataupun *board*. Board ialah *board*, takat mana mereka boleh?

Akan tetapi, kalau kita lihat bank, ada satu ketika RHB *Islamic*, dia hendak lantik seorang CEO – dia seorang perempuan kalau tidak silap saya. Lalu dihantar kepada Bank Negara, Bank Negara tidak lulus. Untuk kenaikan gaji, tidak lulus. Maknanya, Bank Negara menjadi badan penyelia, pengawal kepada bank-bank lain tetapi Tabung Haji siapa ada? Kalau Menteri *sign* macam surat yang saya tunjukkan, Menteri *sign* setuju RM85,000 naik lagi RM15,000 daripada RM70,000. RM70,000 jadi RM85,000 – kontrak sambung lagi dua tahun. Kita bayar.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi, apa penilaiannya macam saya katakan tadi bahawa kalau hendak dilihat sejarah Tabung Haji hendak dikatakan bonus 6% campur beberapa *percent* dengan zakat tadi ini, saya kira bahawa zaman CEO yang pertama kalau tidak silap saya, Tan Sri Hanapiah – gaji RM20,000 sahaja tetapi bonus 9%. Orang Kedah juga, orang kita, orang Sik.

Bonus 9%, waktu itu gaji dia RM20,000. Sekarang gaji Yang Berhormat Pasir Mas, gaji RM85,000 sebelum itu RM70,000 hanya bagi 6% sahaja. Akan tetapi, dia boleh bagi 9%. Jadi, saya katakan bahawa kalau ikut dari segi logiknya, kita katakan bahawa baiklah gaji yang rendah ini, dia boleh bagi banyak kepada pendeposit. Untuk yang gaji mahal ini, saya bukan persoal – dia tidak salah. Dia dapat gaji itu tidak salah sebab apa, sebab orang bagi. Board, mungkin *board*, saya pun tidak tahu. Yang Berhormat kata ada jawatankuasa, jawatankuasa yang menentukan.

Akan tetapi, saya tengok dalam laporan ini tidak ada apa pun yang berkaitan dengan jawatankuasa gaji. Ada beberapa jawatankuasa lembaga ini, tidak ada pun disebut jawatankuasa gaji. Yang mana satu pun saya tidak tahu lah. Jadi, saya hendak minta penjelasan bahawa ini soal dana amanah yang saya katakan kita kena pertahankan. Ini institusi kewangan umat Islam yang cukup hebat, cukup besar. Berjaya sampai kepada peringkat ini daripada CEO gaji RM20,000. Minta penjelasan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Boleh tidak saya tambah sedikit Yang Berhormat Menteri?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Nanti, Yang Berhormat. Yang penting, yang penting.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Indera Mahkota sudah lama berdiri Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Boleh? Bagi Yang Berhormat Indera Mahkota lah.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan pendek sahaja. Saya hendak tanya semenjak ditubuhkan Akta Tabung Haji ini 1995, benarkah akta ini tidak pernah dipinda untuk membuka laluan kepada aktiviti pelaburan kerana asa penubuhan Tabung Haji ini tidak bermotifkan keuntungan – hanya untuk mengkoordinasi urusan mengerjakan ibadah haji. Ini antara yang persoalan pokok. Maknanya semakan saya tidak pernah ada pindaan daripada semenjak ditubuhkan 1995. Saya rasa ada baiknya juga klarifikasi ini diberi dan lanjutan

pada itu memang soal *benchmarking* dari sudut menjangkit kepada soal *corporate decision* dengan izin, untuk pembiayaan gaji dan sebagainya, ini persoalan asas.

Saya semak satu perkara, keputusan untuk pemindahan pendeposit kepada kumpulan wang. Ini perkara yang menyebabkan skop Tabung Haji ini menjadi luas sehingga *accumulative* pendepositnya mencapai ratusan bilion. Jadi, saya hendak tanya daripada asas penubuhan tadi, terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Terima kasih kepada Yang Berhormat Pokok Sena dahulu. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa mungkin sebagaimana yang saya katakan tadi Yang Berhormat Pokok Sena mendapat maklumat tentang gaji yang telah diberikan. Saya suka hendak menjelaskan awal bahawa sebagaimana maklumat yang saya bacakan daripada awal bahawa kita membuat perbandingan termasuklah yang telah Yang Berhormat sebutkan tadi daripada Tan Sri Hanapiah, sejak daripada zaman Tan Sri Hanapiah. Akan tetapi, lebih baik kita bercakap secara fakta dan juga kita bercakap soal bukan hanya sekadar persepsi ataupun pandangan, tetapi saya bercakap secara fakta. Oleh kerana Yang Berhormat telah sebutkan tadi bahawa sejak daripada CEO yang pertama dahulu. Saya suka sebutkan tadi, CEO yang pertama dahulu pada waktu itu ada pindaan-pindaan yang telah dibuat untuk operasi Tabung Haji di mana operasi Tabung Haji pada satu ketika hanya terikat untuk menunaikan ibadat haji semata-mata. Ini asas awal penubuhan.

Akan tetapi, apabila ianya mula berkembang melibatkan diri termasuk dalam pelaburan, *plantations*, perlombongan, hartanah, *oil and gas* sebagainya, maka ia telah berlaku peningkatan. Secara unjuran, saya sebutkan pertumbuhan keuntungan dan gaji pada waktu tersebut dan dibahagikan, lalu kita mendapat gaji dan keuntungan tahun akhir di mana pada tahun 1.1.1988, ia berakhir pada pelantikan pertama CEO 31.12.1990 iaitu lah gaji asas pada masa tersebut RM49,000. Kalau dibahagikan gaji dan keuntungan akhir tahun, ianya ialah menyentuh kepada 0.09%. Manakala 1.1.1991, CEO yang baru dilantik sehingga sampai kepada 31.12.1996 iaitu lah sebanyak 0.04% dibandingkan keuntungan dan juga gaji yang dibayar kepada CEO. Kemudian pada 1.1.1997 kepada 5.10.1998, peratus keuntungan dibahagikan dengan gaji iaitu RM285,000 setahun iaitulah sebanyak 0.05%. Kemudian, pada 14.8.2000 sehingga tahun 2001, pembahagian gaji dan keuntungan yang dicapai kalau dibahagikan jumlah gaji itu hanya dibayar iaitu lah 0.08% dan 15.10.2001 dan 31.12.2005, keuntungan ialah sebanyak 0.09%.

Manakala pokok yang menjadi perbincangan dan persoalan Yang Berhormat pada petang ini iaitu lah pada 1.1.2006 sehingga lah tarikh sekarang kepada CEO yang ada sekarang, iaitu lah 0.05% dibandingkan dengan keuntungan yang dijangkau dan gaji yang telah diberikan. Dalam erti kata, dalam tempoh yang lain itu, ia adalah merupakan gaji yang terendah dibandingkan dengan pembahagian keuntungan yang dicapai dan pemberian gaji yang diberikan kepada CEO. Cumanya mungkin ia sedikit pada tahun 1991 sehingga 1996, ia 0.04%. Ini kedudukan perbezaan pencapaian gaji dibahagikan dengan keuntungan yang dicapai tahun yang diberikan pada sejak

2006 sehingga sekarang adalah 0.05% di antara yang terendah dibandingkan dengan pencapaian keuntungan oleh CEO-CEO yang terdahulu.

Selain daripada itu juga, mungkin Yang Berhormat sudah sebutkan tadi bahawa perbandingan dengan Lembaga Tabung, Angkatan Tentera dan sebagainya, Yang Berhormat ada juga menyebut bahawa Bank Rakyat, dan di tangan saya ini ada satu senarai dengan izin, *highest paid director* ataupun saya sebutkan CEO-CEO yang dibayarkan mempunyai jumlah-jumlah pembayaran yang tertinggi yang dalam senarai yang saya pegang ini sebanyak lebih kurang 621 CEO yang dibayar. Jadi, Tabung Haji di antara sebahagian yang terendah yang dibayar dan bahkan, kalau tadi ada Yang Berhormat Pasir Mas sebutkan bahawa takut nanti lembu punya susu, sapi dapat nama dan sebagainya, kita suka menyebutkan bahawa CEO ataupun pengarah-pengarah, pengurus-pengurus besar dan sebagainya pada anak-anak syarikat, mereka sebahagian yang saya sebutkan itu, sebahagiannya melepasi lebih daripada gaji yang dimiliki oleh CEO.

Apa yang ingin saya sebutkan bahawa kita menggunakan faktor KPI pencapaian dan keuntungan yang dicapai untuk memberikan penilaian kepada gaji dan ianya bukan suatu peningkatan yang dianggap drastik. Bahkan, untuk Tabung Haji selalu saya sebutkan bahawa kita sentiasa menjaga amanah, kita sentiasa menjaga bahawa ini sumbangan daripada 100% milik orang Islam dan bahkan kalau kita bandingkan dengan kaedah institusi kewangan yang lain, mengambil contoh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) hanya mereka yang berkhidmat sahaja dibenarkan mencarum dan juga mendapat pulangan dividen dan bonus yang tinggi. Sama juga seperti mana, sebab saya dahulu lahir daripada Tabung Angkatan Tentera tetapi bila saya berhenti daripada perkhidmatan, saya tidak dibenarkan untuk meneruskan pencaruman walaupun pulangannya begitu tinggi menarik minat.

Sama juga dengan Bank Rakyat, walaupun kita miliki duit, ada wang yang banyak tetapi tidak dapat masuk kerana syarat untuk menjadi ahli, ia ada had-had yang dibenarkan untuk wang yang digunakan oleh pihak Bank Rakyat. Jadi, maknanya Bank Rakyat bukan untuk semua orang menjadi ahli tetapi Lembaga Tabung Haji kita terbuka. Siapa sahaja dan sebilang masa dan begitulah pulangan yang kita berikan kepada mereka. Selain... [Disampuk] Sila.

■ 1810

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat boleh bacakan kepada saya perbandingan dengan 600 GLC itu. Saya tidak mahu GLC yang lebih tinggi daripada Tabung Haji dia punya gaji tetapi perbandingan yang GLC yang lebih rendah sebab Yang Berhormat kata Tabung Haji ini duduk di pertengahan. Jadi tentu ada yang lebih rendah, siapakah GLC itu?

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Terima kasih banyak. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin – Nanti saya beri secara bertulis sebab kalau saya baca ini satu ia terlampau banyak. Keduanya kita kalau hendak bandingkan perlu *apple to apple* dengan izin. Maknanya perlu dibandingkan, kalau operasi Tabung Haji hendak dibandingkan dengan operasi bank dan sebagainya yang tidak melibatkan untuk haji. Ini sebab satu-satunya institusi yang menguruskan

ibadat haji adalah kita dan daripada situ sahaja bukan sekadar bicara soal monopoli, kita terpaksa membayar dalam bentuk CSR ataupun keuntungan kita yang kita bayar dalam bentuk kepada mereka sebagai bantuan. Pada tahun yang lepas RM100 juta dan pada tahun ini sudah menjangkau RM120 lebih bahkan kita menjangka sekitar RM125 juta.

Dalam erti kata, kalau saya bandingkan sebagai mana Yang Berhormat minta tadi, maka mungkin tidak adil kepada Tabung Haji kerana perbandingan yang kita buat tidak menepati operasi dan juga kebajikan yang diberikan. Saya akan beri dalam bentuk bertulis.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat, sedikit sahaja. Itulah Yang Berhormat, saya punya pandangan ia bukan soal sijil CSR tinggi, Tabung Haji di pertengahan, pokok pangkalnya, betul kita perlu bagi insentif kepada CEOkah atau pengurus kumpulan kerana melibatkan soal perniagaan. Akan tetapi pada saya, saya tidak tahulah pandangan Yang Berhormat ialah kalau diberi elaun gaji itu yang melampau-lampau walaupun untung besar, saya rasa tidak masuk akal juga.

Ini kerana dalam konteks kerajaan, Yang Berhormat jadi Menteri pun tanggungjawab berat juga. Perdana Menteri, Ketua Turus Angkatan Tentera, Ketua Polis Negara tetapi oleh kerana Ketua Polis Negara tidak berniaga, Yang Berhormat tidak berniaga maka gaji dibuat *fixed*, inilah gajinya. Tidak mungkin, ini teguran bukan sahaja kepada Tabung Haji. Ini saya bangkit dahulu supaya diselaraskan, supaya gaji itu jangan melampau-lampau. Akhir sekali kita duduk banding ini yang lebih rendah, ini yang lebih tinggi. Perlu ada *benchmark*, ada hadnya supaya munasabah sebab gaji besar pun takkan hendak makan semua sekali gaji itu, tidak habis pun tiap-tiap bulan. Terima kasih.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Menteri tidak jelaskan kepada saya bahawa apa kaedah atau pengiraan yang disebut tadi itu. Akan tetapi yang betul-betul menilai ini siapa dia? Menilai untuk naik gaji itu? Ini kerana saya katakan tadi, Yang Berhormat jawab kepada Yang Berhormat Kubang Kerian hari itu ada satu jawatankuasa. Saya tidak nampak pun jawatankuasa dalam *board* ini, ada satu jawatankuasa kenaikan gaji. Jadi siapa yang menilai?

Ini sebab bagi saya bahawa kalau ada badan penilai yang betul-betul berintegriti, profesional dan sebagainya, saya percaya apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pasir Mas itu boleh diambil kira. Ini sebab takkan kita hendak naik macam itu. Ia akan beri kesan kepada EPF, EPF yang dicarum oleh majikan. Kalau kita lihat EPF yang dicarumkan oleh majikan sudah berapa banyak sudah. Setahun dia dapat sampai beratus ribu EPF dengan kenaikan. Kalau kita lihat gaji yang diberikan kepada seseorang pegawai khususnya seperti mana CEO. Jadi sebab itu saya minta kepada Yang Berhormat Menteri untuk melihat dan memberikan penjelasan tentang persoalan siapa yang membuat penentuan dan pengiraan bagi hendak dapatkan satu kenaikan yang betul-betul tepat?

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Mas dan Yang Berhormat Pokok Sena. Saya menjelaskan panjang

tadi tentang perkiraan-perkiraan yang diambil kira untuk kenaikan dan mengambil kira keuntungan yang dicapai pada setiap saban tahun. Mereka ini sebenarnya bukan sekadar dinilai yang sedemikian. Saya sebutkan bahawa dia dinilai berdasarkan kepakaran dia dan juga pasaran semasa. Saya terus terang mengatakan bahawa ada beberapa tawaran-tawaran yang diberikan oleh pihak-pihak luar untuk mengambil pihak CEO dan sebagainya.

Akan tetapi bukan itu persoalan kerana orang tawar, kita berebut dan sebagainya, bukan persoalan itu. Akan tetapi persoalannya ialah berdasarkan kepada pulangan dan keuntungan dan ianya dicadangkan oleh pihak Pengerusi Tabung Haji sebab Menteri bukan Pengerusi Tabung Haji dicadangkan dan kita menilai daripada semua logik yang telah di bawa berdasarkan kepada fakta keuntungan dan juga fakta operasi bahkan kita juga mengambil kira bahawa dalam konteks untuk memberikan penggajian ini ialah begitu juga kaedah Islam mengajar kepada kita *al-Qawiyyul Amin*.

Al-Qawiyyul Amin adalah merupakan orang yang mempunyai kemampuan. Kalau dalam konteks Nabi Musa yang dibagikan gaji untuk menggembala kambing dan juga mengangkat air untuk diberi minum unta-unta dan juga kambing-kambing dan akhirnya dia berkahwin di situ. Maksud *qawi* dalam konteks itu *qawi* dalam bentuk tenaga tetapi dalam bentuk ini *qawi*, kemampuan untuk pengurusan yang saya sebutkan bayangkan kita ada 84 anak syarikat yang dikawal dan diselia oleh pihak CEO. Daripada 84 itu, kita mampu mencapai keuntungan saban tahun menjangkau sehingga sampai RM1.6 bilion pada tahun yang lalu.

Jadi adalah merupakan sesuatu yang dilihat secara logik keuntungan dan juga penilaian dan cadangan yang dibuat oleh pihak Pengerusi Tabung Haji dan kemudian Menteri dibawa untuk membuat penilaian dan kita pulangkan balik kepada lembaga untuk tujuan maklumat. Ini kedudukan dia. Sebelum daripada itu...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [*Bangun*]

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Sekejap saya hendak jelaskan sedikit...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau mengenai dengan gaji. Sudahlah, *I think it is...*

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Sekejap, sekejap. Sila, sila.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya mengatakan bahawa memang seseorang itu berhak dapat gaji tetapi apa mekanisme? Takkan pengerusi seorang sahaja? Pengerusi hantar cadangan kepada Menteri, kemudian balik untuk dimaklumkan kepada *board*. Sedangkan Yang Berhormat kata macam ada satu jawatankuasa, sedangkan tidak ada jawatankuasa yang saya tengok. Jadi maknanya tidak ada satu penilai yang betul-betul hendak menilai ini. Yang Berhormat boleh beritahulah maknanya semua orang bagi *report* kata nilai keuntungan begini, begini, kita beritahu ini kenaikan gaji dia.

Saya rasa ini tidak adil sedangkan staf yang lain, dia ada badan penilai dia. Staf jawatan tetap di Tabung Haji. Dia ada dia punya staf tetap, staf yang seperti CEO, CFO sebagainya ini, mereka ini kontrak. Takkan kontrak ini hanya pengerusi dan Menteri atau *board* yang tentukan, mesti ada dia punya garis. Ini sebab saya katakan umpama macam bonus. Bonus untuk staf tetap ini, dia kena dapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan. Kementerian Kewangan hanya bagi dalam sekitar 3% kalau tidak silap saya, catatan yang ada pada saya ini, tiga bulan bonus, satu bulan gaji dan satu bonus khas empat bulan.

Akan tetapi kalau untuk CEO ini siapa bagi? Siapa yang tentu bonus? Betul Yang Berhormat katakan bahawa ikut peraturan dan sebagainya tetapi siapa yang tentu kadar dia? Hendak berapa bulan berapa bulan? Ini kalau saya tengok kalau dari segi bonus diberikan kepada CEO RM700 ribu, waktu itu gaji dia RM70 ribu bermakna sepuluh bulan. Sepuluh bulan bonus sedangkan orang lain dapat dalam sekitar tiga bulan. Jadi saya katakan bahawa, saya bukan dengki dan sebagainya tetapi soalnya ini. Ini soal dana amanah yang mesti diuruskan dengan baik. Saya bimbang bahawa kalau diurus, okey pengerusi buat keputusan seorang, kemudian maklum balik kepada Menteri dan beri balik kepada *board*.

Jadi apa? Ini RM700 ribu Tuan Yang di-Pertua, gratuity RM490 ribu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat Menteri sudah faham lah itu Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya mengatakan bahawa takkan kita hendak bagi keuntungan yang begitu lumayan, sudah gaji, kemudian dapat segala kemudahan seperti elaun kenderaan rasmi – RM8,000, elaun pembantu peribadi – RM4,000, KWSP majikan Tabung Haji kena tampung kepada CEO, satu tahun RM243,600, ini dia. Apabila kita bagi gaji tinggi jadi naiklah dia punya caruman 12%, mesti gaji lagi tinggi dia punya potongan caruman majikan.

Jadi saya katakan mesti ada dia punya mekanisme dia, tidak apa, apa ketentuan? Saya tidak kisah kalau betul ada mekanisme di situ, Oh! memang sungguh kerana dapat sampai RM85 ribu dan sebagainya.

■1820

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharom: Yang Berhormat Pokok Sena, saya cuba menjelaskan panjang lebar tadi. Saya ingatkan Yang Berhormat Pokok Sena dapat faham apa yang saya maksudkan. Dalam lingkungan Yang Berhormat kata tadi, kita tak bolehlah nak menghubungkan syarikat-syarikat yang saya kata tadi tidak sama *apple to apple* untuk kita bandingkan. Akan tetapi saya sebutkan juga bahawa kita membandingkan berdasarkan kepada pulangan keuntungan yang telah dibawa oleh syarikat berdasarkan kepada kemampuan.

Ya, betul, bukan CEO seorang tetapi semua daripada tenaga kerja. Akan tetapi ini lonjakan daripada kemampuan. Kalau sekiranya Yang Berhormat sekarang tanyakan di mana dia punya kriteria ataupun mekanisme ataupun kaedah untuk kenaikan, ia berdasarkan kepada yang sedia ada yang berjalan pada hari ini seperti yang telah saya sebutkan. Akan tetapi mungkin untuk penambahbaikan, mungkin kita akan melihatkan kepada kaedah-kaedah yang mungkin lebih

berkesan di masa akan datang untuk kita memperkenalkan kaedah. Ini kerana apa yang dibuat kaedah sekarang, unjuran keuntungan menjadi satu mekanismenya.

Saya melihat bahawa hal yang seperti ini, ia tidak dibuat secara sewenang-wenangnya ataupun tersembunyi dan sebagainya. Jadi, sebab itu saya ingin melihat bahawa nanti mungkin kalau kita memerlukan kepada satu kaedah lain pula untuk CEO, maka kita mengambil kira bahawa kaedah untuk tujuan pembayaran supaya ada peraturan dan akta yang tertentu kalau diperlukan kepada peraturan tersebut. Akan tetapi peraturan yang ada sekarang ia terbuka begitu, maka pematuhan kepada keadaan yang seperti ada mengambil kira keuntungan yang telah pun dibuat dan mengambil kira pulangan yang kita beri itu rendah dibandingkan dengan zaman yang telah Yang Berhormat Pokok Sena sebutkan tadi. Maka, ini kedudukan yang dapat saya perjelaskan kepada kedudukan kewangan dan juga gaji daripada pihak CEO. Ada lagi?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat kata berasaskan kepada unjuran keuntungan? Yang lain pun, hak yang ada mekanisme itu pun mereka pun mungkin ada berasaskan kepada unjuran keuntungan tetapi ada dia punya mekanisme yang jelas, yang ada satu *committee* yang akan dipertimbangkan dan sebagainya. Akan tetapi ini macam Yang Berhormat kata, pengerusi tentukan. Jadi, saya katakan takkan...

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharom: Tak, itu mekanisme. Itulah dipanggil mekanisme.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Takkanlah mekanisme Tabung Haji lemah macam ini bagi saya. Mekanisme Tabung Haji sebagai tabung yang menguruskan dana RM34 bilion hanya seorang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Menteri sudah mengakui bahawa kalau untuk penambahbaikan, mungkin akan diterima baik.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Itu yang kita cadang bahawa perlu ada kepada penambahbaikan. Ini kerana saya nak sebut bahawa sampai kadang-kadang kita katakan bahawa boleh *claim* lembaga pengarah, penghargaan tahunan atas prestasi kewangan bagi kepada lembaga pengarah. Saya ingat lembaga pengarah apa dia punya sumbangan? Besar mana? Boleh pergi keluar negara, pergi *London* apa semua ini, elaun tetap bulanan pun dah dapat dah RM2,500.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharom: Terima kasih kepada Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Apa ini? Ini lembaga pengarah *claim* anak-beranak pergi ke *London*. Saya kata bahawa mestilah ada suatu yang- seriuslah, ini soal dana.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharom: Yang Berhormat, saya suka nak menjelaskan...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Minta laluan sikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kembali mengingatkan betapa peringatan yang dibuat oleh Profesor Diraja Ungku Aziz selaku Pengasas Tabung Haji yang satu ketika dalam tahun 2005 tidak silap saya, ketika

Tabung Haji Plantation mahu disenaraikan. Lalu beliau membuat satu penegasan mengingatkan kembali apa asas dan falsafahnya di sebalik penubuhan Tabung Haji itu sebagai satu badan kebajikan yang sifatnya *istimai'ah*, ia bukan *profit making* sebenarnya. Sifatnya kebajikan dan dalam nafas ataupun dalam nada negara berkebakjikan itu, *baidatun toyyibah* itu, saya memerhatikan Tabung Haji sudah, seperti mana yang Profesor Ungku Aziz menyebutkan ini, ia sudah menjadi satu konglomerat besar.

Tidak ada salahnya di situ tetapi kembali kepada pencarum yang mencarum, pendeposit yang benar-benar mahu melaksanakan tanggungjawab menunaikan fardu haji ini, apakah tidak bersedia Tabung Haji ketika membuat keuntungan yang lumayan, dalam portfolio-portfolio pelaburannya yang lain. Apakah tidak boleh, saya mengesyorkan ini, saya melontarkan ini, supaya daripada sudut pencarum yang mahu menunaikan haji, apakah tidak boleh dicapkan ataupun benar-benar dapat diikat kos itu kepada satu yang sifatnya itu adalah benar-benar berkebakjikan dan sifatnya adalah untuk khidmat. Sementara portfolio yang lain membuat keuntungan, *cross subsidize* supaya jangan membuat *benchmark* ukuran itu dengan badan-badan pengurus dana yang lain kerana ini Tabung Haji. Ketika profesor, saya sempat untuk melihat kepada apa yang disebutkan, cukup prihatin beliau.

Dia menegaskan kembali falsafah Tabung Haji itu diwujudkan. Lalu kalau bolehlah, kalau tidak sempat, sana yang melakukan, kalau ditakdirkan sini yang memerintah, kami mahu untuk jangan sampai mereka yang menabung dengan caruman yang *hard earn income* itu, khususnya *the low income group*, berpendapatan rendah itu Menteri. Jadi, tidakkah ada satu kesungguhan dan komitmen Tabung Haji ketika membuat keuntungan yang mewah dan lumayan dalam portfolio yang lain, memastikan supaya setiap yang mencarum itu, cita-citanya untuk menunaikan haji, jangan sampai hari ini sudah RM15,000 kos. Jadi, kos itu dapat kita *capped* dan benar-benar Tabung Haji itu mengembalikan falsafahnya adalah untuk mengizinkan pencarum itu menunaikan dengan harga yang *very affordable* atau yang mampu tetapi unsur kebajikan dan unsur khidmat itu adalah dominan dalam Tabung Haji. Terima kasih Tan Sri, terima kasih Menteri. Kalau dapat tolong huraikan perkara ini pasal ini yang dipertikaikan mutakhir ini. Terima kasih.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat, boleh tak Yang Berhormat beri perakuanlah bahawa Yang Berhormat selaku Menteri yang bertanggungjawab kepada Tabung Haji akan mengkaji balik perkara ini. Ini kerana apa yang saya bangkit, saya menerima maklumat dan rungutan di kalangan kakitangan Tabung Haji sendiri yang mengadu perkara ini. So, bagi menjaga kredibiliti kerajaan, eloklah perkara ini dilihat balik. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharom: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab Yang Berhormat Pasir Mas dan juga Yang Berhormat Kuala Selangor. Tadi Yang Berhormat Indera Mahkota belum lagi sebab Yang Berhormat Indera Mahkota tanyakan bahawa sejak daripada penubuhan Tabung Haji pada 1963, hampir 50 tahun kita ditubuhkan, kita telah meminda beberapa kali Akta Pertubuhan ataupun Akta Tabung Haji tersebut. Dulu memang fokus semata-mata untuk mengambil bayaran pendeposit bagi tujuan menunaikan ibadat haji tetapi

selepas daripada itu, kita lebarkan untuk tujuan perniagaan, pelaburan dan sebagainya. Balik kepada Yang Berhormat Kuala Selangor tadi, saya sebutkan kepada awal dalam jawapan penggulungan belanjawan ini, saya katakan tadi bahawa kos-kos yang di luar daripada kawalan kita, sebab itu kalau kita nak *recap* kan, kita nak ikatkan dengan satu jumlah yang tak boleh menganjak. Ianya merupakan satu jumlah yang pada saya payah untuk kita sebutkan sedemikian. Seolah-olah kita memaksa untuk Tabung Haji menerima kerugian kerana kos seperti mana penginapan, ia bergantung pada pasaran semasa.

Mungkin zaman dahulu, bahkan Tabung Haji diwujudkan sejak daripada zaman naik kapal layar, naik kapal air. Saya yakin kalau seperti mana Yang Berhormat Kuala Selangor sebutkan tadi, untuk tujuan kalau sebelah sana dapat memerintahkan, mohon supaya janji ditepatilah. Kalau sekiranya dapat begitu katakan, untuk supaya dapat boleh *recap*, saya tak nampak bagaimana logiknya di situ kerana untuk penginapan, ianya adalah merupakan hal yang di luar daripada jangkauan dan juga daripada pengaruh kita. Yang keduanya ialah kapal terbang. Begitu juga dengan kapal terbang sebab kapal terbang kita tak buat secara terus kepada MAS ataupun pihak *airlines* tertentu sahaja tetapi kita buka tender. Bahkan pada tahun yang lalu, kita ada beberapa belas syarikat yang memasuki tender untuk mendapat tambang dan kita memilih yang paling baik. Baik dalam erti kata bukan sahaja harga tetapi baik dalam erti kata pengurusan pentadbiran, kemampuan penggantian kapal terbang dan sebagainya.

Jadi, termasuk juga penginapan hotel kita tender, termasuk makan dan minum dan sebagainya. Sebab itulah saya ulang sekali lagi pada Dewan ini bahawa kos yang kena ialah sebanyak RM9,980. Ini kos yang dikenakan kepada jemaah haji muassasah, RM9,980 tetapi kos sebenarnya untuk operasi pada tahun ini ialah RM15,150.

■1830

Maknanya, kalau dinilai di sudut itu sekalipun kita telah pun meletakkan satu kebajikan yang cukup tinggi kepada jemaah dengan kita membayar kepada mereka kembali RM5,170 supaya dapat menampung keperluan bagi dia menunaikan ibadah haji mereka dengan sumbangan daripada kita. Walaupun pandangan para ulama mengambil kira ada yang berpandangan haji [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] yang mampu untuk sampai dengan mengambil kira termasuk kos dan sebagainya.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: [*Bangun*]

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Bagaimanapun, kalau saya hendak buat secara perbandingan Ahli-ahli Yang Berhormat, secara perbandinganlah. Indonesia mengenakan kos sebanyak RM15,000 ke RM18,000 tetapi kemudian diberi balik duit untuk makan sebab mereka tidak menyediakan makan, di mana kos yang dikenakan untuk pengangkutan dan penginapan ialah sebanyak RM9,600 ke RM11,000. Ini di Indonesia bahkan bilangan hari di tanah suci ialah sekitar 39 ke 40 hari. Jarak – ini satu hal. Kenapa mungkin ada boleh dikurangkan kerana jarak penginapan mereka ialah 2.5 kilometer dan ada yang sampai berdekatan dengan Syisya, Aziziyah yang sekitar lapan kilometer jaraknya. Penempatan-penempatan ini akan lebih

jauh daripada Masjidil Haram, akan lebih rendah kos bayaran dan sebagainya. Untuk kemudahan yang lain ialah kemudahan perubatan oleh Indonesia dan makanan sendiri.

Singapura ialah sebanyak 680 jemaah haji dan kos yang dikenakan tidak termasuk tiket penerbangan, kos yang mereka kenakan, tiket asing iaitu RM11,211 ke RM28,755 dan bilangan hari di tanah suci ialah 30 hari dan jarak sekitar 150 meter. Kemudahan perubatan, makan disediakan tiga kali sehari. Thailand – RM13,300 dengan jumlah jemaah sekitar 15,000 dan mereka tinggal di sana sekitar 40 hari. Jarak daripada hotel ke Masjidil Haram sekitar 1.5 kilometer. Kemudahan perubatan dan makanan sendiri tanpa diberikan makanan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukup. Yang Berhormat Indera Mahkota bangun.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Sekejap, saya habiskan. Brunei sebanyak RM25,029 ke RM41,298 di mana bilangan harinya untuk berada di Mekah, Madinah ialah 28 hari ke 29 hari. Jadi kos yang dikenakan sebanyak RM25,029 ke RM41,298 ini masanya ialah 28 ke 29 hari dan jaraknya ialah sekitar 100 meter ke 500 meter. Kemudahan perubatan dan makan tiga kali sehari. Filipina – jumlah jemaah haji 6,000 orang dan kos sebanyak RM11,830 dan tempoh bilangan hari di tanah suci ialah 33 hari. Jarak di antara hotel dan masjid ialah 2.5 kilometer. Kemudahan perubatan dan juga makan sendiri. Ini secara perbandingan yang saya buat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Sekejap. Yang Berhormat Indera Mahkota dulu.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Menteri. Kesemua mereka itu tidak ada Tabung Haji Yang Berhormat Menteri. Kesemua mereka itu tidak ada seumpama Tabung Haji. Yang Berhormat Menteri telah mengingatkan tadi, *compare apple* dengan *apple*. Jadi kita berpaksikan bahawa kita ada pelaburan di situ. Dengan caruman itulah kita membuat keuntungan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Membaca sepotong ayat al-Quran]*

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Yang Berhormat Kuala Selangor, saya sebut *apple to apple* itu maknanya yang menguruskan haji sama hajilah. Itu yang saya maksudkan. Cumanya dia tidak ada tabung. Ia *different*. *[Disampuk]* Terima kasih kerana Yang Berhormat tolong fahamkan Dewan. Yang Berhormat Indera Mahkota.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Secara ringkas, tadi Yang Berhormat ada sebut dalam masa beberapa minggu ada pertambahan 19,000 pencarum baru. Saya tidak tolak kemungkinan itu memang betul sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri umumkan dalam belanjawan yang caruman daripada EPF akaun satu atau dua boleh dipindahkan RM3,000 secara serta-merta untuk tujuan mendaftar untuk mengerjakan haji. Ini dari sudut pengumuman memanglah baik. Akan tetapi nampak ada percanggahan yang amat besar di sini kerana pihak Yang Berhormat sendiri yang mengetuai dan menjaga portfolio untuk hal ehwal Tabung Haji ini

tahu jumlah menunggu sekarang ini sudah hampir melebihi 300,000 penunggu ataupun senarai penunggu. Pencarum sendiri pun berkata pemegang akaun sudah mencapai satu juta lebih orang dan 81%. Saya tidak nafikan 81% itu tujuannya memang untuk melabur.

Walau bagaimanapun pengumuman melalui belanjawan itu bukan bertujuan untuk menggalakkan untuk menabung atau untuk melabur. Itu untuk tujuan memberi galakan untuk persiapan awal untuk mengerjakan haji. Kita menyediakan layanan pengecualian cukai yang agak baik dari sudut itu. Jadi nampaknya sekarang, motif yang diumumkan itu dengan matlamat Tabung Haji itu bercanggah. Saya tidak tahu apakah jaminan kita bagi kepada orang yang mula-mula mendaftar kerana memindahkan akaun daripada EPF atau KWSP kepada Tabung Haji itu semata-mata tujuan mereka ini untuk melabur semata-mata dan dia masuk dalam lingkungan 80% penabung-penabung lain ataupun memang niat mereka ini kerana hendak mengerjakan haji. Kalau begitulah anggapan mereka, saya tidak menolak kemungkinan mereka telah pun tersilap faham kerana mereka itu sebenarnya dianggap sebagai penabung untuk tujuan pelaburan. Ini kerana mereka tidak termasuk dalam *cluster* atau kuota untuk tujuan menyediakan mereka untuk pergi haji. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Terima kasih kepada Yang Berhormat Indera Mahkota. Sebenarnya sebagaimana yang saya sebutkan tadi jumlah terkini sejuta lebih orang mendaftar itu mungkin. Ini mungkin apabila dia mendengar bahawa tidak dapat pergi dan sebagainya tetapi suka hendak saya maklumkan kepada Yang Berhormat, jumlah pendeposit ini ada dua. Satu pendeposit yang untuk tujuan pelaburan dan satu lagi untuk tujuan pergi haji. Dia ada beberapa faktor kerana dibenarkan budak-budak sekolah rendah pun untuk turut sama menyertai dan minimum bayaran ialah RM2. Jadi oleh kerana minimum bayaran RM2 itu dia menyimpan daripada awal sekarang untuk mengejar tempoh apabila dia dewasa, dia berdikari, bekerja. Jadi sehingga sampai umur 30 tahun lebih tetapi apa pun saya suka hendak maklumkan bahawa ini mungkin merupakan kesedaran masyarakat supaya mereka bersiap daripada awal.

Jadi bukan soal percanggahan tetapi saya melihat bahawa memang betul sebagaimana kata Yang Berhormat tadi jumlah yang begitu banyak membimbangkan kita untuk supaya mereka tidak dapat hendak pergi pada tempoh masa yang telah sampai kepada umur. Akan tetapi saya selalu sebut kepada Dewan ini juga, ada orang yang kita bagikan kelebihan dan juga janji kita yang berumur 70 ke atas, tidak tahulah sampai atau tidak umur kita, ia akan menjadi *priority* balik. Untuk 75 ke atas dia *priority* untuk supaya dapat menunaikan ibadah haji lebih daripada orang lain. Untuk makluman, 75 ke atas, 75 - 80, 80 - 85, 85 - 90 kita ada hampir lebih kurang 12,000 orang, 11,000 lebih dari jumlah bagi umur yang macam itu. Begitu juga kita menggunakan pendekatan lain iaitu kita tidak membenarkan supaya bila yang baru balik haji dia tidak dibenarkan daftar sehinggalah tempoh lima tahun. Maknanya yang sudah pergi haji, lima tahun dia tidak boleh pergi untuk mendaftar sebab kalau tidak jumlahnya akan meningkat lagi. Sila.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Pasal pergi haji ini, itu tidak apa. Nanti sudah ada komitmen untuk semak semula bukan?

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Tidak jawab lagi Yang Berhormat Pasir Mas.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya minta senarai itu tolong beri pada saya ya. Senarai semua GLC itu.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Okey.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat, saya hendak tanya mengenai pergi haji ini. Yang pergi tahun ini melalui TH Travel itu berapa jumlahnya? Itu satu. Keduanya ada orang bagi tahu. Saya pun tidak tahu, tiba-tiba mereka bagi tahu bahawa yang sudah pergi, bila dapat kali ini dia kena *top-up*. Jadi harga itu lebih daripada biasa. Saya agak terkejut sebab bila diberitahu bahawa sedangkan semua perkhidmatan sama. Dia kata semua sama. Jadi sepatutnya kalau kita katakan bahawa kita hendak mengutamakan yang belum pergi, patut beri yang belum pergi. Jangan bagi mereka yang sudah pergi. Mereka sudah pernah pergi. Jadi kita terima juga yang sudah pergi tetapi dengan syarat mereka boleh bagi duit lebih. Jadi nampak sangat Tabung Haji ini hendak duit lebih. Siapa yang boleh bayar lebih. Jadi saya rasa maknanya Tabung Haji masih lagi mengetepikan orang-orang yang belum pergi haji ini.

■1840

Jadi tidak bolehlah. Maknanya kalau depa hendak pergi, kalau hendak pergi juga, tak apalah depa pergilah melalui swastakah dan sebagainya melalui persendirian, tetapi kita Tabung Haji kena bagi kepada orang yang belum pergi. Tidak boleh ambil lebih kepada depa yang menyebabkan orang lain tidak boleh pergi haji. Itu satu benda yang perlu dilihat itu.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya minta untuk TH Travel itu sebab saya tidak ada *figure* di hadapan saya sekarang ini dan saya akan bagi bertulis. Cumanya berkenaan dengan yang pergi kali ke dua tapi dia kena *top up*, ya lah, kalau saya tidak mengambil kesempatan ini pada petang ini untuk menjelaskan, ia akan *mislead* ataupun menyalah arahkan pandangan kenapa pula bagi juga dia pergi kali kedua.

So, bagaimana yang sering kita sebutkan, ada orang yang kita benarkan juga untuk pergi kali kedua iaitulah mereka-mereka yang pergi pada umur yang sudah tua dan dia memerlukan mahram. Biasanya ada berlaku – bukan biasa, banyaklah yang berlaku begini Yang Berhormat. Dia ada banyak kes. Di antaranya sebagai contoh, suami ini dah pergi dah tetapi kemudian bini dia mati. Dia menikah satu lagi. Bila menikah satu lagi, bini itu hendak pergi. Jadi bila bini hendak pergi, maka mahram yang akan mengiringi dia itu, laki dia pula bini muda Yang Berhormat, takkan hendak lepaskan pi sorang-sorang. Jadi dia minta juga untuk dia temankan. Ini termasuk di kalangan yang serupa kes tadilah untuk dia pergi kerana menemani mahram.

Ada juga kalangan OKU Yang Berhormat, yang dia layak dan kita benarkan untuk dia membawa seorang peneman kepada dia. Biasanya dalam rayuan untuk dia membawa peneman ini, maka kita benarkan juga – biasanya juga ada peneman itu yang tidak pernah pergi, okey selesai. Akan tetapi oleh sebab dia menjadi peneman kepada OKU, tetapi keluarga dia yang

terdekat dan dia sudah pernah pergi haji tetapi oleh sebab alasan dia ialah peneman kepada OKU tadi, jadi yang ini juga termasuk.

Macam itu juga dengan orang yang haji ganti dan sebagainya yang dia hendak pergi – yang ini ada perkiraan-perkiraan yang lain. Begitu juga keadaan yang saya katakan tadi kalau orang yang sudah terlampau berumur yang dia ini umur sudah tua, dia buat rayuan supaya pengiring dia tadi terutamanya kalau yang tua ini orang perempuan, pengiring dia isteri tetapi isteri dia ini dah pergi dah dahulu. Ini pun ada juga. Jadi, oleh sebab dia sudah tua, berumur, jadi kita benarkan dia pergi.

Akan tetapi, oleh sebab Tabung Haji mengambil kira polisi kita, orang yang mendapat subsidi RM5,170 itu ialah untuk yang pertama kali haji. Akan tetapi orang ini dia hendak pergi kali yang kedua. So, perkiraan untuk dia ialah haji yang kedua itu maka dia harus membayar harga penuh berdasarkan kos yang sebenarnya pengurusan ibadat haji bagi muassasah. Itu dia.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tanya begitu maknanya ini satu penderaanlah. Kalau contoh OKU kan, dia hendak pergi Mekah, hendak pergi haji ini, jadi dia hendak pergi mesti ada orang dia hendak kena bawa. Jadi dia kena *top up* pula dekat kawan ini.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tidak, biasanya bukan dia...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak, tidak, Yang Berhormat sebut itu ialah OKU. Bermaknanya bahawa begitulah. Maknanya OKU menjadi mangsa. Maknanya aku hendak pergi ke Mekah, aku kena bawa seorang, aku kena bagi harga lebih. Sepatutnya harga samalah. Apa masalahnya?

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Yang Berhormat, tidak...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kalau dalam konteks OKU, sebab saya katakan bahawa ia harus beri layanan adil. Kita bercakap soal OKU. Bas pun mesti ada yang mesti istimewa dan sebagainya. Ini hendak pergi Mekah.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Okey, okey, terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri, sehubungan dengan apa yang dibawa oleh Yang Berhormat Pokok Sena tadi, saya selain daripada Yang Berhormat Menteri menyebut tadi bagaimana Tabung Haji *top up*lah untuk jemaah haji kita, saya ingin bertanya ada tidak sebab lumayannya keuntungan Tabung Haji ini, ada atau tidak komponen CSR di situ? Di mana kita ketahui bahawa sebahagian daripada masyarakat kita yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah sebab saya biasa bila kita pergi haji, kita jumpa orang-orang daripada kampung, golongan susah dan kalau kita tanya dia, dia menghimpun duit itu begitu lama untuk pergi. *By the time* dia hendak pergi itu, orang kata tenaga pun dah tak ini dah.

Jadi adakah CSR di sini memandangkan keuntungan dan saya rasa rakyat yang lain yang menabung di Tabung Haji tidak akan merasa marah ataupun merasa seolah-olah ia disalahgunakan kerana mereka juga akan tumpang dapat pahala sekiranya hasil daripada

tabungan mereka ini kita dapat menghantar sebahagian daripada rakyat kita yang betul-betul susah tidak ada kena mengena dengan siapa sokong politik mana, tidak, tetapi maknanya orang-orang yang hendak pergi haji tetapi tidak berkemampuan.

Lagi satu saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Menteri juga tentang baru-baru ini 100 orang lebih begitu yang *disponsor* oleh 1MDB. Di segi bagaimana itu daripada apa pandangan Yang Berhormat Menteri? Di segi kuota siapa yang mereka ambil dan visanya macam mana? Adakah mereka sudah *last minute*? Sebelum ini tidak pernah menabung, tiba-tiba oleh sebab 1MDB hendak *sponsor*, maka mungkin orang lain yang sudah lama mendaftar tidak dapat pergi kerana kuota mereka diambil.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena dan juga Yang Berhormat Kota Raja. Berbalik pada yang OKU tadi dahulu bahawa kita bagi pilihan kepada OKU, bukan kita caj OKU. Kita bagi pilihan sama ada siapa yang dia hendak jadikan mahram dia, siapa yang dia hendak bawa untuk ikut. Dia ada pilihan untuk hendak sama ada dia membawa mereka yang belum pernah pergi untuk pergi menunaikan ibadat haji. Maka sebab itu ini pilihan yang diberikan kepada mereka sebab untuk makluman, walaupun dia sebagai OKU, dia sebagai orang tua ataupun dia sebagai orang yang tidak ada mahram, kebanyakan mereka ini, kita di sana ada pihak-pihak kebajikan kita yang menguruskan dengan sebaik mungkin.

Maka sebab itu dalam konteks ini tidak timbul sangat persoalan untuk kita memberikan supaya mereka ini dipaksa untuk membayar dan harus ada satu tambang yang adil kepada mereka, tetapi sebenarnya kita berlaku adil kepada semua pendeposit supaya jangan orang yang sama menikmati keuntungan. Mungkin dia simpan RM9,980 tetapi dia mendapat dua kali, membawa jumlah lebih daripada RM10,000 sedangkan dividen dan bonus pun dia dapat lagi tahunan tetapi kemudian dalam masa yang sama juga dia dapat pula dalam bentuk CSR.

Yang Berhormat Kota Raja sebutkan juga tadi supaya dalam bentuk CSR diberikan kepada orang yang tidak ada duit. Mengambil kira pandangan daripada para ulama, bincang panjang tentang adakah haji ini boleh kita pinjam bankkah, tidakkah, ada pandangan mengatakan boleh dan ada yang kata tidak dan sebagainya sebab pinjaman dia tidak tertakluk katanya di dalam senarai yang kita sebut... [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Yang mampu sampai. Maka, kalau sudah tidak mampu sampai, tidak memerlukan kepada pinjaman. Maka, atas konsep yang selain daripada itu juga, saya sudah ulang kali sebut, mungkin Yang Berhormat dah dengar dah tetapi saya terpaksa ulang juga bahawa bentuk CSR yang kita bagi ialah *top up* ataupun tambahan daripada apa yang telah kita berikan daripada RM9,980 itu kita tambahkan. Di situ pun sudah merupakan sebahagian daripada pembayaran-pembayaran yang diberi. Bahkan untuk cadangan CSR itu mungkin boleh difikirkanlah kalau masa depan esok nanti kita mampu meraih keuntungan yang lebih baik untuk tujuan yang tersebut.

Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: [*Bangun*]

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Yang Berhormat Sik sila.

Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Pendang, Pendang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pendang.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Ya, Yang Berhormat Pendang, *sorry*.

Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Amboi, member pun tak kenal dah.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tak, bukan tak kenal. Pasal jarang masuk dok Dewan barang kali kot.

Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Amboi! [*Ketawa*] Terima kasih rakan sekelas ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya hendak sentuh yang Yang Berhormat Menteri sebut tadi berhubung dengan perubatan tadi ini. Saya pernah berkhidmat dengan Tabung Haji ini tiga kalilah. Jadi saya hendak tanya, dari peratusan kos RM15,000 yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi ini, termasukkah di dalam itu kos-kos untuk rawatan perubatan? Ini kerana setiap kali kita pulang daripada bertugas, kita *claim* itu *claim* daripada Kementerian Kesihatan, bukan kita *claim* daripada Tabung Haji. Jadi saya hendak dapat penjelasanlah daripada pihak Yang Berhormat Menteri. Daripada RM15,000 itu adakah termasuk kos rawatan ataupun perkhidmatan perubatan yang diberikan oleh Tabung haji kepada jemaah-jemaah? Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Mungkin barangkali pasal Yang Berhormat Pendang dia baik dengan saya, dia jarang tanya soalan dekat saya. Jadi sebab itu tak perasan itu bukan?

Yang Berhormat Pendang tanya berhubung dengan perubatan. Saya sengaja tak sebutkanlah tadi bahawa perubatan itu letak duduknya bagaimana. Memang kita bawa *team* perubatan. Kita ada hampir 200 kakitangan perubatan yang berada di Mekah dan juga Madinah. Bahkan semasa berada dekat dengan Jeddah sekali pun, hampir hendak balik dekat dengan Madinatul Hujjaj, kita letakkan *team* perubatan kita. Lebih-lebih lagi khususnya di Arafah dan di Mina sebab ini masa-masa yang paling kritikal, memerlukan kepada *team* perubatan.

Bahkan, kalau untuk makluman Dewan, kita sepanjang yang ada ini, kita sudah ada enam orang meninggal di Mekah dan kita ada lebih 100 orang jemaah yang berada di hospital kita.

■1850

Bila berada di hospital kita ini, kenapa kita perlu pertahankan hospital ini memang kerana bila masuk hospital Arab, budaya dan juga pendekatannya agak berbeza dan menyebabkan dia sakit satu, campur dengan stres mungkin, Yang Berhormat Pendang. Yang Berhormat Pendang juga doktor. Dia berasa macam itu. Jadi kita terpaksa dan masih lagi memerlukan untuk membantu dia dari sudut itu. Bahkan kalau di Arafah, oleh kerana kita sendiri yang menguruskan, pihak perubatan kita di sana dengan serba keadaan yang paling minimum tetapi kita mengambil nasihat daripada Jawatankuasa Fatwa kita, penasihat syariah haji supaya kita bawa semua sekali.

Maknanya jemaah-jemaah yang dalam keadaan tolak yang memang koma. Akan tetapi kalau yang keadaannya agak sedikit mungkin berat ke arah kritikal pun kita bawa kerana mengikut

nasihat daripada pakar-pakar syariat dan juga penasihat syariat kita mengatakan bahawa dia mesti berada seketika dalam keadaan sedar di Padang Arafah kerana mengambil kira *al-hajjul-Arafah*, kerana haji itu kena berada di Padang Arafah. Sebab itu kita bawa dengan ambulans dan termasuk juga oleh kerana setiap tahun saya berada bersama dengan tempat untuk jaga orang sebab rombongan saya berada sekali dengan yang sakit dan juga termasuk yang hilang pemikiran. Ini bukan sedikit, Yang Berhormat. Ramai yang hilang tadi dan yang hilang itu pun kita bawa juga dan yang ini kena *one to one marking*. Kena jaga satu dengan satu sebab di Padang Arafah itu luas. Dia boleh berjalan dan hilang merata.

Jadi dalam keadaan yang sedemikian, kita...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Nanti sekejap. Tidak habis lagi. Dalam keadaan yang sedemikian kita terpaksa menggunakan *team* perubatan kita. Bila sebut *team* perubatan, maknanya mengambil kira untuk ubat-ubatan. Ini salah sebahagian daripada CSR yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan dan menggunakan ubat-ubatan bagi rakyat Malaysia yang menunaikan haji. Maka oleh kerana ini merupakan salah satu daripada ibadat, maka pihak Kementerian Kesihatan telah memberikan sokongan untuk ubat-ubatan kepada pihak Tabung Haji untuk membantu jemaah haji kita yang berada di sana untuk mendapatkan perubatan dan juga belanja perubatan berdasarkan kos yang ada di Kementerian Kesihatan. Manakala bagi ubat-ubatan yang tidak ada dalam senarai peruntukan yang diberikan percuma, pihak Tabung Haji akan turut sama membantu menguruskan kewangan. Terima kasih.

Yang Berhormat Dungun ingin tahu alasan mengenai kelewatan jemaah haji mengenai jadual penerbangan dan punca pembatalan penerbangan haji daripada Kuala Terengganu ke Madinah, perancangan peringkat awal jadual penerbangan haji setiap tahun dibuat berasaskan terdapatnya kuota tambahan sebanyak 10,000 orang. Apabila tiada kuota tambahan, maka perubahan terpaksa dibuat melibatkan pembatalan penerbangan-penerbangan tertentu termasuklah beberapa penerbangan daripada Kuala Terengganu. Perubahan ini juga mengakibatkan kelewatan bakal haji menerima jadual penerbangan.

Yang Berhormat Parit telah meminta penjelasan apakah perancangan strategik untuk menyelesaikan masalah ramai pendeposit TH yang sukar atau menunggu lama untuk menunaikan haji. Sebagai penjelasan saya semasa menjawab pertanyaan lisan Yang Berhormat Kuala Krau pada 26 September lalu, suka saya jelaskan sekali lagi bahawa pemilihan bakal haji menunaikan fardu haji setiap tahun adalah berdasarkan proses pendaftaran bakal haji mengikut tarikh dan masa daftar haji mereka. Dalam erti kata mudah, pendaftaran dahulu didahulukan, dan yang kemudian dikemudiankan. Sistem ini dinamakan sistem pendaftaran haji terbuka di mana pendeposit Tabung Haji yang memenuhi syarat pendaftaran akan diterima pendaftarannya. Memandangkan jumlah pendaftaran yang berhasrat mengerjakan haji telah meningkat sejak kebelakangan ini, Tabung Haji telah memperkenalkan beberapa syarat tambahan seperti mana berikut:-

- (i) tidak membenarkan jemaah haji mendaftarkan dalam tempoh lima tahun selepas mengerjakan haji;
- (ii) tidak memilih kanak-kanak bawah 15 tahun melainkan dalam keadaan yang terpaksa untuk dipertimbangkan;
- (iii) memberikan keutamaan kepada yang berumur 75 tahun ke atas jika ada kekosongan tempat; dan
- (iv) menetapkan bayaran haji bagi yang pernah pergi tunai haji untuk membayar haji sepenuhnya tanpa memperoleh tanggungan oleh Tabung Haji dan bagi yang mendaftar semula setelah mengerjakan haji, tiada jaminan diberikan keutamaan bagi ditawarkan untuk menunaikan haji pada masa hadapan.

Pada masa sekarang, pendaftaran haji telah mencecah satu juta orang dan justeru sebagai langkah untuk memberikan lebih ramai peluang untuk mengerjakan ibadah haji pada setiap tahun, kerajaan terus menjalankan usaha-usaha mendapatkan kuota tambahan termasuklah membukakan permohonan melalui peringkat tertinggi negara kepada Kerajaan Arab Saudi. Walau apa sekalipun, ia sangat bergantung kepada kadar kuota haji 0.1% daripada jumlah penduduk yang telah diputuskan dalam Mesyuarat Pertubuhan Negara OIC pada 1978 di Aman, Jordan. Namun demikian, kerajaan juga mengambil maklum akan projek pembangunan secara besar-besaran yang sedang dijalankan yang mengakibatkan tempat penginapan jemaah haji di Mekah dan Madinah adalah terhad.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada isu-isu yang berkaitan dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Yang Berhormat Baling membangkitkan peruntukan yang sedikit menyebabkan pengurusan Islam terutamanya JAKIM tidak dapat menyaingi keperluan semasa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi peruntukan mengurus 2013, JAKIM telah dicadangkan peruntukan sebanyak RM761.9 juta ataupun secara tepatnya ialah RM761,933,800 di bawah dasar sedia ada iaitu peningkatan sebanyak RM47.4 juta ataupun RM47,361,000 bersamaan 6.62% berbanding peruntukan JAKIM bagi tahun 2013 sebanyak RM733.2 juta. Peruntukkan yang diluluskan kepada JAKIM ini adalah mengambil kira keperluan semasa dan kedudukan ekonomi semasa negara.

Yang Berhormat Baling juga mencadangkan supaya ditubuhkan Institusi Fatwa seperti Darul Ifta' di Mesir bagi menangani pelbagai fatwa yang tidak ber*authority*. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu mengenai cadangan penubuhan Darul Ifta' telah dikemukakan kepada Majlis Raja-Raja (MRR) bagi kali yang ke-214 bertarikh 3 Julai 2008 dan buat sementara, majlis telah menyarankan supaya kerajaan memperkukuhkan fungsi Majlis Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) bagi mengurus fungsi berkaitan dengan fatwa. Mesyuarat Pasca Kabinet Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 17 September 2008 telah bersetuju supaya ussia setia kepada Jawatankuasa Fatwa (MKI) di naik taraf dan diasingkan menjadi satu bahagian baru di JAKIM.

Oleh itu JAKIM telah mewujudkan Bahagian Pengurusan Fatwa pada tahun 2009 bagi menjalankan fungsi dan tugas berkaitan dengan fatwa. Sehubungan itu, kerajaan dari semasa ke semasa akan terus berusaha untuk memperkukuhkan institusi ini agar berperanan setanding dengan institusi fatwa luar negara sebagaimana Darul Ifta' di Mesir dan di Brunei.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya Kementerian Hal Ehwal Islam ditubuhkan, pada masa sekarang JAKIM telah melaksanakan kerja-kerja penyelarasan di peringkat pusat dengan kerjasama baik bersama negeri-negeri dan agensi berkaitan dalam menangani permasalahan yang berkaitan dengan umat di negara ini. Selain itu, kerajaan juga telah melihat bahawa agensi dan jabatan yang berkaitan hal ehwal agama Islam masih bersesuaian di bawah Jabatan Perdana Menteri supaya lebih berkesan dalam melaksanakan program dan aktiviti.

Dato' Haji Taib Azamuddin Md. Taib [Baling]: Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita melihat kepada permasalahan yang timbul dalam pengurusan dan pentadbiran hal ehwal Islam dalam negara sekarang ini, amat mencabar. Saya bukan menafikan dari segi kemampuan yang sedia ada tetapi yang penting di situ ialah bagaimana harus kita mempersiapkan supaya pentadbiran pengurusan Islam ini lebih mantap dan dapat kita uruskan di bawah satu bumbung tanpa kita menafikan masalah-masalah yang ada di negeri-negeri dengan kuasa yang ada di negeri-negeri. Ini kerana kita melihat sekarang tadi dalam masalah fatwa, sekarang fatwa ini walaupun dari segi organisasi, dari segi kedudukan yang telah sama kita faham, itu adalah yang dari segi yang ada tetapi dari segi yang berlaku dalam masyarakat, dari segi berlaku dari sudut kedudukan yang sebenar, dia tidak sebagaimana yang kita uruf. Ini kerana seolah-olah difahami bahawa fatwa itu telah tidak ada *authority* dan fatwa ini dikeluarkan sesiapa.

■1900

Begitu juga kita sekarang ini masuk elemen-elemen yang pelbagai, yang boleh mencubit dan menjejaskan akidah umat Islam. Walaupun kita akui sebenarnya ada pembawaan-pembawaan yang *insya-Allah* tidak menyimpang daripada landasan Islam yang berlaku di luar negara. Akan tetapi dalam konteks kita di Malaysia yang kita berpegang kepada Ahli Sunnah wal Jamaah ini telah dienakmenkan di semua negeri tanpa kita menafikan benda itu boleh berlaku di tempat lain dan kita tidak menafikan bahawa mereka adalah di atas landasan ajaran Islam tetapi dalam konteks lain di Malaysia ini sendiri bahawa kita tidak perlu elemen-elemen atau fahaman-fahaman lain di bawa masuk yang bercanggah atau seolah-olah kita *against* dengan amalan Ahli Sunnah wal Jamaah dalam negara misalnya.

Jadi sebenarnya kita ada perkara yang lebih jauh daripada itu, mesej kita, kita hendak jaga masalah perpaduan ummah. Kita hendak jaga masalah *survival* ummah di tempat kita yang jumlahnya cukup kecil berbanding dengan sesetengah negara luar. Ini maknanya benda-benda ini harus diuruskan sebab bagi saya, saya nampak walaupun boleh jadilah saya ada lama sedikit dengan JAKIM hendak banding dengan Yang Berhormat Menteri tetapi maknanya perkembangan-perkembangan itu begitu mencabar.

Contoh kita katakan bahawa kalau kita wujudkan satu kementerian, katalah Kementerian Hal Ehwal Islam, kita akan diterajui oleh ketua setiausaha kementerian dan di bawah itu sendiri kita akan wujudkan berbagai lagi dalam organisasi yang akan dibantu oleh timbalan-timbalan ketua setiausaha. Kalau sekarang kita nampak sahabat-sahabat kita dalam JAKIM, kita terbeban dengan tanggungjawab yang begitu besar sedangkan orang kata sisi yang ada kepada kita, kemampuan tenaga yang ada pada kita begitu terhad.

Kita berbangga dengan kedudukan apa yang ada di negeri-negeri tetapi sebenarnya kalau kita lihat *on the ground* di negeri itu sendiri, pejabat kadi masih di takuk lama. Seorang pegawai jaga 200,000 penduduk Muslim. Ada masalah yang timbul cukup banyak. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri, cuba kita lihat maknanya kita tak nak imej Islam dalam negara ini pentadbiran Islam dalam negara ini, pengurusan Islam dalam negara ini dilihat seolah-olah macam yang cacar marba, seolah-olah macam di takuk lama.

Jadi ini yang kita rasakan, saya tanpa menafikan masalah-masalah atau perkara-perkara yang ditimbulkan yang ialah bagi saya tahniah, berbanggalah dengan kemampuan yang telah dapat dilakukan setakat ini tetapi persoalannya kita hendak pertingkatkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Dato' Haji Taib Azamudden Md. Taib [Baling]: Takkanlah hendak tengok anak bulan sahaja kita boleh bersatu? Tengok anak bulan sampai berapa belas tempat, tak larat hendak ragas tempat naik itu. Jadi makna misalan bahasanya begitulah. Kita malu sampai zakat fitrah terpaksa negeri buat keluar masing-masing, Selangor ini dia harga dia, Kedah ini dia harga dia, Pahang ini harga dia, apa Johor ini? Benda yang kecil begitu kita sudah nampak tidak diurus secara yang begitu cekap, secara yang efisien?

Itu yang sebenarnya yang saya timbul, belum lagi kita melihat dari segi bidang tugas Tuan Yang di-Pertua masalah macam-macam pembawaan dari segi penulisan masuk, penapisan buku yang baru ini ada kes sampai bawa ke mahkamah. Benda-benda ini kita seolah-olah macam benda-benda yang agak terlepas, terabai sedangkan musuh-musuh yang hendak merosakkan akidah Islam ini mereka tidak tidur, mereka hari-hari main peranan dalam berbagai-bagai.

Ini yang hendak semak dari segi internet lagi, hendak semak sini lagi, buku lagi dan berbagai-bagai dan sekarang ini penapisan buku kita terpaksa tumpang di suatu kementerian yang lain. Kita terpaksa dapat kebenaran bersama KDN dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat ringkaskan Yang Berhormat.

Dato' Haji Taib Azamudden Md. Taib [Baling]: Jadi inilah saya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, bukan saya hendak marah dekat Yang Berhormat Menteri, Menteri ini duduk berforum lama dengan saya. Jadi hak forum itu kita kena *apply*lah sekarang. Terima kasih.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat, ada hubungan sedikit. Saya setuju dengan Yang Berhormat Baling tetapi kalau hendak diwujudkan Kementerian Hal Ehwal Islam tentunya memerlukan persetujuan Majlis Raja-Raja dan kuasa hal urusan agama duduk kepada

Raja-Raja di peringkat negeri. Akan tetapi walau macam mana pun JAKIM sekarang ini bertanggungjawab kepada urusan hal ehwal Islam ini tidak nampak dia punya impak. Islam - Agama Rasmi Persekutuan. Jadi untuk mengatasi masalah tidak boleh wujud Kementerian Hal Ehwal Islam, kenapa tidak ditimbang cadangan saya dahulu supaya dilantik mufti negara?

Kita ada, mufti di peringkat negeri, di peringkat negara tidak ada mufti. Jadi kalau ada mufti di peringkat negara, dia tidak nampak sangat macam Yang Berhormat sekarang ini Menteri yang bertanggungjawab kepada JAKIM. Jadi dia orang cap ini UMNO, jadi apa-apa ini UMNO. Jadi tidak nampak. Jadi kalau letak mufti negara dan proaktif menjawab fatwa-fatwa yang selalunya timbul daripada orang politik dan sebagainya dapat cepat ditangani. Kalau tidak orang tidak nampak. Macam Yang Berhormat sekarang ini pakai, tidak salah pakai apa pun tetapi pakai kot, pakai *tie*, macam biasa tidak ada salah dari segi Islamnya tetapi mufti negara ini dia pakai jubah, pakai ketayap, ada merah di tengah dia punya gah kalau bercakap pun orang kata ini kena. Kadang-kadang persepsi begitu. Sekian terima kasih.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat Baling, terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Rupanya Yang Berhormat Pasir Mas *observe* pakaian saya cuma masa pergi Mekah lain pula Yang Berhormat, di Mekah dia pakai jubah dengan ihram. Yang Berhormat Baling, terima kasih banyak Yang Berhormat Baling memberikan pandangan. Saya nampak nada ucapan Yang Berhormat itu macam duduk sebelah saya sahaja.

Saya pun amat bersetuju bahawa kementerian ini diwujudkan. Kita memahami bahawa tekanan ataupun serangan terhadap kebelakangan ini khususnya masalah-masalah yang berkaitan dengan pegangan Ahli Sunnah wal Jamaah yang bersangkutan paut soal hukum hakam, lebih-lebih lagi soal LGBT, soal pluralisme, liberalisme, soal *human rights* ataupun hak asasi kemanusiaan yang ditonjolkan sehingga sampai hak asasi itu mendahului dan mendepani ajaran agama bahkan bukan sekadar itu, kehadiran daripada kelompok-kelompok penulis dan juga orang yang telah mencipta buku.

Kesedaran Yang Berhormat dan juga Ahli-ahli Dewan sekalian bahawa bagaimana mungkin buku yang ditulis oleh seorang Islam tetapi bercanggah amat dengan pegangan Islam dan Ahli Sunnah wal Jamaah yang ditulis dalam bahasa Inggeris tetapi apabila penulis itu sampai di Malaysia, dia telah pun bertukar menjadi dalam bahasa Melayu.

Tentunya kita memahami, kita tidak ada kekuatan "*kun faya kun*" - Jadi maka jadi tetapi sudah ada perancangan yang begitu panjang sehingga menerbitkan buku yang sedemikian. Maka pola-pola ini menyebabkan rasa kebimbangan dan juga rasa menyebabkan umat Islam yang dalam konteks Malaysia untuk mempertahankan kebaikan semua termasuk yang bukan Islam jangan nanti ada kecurigaan yang tinggi sehingga mencetuskan hal-hal yang tidak baik.

Maka sebab itu kita akan sentiasa memperkemas bahkan saranan daripada Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat Pasir Mas tadi untuk supaya dapat melihat Yang Berhormat Pasir Mas melihat mufti negara dan sebagainya, untuk makluman Mufti Wilayah sekarang ini oleh

kerana di Malaysia kita ada 14 buah negeri, sembilan yang memiliki Raja dan lima yang tidak memiliki Raja iaitu Sabah, Sarawak, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan dan juga Melaka yang ini di bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Jadi dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, di Wilayah kita telah memberikan walaupun di peringkat permulaan tetapi *alhamdulillah* pihak kerajaan telah meluluskan melalui JPA kelulusan untuk KUP JUSA B khas untuk penyandang *personnel to holder* untuk Mufti Wilayah pada bayaran pada tangga gajinya JUSA B.

Begitu juga kerajaan telah mencadangkan kepada Mesyuarat MKIM atau Majlis Kebangsaan Islam supaya mufti-mufti di seluruh negeri diberikan taraf kedudukan sama taraf dari sudut dia punya menikmati skala gaji dan kemudahan sebagaimana yang dinikmati oleh *exco-exco* negeri dan sebagainya. Jadi ini kita sedang usahakan, begitu juga saya amat-amat berterima kasih kalau Yang Berhormat Baling bersetuju kepada penubuhan kementerian kerana dengan kementerian saya tidak boleh dapat pembantu yang lebih mudah di mana di bawah kementerian ada KSUnya, TKSUnya, ada SUB setiausaha bahagian dan sebagainya yang boleh membantu. Akan tetapi yang ada sekarang ialah JAKIM menjadi urus setia kepada semua program agama terutamanya yang melibatkan negeri.

Kita amat memahami sebagaimana Yang Berhormat Pasir Mas sebutkan tadi bahawa Jadual Kesembilan Perlembagaan Negara bahawa agama di bawah senarai negeri maka dalam hal yang seperti ini kita harus bijaksana, jangan sampai ada pihak-pihak yang terasa bahawa kita ingin mencabar dan mengambil ruang kerja mereka. Sila.

■1910

Dato' Haji Taib Azamuddin Md. Taib [Baling]: Tanpa kita menafikan kedudukan dari segi Perlembagaan dan hak-hak kepada ke bawah Duli Tuanku Raja-raja. Kalau boleh saya mencadangkan supaya, kita juga banyak orang-orang yang ahli undang-undang, kita banyak peguam-peguam, pakar-pakar undang-undang dalam negara. Kita cadangkan dan kita adakan satu pertemuan untuk kita dapat input. Mana yang boleh laluan yang kita boleh lakukan dan memudahkan untuk pihak JAKIM yang ada sekarang ini untuk menjadi urus setia kepada persoalan ini. Kita boleh buat Kabinet *paper* ataupun sebagainya. Sama ada Kabinet *paper* itu untuk hendak dibawa kepada pihak Kabinet ataupun juga untuk kelulusan lebih awal daripada pihak Raja-raja. Saya yakin dengan sepenuh hati bahawa Duli-duli Yang Maha Mulia Tuanku-tuanku tidaklah menjadi suatu menghalang sangat. Ini kerana sebenarnya Duli-duli Tuanku ini sendiri kalau kita memberi taklimat atau memberi kepada Duli memahami hakikat kedudukan sebenar.

Maka, kita yakin penubuhan Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam dahulu pun di atas taklimat dan di atas penerangan yang begitu jelas kepada Duli-duli Tuanku oleh mufti-mufti dan pihak berkuasa agama negeri waktu itu dan akhir sekali kita dapat. Begitu juga yang ini pun, negeri-negeri tetap negeri. Cuma kita hendak adakan kementerian supaya kementerian dapat membantu pengurusan sampai kepada peringkat negeri. Supaya negeri itu juga duduk dalam

keadaan yang seimbang dengan jabatan-jabatan lain di negeri-negeri dalam hal-hal urusan agama. Jadi, kita tidak hendak bahawa pengurusan Islam macam disebutkan tadi ini, seolah-olah macam melepas batuk di tangga, macam terpinggir dan sebagainya begitu. Itulah, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada pandangan dan juga saranan. Saya mengambil perhatianlah pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Baling. Masih ada masa lagikah Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah hampir dua jam Yang Berhormat.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Kalau boleh saya habiskan satu lagi daripada Yang Berhormat Pasir Mas, selepas itu saya bagi jawapan bertulis. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pasir Mas mencadangkan supaya bahagian Halal JAKIM diasingkan dan dijadikan jabatan halal yang mempunyai ketua dan pengarahnya sendiri dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Kerajaan amat menghargai cadangan Yang Berhormat. Pada masa ini kerajaan masih lagi mengkaji keperluan pewujudan jabatan halal daripada pelbagai aspek. Ini juga saranan yang terbaik untuk melihat industri halal yang berwibawa, *credible*, dengan izin, di negara ini. Pada masa ini telah wujud Jawatankuasa Pemandu Halal yang dipengerusikan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada masa sekarang pengurusan Pensijilan Halal di Malaysia diuruskan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan jabatan-jabatan agama Islam negeri ataupun Majlis Agama Islam Negeri. Sebagai pihak berkuasa berwibawa bagi persijilan halal seperti yang telah diperuntukkan dalam Perintah Perihal Dagangan 2011, Perakuan dan Penandaan Halal di bawah Akta Perihal Dagangan 2011.

Di JAKIM, pengurusan pensijilan halal diuruskan oleh Bahagian Hab Halal dengan kekuatan anggota kerja seramai 166 orang dalam pelbagai bidang kepakaran. Bahagian ini dikhususkan untuk melaksanakan tanggungjawab pensijilan halal termasuk pemantauan dan penguatkuasaan. Pegawai di bahagian ini terdiri daripada Pegawai Hal Ehwal Islam, Pegawai Sains dan Teknologi Makanan, Pegawai Tadbir dan Diplomatik, Pegawai Teknologi Maklumat, Pegawai Sains dan Persekitaran serta pegawai dalam perkhidmatan sokongan. Pegawai dalam bidang kepakaran tersebut adalah bersesuaian dengan keperluan prosedur pensijilan halal yang memerlukan kemahiran dan pengetahuan yang tinggi dalam teknologi pembuatan makanan dan produk gunaannya terutamanya tentang penggunaan bahan mentah, bahan tambah makanan, bahan bantuan pemprosesan, amalan pengilangan baik (GMP) dan sebagainya. Bagi memastikan tahap kompetensi semua pegawai latihan profesional dalam bidang berkaitan sentiasa diberikan menerusi latihan wajib dan pilihan.

JAKIM turut mendapat khidmat kepakaran melalui kerjasama antara agensi berkaitan seperti Kementerian Kesihatan, Jabatan Standard Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Perdagangan Dalam

Negeri, Kepenggunaan dan Koperasi (KPDNKK) dan sebagainya. Berhubung dengan teguran Yang Berhormat Baling tentang pensijilan halal mengambil kira dari segi rohnya dan bukan semata-mata dalam konteks sijilnya sahaja. Sememangnya pensijilan halal Malaysia yang diurus oleh JAKIM dan JAIN adalah komprehensif. Juga telah mengambil kira aspek hukum-hukum fatwa serta fizikal iaitu *ain*. Pensijilan halal di Malaysia turut meliputi aspek amalan pengilangan baik (*good manufacturing practice - GMP*), *hazard analysis and critical control point (HACCP)* dan standard-standard yang telah ditetapkan oleh agensi yang berkaitan seperti Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM Berhad), Bahagian Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Pegawai pemantau di JAKIM, JAIN telah dilatih bagi meningkat kemahiran dan kompetensi dalam aspek tersebut selain berpegang kepada manual, prosedur pensijilan halal yang sentiasa dikemas kini daripada semasa ke semasa.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat, terima kasih di atas perhatian yang telah diberi dan *respond* yang positif daripada pihak Yang Berhormat mendengar cadangan pengasingan jabatan untuk diwujudkan Jabatan Halal. Tadi Yang Berhormat jawab tadi 160 orang lebih sahaja kakitangan? Maknanya, saya tidak boleh bayang jumlahnya begitu kecil berbanding dengan cabaran mengenai dengan masalah makanan halal haram dan hendak jadikan hab halal pula, ada 160 orang sahaja. Jadi, sebab itu saya minta dipercepatkan cadangan supaya diwujudkan jabatan berasingan dengan kakitangan yang betul-betul mencukupi dengan segala bentuk penguatkuasaan, kepakarannya, doktrinya dan seumpamanya. Terima kasih Yang Berhormat. Ini pahala besar ini Yang Berhormat, terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Pahala untuk saya untuk Yang Berhormat Pasir Mas dan juga Yang Berhormat Balinglah. Bukan fasal soalan itu sahaja, fasal menyokong. Akan tetapi sebenarnya Dewan telah pun menyokong untuk Akta Perihal Dagangan 1972 dipinda kepada APD 2011 iaitulah kuasa tunggal untuk memberikan sijil halal ialah JAKIM dan juga Majlis Agama Islam Negeri-negeri baru diputuskan oleh Dewan ini pada tahun yang lalu. Jadi, sebab itu sebagai permulaan betullah Yang Berhormat kata tadi ada 160 orang lebih itu. Saya ingat Yang Berhormat kata terlampau banyak, saya pun takut jugakan. Sebab penilaian, saya tidak tahu macam mana daripada Yang Berhormat tetapi bila Yang Berhormat kata sedikit, saya pun agak seronok juga bila Yang Berhormat berkata demikian. Akan tetapi untuk makluman, di negeri-negeri juga ada bahagian-bahagian yang mengeluarkan sijil.

Namun bagaimanapun untuk tujuan Malaysia akan lebih jauh ke hadapan, kita dalam proses menyiapkan satu di Bandar Enstek, kita ada satu makmal halal yang akan bakal siap dalam dua tahun daripada sekarang yang telah pun diberikan tender. Daripada itu juga kita dalam proses juga sekarang memohon perjawatan tambahan. Jadi Yang Berhormat, terima kasih banyak kepada Dewan, Tuan Yang di-Pertua izinkan saya untuk menyampaikan- Oh! Kalau begitu saya

baca sedikit ada lagi yang perlu saya sampaikan. Saya mohon untuk supaya nanti yang selebih daripada ini saya sampaikan secara bertulis kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian.

Bagaimanapun, seterusnya untuk Yang Berhormat daripada Baling. Kita sudah habis tadi Yang Berhormat Baling. Seterusnya, berkaitan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Yang Berhormat Marang telah menyarankan supaya IKIM membuat kajian mengenai peranan Islam dalam semua aspek termasuk perundangan Islam. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, bahawa Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) ditubuhkan sebagai institut pemikir dan penyelidikan. Selaras dengan tujuan penubuhannya, tiga pusat kajian telah diwujudkan iaitu Pusat Kajian Syariah, undang-undang dan politik, syarak, Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan (EMAS) dan Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar (KIAS). Pelbagai kajian telah dilaksanakan meliputi bidang ekonomi, syariah, undang-undang, kemasyarakatan, alam sekitar, sains dan teknologi, kesihatan, wanita dan sebagainya. Kesemua hasil kajian tersebut telah disebar melalui seminar, bengkel, muzakarah, pakar dan juga diterbitkan dalam bentuk buku, monograf, jurnal serta penulisan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuala Krau, Yang Berhormat Baling, telah membangkitkan isu berkaitan wakaf. Yang Berhormat Kuala Krau, menyarankan dana yang diperolehi oleh wakaf korporat disalurkan untuk pendidikan tinggi di negara ini dan menyertai dana enrolmen pendidikan tinggi. Terima kasih atas penghargaan Yang Berhormat Kuala Krau terhadap Yayasan Wakaf Malaysia, agensi di bawah Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHA) yang telah dipertanggungjawabkan melaksanakan kajian pelan induk wakaf korporat sebagaimana yang diumumkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan Bajet 2013.

■1920

Kajian tersebut akan dijalankan secara bersama dengan Majlis-majlis Agama Islam Negeri dengan mengambil kira struktur perundangan agama Islam di negeri-negeri. Kajian ini juga akan dijalankan secara menyeluruh bagi meningkatkan pendanaan wakaf yang terbaik untuk dimanfaatkan dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan. Berhubung dengan saranan Ahli Yang Berhormat supaya penyumbang dana tersebut diberikan potongan cukai dua kali *double deduction*, perkara ini akan diperhalusi secara lebih mendalam sebelum dikemukakan kepada Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat Arau menyarankan juga agar JAWHAR merangka pelan wakaf korporat yang lebih berkesan, berterusan dan menjalin kerjasama strategik dengan syarikat-syarikat GLC, pihak korporat dan perbankan. JAWHAR daripada masa ke semasa bekerjasama dengan Majlis-majlis Agama Islam Negeri sebagai pemegang amanah tunggal wakaf dalam membincangkan pembangunan tanah wakaf yang didaftarkan demi kemaslahatan ummah di negara ini.

Kerjasama juga dijalin bersama syarikat berkaitan kerajaan GLC dan pihak swasta seperti mana UDA Holdings Berhad, AKS Sdn. Bhd., Al-Hidayah Investment Bank Labuan, CIMB Bank, Teraju Mega Sdn. Bhd. dan Bank Islam ke arah membangunkan harta umat Islam yang kini bernilai RM1.177 bilion. Berhubung dengan hukum pembangunan tanah wakaf yang melibatkan

beberapa keturunan, dimaklumkan bahawa wakaf yang melibatkan keturunan ini dinamakan wakaf zuriat. Ianya ditentukan hanya untuk kepentingan keluarga pewakaf dan keturunannya termasuklah wakaf dalam bentuk tanah dan sebagainya.

Mengikut pandangan jumhur fuqaha, wakaf ini diharuskan kerana terdapat unsur kebajikan walaupun al-Quran tidak menyebut secara jelas tentang perkataan wakaf, umat Islam dituntut saling berlumba-lumba melaksanakan apa jua bentuk kebaikan yang mendatangkan manfaat bagi melahirkan sifat kasihan, mengukuhkan silaturahim dan saling bantu-membantu.

Berdasarkan kepada kajian, wakaf zuriat tidak begitu popular di kalangan masyarakat di Malaysia. Tanah-tanah wakaf jenis wakaf zuriat di Malaysia kebanyakan melibatkan kes-kes yang lama. Kenyataan ini dapat dilihat apabila kurangnya galakan oleh pihak Majlis Agama Islam selaku pemegang amanah tunggal harta wakaf dan penyertaan daripada masyarakat Islam untuk mewakafkan tanah atau premis kepada anak-anak, cucu-cicit dan ahli keluarga masing-masing tidak berlaku lagi. Ini disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya seperti nilai tanah yang begitu tinggi dan kesukaran untuk mengurus dan mentadbir wakaf zuriat.

Di Malaysia wakaf zuriat belum dihapuskan sebagaimana negara Islam yang lain. Undang-undang masih memperakui wakaf zuriat dan ia digolongkan dalam kategori wakaf khas. Namun demikian, dalam enakmen negeri, wakaf zuriat tidak disebut secara khusus. Berdasarkan rekod MAIN juga menunjukkan tidak ada kes-kes terbaru berkaitan wakaf zuriat manakala yang ada sekarang ialah tanah wakaf yang sejak sekian lama dan tidak ada peningkatan. Ini berbeza dengan wakaf yang lain seperti wakaf tunai, saham wakaf, wakaf khas untuk masjid, surau dan juga kubur yang mempunyai jumlah yang tinggi. Terdapat juga negeri yang tidak mempunyai wakaf zuriat seperti negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Mengenai saranan supaya syarikat-syarikat atau pihak yang terlibat dengan pembangunan wakaf perlu melihat nas syarak dan perlu rujuk kepada JAIN. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, wakaf merupakan satu senarai keagamaan yang disenaraikan di bawah Butiran 1 Senarai 2, senarai negeri Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan yang diletakkan di bawah bidang kuasa negeri-negeri. Mana-mana pihak yang ingin melaksanakan aktiviti mewakafkan perlu merujuk dan mendapat persetujuan daripada pihak MAIN sebagai pemegang amanah tunggal. Harta yang diwakafkan tidak boleh dipindah milik, dijual beli, dihebah atau diwarisi kerana harta tersebut setelah menjadi milik Allah SWT.

Yang Berhormat Baling juga bertanya laporan wakaf bagi orang Islam tidak dibentangkan di Parlimen. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini tiada peruntukan undang-undang untuk membentangkan laporan wakaf di Parlimen. Walau bagaimanapun laporan statistik pembangunan wakaf boleh diperolehi melalui Majlis Agama Islam (MAIN) di negeri-negeri dan melalui laman web www.jawhar.gov.my di bawah portal *eBayanat*. Mengenai kesangsian Yang Berhormat terhadap wakaf korporat, dimaklumkan bahawa melalui penubuhan Wakaf Korporat Nasional, instrumen wakaf akan diperluaskan dan diperkasakan demi kemaslahatan ummah.

Yang Berhormat Indera Mahkota telah mencelah perbahasan Yang Berhormat Baling, bertanyakan apakah fatwa mengenai nilai harta wakaf boleh dinilai tarakan dengan NPL atau *None Performing Loan*. Dimaklumkan bahawa nilai harta wakaf tidak boleh dinilai tarakan oleh NPL dan tidak sama kedudukan dengan NPL. Oleh yang demikian buat masa ini tiada keperluan untuk jawatankuasa fatwa untuk melihat perkara ini dan membuat apa;-apa keputusan mengenainya. Tuan Yang di-Pertua, selebihnya daripada jawapan yang lain akan saya sampaikan secara bertulis. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

7.25 mlm.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]: Tuan Yang di-Pertua terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada rakan saya iaitu rakan seperjuangan sebelum saya kerana memberi keizinan laluan ini. Izinkan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan usul Belanjawan 2013. Perkara-perkara yang dibangkitkan adalah mengenai Unit Perancang Ekonomi (EPU), Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Unit Kerjasama Awam Swasta, 1MDB, Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perangkaan Malaysia dan Malaysia Nuclear Power dan saya ucapkan terima kasih kerana ada juga dibangkitkan isu ekonomi, perancangan pembangunan, pengagihan kemiskinan dan UKAS.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan cuba ringkas-ringkasnya menjawab soalan-soalan yang telah diajukan. Soalan Yang Berhormat daripada Selayang telah menanyakan sama ada Dasar Ekonomi Baru (DEB) akan dimansuhkan selepas PRU ke-13 dan selepas itu akan dilaksanakan Model Ekonomi baru. Strategi dan pelan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru telah dilaksanakan dalam tempoh 1970 hingga 1990 dengan dua objektif utama.

Pertama, kemiskinan dan kedua adalah ketidakseimbangan ekonomi. Maka saya juga ingin mengingatkan bahawa kita akan teruskan denyutan ini. Denyutan membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat melalui Model Baru Ekonomi dengan menggariskan 7 inisiatif pembaharuan strategik yang akan dilaksanakan mulai 2011 hingga 2020. Yang Berhormat daripada Lembah Pantai dan Yang Berhormat Permatang Pauh telah membawa kepada perkara berkaitan dengan unjuran oleh Merrill Lynch bahawa melalui Program Transformasi Ekonomi (ETP) ini, nisbah gaji pekerja berbanding keuntungan syarikat akan menurun daripada 28% hingga 21%.

Maka program ETP yang dilaksanakan untuk membawa ekonomi Malaysia ke arah negara yang berpendapatan tinggi dengan mencapai sasaran Pendapatan Negara Kasar (PKN) sebanyak RM48,000 pada tahun 2020. Maka untuk mencapai ini 12 NKEA telah menjadi inisiatif utama dengan mewujudkan 33 juta peluang pekerjaan dan 60% daripada 3.3 juta itu akan datang daripada gaji sederhana dan tinggi. Maka itulah sasaran kita dan unjuran ini dibuat yang dikatakan

dalam soalan ini adalah dibuat oleh *Research for Social Advancement* (REFSA) sebuah organisasi penyelidik yang didalangi oleh DAP. Maka beberapa analisis yang dibuat, menggunakan metrologi yang terlalu ringkas dan mudah. Sebagai contoh pengiraan nisbah gaji pekerja berbanding keuntungan syarikat hanya mengambil kira gaji pekerja yang baru dan tidak mengambil gaji pekerja kakitangan yang sedia ada.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Ipoh Timur juga telah membawa SRI belum dilaksana dan dibetulkan di dalam Bajet 2013 dan peruntukan itu adalah terlalu kecil untuk SRI. Di bawah Model Baru Ekonomi terdapat 51 cadangan dasar yang dilaksanakan menerusi SRI bertujuan untuk meningkatkan daya saing ekonomi negara di peringkat global. Untuk makluman Yang Berhormat, SRI ini melibatkan perubahan dasar dan tidak banyak memerlukan peruntukan kewangan, dengan izin, *more policy changes that doesn't have a budget implication*. Maka terdapat pelbagai kemajuan yang telah dapat dicapai oleh kerajaan melalui SRI. Contohnya, di bawah SRI persaingan standard dan liberalisasi untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 yang telah digubal pada permulaan tahun ini dengan tujuan mengurangkan persetujuan anti persaingan. Maka saya minta kepada Yang Berhormat untuk membaca SRI-SRI yang lain yang turut terdapat.

■1930

Yang Berhormat dari Kuching pula telah bertanya bahawa pendapatan rakyat telah meningkat 50 kali ganda semenjak penubuhan Malaysia. Ini adalah kenyataan yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ketua Menteri Sarawak. Beliau ingin tahu berapa banyak kenaikan kos sara hidup di kalangan rakyat Malaysia semenjak penubuhan Malaysia sehingga kini. Saya rasa soalan ini cukup baik.

Berdasarkan kepada KDNK per kapita yang disusun oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, nilai KDNK per kapita pada harga semasa bagi negeri Sarawak pada tahun 1963 adalah RM668 sementara pada tahun 2010 merupakan RM33,307. Sepanjang tempoh tersebut, KDNK per kapita mencatatkan peningkatan pada kadar purata 8.7% setahun atau sebanyak 49 kali ganda.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bandar Tun Razak pula menyarankan supaya Jabatan Perangkaan untuk memperincikan setiap angka yang dikeluarkan supaya dapat dipantau dan diteliti oleh rakyat agar lebih telus dan terus mengelakkan monopoli oleh sesetengah pihak. Saya memohon kepada Yang Berhormat supaya menyiasat ataupun mendapatkan segala data ini ataupun output yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan, ada di dalam laman web ataupun secara fizikal. Maklumat yang dipungut antara bilangan pertubuhan, nilai output kasar, nilai ditambah, jumlah kerja, gaji dan upah yang dibayar dan nilai harta tetap mengikut sektor, segala butiran ini terdapat di dalam banci ekonomi kita dan juga banci siasatan sosio geografi.

Seterusnya isu-isu perancangan pembangunan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Permatang Pauh dan Rantau Panjang telah membawa isu pembangunan tidak seimbang iaitu masalah pengagihan kekayaan dan pembangunan yang tidak seimbang di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak. Ini juga telah dibawa oleh Yang Berhormat dari Beaufort.

Kerajaan amat menyedari dan prihatin akan perlunya diwujudkan keseimbangan pembangunan antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Atas kesedaran yang mendalam inilah pihak kerajaan telah memberi perhatian penuh bagi mempercepatkan proses peningkatan tahap kemajuan sosio ekonomi rakyat Sabah dan Sarawak, dan sekali gus berusaha memperkukuhkan asas ekonomi negeri supaya kadar pertumbuhan ekonomi dapat dipertingkatkan.

Sehubungan itu, bagi meningkatkan tahap sosio ekonomi rakyat di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, kerajaan telah menyediakan peruntukan pembangunan yang lebih besar bagi kebanyakan program di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) kepada Sabah dan Sarawak berbanding negeri-negeri lain. Dalam tempoh tahun 2011 hingga 2012, sejumlah RM10.7 bilion telah disalurkan untuk negeri Sabah manakala RM8.9 bilion telah disalurkan kepada negeri Sarawak. Selain daripada itu, dalam *RBI (Rural Basic Infrastructure)*, pembasmian kemiskinan, pengurangan kos kehidupan, perumahan, pendidikan, kesihatan serta pembangunan sektor ekonomi sedang giat dijalankan kini. Butirannya kalau sekiranya Yang Berhormat kehendaki, boleh kita sampaikan.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga Yang Berhormat yang menanyakan mengenai koridor pembangunan Sabah dan juga Sarawak dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh di bawah *rolling plan* satu dan dua. Kira-kira separuh bilion ataupun RM500 juta telah disalurkan kepada koridor berdasarkan pelaksanaan projek-projek berimpak tinggi yang lebih berfokus.

Seterusnya Yang Berhormat dari Permatang Pauh dan Gombak telah menanyakan kewajaran kerajaan sanggup melupuskan pendapatan cukai untuk institusi kewangan yang berpindah ke Tun Razak Exchange (TREX), bukan dinosaur ini, yang boleh mencecah RM1 bilion. Untuk makluman Yang Berhormat, TREX ataupun Tun Razak Exchange akan memainkan peranan penting dalam mencapai sasaran ETP untuk mengembangkan sektor kewangan sebanyak tiga kali ganda serta meningkatkan sumbangan sektor kewangan kepada pendapatan negara kasar (PNK) sebanyak RM121.5 bilion menjelang tahun 2020. Manfaat pertumbuhan ini akan mengangkat taraf hidup sebahagian besar rakyat Malaysia khususnya di Lembah Klang dan bukan sahaja tertumpu pada golongan tertentu sepertimana yang digambarkan oleh Yang Berhormat.

Sekiranya kerajaan memberi pengecualian cukai sebanyak RM1 bilion, bererti pelaburan yang bakal dibuat oleh syarikat-syarikat kewangan yang berpindah ke TREX adalah berlipat ganda dan syarikat tersebut telah pun menyumbang kepada pendapatan negara kasar melalui tiga aktiviti perkhidmatan iaitu hospitaliti, pembinaan mahupun pendidikan dan inovasi terbaru. Contoh-contohnya ialah seperti Canary Wharf di London dan Marina Bay di Singapura.

Yang Berhormat Gombak juga telah membawa isu mengenai IPP 1MDB. Yang Berhormat telah membangkitkan isu-isu berkaitan dengan kesanggupan 1MDB membeli dan juga mengenai premium dan juga berkaitan dengan kontrak. Pembelian kedua-dua IPP iaitu Tanjong Energy Holdings Sdn Bhd dan Genting Sanyen Sdn Bhd adalah langkah pertama bagi 1MDB memenuhi aspirasi kerajaan ke arah jaminan tenaga mampan dan mampu diri negara dalam jangka masa yang panjang. Sinergi yang bakal diwujudkan oleh aset-aset di bawah portfolio Tenaga 1MDB

bakal memberi faedah kepada negara dengan meningkatkan kecekapan penjanaan tenaga dan secara tidak langsung mengurangkan kos pengeluaran tenaga. Penjualan loji jana kuasa pada harga yang lebih tinggi dari nilai buku atau *book value* adalah satu amalan biasa di serata dunia. Ukuran nilai yang lebih tepat bagi penjanaan kuasa adalah anggaran keuntungan masa hadapan berbanding dengan nilai buku aset.

Yang Berhormat Permatang Pauh juga telah membawa kepada kenapa dan mengapa 1MDB sanggup membayar RM80.5 bilion kepada Ananda Krishnan bagi tujuan pembelian aset IPP. Pembelian IPP Tanjong Energy Holdings Sdn Bhd dari pemegang sahamnya adalah langkah pertama bagi 1MDB memenuhi aspirasi kerajaan ke arah jaminan tenaga yang telah saya katakan tadi. Tanjong Energy Holdings Sdn Bhd adalah aset strategik yang mempunyai rekod prestasi baik dan mempunyai aset berkualiti di dalam dan di luar negara seperti di Pakistan, Bangladesh dan Mesir. Maka, keupayaan dan penjanaannya begitu terkemuka dan dari segi juga tenaga kerjanya.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Batu bangun Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kita ingin tahu, dapat penjelasan daripada kerajaan, kenapa 1MDB perlu bayar kepada Ananda Krishnan dengan harga yang begitu tinggi yang sudah tentu kita tahu ia tidak menguntungkan TNB kerana kos penjanaan ini makin meningkat oleh sebab pembelian ini. Kita juga ingin tahu berapa bon atau hutang yang terpaksa kerajaan beban dengan *transfer* dari Ananda Krishnan ke 1MDB? Sebenarnya selain daripada apa yang disebut tentang strategik dan lain-lain, apakah faedahnya dari segi *real cost* yang boleh kita jimat dengan persetujuan ini?

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat. Saya ingat bahawa Yang Berhormat mungkin tidak meneliti butiran-butiran pembelian ini. Sekarang Malaysia dalam NKEA sedang meletakkan Dasar Tenaga Negara, *National Energy Policy* yang begitu penting kerana di serata dunia tenaga menjadi satu fokus yang menjadi isu selain daripada *food security*. *Energy security* merupakan satu yang begitu utama. Ada baru-baru ini di negara India dan Pakistan berlaku *blackout* yang telah menyebabkan ramai orang rugi dan banyak syarikat antarabangsa MNC mencari destinasi lain oleh kerana kita tidak mempunyai *balance*, keseimbangan dalam penawaran tenaga yang baik.

Maka kalau kita lihat dari segi skop keseluruhannya, kita sedang mencari satu hala tuju ke arah kita mengkonsolidasikan sektor tenaga di Malaysia.

■1940

Itu sebabnya kita bukan sahaja melihat kepada Tanjong dan juga di Genting tetapi juga melihat kepada Pengerang sebagai satu sektor yang utama untuk menyatupadukan hala tuju Tenaga Nasional. Maka saya mintalah Yang Berhormat bincang dengan saya secara peribadi kerana banyak lagi soalan yang perlu kita bicara di sini kerana terlalu teknikal.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, bukan saya tidak mahu terima secara...

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Terpulang kepada Yang Berhormat tetapi...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tidak, tidak. Saya...

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: ...Fakta-faktanya terlalu *detail*.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: ...Ingin tahu secara *real cost* apa yang telah kita dapat jimatkan.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: *Real cost* saya tidak ada di sini. Saya bukan *magician* saya boleh dapatkan Yang Berhormat tetapi saya ingin mengatakan bahawa dengan izin Tuan Yang di-Pertua *the sell attracted significant local and international bidders. Which underline that attractiveness of the asset, large international interest justify quantity of assets. The winning beat reflex the market clearing price of the asset rather than pay off. So, argumentnya antara pay off dan market asset dengan izin, Tanjung is the leading energy markets IPP with the global platform with superior asset in Malaysia, Egypt, UAE, Bangladesh, Pakistan and Sri Lanka. Genting is one of the most efficient power producers in Malaysia that provide his own water supply as well supply team to others industries. It's a strategic industry. Thanks you sir, please allow me.* Izinkan saya sambung lagi ini. Okey.

Baik, Yang Berhormat daripada Hulu Selangor pula ingin tahu langkah-langkah kerajaan untuk mencapai sasaran 3% ekuiti kaum India menjelang 2020 dan langkah meningkatkan taraf ekonomi kaum India. Untuk pertama sekali bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil alih teraju kepimpinan memang beliau mengakui bahawa *it a legacy issue*. Maka pertama diwujudkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Masyarakat India. Lepas itu beliau mewujudkan pasukan petugas khas jawatankuasa Kabinet untuk melihat implementasi program-program untuk memperkasakan kaum India. Maka pertama dalam pendidikan diberi banyak peruntukan sebanyak RM550 juta diberi untuk pendidikan sekolah Tamil. Kemudian guru-guru sekolah Tamil telah diperkasakan dengan latihan dan juga ke arah tuju pengijazahan mereka. Lepas itu kita ada peluang-peluang mendapatkan biasiswa dan pinjaman melalui matrikulasi dan juga JPA.

Selain daripada itu, untuk memperkasakan sosioekonomi masyarakat India. Beberapa skim pinjaman telah diwujudkan melalui TEKUN dan Amanah Ikhtiar Malaysia. Butirannya tidak perlu saya beri. Orang sedia maklum. Maka TEKUN. Selain daripada itu, butiran-butiran atau perkara berkaitan dengan dokumentasi seperti kad pengenalan, sijil lahir dan sebagainya sekarang kita ada MyDaftar yang telah melihat hampir 15,000 kes yang telah disampaikan. 9,000 adalah penuh dengan dokumen, 6,000 lebih telah pun diberi dokumen dan diluluskan dan telah diberi dan yang lain sedang diuruskan supaya perkara dapat diselesaikan dan pelantikan Yang Berhormat Dato' Sri G. Palanivel, Presiden MIC sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri membantu kerajaan dalam membangunkan dan memantau pelaksanaan agenda sosial dan ekonomi masyarakat India menunjukkan bahawa keprihatinan itu amat mendalam.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidak payah bodek bos lah di sini. *[Ketawa]*

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Ini adalah politik picisan. Murahlah kaki lima. Dia selalu demonstrasi kaki lima. Dia bawa budaya kaki lima ke dalam Dewan ini. Yang Berhormat, bicara secara intelektual. Kenapa kecil macam ini? *Grow up* lah dewasakan diri. *[Dewan riuh]* Dewasakan diri Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kita sedar kena pertahankan bos. Okeylah.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tetapi Tuan Yang di-Pertua saya cakap apa pun dia tidak akan buat. Dia batu. *[Ketawa]* Saya Cameron Highlands, bunga. Saya bayu, dia tidak faham. Tidak apa. Kita teruskan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Cameron Highlands ada lagikah?

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tidak payah, duduk. Yang Berhormat, saya tidak bagi kebenaran. Duduk.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Cameron Highlands sekarang *landslide*. Ada balik kawasankah?

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tak boleh. Yang Berhormat Seputeh tidak payah jawab. Yang Berhormat Seputeh, putihkan diri. Jangan batukan diri. *[Ketawa]*

Kita teruskan. Yang Berhormat daripada Klang telah menanyakan bahawa 40% atau 12 juta isi rumah rakyat Malaysia masih dibelenggu kemiskinan. Hal ini semakin meruncing dengan kenaikan inflasi dan harga rumah. Oleh itu, kerajaan perlu mengkaji punca sebenar masalah *income inequality* dengan izin dan mencari penyelesaian jangka panjang yang mengurangkan jurang pendapatan rakyat kaya dan miskin. Saya minta kepada Yang Berhormat daripada Klang untuk membaca *touch point* Bajet 2013 untuk mendapatkan butiran lanjut. Okey? Tidak payah saya banyak cerita ya.

Jurang pendapatan juga telah dibawa oleh Yang Berhormat daripada Machang dan juga Yang Berhormat Permatang Pauh. Perkara ini berkaitan dengan *Gini coefficient*, jurang perbezaan untuk kaya dan miskin. Berasaskan pendapatan isi rumah, kadar kemiskinan negara telah berkurangan daripada 5.7% pada tahun 2004 kepada 3.8% pada 2009. Pekali Gini juga telah berkurangan daripada 0.462 kepada 0.441 menggambarkan ketidakseimbangan keseluruhan iaitu *inequality* yang semakin bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, isu kerjasama awam swasta yang telah dibangkitkan oleh tiga orang Ahli Yang Berhormat yang ingin...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, jawapan *Gini coefficient* tidak ada orang yang faham. *What are you trying to explain?*

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Yang Berhormat, saya sanggup memberi kursus kepada Yang Berhormat lepas ini di luar Dewan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Bukan, sebab soalan yang kita bangkitkan tidak dijawab.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Yang Berhormat tanyalah apa yang dibangkitkan. Kalau kurang jelas tanya.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tadi...

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Jangan pula menuduh kata ini tidak betul. Tanya.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tidak, tidak. Saya kata tadi apa yang...

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Gini *coefficient* dia mahu perbezaan. *So, I gave in statistics.*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya, kita bangkitkan bahawa Malaysia...

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: *So*, kalau Yang Berhormat mahu...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: ...Gini *coefficient*...

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Nanti, nanti, nanti. Saya habiskan. *Let me explain.* Biar saya jelaskan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: ...Negara kita makin teruk. Kita ingin tahu apakah dasar kerajaan untuk membetulkan keadaan ini.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Yang Berhormat, saya jelaskan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Fenomena ini makin serius dan kita tidak dengar dari Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi apakah pendekatan, apakah dasar yang kita akan lakukan melalui bajet ini. Itu sahaja.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Akan tetapi tadi apa yang telah disebut langsung tidak menjawab soalan ini.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tidak, tidak. Soalan tidak tanya. Dia tanya apakah perbezaan Gini *coefficient*, pekali Gini. *That was a question.* Sekarang baru Yang Berhormat tanya penjelasan. *So*, saya jawablah. Tanya penjelasan. Apa pula menuduh-nuduh ini?

Seorang Ahli: Okey, jawab, jawab!

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Boleh ya? Terima kasih Yang Berhormat Batu. Soalan baru saya jawab. *So*, untuk mengurangkan perbezaan jurang pendapatan antara kaya miskin. Pertama, kerajaan telah meletakkan dasar ekonomi atau Program Transformasi Ekonomi dengan fokus kepada 12 sektor dan menjadikan negara bersasaran pada 2020 negara berpendapatan tinggi sebanyak RM48,000. Untuk itu kita pertama, memberi keupayaan kepada modal insan untuk menjana pendapatan dengan latihan pendidikan, peluang ekonomi dengan pelbagai cara contohnya AZAM, contohnya di dalam Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan sebagainya, TUKAR, banyaklah.

Selain daripada itu, kita juga sekarang melihat kepada pembangunan wilayah kerana fokus kepada kekayaan kepada Kuala Lumpur dan bandar-bandar besar. Maka ada Sabah, Sarawak,

Kelantan, Terengganu dan Kedah yang juga perlu dijaga dan dibelai dari segi pendapatan. Maka untuk itu pembangunan wilayah koridor telah diwujudkan di NCIA, ECER, Iskandar, SCORE dan juga SDC dengan harapan bahawa pembangunan juga dibawa kepada kawasan-kawasan ini. Untuk mengurangkan beban ringan orang berpendapatan rendah, bajet ini telah banyak meletakkan asasnya melalui BR1M, melalui menerapkan atau *absorb* kos pengangkutan kepada barang-barang *essential* di Sabah dan Sarawak yang banyak mempunyai kesan dan subsidi-subsidi yang penting dikekalkan supaya harga barangan tidak melambung. Ada banyak langkah. Terima kasih Yang Berhormat Batu kerana sabar mendengar. Saya teruskan.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Penjelasan, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Indera Mahkota Yang Berhormat.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Okey.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya agak berminat dalam sesi memberi penerangan ini sebab saya juga membangkitkan perkara yang hampir sama. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri kata cadangan untuk mewujudkan negara rakyatnya berpendapatan tinggi. Kita sokong, memang kita tunggu tapi Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menyebut syaratnya. Syarat untuk mencapai negara berpendapatan tinggi.

■1950

Itu perkara yang sekarang kita hadapi, dilema dia sebab dia mensyaratkan kena tiga tahun berturut-turut pertumbuhan 6%. Itu yang disebut berkali-kali kebimbangan. Pihak Bank Negara pun bimbang atas perkara yang digariskan itu takut tidak dicapai, tak apalah kita tahu yang pertumbuhan sekarang tak pernah lagi melepasi angka 5.8. Tak pernah, tak pernah sekali pun. Jadi syarat itu saya rasa patut juga Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut kita berusaha untuk mencapai tahap yang syarat dia kata 6% pertumbuhan. Selain daripada itu saya nak tanya, apakah pandangan Yang Berhormat atau bersetujukah Yang Berhormat dengan saya dengan RM251 bilion peruntukan tertinggi yang sebelum pada ini, RM230 bilion dan sebagainya, melepasi angka RM200 bilion setahun.

Sekurang-kurangnya untuk tiga tahun, sepatutnya kita telah pun mencapai negara rakyatnya berpendapatan tinggi sebab daripada segi logik peruntukan sebesar itu dengan rakyat 29 juta, seharusnya kita telah pun mencapai impak ataupun kumulatif negara berpendapatan tinggi, sepatutnya tetapi tidak berlaku sebab kita ada kekangan pertumbuhan. Ini saya rasa Yang Berhormat Menteri faham mengenai benda ini cuma nak bersetuju atau tidak itu terpulang pilihan Yang Berhormat Menteri. Satu lagi saya nak tanya, angka yang menteri portfolio yang sama dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pada tahun lepas saya ingat lagi, waktu yang sama juga tahun lepas, pihak menteri memberi perakuan terdapat kesilapan daripada segi statistik yang dikatakan dalam takrifan *income disparity* tadi dengan izin, dia sebut tahun lepas, dia sendiri membuat pembedaan.

Selepas dua minggu pembentangan belanjawan, dia membuat pembetulan. Dia kata ada angka RM293,000 lagi yang tertinggal, yang tercicir tidak dimasukkan dalam statistik kumpulan sasar iaitu kumpulan di bawah garis kemiskinan. Itu dia sebut dan dia minta supaya diambil kira jumlah itu pada tahun lepas. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri maksudkan jumlah RM 293,000 telah pun tiada ataupun diselesaikan. Terima kasih.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Indera Mahkota. Saya memang akur, setuju dengan apa yang dikatakan tadi bahawa 6% ini adalah unjuran kita tetapi kalau kita tengok penggal yang terakhir tahun lalu, kita 5.1% dan penggal pertama kita adalah 4.7%, puratanya 5.1%. Baik, ini kadang-kadang tak boleh kita terlalu jamin kerana gelora atau keadaan ekonomi dunia dan baru-baru ini kita menghadapi harga kelapa sawit yang semakin menurun. Maka kita tengah cari bagaimana kita nak mengharmonikan harga ini supaya dia punya penurunan itu tidak memberi kesan kepada institusi-institusi keusahawanan yang boleh menggugat kestabilan ekonomi negara. Maka ini adalah suatu yang di luar jangkaan ataupun kawalan kita, melibatkan penawaran dan permintaan. Suasana Amerika Syarikat, Eropah di mana *consumerization* semakin tertekan.

Maka dalam keadaan begini, *sustainability*, kemampuan kita untuk mencari *growth* GDP yang 5% hingga 6% adalah sasaran kita. Kita berdoa bahawa kita pada 2020 boleh sampai sasaran kerana ukuran yang kita gunakan untuk negara maju diambil daripada ukuran *World Bank* di mana dia kata mesti lebih kurang RM50,000. Kalau ukuran, kita tengok indeks kualiti hidup kita. Mungkin kita ada ukuran dan definisi kita sendiri. Itu soalan yang pertama. Soalan yang kedua ini...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya habiskan. Yang Berhormat Kuala Selangor boleh sabar? Okey, yang kedua tadi, dalam program ...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Sebelum yang kedua, boleh tak buat cadangan macam ini. Oleh kerana kita ada tersasar sedikit, boleh tak kerajaan atau kementerian Yang Berhormat buat pengumuman. Oleh kerana kita belum lagi mencapai tahap yang disyaratkan untuk mencapai negara berpendapatan tinggi pada tarikh yang tertentu atau *target* itu, kita anjakkan sikit sasaran itu. Mungkin kita lewat lima tahunkah ataupun kita mungkin ada sasaran lain. Boleh buat pengumuman? Terima kasih.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Yang Berhormat Indera Mahkota menarik saya ke dalam satu perbahasan untuk mencari kemenangan bukan berniat untuk menjanakan perjuangan negara. Maka saya tidak akan jatuhlah dalam perangkap yang telah ditaburkan. Maka saya habiskan, Yang Berhormat Kuala Selangor izinkan.

Maka kepada Yang Berhormat Indera Mahkota, beberapa golongan yang tidak boleh dimasukkan dalam e-Kasih kerana proses pendaftarannya mengambil permasalahan-permasalahan birokrasi. Diperkenalkan komputer di mana pendaftarannya boleh dibuat melalui *online* tetapi ada golongan yang tiada komputer. Kita memerlukan tenaga manusia di peringkat akar umbi untuk memasukkannya. Maka kohort 2008, kohort 2009, kohort 2010 dan kohort 2011

pada peringkat awalnya, fasa 1 sudah habis dibuat dan dimasukkan. Akan tetapi lebih 200,000 itu tetap akan dimasukkan kerana kita buat mesyuarat setiap bulan mengenai *updating*, mengemaskinikan data kerana tujuan dan niat kerajaan adalah membantu setiap yang layak. Wajib mesti bantu. Itulah denyutan Kerajaan Barisan Nasional.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. *Insyah-Allah* saya tidak akan mengheret Timbalan Menteri dalam satu perbalahan ataupun polemik yang begitu.

Saya sebenarnya tekun mendengar penjelasan yang dibuat oleh Timbalan Menteri yang saya kira rata-ratanya baik. Cumanya saya ingin dalam perbahasan, saya mengangkat isu ini juga di mana persoalan akhirnya adalah bukan sekadar hanya mendapat angka contohnya di sini adalah kita bercakap tentang GNI per kapita kerana kita tahu bahawa dalam angka itu berlaku *disparity* yang kesenjangan itu agak lebar dan terus melebar lalu Timbalan Menteri perlu juga memberi komentar apakah yang merupakan petualang-petualang besarnya? *What is the bottleneck* dengan izin, yang perlu digarap oleh kementerian atau kerajaan yang bertanggungjawab supaya persoalan pada akhirnya *just not wealth creation* dengan izin tetapi *wealth redistribution* itu berlaku. Angka satu hal tetapi ketika bila kita lihat kesenjangan *disparity income*, itu kita tak bercakap tentang *wealth disparity* lagi itu, kita hanya bercakap tentang *income disparity*.

Kalau saya boleh diizinkan menyebutkan bahawa *the greatest bottleneck is dimonopolistic rentiers system* itu. Timbalan Menteri baru tadi menyebutkan tentang CPO dan saya dalam perbahasan mengangkat isu ini. Satu dasar yang silap Kerajaan Barisan Nasional lakukan ketika kita bersaing dengan Indonesia, ketika Indonesia punya satu *tax* sistem yang cukup fleksibel, rendah daripada kita. Kita tinggi, *inflexible* dan di sementara itu Tuan Yang di-Pertua, kita memberikan bulan dahulunya disebut tiga *million metric ton* CPO diberikan kepada beberapa pihak.

Saya baru ini memahami bahawa bukan sahaja mahu *dismantle* itu tetapi ditambah pula dua *million metric ton* yang akhirnya saya juga difahamkan bahawa penerima-penerima *duty free* CPO, *selling of* CPO ini adalah juga kepada mereka yang nama-namanya tidak boleh didedahkan kerana ia adalah dilindungi di bawah Akta Rahsia Rasmi. Timbalan Menteri, inilah dia akhirnya dalam kesimpulannya *monopolistic rentiers system* dalam banyak hal, bukan sahaja CPO ini. Dalam gula, dalam tepung, dalam telekomunikasi, semuanya yang kalaulah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ringkaskan ya.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Okey, ringkasnya dapat kita *dismantle monopolistic rentiers system* ini, saya yakin persoalan mengagihkan balik kekayaan negara itu tatkala kita lakukan dan jana kekayaan, mampu kita lakukan *growth wealth distribution* barulah kita boleh capai GNI per kapita dengan lebih baik lagi. Terima kasih Timbalan Menteri, tolong jelaskan.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih. Mengenai konsep *bottleneck*, mengenai *disparity and distribution*. Saya setuju Yang Berhormat. Mana-mana *economic planning*

dan juga *national development plan* mesti meletakkan *disparity* dan juga *distribution as the focal group. Focal point for human development*. Itu saya akui dan kedua, kalau kita tengok pertama, Model Ekonomi Baru pada asasnya, akar umbinya dengan izin *addresses this problem* di mana dua perkara yang utama telah diletakkan sebagai denyutan perjuangan ini adalah *rent-seeking and mid base and merit*.

■ 2000

Maka, kalau kita tengok perubahan dan pengislafan, *reform* yang telah dibawa oleh kerajaan adalah dalam hal ini, dasar. Keduanya, dalam bajet baru ini, *the distribution* yang dikatakan tadi bukan hanya dari segi *monetary, income based* tetapi dari segi pelbagai sokongan yang bakal diberi kepada orang yang memerlukan ini, dalam industri, dalam individu, dalam keluarga. Maka, kalau kita lihat, kita fokus kepada kesihatan, perumahan, pendidikan, pembangunan komuniti, kos sara hidup, kelestarian bekalan makanan, penyokong dan pelaburan PKS dan juga keajiranan yang selamat. Kita bagi satu holistik hidup yang dapat memberi kesan ini. Sekiranya Yang Berhormat rasa bahawa ada penyalahgunaan, ada saluran-salurannya, boleh kita laporkan kerana kerajaan memberi ruang *legislative* dan *judiciary* untuk Yang Berhormat melakukan langkah-langkah sewajarnya. Baik, saya teruskan Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sedikit sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri. Satu minit sahaja. Kalau diizinkan Tuan Yang di-Pertua, saya suka retorik Yang Berhormat Timbalan Menteri ini. Bukanlah retorik, maknanya ulasan.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, kalau dia cakap retorik, saya tidak bagi dia bangun. Duduk sahaja Yang Berhormat!

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya suka ulasan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: *This is not rhetoric!*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Okey, okey saya tarik balik.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: *This is something I explained! That is not rhetoric! You withdraw!*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya tarik balik! Okey, okey saya terima. Pokoknya yang saya hendak dengar, di samping bahasa-bahasa yang cantik itu, kalau tidak retorik namanya, adalah...

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Lagi sekali Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya tarik balik. Kalau itu pun tidak boleh terima...

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Dia hendak cari bertengkar ini! Balik-balik bertengkar lagi. Bertikam lidah!

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Okey. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu...

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Hendak bertikam lidah saya sanggup!

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya ingin tahu Tuan Yang di-Pertua, secara konkritnya, bersediaakah Yang Berhormat Timbalan Menteri dan kementerian *dismantle bottleneck* yang saya sebutkan tadi. Sama ada dengan mendayakan satu, akta persaingan. Keduanya, menggubal apa yang dikatakan sebagai *anti-trust law* seperti di negara-negara Eropah di mana monopolistik yang saya sebutkan itulah petualang besarnya dan *finally*, satu suruhanjaya untuk mengkaji seluruhnya *unfair contracts* yang diberikan kepada pemilik *concessionaires* dalam utiliti yang seluruhnya sebenarnya, akhirnya membawa kepada pembolotan kekayaan dan menafikan rakyat untuk mengecapi *wealth* yang dijana tadi. *Creation* tidak berakhir dengan *wealth redistribution*. Terima kasih.

Ini kerana dibolot kekayaan itu. Jadi, tidak ada makna GNI per kapita kerana masih lagi kesenjangan kekayaan ataupun *income* itu- kerana sistemnya *rentiers*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Janganlah marah.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, saya menerima hujah-hujah dengan hati yang terbuka. Kenapa pula gunakan bahasa retorik. *It's not good sir*. Mencabar keutuhan intelektualisme Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: *No*, kerana niat itu buruk. Juga kerana Yang Berhormat datang dari sebuah parti yang mendukung perjuangan. Baik, saya akan jawab soalan ini. Bila beberapa perkara dibuat, *concession* dan sebagainya, ia dibuat pada zaman di mana kita memerlukan dana. Di mana negara sedang maju dan kita telah masuk ke dalam perjanjian-perjanjian ini dengan adanya *technical expertise* dan juga kemampuan kewangan.

Maka, perjanjian itu kita kena hormat kerana kita adalah terikat kepada perjanjian antarabangsa. Salah satu sebab ada beberapa negara di mana pelabur tidak mahu masuk kerana dia tahu perjanjiannya tidak akan dikotakan. Maka, kerajaan sekarang cuba untuk meleraikan beberapa yang dirasakan membebankan rakyat. *We are trying sir*. Kita tengah cuba dengan seikhlas-ikhlasnya bantu. *But*, kita bukan *perfect*. Saya tidak kata kita *perfect*. *So*, kalau sekiranya ada niat di pihak sebelah sana untuk menubuhkan satu suruhanjaya, *come and tell us*. Datang beri cadangan. *Join in our.....* . Betul atau tidak?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Maka, bagilah cadangan. Jangan hendak menuding jari, hendak tembak sahaja. Jangan jadi Clint Eastwood, 'The Fistful of Dollars'. Baik saya teruskan. Yang Berhormat...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Boleh sedikit?

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: *Okay sir!*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga Tuan Yang di-Pertua.

Saya dengar tadi Yang Berhormat Menteri jawab seolah-olah *defensive answer* kepada cabaran daripada sebelah sana iaitu kita sekarang sedang dalam proses kalau boleh kerajaan hendak buat sendiri semua. Dengan izin, *is this realistic?* Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *it is impossible for the government to do everything* sebab kalau kita hendak memacu pembangunan negara dan rakyat kita perlu *capital*. Kita perlu modal, wang dan ada projek-projek yang kerajaan tidak mampu membiayainya. *So*, demi untuk memberikan perkhidmatan kepada rakyat, *the alternative is*, dengan izin, kita kena pergi *privatization*. Begitu negara barat yang maju sekali pun pada hari ini. Dia sudah menerima dan melaksanakan polisi *privatization*. *Privatization*, maksudnya *concession*. Kita lantik satu pemaju untuk melaksanakan projek seperti *highway*, *utilities* dan sebagainya. Ini untuk kepentingan rakyat. Kalau kita tidak laksanakan kerana kita tidak mampu, kita tidak mahu, akhirnya rakyat juga yang menerima nasib yang tidak baik daripada sikap kita yang pasif dan anti pembangunan.

Jadi, bagaimana Yang Berhormat Menteri boleh—saya hendak bertanya. Semata-mata kita hendak menjawab daripada pihak sana, kita kata kerajaan akan buat semua nanti. Tidak payah lagi *concession*, *privatization*, *everything*. *Can you do it?* Dengan izin.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Maka, sudah tersendiri terjawab Yang Berhormat ya, bahawa denyutan Wawasan 2020, transformasi kita adalah 92% ekonomi negara akan dijana oleh sektor swasta. Hanya 8% akan dimudahcarakan oleh kerajaan.

Tujuan kerajaan adalah memudahkan. *We must facilitate the private sector to develop the economy*. Maka, kalau kita hendak *facilitate* atau memudahkan, kita mesti bagi ruang untuk mereka terlibat. Kalau mereka bawa duit, mereka juga mahu cari untung dan bersamanya kita tengok apakah nilai tambahnya. Contohnya *technicality*, modal insannya dan sebagainya. Itu sebab projek Pengerang contohnya. *Nearly RM120 billion*. Nanti saya akan jawab perkara ini. Saya amat setuju dengan apa yang dikatakan.

Terima kasih dan kita teruskan kerana kita tidak ada masa.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Yang Berhormat, boleh tidak?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: 30 saat.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya memperingatkan kita semua Yang Berhormat. Kita ada 25 kementerian. Kementerian Perdana Menteri adalah paling banyak Menteri.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Minta tolong *30 seconds* sahaja.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *30 seconds* sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya masih bercakap Yang Berhormat. Duduk, tunggu dululah.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Peraturan kena ikut juga. Hendak memperingatkan. Satu hari kita sudah jawab hanya dua kementerian. Itu pun, *insya-Allah* kalau kita boleh habis pukul 9.30 malam nanti dengan Kementerian Perdana Menteri ini. Jadi, sila Yang Berhormat. Soalan yang tidak dibangkit dalam perbahasan awal, tidak payah dibangkitkan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Ya, saya bangkitkan soalan itu.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Memang saya fokus kepada soalan-soalan begitu.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Hendak bagi atau tidak? *30 second. I'll ask you the question.*

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tidak payahlah.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya setuju dengan...

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Ada banyak *you* akan tanya nanti.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tidak. Saya sudah tanya soalan itu dalam perbahasan sebab itu saya bangkitkan. Saya bersetuju sangat kalaulah pacuan itu dibuat oleh pihak swasta. Akan tetapi pada setiap kali projek-projek besar mega itu disebutkan pada pertamanya, ianya dikatakan sebagai pihak swasta. Pada akhirnya, kita dapat lihat bahawa ianya digalas oleh kerajaan. *Again it is about government's spending. Again it is about pump priming.* Contohnya, MRT itu sendiri. Contohnya *it is about..[Disampuk]*. Indah Water itu sudah jauh. Baru-baru ini.

Jadi, pada akhirnya, semuanya sama ada LRT mahupun MRT disebutkan pada awalnya—oh ya TRX. KLIFD (*Kuala Lumpur International Financial District*). Sekarang ini TRX. Dulunya ketika pertama-tama disebut sebagai pihak swasta.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Yang Berhormat tanya soalan Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Akan tetapi pada akhirnya *it is government's spending.*

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: *You* tengah memberi retorik sekarang. *You are explaining. You are talking.* Ceramah di luar. Dalam *YouTube* kah mana. Di sini tanya soalan.

■2010

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Bukan, saya hendak, saya hendak Yang Timbalan Menteri jelaskan kenapa..

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, minta supaya Yang Berhormat tanya soalan. Kalau tidak, duduk sahaja saya sambung. Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Itu soalnya Yang Berhormat Timbalan Menteri, hendak jawab tidak?

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk teruskan perbahasan ataupun jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, yang pertama Yang Berhormat, saya hendak perjelaskan Peraturan Mesyuarat 37 Yang

Berhormat. Apabila Yang Berhormat bercakap, *the floor is only yours* Yang Berhormat. Kalau tak bagi itu, dia tak boleh bangkit. Saya hanya bagi kebenaran kalau Yang Berhormat bagi.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih. Yang Berhormat Bagan dan Yang Berhormat Maran telah menyentuh mengenai konsesi lebuhraya. Penghapusan tol di Lebuhraya PLUS bagi mengurangkan beban rakyat miskin dan kaitan tol PLUS dengan Bursa Malaysia. Manakala Yang Berhormat Puchong telah membandingkan penghapusan tol EDL dan tiada penghapusan tol di Puchong. Kerajaan yang bertanggungjawab adalah kerajaan yang terus menghormati terma dan perjanjian-perjanjian, syarat perjanjian konsesi.

Ini bertujuan untuk memberi isyarat jelas dan keyakinan kepada pelabur bahawa kerajaan akan memenuhi setiap obligasi yang telah dibuat dalam semua perjanjian yang ditandatangani seperti yang saya katakan tadi. Sebagai contoh, kerajaan telah bersetuju dengan cadangan penstrukturan semula kadar tol. Kadar tol ditetapkan lebih rendah oleh MTD Group Berhad sebelum ini dan melibatkan Lebuhraya KL-Karak. Lebuhraya Pantai Timur, fasa 1 dan penghapusan tol Lebuhraya Hubungan Timur-Barat di Cheras.

Begitu juga penstrukturan semula kadar tol bagi lebuhraya yang dimiliki oleh PLUS Expressway Bhd. yang melibatkan lima konsesi lebuhraya di mana kadar tol telah distrukturkan semula supaya lebih rendah daripada kadar tol asal termasuk kadar tol ditetapkan pada kadar rata iaitu tiada kenaikan kadar tol sehingga tempoh tamat konsesi bagi Jambatan Pulau Pinang. Berhubung kaitan penghapusan tol dengan pasaran modal, kajian telah dilaksanakan pada tahun 2009 di mana projek-projek lebuhraya mewakili RM18.8 bilion pasaran ekuiti di Bursa Malaysia. Selain itu projek-projek lebuhraya juga mewakili RM38.6 bilion *corporate bon* dengan izin iaitu bersamaan dengan 22% daripada jumlah keseluruhan *corporate bon*. Sekiranya semua ini ditebus semula ia akan melibatkan pengurangan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, pengurangan RM18.8 bilion pasaran ekuiti dan RM38.6 bilion *corporate bon* dalam industri kewangan dan pasaran modal negara.

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu tenaga juga telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Parlimen ataupun Yang Berhormat. Isu Petronas telah dibawa oleh Yang Berhormat Machang dan Yang Berhormat Kuala Selangor. Yang Berhormat ingin tahu benarkah Petronas memberi jaminan keuntungan kepada syarikat yang mendapat *License Risk Service Contract* (RSC) walaupun syarikat tersebut tidak memenuhi tahap pengeluaran yang ditetapkan dan mencadangkan agar *marginal fields* di bawah Petronas tidak diberikan kepada syarikat-syarikat besar seperti Sapura Crest, Kencana dan Dialog Group. Secara amnya *Risk Service Contract* (RSC) satu konsep baru. Berbeza sedikit jika dibandingkan dengan *Production Sharing Contract* (PSC) di mana pihak kontraktor dalam RSC tidak bertindak sebagai rakan kongsi, *its not a partner* dengan izin, tetapi sebagai pihak yang memberi perkhidmatan, atau *service provider*.

Di bawah kontraktor RSC, pihak kontraktor akan dibayar *remuneration fee*, dengan izin sebagai bayaran untuk perkhidmatan yang dilaksanakan. Kadar *remuneration fee* ini amat bergantung pada prestasi yang diukur melalui *Key Performance Indicators* (KPI). KPI ini termasuk

kadar pengeluaran yang telah ditetapkan memenuhi tarif permulaan pengeluaran dan juga kadar kos sebenar. Jika pihak kontraktor gagal memenuhi tahap pengeluaran yang ditetapkan selain dari memberi kesan kepada *remuneration fee*, ini juga akan mungkin menjejaskan pembayaran kembali kos pembangunan yang didahulukan oleh pihak kontraktor kecuali kegagalan tersebut adalah disebabkan oleh masalah *subsurface*...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: [Bangun]

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Ada sedikit lagi, saya jawab ya. Nanti saya bagi kebenaran Yang Berhormat.

Bidang *marginal field* ini merupakan bidang yang memerlukan kepakaran khusus atau *niche expertise*, dengan izin. Tidak semua syarikat minyak dan gas di dunia memiliki kepakaran khusus yang mampu untuk membangunkan *marginal field* yang amat mencabar. Oleh itu konsep *Risk Service Contract* (RSC) ini diwujudkan di mana syarikat antarabangsa yang memiliki kepakaran tersebut menubuhkan sebuah konsortium dengan syarikat-syarikat tempatan di mana ia bertujuan untuk membina keupayaan syarikat-syarikat tempatan dalam bidang yang mencabar ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Indera Mahkota.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ya, saya hendak bertanya soalan yang ringkas sahaja Tuan Yang di-Pertua. Dalam perbahasan saya, ada saya bangkitkan berkenaan dengan pertanyaan sama ada kerajaan punya rancangan untuk mengeluarkan laporan penilaian terhadap dasar-dasar yang lalu seperti Yang Berhormat sebut tadi dasar yang terangkum dalam Dasar Penswastaaan, Dasar Pandang Ke Timur, Dasar Persyarikatan Malaysia. Itu antara dasar-dasar yang besar yang diuar-uarkan dahulu telah pun terlaksana sehingga sekarang. Ada antara dasar itu Tuan Yang di-Pertua dipanjangkan sekarang seperti Dasar Pandang Ke Timur diumumkan semula, dipanjangkan untuk 10 tahun lagi. Jadi ada atau tidak kerajaan bercadang untuk mengeluarkan laporan penilaian terhadap dasar-dasar tersebut, sekali gus apa yang diumumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi sebenarnya terangkum dalam dasar-dasar itu Terima kasih.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Okey, terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Saya akan syorkan tetapi konsep Dasar Pandang Ke Timur yang diuar-uarkan baru-baru ini banyak melihat kepada nilai *workers* ataupun rakyat dia kerana nilai-nilai ini merupakan ukuran utama dalam produktiviti dan juga *esprit de corps*, atau semangat kekitaan dalam *output*. Maka mungkin itu yang menjadi fokus berbanding dengan dahulu dari segi inovasi R&D. Banyak melibatkan keupayaan sendiri. Maka, saya memang boleh setuju dan saya akan majukan perkara ini kepada pihak atasan. Okey, teruskan Yang Berhormat Bakri.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di sini saya hendak tanya, berapakah medan minyak yang sudah beroperasi pada tahun 2010 dan bilangan medan minyak yang akan mula beroperasi dari tahun 2010 sehingga kini? Berapakah syarikat yang berorientasikan minyak dan gas diluluskan dan dibawa permohonan untuk...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Ini perkara baru ini.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Diniaga dari tahun 2010 ke...

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan-soalan baru, tidak ada dalam perbahasaan yang telah diketengahkan. Maka saya sambung menjawab...

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Tidak, sebab hari itu dalam ucapan saya tak sempat bertanya.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya teruskan dengan jawapan-jawapan...

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Yang Berhormat Menteri, yang hari itu saya tak sempat dalam ucapan saya.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: *Sorry*, minta maaf Yang Berhormat Bakri dan saya tidak membenarkan Yang Berhormat Kuala Selangor, saya, tak layan soalanlah. *Sorry* ya kerana banyak benda hendak tanya. Yang Berhormat Tawau...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Timbalan menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebutkan Kuala Selangor, soalan-soalan yang saya bangkitkan dalam perbahasaan saya.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tak payah,tak payah, saya hendak teruskan. Bagi peluang kepada yang lain Yang Berhormat. Baik...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Soalan itu saya tanya, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut Kuala Selangor.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Yang Berhormat daripada Tawau, mengenai isu Petronas. Menyarankan agar latihan berkenaan industri minyak dan gas diberikan kepada rakyat Sabah. Petronas telah pun menjalankan pelbagai kegiatan...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Timbalan menteri, *gentleman* lah sikit.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Latihan dan pendidikan yang bertujuan untuk menyiapkan warga Sabah yang berkelayakan untuk berkecimpung dalam industri minyak dan gas.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh tulis jawapan. *Can you write, can you write?*

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, saya tak memberi laluan. Saya habiskan. Antaranya termasuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Antaranya termasuklah penubuhan *Kimanis Petroleum Training Centre* di mana 49 orang pelatih terdiri daripada warga Sabah sedang mengikuti kursus teknikal yang begitu khusus. Selain itu Petronas juga turut bekerjasama dengan institusi-institusi latihan dan kemahiran di Sabah seperti Kolej Yayasan Sabah, IKM Kota Kinabalu, ILP Kota Kinabalu, Giat Mara Kimanis dan ILTP Papar bagi menjalankan program-program latihan dan kursus teknikal. Selain daripada itu, Petronas juga menjana pelajar-pelajar Sabah untuk

mengikuti kursus-kursus relevan dalam industri minyak dan gas dalam Institut Teknologi Petroleum Petronas (INSTEP) dan juga Universiti Teknologi Petronas.

Yang Berhormat daripada Shah Alam, Yang Berhormat Machang, Yang Berhormat Lembah Pantai dan Yang Berhormat Beaufort mencadangkan syarikat cari gali dan pemrosesan minyak milik kerajaan negeri ditubuhkan untuk tujuan pengeluaran minyak dan keuntungan sepenuhnya milik negeri pengeluar. Industri minyak dan gas hulu merupakan sebuah industri amat mencabar, terlalu teknikal dan memerlukan keupayaan kewangan yang kukuh dan kepakaran yang terlalu tinggi.

Petronas sentiasa mengalu-alukan semua syarikat termasuk syarikat tempatan, syarikat negeri yang berkecenderungan untuk turut serta menceburi bidang penerokaan minyak. Walau bagaimanapun semua syarikat yang ingin turut serta haruslah menepati kriteria yang telah ditetapkan mengikut apa yang saya telah katakan tadi iaitu dari segi teknikal, kewangan, keupayaan dan juga mempunyai daya saing. Selain daripada itu Yang Berhormat daripada Sabah, Yang Berhormat Beaufort menyarankan agar royalti 20% diberi kepada negeri Sabah.

■2020

Peruntukan mengenai bayaran hasil petroleum kepada Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri adalah terkandung dalam perjanjian perkongsian pengeluaran atau *production sharing contract (PSC)* yang ditandatangani antara Petronas dengan rakan PSC seperti Shell, ExxonMobil dan sebagainya.

Sehubungan itu, sebarang tindakan untuk meminda kadar hasil petroleum perlu dirundingkan semula antara Petronas dan rakan PSC berkenaan. Memandangkan kontrak PSC berkuat kuasa untuk satu tempoh tertentu, sebarang langkah untuk memindanya lebih-lebih lagi untuk menaikkan kadarnya, dikhuatiri akan menghakis minat dan keyakinan syarikat minyak asing untuk bergiat dalam industri hulu petroleum yang melibatkan aktiviti penerokaan, cari gali dan pengeluaran minyak dan gas di negara ini. Sungguhpun kadar hasil petroleum kepada kerajaan-kerajaan negeri berkaitan hanya 5%, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan pembangunan yang besar kepada negeri-negeri terbabit jauh melebihi hasil yang diterima daripada bayaran hasil petroleum.

Untuk Rancangan Malaysia Kesembilan dan Rancangan Malaysia Kesepuluh, negeri Sabah merupakan antara negeri yang tertinggi menerima peruntukan pembangunan. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, sebanyak RM20.31 bilion telah diperuntukkan kepada negeri Sabah. Angka-angka lain turut menunjukkan bahawa peruntukan pembangunan *rolling plan* satu dan *rolling plan* dua untuk Rancangan Malaysia Kesepuluh menampakkan peruntukan berbilion-bilion untuk pembangunan negeri-negeri ini.

Yang Berhormat dari Klang membawa isu nuklear iaitu berkaitan dengan pentauliahan kajian kebolehlaksanaan pembinaan loji tenaga nuklear dan bertanyakan berapakah reaktor yang dicadangkan untuk dibina dan teknologi nuklear negara manakah yang Kerajaan Malaysia ingin guna pakai dan adakah satu analisis kos dan faedah menyeluruh telah dilakukan dalam sektor ini

dan akhirnya adakah rundingan awam diwajibkan dalam Pelan Pembangunan Infrastruktur Tenaga Nuklear.

Jumlah bajet yang telah diluluskan...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Dato' Devamany a/l S. Krishansamy: Saya habiskan jawab, nanti tanya, boleh ya?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih.

Dato' Devamany a/l S. Krishansamy: Saya bagi peluang. Sekarang sudah tenang. Terima kasih.

Jumlah bajet yang telah diluluskan untuk siri kajian mengenai tenaga nuklear bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh adalah RM100 juta tidak termasuk kos operasi Perbadanan Kuasa Nuklear Malaysia (MNPC) yang berjumlah RM22.5 juta. Status kajian ini – ini satu kajian sahaja, belum ada keputusan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menegaskan di sini bahawa seluruh dunia, negara-negara sedang membuat kajian mengenai *alternative energy* di mana kita selalu mengharapkan kepada petroleum dan juga sumber-sumber tenaga yang lain. Maka ini adalah satu langkah yang dibuat oleh banyak negara lain dan Malaysia juga ingin membuat kajian ini. Kajian menyeluruh kesediaan perundangan dan kawal seliaan nuklear negara sedang dilaksanakan dan dijangkakan siap pada tahun 2013. Ini nombor satu, perundangan dan kawal selia.

Kajian kemungkinan, *feasibility study*, termasuk penyediaan Pelan Pembangunan Infrastruktur Tenaga Nuklear atau dengan izin, *Nuclear Power Infrastructure Development Plan* dan kajian pemilihan tapak loji jana kuasa nuklear masih dalam peringkat persediaan untuk dilaksanakan. Masih di peringkat persediaan. Program penyebaran maklumat mengenai penggunaan tenaga nuklear untuk kesemua pihak berkepentingan atau *stakeholders*, dengan izin, termasuk tinjauan komprehensif, pendapat umum mengenainya belum dimulakan. Kajian untuk mengenal pasti dan menubuhkan *special purpose vehicle* bagi memiliki dan mengendalikan loji jana kuasa nuklear sedang diteliti secara amnya. Maka segala ini menunjukkan bahawa persiapan untuk penjana kuasa tenaga nuklear ini adalah di peringkat yang begitu awal sekali.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ada tiga soalan khusus yang saya bangkitkan dalam perbincangan tentang RSC ini, *risk service contract* itu, dan secara khususnya yang pertama adalah persoalan berapakah *daily list rate* yang dibayar oleh, seperti contohnya Petrofac, SapuraKencana kepada Petronas? Ini kerana saya mendengar jumlahnya adalah lebih kurang USD300,000 sehari. Berbeza dengan kalau kita *benchmark* dengan *international practice* yang lain yang hanya sekitar paling tinggi pun USD200,000. Jadi kalau kita ambil perhitungannya, kalau begitulah perbezaannya sebanyak USD100,000 sehari, maka persoalan besarnya adalah kerana perkara itu akan dibayar kembali oleh Petronas. Maknanya *again, at the end of the day, a tax payer's money paying*. Jadi kalau saya ambil perhitungan yang mudahnya, *it would be round about USD36.5 million setahun and for ten*

years, it would be round about RM1 billion. Jadi itu perkara yang perlu dijawab oleh kementerian kerana sudah ada tanggapan bahawa RSC ini sudah menjadi satu *renter system*.

Soalan kedua saya ialah apakah kriteria secara *transparent evaluation and selection criteria for RSC*? Kami di pihak sini menyebutkan tentang keterlibatan syarikat-syarikat kerajaan negeri supaya di sana walaupun sebagai minoriti *shareholders* pada akhirnya ada sedikit ekuiti *involvement* dan sekali gus membangunkan kebolehan kerajaan negeri. Jadi itu pun satu perkara yang akan dapat menggarap persoalan *disparity income and wealth*.

Akhir sekali saya bertanya tentang *vendor development of Petronas* dari sudut ini. Ketiga-tiga tidak dijawab oleh kementerian dan Timbalan Menteri khususnya. Tolong beri sedikit pencerahan.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Devamany a/l S. Krishansamy: Saya habiskan. Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan yang pertama itu, angka-angkanya saya tidak ada di sini. Saya akan bekalkan secara bertulis. Kriteria *evaluation process* memang ada dia punya kriteria yang ketat dan mungkin sekali gus dengan *vendor process*, segala-galanya memang Petronas dan juga industri ini memerlukan pembangunan vendor kerana industri ini cukup besar dan memerlukan industri-industri hiliran untuk membantu. Maka segala ini saya akan dapat bagi secara bertulis kepada Yang Berhormat nanti. Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada sebut tentang *nuclear power plant*. Saya juga dalam perbahasan saya ada bangkit tentang selepas *disaster* Fukushima, negara Jepun sudah merancang mereka akan *phase out nuclear power plant* pada tahun 2040. Negara yang mempunyai banyak *nuclear plant* seperti Jerman pun juga menjadualkan untuk menutup dia punya semua *nuclear power plant*. Saya minta satu penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengapa Malaysia masih ingin teruskan dengan projek ini dan tidak ambil keputusan untuk membatalkan projek ini dan untuk mencari *source* yang lain seperti hidro atau yang lain? Terima kasih.

Dato' Devamany a/l S. Krishansamy: Baik, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat, tolong balik dan memeriksa balik *fact* yang dikatakan di Jepun. Walaupun pada awalnya mereka hendak *phase out* tetapi baru-baru ini ada juga cadangan untuk *sustain* kerana mereka tertekan dari segi tenaga. Kalau dia batalkan, tiba-tiba mereka akan mengadakan satu *energy crisis*. Maka saya minta supaya mengesahkan pendirian dan juga langkah-langkah yang telah dibuat oleh kerajaan berkenaan.

Apakah sebabnya kita masih mempunyai dasar ini? Kita tidak harus melepaskan segala dan terus berkata oleh kerana ada krisis di tempat lain. Mungkin akan ada satu ketika di mana teknologi yang begitu canggih di mana *nuclear energy that can be harness in the most safest possible way* kerana teknologi ini begitu canggih. Dia akan berubah dan penemuan-penemuan baru, *discovery* baru boleh tercipta. Maka saya telah katakan tadi, ini di peringkat awal. *We are*

ready. We prepare ourselves first. So cadangan untuk melakukannya, kita akan lihat kebarangkaliannya, *possibilitynya*. Yang Berhormat, saya minta supaya saya sambung.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Sedikit tambahan Tuan Yang di-Pertua, jika dibenarkan. Negara Jerman kita sedia maklum bahawa begitu berteknologi tinggi, mereka masih dengan jadual untuk menutup dia punya *power plant*. Mengapa kita tidak tunggu sampai dikatakan ada teknologi baru yang begitu selamat untuk kita. Saya ingat kita belanjakan wang ini dengan sesuatu, *something we do not sure yet*, dengan izin.

■2030

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Ya baik. Saya rasa niat Yang Berhormat itu baiklah saya menyambut dengan baik tetapi kita tidak boleh tunggu kerana proses pembangunan kita begitu pesat. *Their energy needed* keperluan tenaga kita *4% to 5% per annum*. Bayangkan katakan projek-projek yang kita buat sekarang ini, tiba-tiba kalau ada masalah, semua akan terbantut. *So* kita tidak boleh menunggu...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Cuma saya rasa bahawa hala tuju, alternatif *energy* sedang diusahakan sekarang adalah satu alternatif yang perlu kita cari, hala tuju dengan teknologi baru, usaha baru dan sebagainya. Itu sudah pun diusahakan oleh kerajaan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Okey, sedikit sahaja. Saya agak saya mengetepikan isu nuklear, sokong nuklear atau tidak tetapi ini, saya ingin tanya sama ada kontradiksi atau tidak, baru sahaja kita luluskan *Renewable Energy Act* dan kita ingin menggalakkan *source* yang lain supaya orang *invest* dalam *high tech, green technology*. Akan tetapi kalau kerajaan telah juga *invest* dalam *option* nuklear ini, seolah-olah kita bagi signal kerana nuklear ini *suddenly* kita akan pergi. *Investment* untuk *alternative energy* ini orang akan jadi sangat ragu-ragu kerana apabila mereka sudah ada mencapai sesuatu *source* yang baru, akhirnya kerana kita telah memilih *option* nuklear ini mereka kata sia-sia. Tidak gunalah mereka melabur dalam *research*, dalam *renewable energy* ini. Saya agak signal ini sangat penting, kalau kita bagi signal yang salah, orang tidak akan masuk untuk membantu *research* dalam *renewable energy*.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Batu. Saya terima pakailah cadangan bahawa *alternative energy* ini harus menjadi fokus kita tetapi kita belum memasuki projek lagi. Kita membuat persiapan kajian untuk kita menghadapi sebarang dugaan.

Yang Berhormat Pengerang dan juga Yang Berhormat Kubang Kerian telah membawa isu Rapid. Yang Berhormat mencadangkan supaya kerajaan memberi keutamaan kepada penduduk setempat dan generasi baru FELDA dalam pembinaan projek dan kontrak, projek Rapid di Pengerang. Beliau seterusnya menyarankan agar anak-anak tempatan di Pengerang diberi latihan dalam industri-industri yang berkaitan dengan projek Rapid. Beliau juga menyarankan agar orang tempatan yang tidak dilayan seperti *second class citizen*, dengan izin. Beliau juga menyarankan

supaya kajian oleh pihak kerajaan terhadap kesan pembangunan projek Rapid diadakan terhadap rakyat tempatan.

Pihak *Johor Petroleum Development Corporation* atau JPDC bersama beberapa kementerian dan juga agensi-agensi kerajaan termasuk *Iskandar Regional Development Authorities* (IRDA) telah mengadakan pelbagai rundingan untuk mewujudkan kerjasama strategik dengan institusi-institusi latihan teknikal dan kemahiran untuk melahirkan warga kerja yang berkemahiran tinggi, profesional dan komited untuk mengisi peluang pekerjaan dalam industri minyak dan gas di Pengerang.

Antara inisiatif yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan dengan Petronas, JPDC dengan Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama SIRIM dalam *welding* dan *advance welding* dengan *American Welding Society*, CIDB melalui Akademik Binaan Malaysia Cawangan Selatan, berkaitan dengan minyak dan gas, kerjasama Kolej Komuniti Bandar Penawar dalam kursus keusahawanan dan perniagaan. Bagi generasi baru FELDA maka pihak JPDC telah mengadakan perbincangan awal tentang penglibatan warga FELDA terutamanya generasi belia FELDA dalam industri minyak dan gas di Pengerang.

Maka Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu lokasi terminal minyak laut dalam dialog itu dipilih oleh kerana kedudukan yang terletak berhampiran laluan dagangan utama industri minyak dan gas. Kedudukan terminal minyak ini juga mempunyai kedalaman air semula jadi *24 meters*, dengan izin yang sesuai bagi membolehkan kapal-kapal besar, *very large crude carrier* (VLCC) and *ultra large crude carrier* (ULCC) dengan izin, di bawa masuk berlabuh di Pengerang.

Di samping itu lokasi terminal minyak ini terlindung daripada angin monsun dan juga keadaan laut bergelora. Sumber bekalan minyak bakal diimport masuk melalui terminal laut dalam dialog yang merupakan kunci utama dalam membawa masuk minyak mentah untuk kilang penapisan. Di dalam dialog, pedalaman banyak sektor-sektor ataupun zon pembangunan petrokimia akan diwujudkan kerana kita sedang sekarang mengeksport *crude oil* dan orang import dia buat bahan-bahan *downstream* seperti baju, komponen plastik dan sebagainya dan kita beli. Salah satu revolusi dalam petrol, gas dan minyak ini adalah revolusi industri petrokimia yang begitu berpotensi.

Sekarang Singapura beli kita punya minyak, dia buat itu, dia jual balik kepada kita. So inilah revolusi yang kita buat *high tech* macam sama dengan *financial centre* kita. So itulah harapan kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, lagi panjang Yang Berhormat?

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Ya saya habiskan Tuan Yang di-Pertua. Sedikit sahaja lagi, dua tiga isu sahaja.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar dengan teliti hujah Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang JPDC yang mengadakan kajian Kementerian Belia untuk mempersiapkan belia-belia kita dalam bidang-bidang

oil dan gas ini dan juga menjadikan hab petrokimia. Itu semua saya setuju, tidak ada masalah. Persoalan yang saya bangkitkan dalam perbahasan adalah kenapa tujuh atau lapan kampung tradisi yang hendak diambil.

Yang Berhormat berhujah laut yang teduh, kawasan lindungan, kedalaman air, sedangkan daripada kampung-kampung yang diambil itu ke tanah kerajaan di sempadan kampung Sungai Kapal itu hanya lebih kurang 6, 7 kilometer sahaja. Di sana ada tanah kerajaan yang luas. Jadi isunya kenapa boleh, bangun pembangunan itu kita tidak tolak tetapi kenapa isunya kampung tradisi itu yang dipilih dan sekali diambil kampung-kampung itu tidak ada lagi dalam peta di dunia ini. Itu persoalan saya tanya kenapa kampung itu diambil, Johor negeri besar bukan macam negeri Perlis atau Melaka, tanah kerajaan masih luas, kenapa kampung itu hendak diambil. Itu persoalan saya.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Yang Berhormat. Baik, apabila berlakunya satu pembangunan yang sebesar ini, 21,000 ekar terlibat. Maka terpaksa beberapa kampung itu direlokasikan. Ini adalah satu lumrah yang kita terima dan yang penting itu adakah kita prihatin kepada golongan nelayan, golongan penduduk di kampung itu. Itu jadi isunya. Adakah satu projek yang begitu besar raksasanya perlu dibuat dengan penderitaan rakyat jelata, tidak ada.

Itu sebabnya pelbagai proses rundingan telah dilakukan dengan penuh sabar untuk mendengar rintihan dan mencari jalan yang paling baik untuk kita menempatkan mereka kepada susunan perkampungan yang lebih teratur. Maka kerajaan negeri sendiri pertama memberi pampasan mengikut Akta Pengambilan Tanah 1960 kepada kediaman-kediaman itu dan tanah-tanah yang telah diambil itu mengikut kadar wang tunai dengan nilai sedia ada melalui akta yang diperuntukkan.

Kedua pemberian nilai tambahan kepada orang yang terlibat dalam pertanian dua ekar. Rumahnya enam kaki, 6,000 kaki persegi diberi dan pampasan wang yang diberi RM30,000 itu, kemudian diberi empat jenis rumah yang boleh dibeli oleh rakyat dengan meletakkan duit ini sebagai duit asal. Kalau dia tidak ada duit RM30,000 pun sudah boleh buat rumah dia dengan tiga bilik dan dua bilik mandi. Maka telah diaturkan. Kalau ada kemampuan, mereka boleh beli rumah yang lebih mahal. Ada empat jenis kategori, maka kerajaan telah fikir sebaik-baiknya dan isu kubur, berkaitan dengan kubur itu telah diadakan mesyuarat, rundingan dengan pihak saudara-saudara Muslimin kita dan rundingan sedang dilakukan untuk saudara-saudara orang Cina untuk pastikan bahawa kesejahteraan mereka tidak terganggu.

Kita berdoa bahawa satu hari nanti apabila adanya industri ini yang begitu besar, mega ini, gaji mereka akan dilipat gandakan dengan adanya peluang-peluang perniagaan, pekerjaan dan juga peluang-peluang lain, industri hiliran. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sambung.

■ 2040

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Yang Berhormat seminit, seminit lagi. Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat saya ingat, saya ingat Yang Berhormat.

Dato' Devamany a/l S.Krishnasamy: Tidak payahlah saya habiskan Tuan Yang di-Pertua ada sedikit sahaja, kerana sudah, minta maaf.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Tidak ada lagi *chance*, ini *last*, hanya satu *last* daripada saya.

Dato' Devamany a/l S.Krishnasamy: *Last* ya tidak ada lepas ini saya teruskan.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Okey, okey kalau Yang Berhormat berhujah kerajaan perlu 21,000 hektar tanah Ahli Yang Berhormat sudah pergi belum daripada Sungai Kapal itu sampai ke sempadan Desaru dengan tidak menjejaskan Pantai Desaru. Berapa luas kawasan itu? Daripada Sungai Kapal sampai Tanjung Belungkor ada lagi tanah kerajaan kenapa hendak diambil kampung itu? Itu isunya. Kita terima pembangunan, kita terima apa yang hendak dibuat. Kenapa kampung itu hendak diambil? Sedangkan kerajaan negeri ada tanah yang luas.

Dato' Devamany a/l S.Krishnasamy: Okey saya sudah faham.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Adakah Yang Berhormat kena buat satu

...

Dato' Devamany a/l S.Krishnasamy: Yang Berhormat saya jawab, saya jawab saya jawab.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Kajian-kajian yang menyeluruh tentang kampung itu. Jangan hendak ambil sahaja.

Dato' Devamany a/l S.Krishnasamy: Saya jawab Yang Berhormat. Saya jawab Yang Berhormat duduk. Baik Tuan Yang di-Pertua saya terus jawab sahaja lepas ini saya tidak melayan mana-mana soalan ya. Sedikit sahaja ada. Pertama ini ada lima kohort pembangunan yang dibuat oleh seluruh Pengerang. Kalau kita lihat Petronas lepas itu dialog lepas itu ada potensi *investor* yang lagi satu. Baik yang pertama itu RM60 bilion, yang kedua itu RM5 bilion hingga RM10 bilion, yang ketiga itu RM30 bilion dan satu lagi RM24 bilion. Maka ada lima aturan ini. Industri ini industri yang perlu jagaan keselamatan yang rapi. Kalau di tengah-tengahnya ada perkampungan, mungkin dia akan membawa kepada isu keselamatan dan juga logistik yang lain. Itu sebabnya kita tempatkan mereka di satu tempat yang lebih selamat untuk kependudukan...

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Itu jelas Yang Berhormat...

Dato' Devamany a/l S.Krishnasamy: Cukup. Tuan Yang di-Pertua saya tidak layan soalan saya terus jawab.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Yang Berhormat tidak turun tidak padang.

Dato' Devamany a/l S.Krishnasamy: Isu-isu yang berkaitan dengan pembangunan sumber manusia...

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Yang Berhormat tidak turun padang.

Dato' Devamany a/l S.Krishnasamy: ...Telah dibawa oleh...

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Yang Berhormat tidak tengok kampung itu.

Dato' Devamany a/l S.Krishnasamy: Minta maaf Yang Berhormat saya hendak habiskan ya.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Hujah itu tidak betul.

Dato' Devamany a/l S.Krishnasamy: Sedikit sahaja minta maaf.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Tidak, sudah pergikah belum?

Dato' Devamany a/l S.Krishnasamy: Jumpa saya secara peribadi.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Belum pergi.

Dato' Devamany a/l S.Krishnasamy: Baik isu pengangguran.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Jadi ini Menteri yang tidak bertanggungjawab.

Dato' Devamany a/l S.Krishnasamy: Yang Berhormat Ipoh Barat telah membawa isu pengangguran.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: *You* tidak ada *responsibility you* hendak ambil hak orang kampung.

Dato' Devamany a/l S.Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua jangan marah Yang Berhormat, Yang Berhormat sabar Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Dia tidak pergi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tidak Yang Berhormat bukan soalan Yang Berhormat.

Dato' Devamany a/l S.Krishnasamy: Yang Berhormat okeylah saya jawablah jumpa saya.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: *You* tidak tengok tanah.

Dato' Devamany a/l S.Krishnasamy: Jumpa saya.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: *You* tidak tengok pelan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kubang Kerian ini tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Devamany a/l S.Krishnasamy: Banyak saya bagi tahu, *see me after, see me after*, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: *I* ada plan.

Dato' Devamany a/l S.Krishnasamy: Yang Berhormat baik kita teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Menteri tidak bertanggungjawab.

Dato' Devamany a/l S.Krishnasamy: Saya pegang *floor*, saya pegang *floor*. Duduk, duduk, duduk.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: *You* kena pergi *you* kena tengok.

Dato' Devamany a/l S.Krishnasamy: Tidak apa duduk, duduk.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: *You* Menteri.

Dato' Devamany a/l S.Krishnasamy: Sudah, sudah, sudah.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: *You* kena tengok kena tengok pelan itu.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Peraturan mana ini, peraturan mana? Peraturan, peraturan.

Dato' Devamany a/l S.Krishnasamy: Sudah tengok sudah tengok.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Tengok tanah kerajaan ukur tanah kerajaan, tengok pelan besar.

Dato' Devamany a/l S.Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Dia tidak ada *feasibility study* tidak ada.

Dato' Devamany a/l S.Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua saya sambung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Yang Berhormat Kubang Kerian minta tolong Yang Berhormat.

Dato' Devamany a/l S.Krishnasamy: Yang Berhormat Ipoh Barat membawa isu pengangguran berkaitan dengan sumber manusia. Kebenaran perangkaan kadar pengangguran 3% negara ini memandangkan statistik pengangguran di Amerika Syarikat menunjukkan kadar sehingga 8%.

Saya ulangi kadar pengangguran di Malaysia pada suku tahun yang kedua 2012 adalah 3%. Kadar pengangguran pada tahun-tahun sebelumnya ialah 3.3% pada 2010 dan 3.1% pada 2011. Kadar pengangguran Malaysia yang dilaporkan adalah daripada penyiasatan tenaga buruh yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Penyiasatan dilaksanakan mengikut piawaian yang ditetapkan oleh badan antarabangsa iaitu *International Labour Organization (ILO)* melalui *manual on concept and methods of service of economically active population employment, unemployment and under employment*, dengan izin. Ini yang diguna pakai oleh kebanyakan negara.

Ada Yang Berhormat daripada Pandan dan juga daripada Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Kepong tidur itu. Yang Berhormat mencadangkan kerajaan merumuskan dasar dan peraturan sebelum program *outreach* dijalankan kerana terdapat beberapa isu berbangkit yang menyukarkan program ini seperti jurang perbezaan gaji antara Malaysia dan pasaran antarabangsa, juga masalah kesukaran pasangan hidup yang bukan warganegara untuk mendapatkan pekerjaan di Malaysia.

Selain itu, beliau menyarankan supaya kerajaan menangani kerumitan yang dialami dalam menarik bakat ke Malaysia. Antara usaha kerajaan untuk menarik bakat ke Malaysia di luar negara secara aktif adalah melalui pelaksanaan inisiatif temu seru, *outreach* dengan izin, antarabangsa dan yang antara lain bertujuan untuk mempromosikan Program Kepulangan Pakar (*Returning Expert Program*). Program Temu-Seru dilaksanakan berteraskan dua matlamat. Pertama untuk memberi pendedahan berkenaan peluang pekerjaan di Malaysia di bawah pelaksanaan GTP dan ETP. Kedua bekerjasama melalui sumbangan *knowledge sharing* dengan izin, dari luar negara.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Dato' Devamany a/l S.Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat daripada Sekijang. Sedikit sahaja lagi hanya satu sahaja lagi Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat dari Sekijang ingin tahu adakah program-program inovasi yang dilancarkan telah tercapai sepenuhnya? Beliau juga ingin tahu keperincian bajet RM15 juta yang diperuntukkan untuk Agensi Inovasi Malaysia untuk menyemarakkan inovasi. Setakat September 2012 berapakah banyak produk inovasi telah terhasil? Baik, Agensi Inovasi Malaysia (AIM) telah menjalankan pelbagai aktiviti dan program selaras dengan tugas dan fungsi AIM.

Aktiviti dan program tersebut termasuk pelancaran strategi, inovasi nasional, strategi biomas nasional, peluang perniagaan inovasi (*innovation business opportunity*), projek i-Think, Program Pemikiran Inovatif di peringkat sekolah, Ekspo Inovasi Malaysia 2012 dan bancian harta intelek. Program dan aktiviti masih berterusan mengikut jadual yang ditetapkan. Untuk makluman Yang Berhormat tadi RM15 juta adalah tujuan untuk belanja Pengurusan bukan untuk belanja Pembangunan. Maka AIM juga sedang membantu pihak-pihak yang berkaitan yang kini berada di peringkat akhir perbincangan dalam inovasi mereka untuk tujuan pengkomersilan produk berinovasi yang mempunyai potensi pulangan berjumlah RM706 juta.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam dan memberi mengemukakan pandangan. Saya mohon maaf sekiranya saya...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Dato' Devamany a/l S.Krishnasamy: Oh! Okey

Beberapa Ahli: Baru bangun tidur.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua banyak bising sangat yang melanggar peraturan. Saya ada bangkitkan mengenai TalentCorp apa yang disebutkan temu seru. Bolehkah Yang Berhormat bagi kita tahu bilangan yang benar-benar kembali ke negara ini? Benar-benar kembali ke negara ini dan kalau seorang misalnya kardiologi pakar jantung di Melbourne, baru-baru ini pergi ke Melbourne dalam TalentCorp. Kalau seorang pakar jantung di Melbourne hendak kembali ke sini untuk menjadi pakar di Malaysia, apakah Yang Berhormat boleh cadangkan macam mana dia boleh kembali ke sini dan dapat kerja? Adakah Yang Berhormat tahu ada jawatan di mana, di hospital mana? Hospital GLC, Khazanah adakah jawatan dan sebagainya? Ini kita hendak tahu kerana ini temu seru dan seru dengan ikut hati sahaja dan retoriknya tidak betullah itu. Bagi tahu saya satu angka bilangan yang kembali.

Dato' Devamany a/l S.Krishnasamy: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kepong. Baik bilangan yang balik jumlah permohonan yang diterima pada 2012 seramai 1,087 orang dan dari segi jumlah itu yang diluluskan adalah 691 orang dan yang ditolak adalah 322 orang, yang telah ditangguh untuk siasatan selanjutnya 31 orang. Maka jumlahnya adalah seperti mana yang dikatakan tadi, maka Yang Berhormat sudah puas hati. Kedua, bagaimana orang *cardiologist* boleh balik ke Malaysia?

Tolong dia suruh jumpa saya ataupun Yang Berhormat boleh jumpa saya kerana proses permohonannya panjang. Dia akan melibatkan borang, melalui *virtual* lepas itu ada dokumen-dokumen yang diperlukan. Di manakah beliau boleh kerja? Kami telah mengadakan tahun lalu kami pergi ke... [Disampuk] Berjumpa dengan 28 orang doktor-doktor pakar dari Malaysia. Kita telah menawarkan mengikut kepakaran. Dato' Seri Liow Tiong Lai pun ikut sama. Mereka telah mengadakan perundingan secara peribadi dan setiap mereka mempunyai tahap kepakaran yang berbeza-beza.

Jadi, mereka boleh datang dan memberitahu ini kepakaran ini fokus dan ini pula diseraskan dengan keperluan kita dan mereka akan ditempatkan. Jadi, ada ruang terima kasih bukan retorik. Ini betul punya cerita. Lena sudah.

■2050

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat. Walau bagaimanapun isu-isu yang tidak dapat dirangkumkan dalam ulasan dan juga jawapan akan kita mengambil perhatian dan juga mengambil kira dalam proses-proses pembangunan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

8.50 mlm.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, FELDA menyambut baik cadangan Yang Berhormat Jempol, supaya Kolej Yayasan FELDA di FELDA Jaya Serting di naiktaraf menjadi universiti FELDA. Kita juga turut mengambil maklum cadangan Yang Berhormat Silam, agar diwujudkan universiti FELDA di kawasan Parlimen Silam yang berasaskan kepada penyelidikan dan pembangunan.

FELDA memiliki Pusat Bioteknologi di Nilai dan Pusat Penyelidikan Pertanian Tun Abdul Razak di Tekam, Pahang. FELDA juga mempunyai empat Kolej Yayasan FELDA iaitu di Kelana Jaya, Mempaga, Trolak dan Raja Alias. Jumlah pelajar ialah seramai 564 orang untuk pelbagai kursus jangka pendek dalam bidang hospitaliti, pramusaji, multimedia, kulinari dan pakaian. Selain itu, FELDA melaksanakan latihan kemahiran dengan pelbagai institusi dengan purata melibatkan 5,000 generasi FELDA setiap tahun. Namun, setakat ini belum ada keputusan muktamad untuk FELDA mewujudkan sebuah universiti dan cadangan masih dalam peringkat perbincangan.

Yang Berhormat Jempol, mencadangkan agar diwujudkan penubuhan pekan dan penempatan baru FELDA untuk generasi baru peneroka bagi menyediakan peluang perniagaan seperti bengkel dan kedai runcit untuk anak generasi FELDA menjana pendapatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat tiga buah FELDA Jaya iaitu di Mempaga, Trolak dan Raja Alias dan Bandar Tun Razak, Jengka yang turut merangkumi penempatan, penyediaan tapak

perniagaan termasuk pembangunan infrastruktur asas. Tentunya sekaligus dapat membantu menjana ekonomi di kalangan warga FELDA, khususnya bagi generasi baru.

Cadangan Yang Berhormat Pengerang, agar diwujudkan Bandar Baru FELDA di Pengerang hasil kerjasama FELDA dengan Program Perumahan Rakyat 1Malaysia untuk membangunkan perumahan baru untuk generasi baru diambil perhatian. Kerajaan juga menyambut baik cadangan Yang Berhormat Pengerang supaya generasi baru FELDA turut diberi peluang terlibat dengan Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan dan Petrokimia (RAPID) di Pengerang.

Perbincangan awal di antara Kementerian Belia dan Sukan telah pun dijalankan pada 13 September 2012 yang lalu bertempat di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Bandar Penawar, Kota Tinggi, Johor. Keputusan yang diperoleh adalah perbincangan di antara Petronas, IKBN dan FELDA akan dijalankan setelah persetujuan bersama dicapai di antara Petronas dan IKBN. Dalam tempoh tersebut, tumpuan akan diberikan kepada latihan kemahiran bersesuaian yang akan dikendalikan oleh IKBN. Kita berharap generasi baru dari kalangan warga FELDA, khususnya di kawasan Pengerang dan sekitarnya akan mengambil peluang serta manfaat daripada pelaksanaan projek RAPID ini.

Mengenai permasalahan gangguan bekalan air yang diutarakan oleh Yang Berhormat Kuala Krau di kawasan FELDA Parlimen Kuala Krau, pelaksanaan Projek Bekalan Air Pahang mengandungi empat fasa dan telah dimulakan oleh FELDA mulai tahun 2006. Fasa 1 telah pun siap sepenuhnya pada tahun 2008 melibatkan pembinaan 12 buah loji dan penggantian 324 kilometer paip membabitkan peruntukan berjumlah RM193.6 juta. Projek ini turut melibatkan daerah Temerloh termasuklah kawasan Kuala Krau membabitkan kos RM14.7 juta.

Manakala saranan Yang Berhormat Kuala Krau agar usaha-usaha menggantikan paip lama ini dibuat dengan segera dipandang dengan serius oleh kerajaan. Fasa 2 projek ini telah pun bermula pada tahun 2009 dan telahpun sepenuhnya siap pada tahun 2011. Fasa ini merupakan kesinambungan daripada projek Fasa 1 membabitkan penggantian paip utama dan retikulasi bagi daerah Bera, Kuantan dan Raub. Projek ini melibatkan kos sebanyak RM23.5 juta. Fasa 3, RM10.5 juta pula bermula pada tahun 2010 dan telah pun siap pada tahun ini.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Kuala Krau agar FELDA dapat memberi peruntukan RM200 juta bagi mengatasi masalah air ini juga diambil perhatian. FELDA telah pun mendahulukan pembiayaan berjumlah RM400 juta dan akan dibayar balik oleh Kerajaan Persekutuan dalam *Rolling Plan* ke-3 RMK10. Semua aset bekalan air FELDA yang telah dinaiktaraf diserahkan pada pihak berkuasa air negeri ataupun operator air negeri. Yang Berhormat Kuala Krau mencadangkan agar FELDA mencari kawasan luas yang baru untuk pembinaan rumah generasi peneroka. Untuk makluman, FELDA akan menyiapkan projek perumahan generasi baru sebanyak 20,000 unit untuk tempoh lima tahun di atas tanah seluas 5,000 ekar dalam kawasan FELDA membabitkan belanja sebanyak RM1.5 bilion.

Cadangan ini ialah untuk membantu menyelesaikan sebahagian isu perumahan generasi baru FELDA di banyak kawasan rancangan yang telah pun diumumkan oleh Perdana Menteri semasa membentangkan Bajet 2013. Pihak pengurusan FELDA sedang mengenal pasti syarikat-syarikat yang berkelayakan untuk menjalankan usaha sama bagi kerja-kerja pembinaan rumah mengikut kaedah rumah pasang siap. Sekiranya harga-harga yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat berkenaan bersesuaian, FELDA akan melaksana pembinaan rumah secara berperingkat-peringkat.

Sementara itu rundingan dengan pihak berkuasa negeri masih dalam perbincangan untuk kelulusan geran hak milik lot-lot rumah yang akan diberi kepada generasi FELDA. FELDA telah pun melaksanakan sepuluh pembinaan perumahan untuk warga FELDA melalui projek Perumahan Warga FELDA (PWF) sejak tahun 2004 lagi dan enam dalam perancangan akhir. Ini dilaksanakan sebagai usaha membantu generasi peneroka memiliki rumah dengan sempurna berdasarkan konsep mampu milik.

Mengenai permohonan Yang Berhormat Hulu Selangor agar Kampung Sungai Buaya yang mana satu masa dahulu di bawah skim FELDA juga diberi pertimbangan dalam Skim Perumahan Kawasan FELDA. Pada 2 Februari 1985, FELDA Sungai Buaya secara rasminya telah dibatalkan warta daripada Akta Tanah Kawasan Penempatan Berkelompok 1960 kerana dicadangkan pada ketika itu untuk dibangunkan sebagai kawasan pembangunan bercampur. Mengenai pembinaan perumahan kawasan FELDA, permohonan tersebut tidak dapat dilaksanakan memandangkan Sungai Buaya bukan lagi diurus tadbir oleh FELDA. Namun begitu, pertimbangan boleh dilakukan di bawah Program Kasih FELDA bagi membaik pulih rumah di kawasan kampung tradisional berhampiran FELDA dengan kos maksimum RM5,000 bagi sebuah rumah. Projek tersebut telah dilaksanakan bermula tahun ini dan akan membabitkan seluruh negara.

Yang Berhormat Kalabakan, mencadangkan agar FELDA dapat memberikan ganjaran yang tertentu kepada peneroka kampung Murut walaupun tidak menerima penuh durian runtuh RM15,000.00 iaitu satu per tiga daripada amaun yang diterima oleh peneroka lain. Pengumuman durian runtuh bersempena dengan penyenaian penuh FELDA Global Ventures Holdings (FGV) diberikan khusus kepada peneroka-peneroka rancangan tanah yang diurus di bawah Akta Tanah. Di Kalabakan terdapat seramai 235 orang kaum Murut yang menjadi peserta rancangan di ladang yang diuruskan oleh FGV berdasarkan 14 ekar seorang melalui sistem perkongsian keuntungan hasil ladang.

Oleh kerana kaum Murut ditakrifkan sebagai peserta rancangan dan bukannya peneroka FELDA serta mendapat hasil daripada perkongsian keuntungan hasil ladang, maka pemberian durian runtuh adalah tidak melibatkan mereka. Pada masa ini, kaum Murut menerima agihan keuntungan ladang yang dibayar oleh FELDA melalui Pembangunan Murut Kalabakan Berhad pada setiap tahun sejak 1998 lagi. Namun begitu, kerajaan sedia memberi pertimbangan di bawah Program Kasih FELDA bagi membaik pulih 235 rumah kaum Murut itu.

Yang Berhormat Tuan ingin tahu jika kawasan FELDA di Sabah terlibat dengan penyenaian FELDA Global Ventures. Yang Berhormat juga membangkitkan isu geran tanah yang dijanjikan akan diberi pada peneroka FELDA di Sabah. Tanah yang terlibat dengan sewa jangka panjang untuk penyenaian FGV merupakan tanah ladang milik FELDA yang diurus tadbir oleh FELDA Plantation. Mulai 1 Januari 2012, sejumlah 70,398 hektar di Umas, Sabah dan Sahabat telah disewa jangka panjang oleh FGV.

Berkenaan dengan isu geran di FELDA Umas, kerja-kerja penyediaan hak milik peneroka iaitu melalui *Memorandum of Transfer* telah pun ditandatangani oleh Pengurusan Tertinggi FELDA. Urusan selanjutnya ialah untuk menyerahkan dokumen pemilikan hak milik kepada penolong penguat hasil tanah Tawau, Jabatan Tanah dan Ukur Sabah dan dijangka dilaksanakan pada minggu kedua November tahun ini. Ini membabitkan sejumlah 779 orang peneroka di Umas. Bagi peneroka di FELDA Sahabat, kerja-kerja mengukur lot ladang dan kampung sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada tahun 2013.

■2100

Ini membabitkan seramai 830 peneroka di Sahabat. Pada masa yang sama pihak FELDA masih menunggu kelulusan pendaftaran geran tanah oleh Jabatan Tanah dan Ukur Sabah yang terlibat. Urusan dokumen pemilikan hak milik akan diuruskan selepas geran tersebut didaftarkan oleh Jabatan Tanah dan Ukur Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ampang membangkitkan permasalahan pemandu teksi yang menerima TR1MA ataupun Teksi Rakyat 1Malaysia yang mengalami masalah mendapatkan panel pembayaran tayar dan masalah bekalan tayar yang sentiasa habis. Yang Berhormat mencadangkan agar kerajaan mengambil pendekatan memberikan terus permit-permit kepada pemandu teksi. Permasalahan mendapatkan panel tayar dan pemberian tayar hanya berlaku di peringkat awal pelaksanaan TR1MA. Sambutan yang menggalakkan dari pemandu teksi dari peringkat awal ditambah dengan masalah operasi pengeluaran tayar memberi sedikit kesan kepada bekalan tayar terutamanya pengedar *Goodyear* yang menjadi pilihan utama kepada 90% pemandu teksi seluruh negara. Pada masa kini permasalahan tersebut tidaklah begitu serius melainkan di panel-panel tayar yang popular di kalangan pemandu teksi. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengumumkan pemberian permit-permit terus kepada pemandu teksi.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Mencelah sedikit.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: SPAD kini sedang dalam usaha merealisasikan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui pembentukan model perniagaan teksi yang baru bagi menjamin kebajikan dan kesejahteraan pemandu-pemandu teksi. Anggaran permit individu yang akan diberikan ialah sekitar 7,000 permit. Sila.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Timbalan Menteri memberikan satu jawapan mengenai apakah angka tertunggak penerima-penerima TR1MA daripada kalangan pemandu teksi yang belum terima lagi tayar-tayar yang telah dijanjikan itu?

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Saya juga ada soalan mengenai TR1MA. Saya sebenarnya apabila Perdana Menteri mengumumkan mengenai Skim Teksi Rakyat 1Malaysia (TR1MA) ini saya agak gembira, sehingga datang seorang pemandu teksi ke pejabat saya untuk memohon bantuan. Dia menceritakan bahawa dia pemandu teksi namun dia tidak dapat tayar ini dan apa-apa pun kerana dia tidak mempunyai, tidak dapat permit teksi itu secara terus. Dia membawa teksi orang dan dia telah membawa teksi berbelas tahun tetapi masih tidak dapat permit teksi. Jadi ia tidak memberi manfaat kepada pemandu teksi, tuan teksi itu yang mungkin mendapatnya.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang bertanya. Saya ingin memaklumkan di sini bahawa baucar tayar itu yang bernilai RM520 dalam bentuk dua baucar iaitu RM260 sekeping boleh ditukarkan dalam masa enam bulan. Oleh kerana itu mereka tidak perlu untuk menukarkan baucar tersebut secara tergesa-gesa, ada masa lagi. Untuk Sabah dan Sarawak, kemungkinan kita akan menambah masanya menjadi setahun, bukan enam bulan, jadi ada masa yang panjang.

Mengenai bukan teksi sendiri, sebagaimana saya sebut tadi, pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita dalam proses untuk mengemaskinikan kaedah-kaedah dan syarat-syarat untuk memberikan 7,000 hingga 7,500 permit teksi persendirian. Ini belum lagi kita buka. Apabila kita buka, kita tahu akan banyak permintaan dan kita sedang menyediakan mekanisme untuk melaksanakan perkara tersebut.

Yang Berhormat Simpang Renggam mencadangkan agar pengangkutan awam dibina selaras dengan pembangunan Projek Perumahan Rakyat PR1MA untuk mengatasi masalah pengangkutan awam. Kerajaan sedang menggubal Dasar Nasional untuk pengangkutan awam darat. Salah satu langkah yang sedang dikaji ialah menyatupadukan secara lebih berkesan, perancangan guna tanah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dengan perancangan pengangkutan awam di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Cadangan Yang Berhormat adalah selaras dengan hasrat draf Dasar Pengangkutan Awam Negara dan akan diambil kira dalam penggubalan garis panduan terperinci kelak.

Yang Berhormat Hulu Selangor mencadangkan agar kerajaan mewujudkan skim insurans perlindungan kemalangan kepada pengusaha bas sekolah. SPAD sedang berbincang dengan beberapa syarikat insurans bagi mengenal pasti kos dan mekanisme yang terbaik dalam memperkenalkan skim insurans perlindungan kemalangan kepada bas-bas sekolah. Ini adalah antara inisiatif yang sedang dikaji oleh SPAD dalam menambah baik industri bas sekolah.

Yang Berhormat Kuantan mencadangkan satu *cost effective study* dan *feasibility study* dengan izin. dijalankan untuk menangani masalah pengangkutan awam di Kuantan. *Feasibility study* telah dijalankan oleh SPAD bersama-sama dengan kerajaan negeri dan pengusaha-pengusaha bas di Kuantan. Hasil dari pengkajian mendapati jumlah laluan beroperasi yang berkurangan dan terdapat laluan yang tiada perkhidmatan. Pengusaha-pengusaha bas yang sedia ada masih lagi tidak mampu untuk menambah laluan operasi yang tidak aktif dan laluan baru

walaupun dana sementara bas henti-henti telah pun disalurkan. Daripada pengkajian tersebut, SPAD berpendapat bahawa kemasukan Rapid Kuantan mulai Disember tahun ini adalah salah satu jalan yang terbaik untuk menangani masalah pengangkutan awam di Kuantan.

Yang Berhormat Ipoh Barat membangkitkan mengapa Malaysia masih menggunakan sistem *railway* lama jika dibandingkan dengan negara China yang menggunakan *fast train*. Sistem Kereta api Malaysia (KTMB) telah wujud hampir 125 tahun yang lalu dengan menggunakan landasan *meter gauge*, jarak antara dua *rail* ialah 1,000 milimeter. Jarak keseluruhan jaringan landasan KTMB berjumlah lebih kurang 1,660 kilometer. Jaringan tersebut turut menggabungkan, menghubungkan Sistem Kereta api Malaysia dengan Thailand. Hasrat untuk menggunakan *fast train* hanya boleh diwujudkan dengan penggunaan landasan jenis *standard gauge*, jarak antara dua *rail* ialah 1,435 milimeter. Pelaburan yang tinggi diperlukan untuk menukar keseluruhan landasan KTMB selain semua stok kereta lokomotif dan wagon juga perlu menggunakan sistem *standard gauge* untuk projek sistem kereta api baru, ERL, LRT, MRT, sistem landasan jenis *standard gauge* telah diguna pakai.

Yang Berhormat Ipoh Barat menyatakan yang harga tiket kereta api mahal dan jadual perjalanan tidak dijalankan secara sistematik. Pada masa ini, KTMB mempunyai tiga jenis perkhidmatan *train* iaitu KTMB antara bandar, KTMB komuter dan *Electric Train Services* (ETS). Harga tiket kereta api masih lagi murah jika dibandingkan dengan mode pengangkutan yang lain. Sebagai contoh, tambang perjalanan sehala KTM komuter di antara stesen Kuala Lumpur Sentral ke stesen Angkasapuri sejauh 4km adalah RM1 berbanding tambang Putra LRT dari stesen Abdullah Hukum ke stesen Pasar Seni dengan jarak yang sama adalah RM1.60. Begitu juga perbandingan KTM komuter dengan MRT Singapura pada jarak 4km dari stesen Woodlands ke stesen Kranji adalah pada kadar tambang RM2.60, kita cuma RM1.

Selain itu, contoh bagi tambang kelas kedua perkhidmatan KTM antara bandar dari stesen Kuala Lumpur Sentral ke stesen Woodlands sejauh 650km adalah RM34 berbanding tambang bas pada destinasi yang sama adalah RM46 dan teksi RM320. KTMB juga ada memberikan diskaun kepada harga tiket untuk OKU, warga emas dan kanak-kanak. Selain itu, berdasarkan Bajet 2013 yang diumumkan oleh kerajaan, diskaun sebanyak 50% ke atas harga tiket perkhidmatan KTM komuter akan diberikan kepada penumpang warganegara Malaysia yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan.

Mengenai persoalan gangguan ke atas jadual perjalanan, ini adalah disebabkan oleh kegagalan *train* dan infrastruktur kereta api berfungsi dengan baik pada satu-satu masa yang akan menyebabkan jadual asal perjalanan *train* terjejas. Namun pihak KTMB sentiasa memastikan penumpang sentiasa maklum akan gangguan dan kelewatan perjalanan *train* melalui pengumuman di stesen dan laman sesawang KTMB. Tuan Yang di-Pertua...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Silakan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Berkenaan caj perkhidmatan ETS, saya percaya apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat, harga tiket yang mahal adalah menggunakan perkhidmatan ETS. Saya merayu semula sebab saya banyak kali telah membangkitkan perkara ini agar pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam ini melihat semula kadar yang dikenakan oleh ETS.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini perkhidmatan ETS dari Ipoh ke Kuala Lumpur Sentral ini mendapat sambutan. Pada pendapat saya ia sangat baik lebih-lebih lagi pada hari Jumaat dan hari minggu. Akan tetapi kadar yang dikenakan kalau ia mengikut jangka masa perjalanan, ada tiket waktu tertentu RM45, RM35, RM25, mereka yang tidak berkemampuan terpaksa mengambil tiket RM25. Kadang-kadang terutamanya saya katakan sambutan yang baik pada hari minggu, ianya kehabisan dan terpaksa mengambil tiket yang mengenakan caj RM35.

■2110

Kalau baru-baru ini KTM boleh melancarkan menjadi ahli KTM iCard dengan bayaran RM20 dan dengan kad ini boleh diberi diskaun apabila membeli tiket KTM, saya rasa tiada masalah pihak KTM untuk menurunkan harga perkhidmatan ETS khususnya. Saya pohonlah. Kalau sekeluarga yang mempunyai dua orang anak, seorang nenek dan seorang ibu, empat orang ulang-alik sudah lebih RM100 perlu dibelanjakan. Saya pohonlah Yang Berhormat pertimbangkan semula.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Turunkan harga ETS kalau betul-betul hendak meringankan beban pengguna pengangkutan awam dan menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam. Pohon Yang Berhormat.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, panjang lagi Yang Berhormat?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ada dua tiga muka surat sahaja lagi. Antara bandar KL-Ipoh, kelas pertama RM42; kelas kedua, RM18; kelas ekonomi. RM10. Jarak kilometer, 207 kilometer, masa tiga jam setengah. Akan tetapi kalau kita naik bas, tambangnya RM18, kelas ekonomi KL-Ipoh, RM10.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat, saya kata ETS, ETS.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: ETS? Okey. Saya akan bagi jawapan kemudianlah. Ini yang ada di hadapan saya perbandingan KL-Ipoh rel antara bandar kita jauh lebih murah daripada bas. Bas RM18 tapi rel RM10. Tentang ETS itu saya akan jawab kemudian.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya ambil kesempatan ini boleh?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ada tiga muka surat lagi Tuan Yang di-Pertua, tiga muka surat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Satu perkara.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Kalau tidak diganggu lagi, dalam masa lima minit habis.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Perhatian, satu perkara sahaja. Buat masa ini Jabatan Kebajikan Masyarakat – Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ada di sini tapi saya ambil peluang juga bangkit sebab ini di bawah bidang kuasa Yang Berhormat. Buat masa ini waran kereta api yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada mereka yang tidak berkemampuan, waran KTM tersebut hanya boleh diguna pakai untuk kereta api lama KTM dan ia tidak menerima atau memberikan waran untuk ETS tersebut. Saya harap suruhanjaya boleh menerima pakai waran bagi orang yang telah dikeluarkan waran untuk ETS tersebut. Pohon ya.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih. Cadangan itu kita akan ambil ingatan dan tindakan. Tuan Yang di-Pertua, ada tiga muka surat lagi. Lima minit selesai.

Kerajaan menyambut baik saranan Yang Berhormat Langkawi agar jabatan berkaitan maritim dapat menentukan zon-zon larangan supaya dapat dijaga dan tidak berlaku pencerobohan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, zon maritim Malaysia ertinya perairan dalaman ataupun *internal waters* dengan izin, laut wilayah, pelantar benua, zon ekonomi eksklusif dan perairan perikanan Malaysia dan termasuk ruang udara di atas zon itu. Zon Maritim Malaysia merupakan zon larangan terhadap perbuatan jenayah yang melanggar mana-mana akta yang berkuat kuasa. APMM sentiasa mengawal pantai dan perairan zon maritim Malaysia secara berterusan 24 jam sehari menggunakan aset-aset yang ada seperti radar, sistem pengawasan laut, SWASLA, pesawat kapal terbang, helikopter, kapal, bot serta anggota yang ditempatkan di lokasi-lokasi strategik di kawasan *hot spot*.

Pada masa ini, APMM beroperasi dengan pengisian perjawatan 78% dari jumlah 5,170 perjawatan yang diluluskan. Sebanyak 14 radar, sembilan di semenanjung, tiga di Sabah dan dua mudah alih, 88 buah kapal, 163 buah bot, dua kapal terbang *bombardier*, enam pesawat helikopter untuk mengawasi pesisir pantai sepanjang 4,492 kilometer dan perairan pelantar benua seluas 476,761.87 kilometer persegi.

Zon larangan yang diwujudkan di bawah akta kementerian, jabatan dan agensi masing-masing seperti Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Jabatan Laut, Jabatan Perikanan, Jabatan Kastam, kawasan panas dan sasaran penting sememangnya dipantau secara berterusan selama 24 jam dengan keupayaan aset-aset dimiliki oleh APMM.

Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit. Tuan Yang di-Pertua, yang saya maksudkan ialah terdapat pencerobohan daripada bot pukat tunda dan sebagainya dan juga terdapat kadang-kadang orang Siam datang Langkawi, orang Siam dari Thailand menceroboh Langkawi. Itu yang saya maksudkan dan saya harap perkara ini dapat ditingkatkan supaya tidak berlaku pencerobohan dari segi nelayan dan juga orang-orang yang tertentu dan janganlah jadikan Langkawi sebagai tempat transit *point for smuggling*. Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih Yang Berhormat Langkawi. Saya pernah bersama tiga kali dengan APMM di kawasan perairan Langkawi dan saya memahami apa

yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Langkawi itu dan kita sentiasa mengambil perhatian terhadap pencerobohan nelayan-nelayan asing khususnya dari Thailand dan sebenarnya banyak penangkapan yang telah kita lakukan dan kita akan terus memantau dan menangkap mereka-mereka yang melanggar akta terutama di kawasan Yang Berhormat. Terima kasih.

Yang Berhormat Tanjong Piai mencadangkan peruntukan APMM ditambah agar aktiviti penguatkuasaan dapat dijalankan. Peruntukan dan perbelanjaan mengurus serta peruntukan dan perbelanjaan pembangunan APMM bagi tahun 2010 sehingga 2012 adalah seperti berikut:

Tahun	Mengurus		Pembangunan	
	Peruntukan (RM juta)	Perbelanjaan (RM juta)	Peruntukan (RM juta)	Perbelanjaan (RM juta)
2010	305.5	304.6	379.8	292.6
2011	355.8	354.3	316.5	316.5
2012 (Setakat 30 September)	381.9	260.1	285.4	249.5

APMM sememangnya teramat memerlukan peruntukan tambahan bagi memastikan pengoperasian kapal, bot dan pesawat dapat dilaksanakan seoptimumnya apatah lagi dengan pertambahan anggota serta kapal dan bot yang diperolehi baru-baru ini memerlukan prasarana dan selenggaraan yang tinggi. Pelan Strategik Maritim Malaysia 2040 meliputi pembinaan pangkalan udara di Sabah, pos-pos hadapan di pulau-pulau strategik, peningkatan sistem SWASLA, perolehan kapal ronda laut dalam *New Generation Patrol Vessel* (NGPV) untuk meronda di perairan laut dalam dan pesawat udara tambahan.

Yang Berhormat Tanjong Piai turut mencadangkan agar peralatan menghalang pertumpahan minyak diberikan kepada APMM untuk mengawal pencemaran minyak di laut. Agensi utama yang dipertanggungjawabkan mengatasi pertumpahan minyak adalah Jabatan Laut Malaysia di bawah Kementerian Pengangkutan manakala pencemaran pula adalah Jabatan Alam Sekitar. APMM selaku agensi sokongan dalam pelan strategik maritim berhasrat akan dilengkapi dengan peralatan pertumpahan minyak menggunakan *dispersants* dan mengawal minyak menggunakan kaedah *booms* dengan izin. Manakala pesawat udara *bombardier* dipasang dengan sistem *Side Looking Airborne Radar* (SLAR) yang berupaya mengesan tumpahan minyak. Penambahbaikan SOP kepada Rancangan Kontingensi Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak akan dikaji dari semasa ke semasa. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya ingin menjemput Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

9.18 mlm.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Heng Seai Kie]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Hulu Selangor, Yang Berhormat Bukit Mertajam, Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Batang Sadong, Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Sibuti, Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Beaufort, Yang Berhormat Dungun, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Pandan, Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Ampang, Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Simpang Renggam, Yang Berhormat Serdang, Yang Berhormat Tenggara, Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Kuantan, Yang Berhormat Segambut, Yang Berhormat Kanowit, Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Mas Gading, Yang Berhormat Kota Raja dan Yang Berhormat Bakri yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semasa perbahasan Bajet 2013.

Pihak kementerian amat menghargai serta mengambil perhatian serius terhadap semua pandangan, saranan, cadangan, serta teguran membina daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, jawatan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang kini disandang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mendapat perhatian beberapa Ahli Yang Berhormat. Sebagai makluman, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyandang jawatan Menteri tersebut buat sementara waktu sahaja. Pelantikan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang baru akan dilakukan apabila tiba masa yang sesuai.

Suka saya nyatakan bahawa bidang tugas Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tidak tertumpu pada aspek pembangunan wanita semata-mata.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Penjelasan sedikit.

Datuk Heng Seai Kie: Silakan.

■2120

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Ya, memang saya faham berkali-kali disebutkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa jawatan Menteri Wanita akan dipegang sementara oleh Yang Berhormat Pekan tetapi apa yang lebih penting di sini Timbalan Menteri, Timbalan Menteri seorang wanita, penglibatan wanita dalam bidang politik dalam negara kita, dalam *Gender World Economy Forum*, *gender global index* akan jatuh pada 2012 daripada 115 ke tangga mungkin jatuh daripada Yaman yang terakhir iaitu 135. Ini yang kita takut, ini yang mengecewakan kita kerana wanita ada tetapi tak jadi Menteri Wanita maka pembudayaan politik dalam *World Economic Forum*, pembudayaan politik wanita, penguasaan politik di Malaysia akan menjunam turun ke angka yang terakhir.

Ini amat memalukan wanita Malaysia. Ini yang kita pertikaikan. Bukan masalah dia lelaki dan lelaki boleh pegang jawatan tetapi penglibatan wanita itu. Kenapa tidak diperjuangkan?

Sedangkan banyak yang layak di sini, yang berdiri itu Yang Berhormat Ledang pun boleh *take over, no problem, insya-Allah*. So, cuma kerja-kerja itu penting. Kalau kita katakan wanita Malaysia hendak pergi ke negara maju, ini adalah satu di antaranya memartabatkan wanita, meningkatkan penglibatan wanita. Jadi kalau inilah caranya, tidak akan maju kerana negara ini akan maju seiring. Wanita itu maju maka negara juga akan maju. Kalau inilah pendekatan yang diambil Kerajaan Barisan Nasional, wanita tidak akan ke mana di bawah Kerajaan Barisan Nasional. Jadi minta Menteri menjelaskan bagaimana nak menyelamatkan keadaan bahawa kedudukan kita dalam memartabatkan politik wanita tidak akan menjunam turun jauh daripada Yaman di kedudukan 135.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Isu yang sama, isu yang sama. Yang dibangkitkan oleh rakan-rakan Ahli Parlimen ialah soal beban tugas yang ditanggung oleh seorang yang bertaraf Perdana Menteri. Mungkin jawapan yang dibagi oleh menteri soal *prestige*, kehebatan, inilah Perdana Menteri. Bukan soal itu, kita setuju Kementerian Wanita ini *prestige* dia memang tinggi tetapi tak mampu ditanggung oleh seorang yang bertaraf Perdana Menteri, memegang jawatan Menteri Kewangan, memegang jawatan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan memegang jawatan Menteri Wanita. Itu beban tugas. Yang kita sebutkan ini soal tanggungjawab yang menyebabkan kementerian ini tidak boleh berjalan mengikut seperti mana yang telah dirancangkan. Itu maksudnya. Terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Sekali gus, sekali gus, boleh? Begini, Yang Berhormat Timbalan Menteri, mungkin Yang Berhormat telah sebut jangan sebut Kementerian Wanita, sebut Kementerian Wanita, Pembangunan Keluarga dan Masyarakat. Keduanya, saya nak tanya Yang Berhormat, rakan-rakan semua setuju. Saya nampak kalau dikaitkan dengan indeks yang menurun tadi, saya rasa lebih kepada wanita menjadi bahan dagangan kerana menjadi cagaran kepada orang...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Mencilah. Itu silap itu Yang Berhormat Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: ...Kalau mereka lompat parti. Makna sekarang ini wanita menjadi bahan cagaran.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: *Misleading, statement itu misleading.*

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: ...Itu yang menyebabkan taraf wanita turun. Mereka yang menyebabkan turun, bukan kita.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: *No, no, misleading. That statement is misleading. It's not about pemerdagangan wanita, please Timbalan Menteri Wanita tolong jelaskan kepada Yang Berhormat Ledang, Global Gender Index is not talking about pemerdagangan wanita, is about pembudayaan politik, penglibatan wanita dalam politik dalam negara ini. So Yang Berhormat Ledang kalau tak faham, Yang Berhormat Ledang baca dulu, belajar dulu then boleh take over nanti.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Saya berharap semua faham juga dengan peraturan Dewan, Yang Berhormat.

Sila Yang Berhormat Menteri. Jangan bagi peluang semua Yang Berhormat, kalau tak, tak boleh bercakap. Berapa lama dah, Yang Berhormat tak bercakap pun.

Datuk Heng Seai Kie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat. Yang Berhormat Rantau Panjang, sememangnya dalam usaha memperkasakan wanita itu tidak akan terhad kepada gender bagi menteri yang memegang jawatannya dan ini bolehlah kita lihat daripada segala usaha dan pembaharuan yang telah dibuat di kementerian ini khususnya dalam Bajet 2013 yang baru-baru sahaja diperbahaskan, di mana kita menampakkan pelbagai pembaharuan atau penambahbaikan dalam dasar untuk memperkasakan status wanita.

Saya juga amat setuju dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi bahawa sebenarnya bagi pendapat saya, adalah lebih memalukan jika di negara ini terdapat parti politik di mana seorang *Member of Parliament*, Ahli Parlimen telah pun mengambil keputusan untuk meletakkan jawatan demi untuk semata-mata memberi laluan kepada si suaminya untuk bertanding semula.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Sikit, boleh?

Datuk Heng Seai Kie: Tuan Yang di-Pertua, suka saya nyatakan bahawa bidang tugas Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tidak tertumpu kepada aspek pembangunan wanita semata-mata.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tak apa, kasihan dekat dia. Kalau Yang Berhormat Pekan, tak apalah saya jawablah, ini tak.

Datuk Heng Seai Kie: Ini ialah kerana peranan kementerian terbahagi kepada tiga komponen utama iaitu wanita, keluarga dan masyarakat yang mana terdapat lapan kumpulan sasaran utama keseluruhannya yang memerlukan perhatian khusus. Kumpulan sasaran tersebut meliputi wanita, keluarga, kanak-kanak, orang kurang upaya, warga emas, orang papa, mangsa bencana dan pertubuhan sukarela kebajikan. Berdasarkan penjelasan ini, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat memahami bahawa bidang tugas Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat adalah luas dan merangkumi segala spektrum masyarakat daripada lahir hingga meninggal dunia atau dengan izin, *from cradle to grave...*

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Menteri, menteri. Saya, Kota Raja, Kota Raja.

Datuk Heng Seai Kie: Biar saya habiskan, tiga minit.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Komen mengenai kementerian.

Datuk Heng Seai Kie: *Let me finish this one. Thank you.*

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: *Okay, alright. You owe me.*

Datuk Heng Seai Kie: Okey, terima kasih ya *for your understanding*. Langkah menyandang jawatan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat membolehkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang berjiwa rakyat terlibat secara langsung dalam

menerajui agenda pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat selaras dengan Gagasan 1Malaysia iaitu rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan.

Dalam pada itu, ingin saya maklumkan bahawasanya tidak timbul persoalan mengenai kemampuan dan kewibawaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerajui kementerian ini. Ini ialah kerana sepanjang tempoh tersebut, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berjaya menjalankan peranan dan tanggungjawab beliau sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan penuh iltizam, komitmen dan dedikasi.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, saya membantahlah. Ini saya rasa lebih baik minta Perdana Menteri datang sendiri untuk menjustifikasikan kemampuannya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Mana dia, mana dia?... [*Dewan riuh*]

Datuk Heng Seai Kie: Berkat kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, banyak inisiatif, program dan insentif berhubung kumpulan sasaran kementerian yang berjaya diketengahkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta Perdana Menteri datang.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, mana dia, mana dia?

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Mana dia, mana dia?... [*Ketawa*].

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bukan Timbalan Menteri membela Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, duduk semua Yang Berhormat. Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Mana Menteri Wanita?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Bukit Mertajam, Yang Berhormat Ampang, *please*.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, kita mahu tahu di mana dia.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, kita mahu Perdana Menteri datang menjawab isu-isu Kementerian Pembangunan Wanita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Batu Gajah, duduk Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kita boleh terima. Cuba membela Perdana Menteri yang selama ini gagal menjalankan tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Apa yang lebih penting? *From cradle to grave and the Menteri is not here. Such as important ministry.* Maka itu penting... Mana dia?

Datuk Heng Seai Kie: Yang Berhormat, Yang Berhormat... [*Dewan riuh*]

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Yang Berhormat, sikit penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, bukan caranya macam ini Yang Berhormat. Bukan caranya macam ini Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Penjelasan, penjelasan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Okey, saya tanya dengan baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Peraturan kenalah hormat juga. Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah kita tahu di mana dia Menteri Pembangunan Wanita?

Datuk Heng Seai Kie: Tuan Yang di-Pertua.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, kita boleh jadualkan semula Kementerian ini.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Penjelasan, penjelasan!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, di mana dia?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadualkan semula. Minta Perdana Menteri datang jawab, datang dengar.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Penjelasan, penjelasan. Saya minta penjelasan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, di mana dia Yang Berhormat Pekan?

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Penjelasan, penjelasan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Timbalan Menteri terpaksa membela Perdana Menteri sedangkan Perdana Menteri gagal menjalankan tanggungjawab di bawah Kementerian ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri, duduk Yang Berhormat.

Datuk Heng Seai Kie: Okey.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Boleh minta penjelasan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, kami Ahli-ahli wanita mahu Perdana Menteri datang. Kita boleh jadualkan semula.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Penjelasan, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10, hari Selasa, 16 Oktober 2012.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.30 malam]